

**KETERIKATAN TEMPAT  
PADA PROMENAD TEBING SUNGAI  
DI MALAYSIA**

**BAMBANG KARSONO**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2013**

**KETERIKATAN TEMPAT  
PADA PROMENAD TEBING SUNGAI  
DI MALAYSIA**

**oleh**

**BAMBANG KARSONO**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mei 2013**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, puji syukur kepada Allah SWT, kerana atas ridho-Nya jua penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya menyadari bahwa tesis ini tidak dapat wujud tanpa bimbingan, sokongan pelbagai pihak yang telah berkongsi pemikiran, waktu dan tenaga. Sumbangan pihak-pihak yang telah membantu kesempurnaan tesis ini tidak dapat penulis balaskan. Hanya dengan sekalung terima kasih saya ucapkan kepada:

- Penyelia utama: Prof. DR. Julaihi Wahid, terima kasih kerana telah berkongsi ilmu pengetahuan dan memberi bimbingan, khusus kepada penyelidikan bidang reka bentuk bandar.
- Dekan dan kaki tangan Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan Universiti Sains Malaysia.
- Dekan dan kaki tangan Fakultas Teknik Universitas Malikussaleh serta Komisi Beasiswa Aceh (KBA).
- Istri dan anak-anak tersayang : Fitri Nurbayani, Fadil Muhtadi, Ihsan Muhtadi dan Nabilah Tri Amalia, terima kasih kerana kesetiaan, ketabahan, kesabaran dan sentiasa memberi sokongan.
- Ayahanda Masido (Allahyarham) dan Ibunda Suwarni SW (Allahyarham), pencapaian ini adalah kerana dasar didikan dan bimbingan yang tak jemu-jemu kalian ajarkan.
- Ahli keluarga: Bapa mertua Muchtar Maridin, Ibu mertua Nurbaheram (Allahyarham), Abang Zulkarnaen, Kakak Dina Maizana, Mas Siswanto, Mbak Suwarti Ningsih, Mas Pujo Warsono, Diah Sri Rejeki, Rini Suharyati,

Abang M. Syahrir, Kakak Arnita Dewi terima kasih atas sokongan dan bantuan finansial.

- Para sahabat : DR. Bhakti Alamsyah, Arnawan Hasibuan, Widyana Verawaty Siregar, Husna Syadili, Salwin Siregar, Deni Nasution, Herpandi, ‘Aan’ Achmad Delianur, Ina Hasibuan, Rina, Pales, Julyanto, Irma Juni, Azhari Sofyan, Shindi Indira, Riyandi Hanafiah, Decky Irwanto, Bobby Danu Priatna, Ika Asti Wulandari.

Akhir kata, semoga kajian ini dapat bermanfaat kepada dunia akademik, pemerintahan, praktisi, atau siapa jua yang membacanya untuk mempertingkatkan perbincangan dibidang reka bentuk bandar. Saya sedar bahawa kajian ini masih terdapat kekurangan, oleh itu segala kitik, saran dan perbincangan akan diterima dengan tangan terbuka. Kerjasama tuan, puan sangat dihargai dan sekali lagi terima kasih.

Bambang Karsono  
Universiti Sains Malaysia  
April 2013

## **ISI KANDUNGAN**

PENGHARGAAN .....	ii
ISI KANDUNGAN .....	iv
SENARAI JADUAL .....	x
SENARAI RAJAH .....	xiv
SENARAI ISTILAH .....	xvi
ABSTRAK .....	xviii
ABSTRACT .....	xix

### **BAB 1**

#### **PENDAHULUAN**

1.0 Pendahuluan .....	1
1.1 Kenyataan masalah .....	3
1.1.1 Fenomena global : mengembalikan aktiviti ke tebing air .....	3
1.1.2 Pengaruh globalisasi dan piawaian kepada makna tempat tempatan.....	9
1.2 Lowongan penyelidikan .....	12
1.3 Matlamat dan objektif kajian .....	16
1.4 Kawasan kajian .....	17
1.5 Pendekatan penyelidikan .....	18
1.6 Kaedah penyelidikan .....	19
1.7 Skop dan andaian penyelidikan .....	20
1.9 Sumbangan kajian .....	23
1.10 Struktur tesis .....	24

### **BAB 2**

#### **SOROTAN LITERATUR**

2.0. Pendahuluan .....	26
2.1. Konsep suatu tempat .....	26
2.1.1. Jenis dan ukuran suatu tempat .....	30
2.1.2. Ruang, tempat dan bukan-tempat .....	30

2.2. Makna tempat dan pengalaman persekitaran.....	32
2.3. Keterikatan tempat.....	34
2.3.1. Identiti tempat .....	37
2.3.2. Pergantungan kepada tempat .....	40
2.4. Pengukuran keterikatan tempat.....	41
2.4.1. Hubungan keterikatan tempat dengan jenis dan ukuran suatu latar.....	45
2.5. Faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat.....	47
2.5.1. Pengaruh tempoh penggunaan dan keakraban ( <i>familiarity</i> ) .....	48
2.5.2. Pengaruh ciri-ciri demografi .....	50
2.5.3. Pengaruh peranan pengguna .....	50
2.5.4. Pengaruh budaya.....	51
2.6. Perbezaan ciri-ciri tempat .....	52
2.6.1. Perasaan sepunya dan semangat tempat .....	53
2.6.2. Ciri dan atribut tempat .....	54
2.6.3. Atribut yang melekat kepada aktiviti .....	58
2.6.4. Atribut yang melekat kepada imej .....	61
2.6.5. Atribut yang melekat kepada bentuk fizikal .....	63
2.7. Pengenalan ciri-ciri tempat .....	65
2.7.1. Pendekatan dan cara pengenalan .....	66
2.8 Kesimpulan .....	67

### BAB 3

#### PROMENAD TEBING SUNGAI DI MALAYSIA

3.0 Pendahuluan.....	70
3.1 Perkembangan tebing sungai di Malaysia.....	71
3.1.1 Evolusi pembangunan tebing sungai di Malaysia.....	73
3.1.2 Ciri tebing sungai/laut pada bandar-bandar di Malaysia .....	78
3.2 Kawasan Kajian Kes .....	81
3.3 Bandaraya Kuching dan Promenad Tebing Sungai Sarawak (P-TSS) .....	85
3.3.1 Sejarah ringkas Bandaraya Kuching .....	85
3.3.2 Morfologi Bandaraya Kuching .....	87
3.3.3 Promenad Tebing Sungai Sarawak (P-TSS) .....	92

3.3.4 Keadaan fizikal .....	96
3.3.5 Pengguna.....	99
3.3.6 Penggunaan ruang dan aktiviti.....	100
3.3 Bandar Melaka dan Promenad Tebing Sungai Melaka (P-TSM) .....	100
3.3.1 Sejarah ringkas Bandaraya Melaka.....	100
3.3.2 Morfologi Bandaraya Melaka .....	102
3.3.3 Promenad Tebing Sungai Melaka (P-TSM) .....	105
3.3.4 Keadaan fizikal P-TSM.....	109
3.3.5 Pengguna.....	110
3.3.6 Penggunaan ruang dan aktiviti.....	110
3.4 Kesimpulan .....	111

## BAB 4

### KAEDAH DAN REKA BENTUK PENYELIDIKAN

4.0 Pendahuluan.....	112
4.1 Pendekatan kaedah penyelidikan .....	112
4.2 Skop penyelidikan.....	114
4.3 Proses penyelidikan .....	115
4.4 Pemilihan kaedah penyelidikan .....	116
4.4.1 Kaedah penyelidikan yang berhubungan dengan keterikatan tempat....	117
4.4.2 Kaedah penyelidikan.....	119
4.5 Daerah kajian kes dan kriteria pemilihan.....	120
4.5 Perencanaan kaji selidik.....	121
4.6 Kriteria pengukuran .....	122
4.7 Teknik kaji selidik dan prosidur pengumpulan data.....	126
4.7.1 Fasa awal : Penyusunan rangka teori .....	127
4.7.2 Fasa pertengahan: Penyiasatan awal.....	127
4.7.3 Fasa akhir: Penyelidikan akhir.....	129
4.8 Reka bentuk kaji selidik akhir.....	130
4.8.1 Soal selidik.....	130
4.8.2 Temubual khusus .....	138
4.8.3 Pengamatan kawasan .....	142

4.8.4 Penilaian ciri-ciri bandar.....	144
4.9 Kesahihan ( <i>reliability</i> ) dan pengesahan ( <i>validity</i> ) penyelidikan .....	145
4.10 Pendekatan teknik analisis data .....	146
4.11 Kesimpulan .....	148

## BAB 5

### FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KETERIKATAN TEMPAT

5.0 Pengantar.....	150
5.1. Profil responden .....	150
5.2 Bentuk keterikatan .....	155
5.2.1 Keterikatan fungsi.....	155
5.2.2 Keterikatan emosi .....	159
5.3 Tahap Keterikatan.....	162
5.3.1 Tahap keterikatan fungsi.....	162
5.3.2 Tahap keterikatan emosi .....	164
5.4 Alasan untuk melakukan keterikatan .....	166
5.4.1. Makna dan pentingnya tempat .....	167
5.4.2 Unsur-unsur tarikan .....	171
5.5 Faktor utama yang mempengaruhi keterikatan tempat.....	172
5.5.1 Pengaruh tempoh penglibatan ( <i>length of engagement</i> ).....	173
5.5.3 Pengaruh budaya dan etnik .....	184
5.5.4 Pengaruh memori dan pengetahuan .....	187
5.5.5 Pengaruh rasa bangga dan rasa memiliki.....	190
5.6 Perubahan tahap keterikatan mengikut peranan responden .....	194
5.6.1 Keterikatan emosi mengikut peranan responden .....	194
5.6.2 Keterikatan fungsi mengikut peranan responden.....	197
5.7 Kesimpulan .....	1998

## BAB 6

### ATRIBUT DAN CIRI-CIRI

### YANG MEMPENGARUHI KETERIKATAN TEMPAT

6.0 Pengenalan .....	202
----------------------	-----

6.1 Atribut dan ciri-ciri tempat yang mempengaruhi keterikatan tempat .....	203
6.1.1 Unsur-unsur fizikal : Aksesibiliti.....	203
6.1.2 Unsur-unsur fizikal: Kefahaman.....	206
6.1.3 Aktiviti: Daya hidup ( <i>vitality</i> ).....	219
6.1.4 Aktiviti: Kepelbagaian dan pilihan .....	225
6.1.5 Aktiviti: Transaksi .....	230
6.1.6 Imej: Kefahaman.....	235
6.1.7 Imej : Keunikan.....	237
6.1.8 Imej : Keselesaan .....	241
6.1.9 Imej: Keamanan dan keselamatan .....	246
6.2 Pelbagai persepsi menurut peranan responden .....	249
6.3 Kesimpulan .....	251

## BAB 7

### PERBINCANGAN

7.0 Pengantar.....	255
7.1 Hasil kajian utama penyelidikan.....	255
7.1.1 Bentuk dan tahap keterikatan.....	256
7.1.2 Makna dikaitkan dengan promenad .....	261
7.1.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keterikatan .....	265
7.1.4 Perubahan tahap keterikatan mengikut peranan responden .....	268
7.1.5 Sifat-sifat dan ciri-ciri amat mempengaruhi keterikatan tempat.....	271
7.2 Kesimpulan .....	280

## BAB 8

### KESIMPULAN

8.0 Pengantar.....	282
8.1 Implikasi kepada perancangan dan reka bentuk bandar .....	282
8.1.1 Pentingnya dimensi keterikatan tempat untuk mempertingkatkan perasaan sepunya .....	283
8.1.2 Pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan untuk mengekalkan identiti suatu tempat .....	284

8.1.3 Pelbagai atribut dan ciri-ciri yang amat penting untuk mengekalkan perasaan sepunya .....	286
8.2 Sumbangan penyelidikan .....	287
8.3 Cadangan untuk kajian masa hadapan .....	290
8.4 Kesimpulan .....	291
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>294</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	
PELAN SUSUN ATUR DAN IMEJ VISUAL P-TSS DAN P-TSM.....	311
<b>LAMPIRAN B</b>	
KENYATAAN, BORANG KAJISELIDIK DAN FORMAT TEMU BUAL.....	322
<b>LAMPIRAN C</b>	
RINGKASAN HASIL KAJIAN.....	331

## SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 2.0 Jenis identiti tempat, diambil dari Relph (1976)	39
Jadual 2.1 Pengukuran perasaan sepunya oleh Shamai (1991)	44
Jadual 2.2 Pendekatan untuk tempat yang berjaya berhubungan dengan atribut dan ciri-ciri	57
Jadual 2.3 Unsur-unsur dan atribut-atribut berasas daripada komponen tempat	57
Jadual 3.0 Projek rintis pembangunan tebing sungai di Malaysia	77
Jadual 4.0 Rasional pemilihan daerah kajian kes	121
Jadual 4.1 Ringkasan persepsi awal tentang P-TSS dan P-TSM berasas pada temubual bebas daripada kajian rintis	123
Jadual 4.2 Pelbagai atribut dan unsur daripada tempat yang sesuai dengan penyelidikan	124
Jadual 4.3 Angkubah yang menjelaskan komponen-komponen keterikatan tempat	125
Jadual 4.4 Syarat ukuran sampel untuk variasi sampling pada 95% peringkat confidence	135
Jadual 4.5 Jadual sistematik untuk kaji selidik kawasan	135
Jadual 4.6 Rasional komposisi responden	140
Jadual 5.0 Umur responden	151
Jadual 5.1 Gender responden	151
Jadual 5.2 Status kahwin	152
Jadual 5.3 Sebaran etnik	152
Jadual 5.4 Peringkat pendidikan	153
Jadual 5.5 Pendapatan bulanan	153
Jadual 5.6 Pekerjaan	153
Jadual 5.7 Tempat tinggal	153
Jadual 5.8 Indikator keterikatan fungsi (hasil dari temu bual khusus)	157

Jadual 5.9	Indikator keterikatan emosi (diperolehi dari temubual khusus)	161
Jadual 5.10	Tahap keterikatan fungsi kepada P-TSS dan P-TSM berasas kepada nilai purata	163
Jadual 5.11	Tahap keterikatan emosi kepada P-TSS and P-TSM berasas kepada nilai purata	165
Jadual 5.12	Makna terkait dengan P-TSS and P-TSM berasas pada nilai purata	167
Jadual 5.13	Tujuan penglibatan kepada tempat (N=330)	170
Jadual 5.14	Tujuan utama penglibatan kepada tempat (N=330)	171
Jadual 5.15	Tempoh penglibatan pengguna statik (N=165)	173
Jadual 5.16	Kekerapan penglibatan (N=330)	175
Jadual 5.17	Tempoh lawatan/penglibatan (N=330)	176
Jadual 5.18	Terakhir melawat (N=165)	176
Jadual 5.19	Adakah anda melawat tempat ini setiap kali anda berada di Kuching atau Melaka? (N=165)	176
Jadual 5.20	Tahap keterikatan emosi mengikut tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM	178
Jadual 5.21	Tahap keterikatan fungsi mengikut lamanya tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM	180
Jadual 5.22	Tahap keakraban kepada tempat (N=330)	181
Jadual 5.23	Hubungan antara keakraban dan keterikatan emosi	182
Jadual 5.24	Tempat yang dikenali akrab di P-TSS and P-TSM	183
Jadual 5.25	Tahap keterikatan kepada P-TSS and P-TSM mengikut etnik	186
Jadual 5.26	Deskripsi kata kunci daripada P-TSS and P-TSM	189
Jadual 5.27	Tahap rasa bangga dan rasa memiliki kepada P-TSS and P-TSM berasas pada nilai putara	190
Jadual 5.28	Tahap keterikatan emosi mengikut peranan responden di P-TSS and P-TSM	195
Jadual 5.29	Tahap keterikatan fungsi mengikut peranan responden di P-TSS and P-TSM	198

Jadual 5.30	Tahap keterikatan mengikut peranan responden dan jenis keterikatan untuk P-TSS dan P-TSM	198
Jadual 6.0	Penilaian ciri bandar: Aksesibiliti	205
Jadual 6.1	Hubungan diantara aksesibiliti dan keterikatan fungsi (P-TSS and P-TSM)	206
Jadual 6.2	Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	209
Jadual 6.3	Penilaian ciri-ciri bandar: Kefahaman (P-TSS dan P-TSM)	212
Jadual 6.4	Penilaian ciri-ciri bandar: Kefahaman (P-TSS dan P-TSM)	215
Jadual 6.5	Hubungan antara kefahaman daripada P-TSS dan P-TSM dan keterikatan fungsi	217
Jadual 6.6	Penilaian ciri-ciri bandar: Nod, mercutanda dan penanda tempat (P-TSS dan P-TSM)	218
Jadual 6.7	Ciri-ciri dihubungkan dengan daya hidup pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	220
Jadual 6.8	Hubungan antara daya hidup daripada P-TSS dan P-TSM dan keterikatan fungsi	223
Jadual 6.9	Penilaian ciri bandar: Daya hidup (P-TSS and P-TSM)	225
Jadual 6.10	Ciri-ciri dihubungkan dengan kepelbagaian and pilihan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	226
Jadual 6.11	Hubungan antara kepelbagaian daripada P-TSS and P-TSM dan keterikatan fungsi	227
Jadual 6.12	Penilaian ciri bandar: Kepelbagaian (P-TSS and P-TSM)	229
Jadual 6.13	Ciri-ciri dihubungkan dengan transaksi pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	231
Jadual 6.14	Hubungan antara transaksi dengan keterikatan fungsi pada P-TSS and P-TSM	233
Jadual 6.15	Penilaian ciri bandar: Transaksi (P-TSS and P-TSM)	235
Jadual 6.16	Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman (imej) pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	236
Jadual 6.17	Ciri-ciri dihubungkan dengan keunikan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	237

Jadual 6.18	Hubungan antara keunikan dan keterikatan emosi pada P-TSS dan P-TSM	240
Jadual 6.19	Penilaian ciri bandar: Keunikan (P-TSS and P-TSM)	240
Jadual 6.20	Ciri-ciri dihubungkan dengan keselesaan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	242
Jadual 6.21	Penilaian ciri bandar: Keselesaan (P-TSS and P-TSM)	245
Jadual 6.22	Ciri-ciri dihubungkan dengan keamanan dan keselamatan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata	246
Jadual 6.23	Unsur-unsur tempat yang dikenal pasti P-TSS dan P-TSM berdasar kepada peranan responden	249
Jadual 6.24	Ringkasan persepsi responden mengenai atribut-atribut di P-TSS dan P-TSS	252

## **SENARAI RAJAH**

	Muka surat
Rajah 1.0	Ringkasan struktur penulisan thesis
Rajah 2.0	25
Rajah 2.0	Unsur-unsur suatu tempat
Rajah 2.1	29
Rajah 2.1	Hubungan keterikatan tempat dengan persekitaran bandar
Rajah 2.2	46
Rajah 2.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat
Rajah 2.3	48
Rajah 2.3	Rantaian aktiviti dalam bandar
Rajah 2.4	60
Rajah 2.4	Rangka kerja konseptual kajian
Rajah 2.5	68
Rajah 2.5	Hubungan antara komponen tempat dan angkubah
Rajah 3.0	69
Rajah 3.0	Kawasan kajian kes
Rajah 3.1	82
Rajah 3.1	Evolusi Bandaraya Kuching
Rajah 3.2	91
Rajah 3.2	P-TSS dan fungsi persekitaraannya
Rajah 3.3	93
Rajah 3.3	Evolusi pusat Bandar Melaka
Rajah 3.4	104
Rajah 3.4	Fasa pemuliharaan dan pengindahan Sungai Melaka
Rajah 4.0	107
Rajah 4.0	Rekabentuk penyelidikan kajian
Rajah 4.1	116
Rajah 4.1	Prosidur pengumpulan data penyelidikan
Rajah 5.0	126
Rajah 5.0	Tahap keterikatan fungsi kepada P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada peratusan persetujuan responden (N=330).
Rajah 5.1	164
Rajah 5.1	Tahap keterikatan emosi kepada P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada peratusan persetujuan responden (N=330).
Rajah 5.2	166
Rajah 5.2	Makna terkait dengan P-TSS and P-TSM berdasas pada peratusan persetujuan responden (N=330).
Rajah 5.3	168
Rajah 5.3	Unsur-unsur utama tarikan di P-TSS and P-TSM
Rajah 5.4	172
Rajah 5.4	Tahap keterikatan emosi mengikut lamanya Tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM.
Rajah 5.5	177
Rajah 5.5	Tahap keterikatan fungsi mengikut lamanya Tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM
Rajah 5.6	179
Rajah 5.6	Tahap rasa bangga dan memiliki di P-TSS dan P-TSM berdasas kepada peratusan persetujuan responden (N = 330)
	191

Rajah 5.7	Tahap keterikatan emosi menurut peranan responden dalam P-TSS dan P-TSM	196
Rajah 6.0	Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman pada P-TSS dan P-TSM	209
Rajah 6.1	Ciri-ciri dihubungkan dengan daya hidup pada P-TSS dan P-TSM	220
Rajah 6.2	Ciri-ciri dihubungkan dengan kepelbagaian dan pilihan daripada P-TSS dan P-TSM berdasar kepada nilai purata	227
Rajah 6.3	Ciri-ciri dihubungkan dengan <i>transaksi</i> pada P-TSS dan P-TSM	231
Rajah 6.4	Ciri-ciri dihubungkan dengan keselesaan pada P-TSS dan P-TSM	244
Rajah 6.5	Pelbagai persepsi mengenai atribut daripada P-TSS and P-TSM mengikut peranan responden	250
Rajah 6.6	Atribut-atribut yang kuat berhubungan dengan P-TSS and P-TSM	253
Rajah 8.0	Rangka kerja menjelaskan suatu tempat sebagai dimensi experiential	292

## SENARAI ISTILAH

aksesibiliti	: <i>accessibility</i>
andaian	: <i>assumption</i>
angkubah	: <i>variable</i>
angkubah bebas	: <i>independent variable</i>
angkubah tetap	: <i>dependent variable</i>
atribut	: <i>attribute</i>
bergerak	: <i>mobile</i>
bersandar	: <i>reliability</i>
bukan tempat	: <i>placelessness</i>
ciri	: <i>character</i>
ciri-ciri	: <i>characteristic</i>
daya hidup	: <i>vitality</i>
daya huni	: <i>livability</i>
eksistensial	: <i>existential</i>
fabrik bandar	: <i>urban fabric</i>
identiti tempat	: <i>place identity</i>
imej	: <i>image</i>
intensiti	: <i>intensity</i>
kaedah	: <i>methodology</i>
kaji selidik	: <i>survey</i>
kajian rintis	: <i>pilot survey</i>
keakraban	: <i>familiarity</i>
kefahaman	: <i>legibility</i>
kemeriahian	: <i>liveliness</i>
kenyataan masalah	: <i>problem statement</i>
kepelbagaian	: <i>diversity</i>
keramahtamahan	: <i>sociability</i>
kesahihan	: <i>validity</i>
kesambungan	: <i>connectivity</i>
keselesaan	: <i>comfort</i>
keterikatan tempat	: <i>place attachment</i>
ketelusan	: <i>permeability</i>
ketidakselarasan	: <i>incoherent</i>
keunikan	: <i>distinctiveness</i>
latar	: <i>setting</i>
makna tempat	: <i>place meaning</i>
menggembirakan	: <i>enjoyable</i>
menghabiskan masa	: <i>spent time</i>

menunjuk arah	: <i>sense of direction</i>
mercu tanda	: <i>landmark</i>
pemangkin	: <i>catalyst</i>
penerokaan	: <i>exploratory</i>
pengalaman persekitaran	: <i>environmental experience</i>
pengamatan	: <i>observation</i>
penggubalan	: <i>formulation</i>
englibatan kepada tempat	: <i>place engagement</i>
penilaian ciri bandar	: <i>urban character appraisal</i>
pentingnya tempat	: <i>place significance</i>
perasaan sepunya	: <i>sense of place</i>
pergantungan tempat	: <i>place dependence</i>
piawaian	: <i>standardization</i>
pilihan	: <i>choice</i>
promenad	: <i>promenade</i>
rasa keakraban	: <i>sense of familiarity</i>
rasa memiliki	: <i>sense of belonging</i>
reka bentuk	: <i>design</i>
reka bentuk bandar	: <i>urban design</i>
riadah	: <i>leasuring</i>
ruang	: <i>space</i>
ruang terbuka awam	: <i>public open space</i>
semangat tempat	: <i>spirit of place</i>
skap jalan	: <i>streetscape</i>
skap-bandar	: <i>cityscape</i>
soal selidik	: <i>questionnaire</i>
statik	: <i>static</i>
susun atur	: <i>layout</i>
tahap keterikatan	: <i>degree of attachment</i>
tarikan	: <i>attraction</i>
tebing air	: <i>waterfront</i>
tebing sungai	: <i>riverfront</i>
telus	: <i>permeable</i>
tempat	: <i>place</i>
tempoh englibatan	: <i>length of engagement</i>
tindak balas	: <i>responsive</i>
transaksi	: <i>transaction</i>

## **KETERIKATAN TEMPAT PADA PROMENAD TEBING SUNGAI DI MALAYSIA**

### **ABSTRAK**

Bandar-bandar di Malaysia tidak terlepas dari sejarah kewujudan yang bermula di tebing-tebing sungai. Rekabentuk tebing sungai selalu berubah mengikut zaman disebabkan tahap urbanisasi dan kemajuan teknologi. Akibatnya persekitaran fizikal tebing sungai secara langsung akan mempengaruhi identiti tempat. Unsur hubungan fungsi dan emosi (afektif) antara manusia dengan tempat akan mewujudkan makna tempat, proses ini dikenali sebagai keterikatan tempat (*place attachment*). Akibat dari perubahan fizikal yang tidak tepat, maka makna tempat akan berubah dan keterikatan tempat secara perlahan akan berkurangan. Dalam rekabentuk bandar, beberapa perbincangan umum memfokus kepada kepentingan unsur-unsur fizikal dan aktiviti dalam membina identiti dan suasana sesebuah tempat, namun kajian kesesuaian tempat kepada ruang terbuka awam kurang mendapat perhatian. Mengambil kira isu ini maka kajian ini memfokus untuk menyemak keterikatan tempat dan faktor-faktor yang mempengaruhi dalam konteks ruang terbuka (promenad) tebing sungai: iaitu tempat awam yang sering ditemui di bandar-bandar di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan campuran kualitatif dan kuantitatif, penyelidikan ini merangkumi dua bidang utama iaitu rekabentuk bandar dan psikologi persekitaran. Satu rangka kerja untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi tahap dan bentuk keterikatan pengguna terhadap tempat diketengahkan. Kaji selidik dan temubual secara langsung telah dijalankan terhadap pengguna dari dua tempat terpilih iaitu: Promenad Tebing Sungai Sarawak (P-TSS) di Bandaraya Kuching dan Promenad Tebing Sungai Melaka (P-TSM) di Bandaraya Melaka Bersejarah. Secara keseluruhan, seramai 330 orang responden terlibat dalam soal selidik dan 36 orang terlibat dalam sesi temubual di lokasi tersebut. Pengamatan kawasan dijalankan untuk memperolehi ciri fizikal dan visual, selari dengan itu, penilaian ciri-ciri bandar di jalankan untuk mengetahui kemampuan tempat itu menyokong aktiviti pengguna. Pengolahan dan analisis data dilakukan dengan kaedah triangulasi dan pertemuan data-data itu adalah hasil penyelidikan yang diolah berdasar kepada tujuan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa keterikatan tempat mempengaruhi persepsi pengguna terhadap promenad tebing sungai. Selain dikenali dari kualiti fizikal, tempat itu turut dikenali melalui keterikatan dan maknanya kepada pengguna. Hasil dari kajian menunjukkan beberapa faktor yang mempengaruhi bentuk dan tahap keterikatan, iaitu: keakraban pengguna kepada tempat, tempoh penglibatan, pergantungan kepada tempat, latar belakang pengguna dan peranan pengguna. Kajian ini memberi sumbangan kepada hubungan manusia dengan tempat serta mempunyai implikasi penting kepada pereka bentuk bandar, arkitek dan arkitek lanskap dalam menghasilkan tempat yang baik. Tempat yang baik dapat mempertingkatkan sosio-ekonomi serta memberi imej yang menjadi kebanggaan penduduk setempat.

## **PLACE ATTACHMENT OF THE RIVERFRONT PROMENADE IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

Most cities in Malaysia begin their historical existence on the banks of the river. The designs of riverfront are always changing due to the level of urbanization and technological advances. As a result, the physical environment of riverfront directly affects the identity of place. Relationship of functional and emotional elements (affectively) between people and place creates a meaning; this process is known as place attachment. Because of inappropriate physical changes, the meaning of place will decline and place attachment gradually reduced. In urban design, some general discussion focused on the importance of physical elements and activities to develop identity and atmosphere of place, however, study on place attachment in the public open space is usually received with less attention. Considering this issue, the study focuses to examine the place attachment and its influencing factors in the context of riverfront promenade, a public space that is common found in Malaysia. By using a mixed method approach (qualitative and quantitative), this research covers two main areas namely urban design and environmental psychology. A framework is constructed for understanding the factors that influence the level of user's attachment to the place. Survey and interview were conducted in two selected places, i.e.: Sarawak Riverfront Promenade (P-TSS) in Kuching and Malacca Riverfront Promenade (P-TSM) in Malacca. A total of 330 respondents were involved in the questionnaire and 36 people participated in the interview. Observations have been carried out to obtain the physical and visual characters parallel with the urban character assessment in order to discover the level of place support users' activities. Data processing and analysis were conducted by triangulation method and results of the data gathering as a research findings were processed based on the objective of the study. The findings indicated that the place attachment affects consumers' perceptions of the riverfront promenade. Beside its physical quality, the place is also known through the attachment and through the meaning of the users. Results from the study indicated that several factors influence the form and level of user's attachment, which focused on the: familiarity to the place, a length of engagement, place dependency, background of the users and users' role. This study contributes to the human relationship with the place and has important implications for urban designers, architects and landscape architects in creating a good place. A good place may enhance the socio-economic as well as image creation that becomes the pride of the locals.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Sesuatu tempat tidak akan dapat difahami tanpa mengambilkira tiga komponen tempat tersebut yang berkaitan dengan ciri atau bentuk fizikal, aktiviti dan fungsi serta makna atau simbol (Relph, 1976). Ini menjelaskan bahawa suatu tempat terdiri daripada bentuk fizikal, aktiviti dan makna. Canter (1977) mempunyai pendapat yang hampir sama bahawa sebuah tempat merupakan gabungan tiga aspek yang terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang ada didalamnya, konsep tempat dan persekitaran fizikal. Merujuk kepada perkara ini, penyelidikan yang dibentangkan di dalam kajian ini bertujuan untuk mengetahui keterikatan tempat yang wujud di promenad tebing sungai di dalam bandar yang merupakan satu skap-bandar yang popular di Malaysia. Keterikatan dalam kajian ini bermakna hubungan keberkesanan fizikal dengan fungsi atau hubungan antara pengguna dengan suatu tempat yang khusus, melalui proses ini makna sesuatu tempat boleh dibangunkan. Promenad tebing sungai yang akan dikajikan adalah tebing Sungai Sarawak; suatu ruang terbuka disepanjang koridor Sungai Sarawak di Bandar Kuching, Sarawak dan sepanjang tebing Sungai Melaka dikenali sebagai promenad bersejarah yang terletak di Bandar Melaka, Melaka.

Pada asasnya kajian menjurus kepada peranan promenad tebing sungai sebagai tempat awam yang menjadi salah satu unsur bandar. Kajian ini dilakukan dengan

cara mengenalpasti bentuk dan perhubungan yang menyumbang kepada pembentukan imej tempat yang membawa kepada imej bandar. Selain itu kajian ini adalah untuk mengenalpasti makna dan kepentingan tempat kepada pengguna, faktor-faktor dan atribut serta ciri-ciri kuat yang mempengaruhi keterikatan tempat. Kajian ini adalah penting untuk membuat kawasan bandar tempatan lebih dikenal pasti sebagai tempat yang mempunyai ciri dan bermakna kepada pengguna.

Ruang terbuka di kawasan bandar dan hubungan antara manusia dan alam sekitar ini telah wujud semenjak tahun 1900-an (Jellicoe & Jellicoe, 1975). Beberapa penyelidik dalam bidang ini cuba hendak menjelaskan beberapa aspek hubungan manusia dengan persekitaran atau kajian manusia dengan tempat. Low dan Altman (1992) menyenaraikan pelbagai kajian dengan pelbagai aspek kognitif (*cognitive*), afektif dan kognatif (*conative*). Keterikatan tempat (Altman & Low, 1992), identiti tempat (Proshansky, Fabian, & Kaminoff, 1983), asal usul tempat (Tuan, 1977), pergantungan tempat (Stokols & Shumaker, 1981) adalah gagasan yang sering dibangkitkan dalam literatur psikologi persekitaran. Berdasarkan kepada kajian manusia dan hubungan mereka dengan persekitaran bandar, Low dan Altman (1992) dalam kajian kepada persekitaran dan tingkah laku mengenal pasti bahawa bentuk bandar dan kehidupan dalam fabrik bandar membentuk rasa keterikatan yang menjelaskan kesejahteraan, kualiti hidup dan rezeki kehidupan.

Hubungan kuat yang wujud antara emosi kegembiraan (afektif) dan fungsi atau hubungan antara manusia dengan tempat-tempat tertentu dapat membangunkan makna tempat, proses ini dikenali sebagai keterikatan tempat (*place attachment*).

Penyelidikan ini berpendapat bahawa akibat dari perubahan fizikal yang tidak tepat, maka makna tempat dapat berubah dan keterikatan tempat secara perlahan-lahan akan berkurangan. Penyelidikan mendekati masalah ini dengan menggunakan konsep dan prinsip asas tempat (*place-based*). Konsep dan prinsip ini mementingkan unsur-unsur fizikal dan aktiviti bersama dengan makna yang dimiliki oleh pengguna akan membentuk identiti bandar dan makna tempat. Dalam kerangka ini, kajian memfokus kepada dimensi keterikatan tempat dalam menyemak aspek psikologi tempat dan kaitannya dengan komponen fizikal.

Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk dan tahap ikatan, pentingnya makna tempat untuk para pengguna, faktor-faktor dan atribut tempat serta ciri-ciri tempat yang sangat mempengaruhi ikatan. Penyelidikan ini sangat penting dalam mengenalpasti ciri-ciri lokaliti suatu tempat dalam bandar sebagai ciri tempat (*place character*) dan bermakna bagi pengguna.

### **1.1 Kenyataan masalah**

Kenyataan masalah penyelidikan dibahagikan mengikut perhatian global dan tempatan.

#### **1.1.1 Fenomena global : mengembalikan aktiviti ke tebing air**

Manusia telah tinggal dan menetap berhampiran dengan sumber air untuk mengekalkan kehidupan mereka (Leakey & Lewin, 1979). Tebing air kemudian menjadi alternatif kepada orang ramai untuk memilih gaya hidup mereka antara nomad atau menetap di satu tempat (Mumford, 1961). Segelintir orang berpendapat

bahawa tinggal berhampiran dengan air akan lebih baik (Mumford, 1961; Mann, 1973; Moughtin, 2003) disebabkan sumber rezeki dan keperluan asas seperti air minum dan pengangkutan di dapati disini, sejak awal tamadun bermula dan berkembang di sepanjang tebing air seperti sungai, tasik atau laut. Beberapa petempatan dan bandar-bandar utama zaman dahulu terdapat di sepanjang sungai seperti Sungai Nil, Sungai Tigris, Sungai Euphrates, Sungai Indus dan Sungai Hwang Ho (Benevolo, 1980; Kostof, 1992; Mann, 1973; Morris 1972; Mumford, 1961; Torre, 1989). Pada lewat zaman medieval dan kebangkitan era Renaissance, bandar-bandar di pesisir Eropah muncul dengan pendekatan baru pada kawasan tebing air. Transformasi hubungan bandar dan air diikuti oleh perubahan dalam teologi, intelektual dan ekonomi. Salah satu manifestasi utama dari transformasi adalah penghapusan benteng, dan wujudnya bandar-bandar Eropah dibina berhampiran tebing sungai dan laut (Mann, 1973; Meyer, 1999; Wylson, 1986). Perubahan dalam bentuk bandar juga dipengaruhi oleh perubahan yang dibawa oleh pendekatan fungsi yang didominasi oleh *mercantilism* dan kemudian oleh *capitalism*, pada pelabuhan yang berada di bandar. Mumford (1961) menyebutnya sebagai 'bandar komersial atau perdagangan'.

Pada era revolusi industri, kawasan tebing air banyak berubah menjadi bandar-bandar pelabuhan. Pelabuhan menghubungkan dengan pusat-pusat industri untuk membawa barang keperluan asas dan hasil industri melalui pengangkutan air yang menyumbang kepada penyediaan pekerjaan di dalam kawasan bandar (Hoyle & Pinder, 1981). Di bandar raya pelabuhan, akses orang ramai kepada ruang terbuka bandar telah berkurangan secara mendadak pada awal revolusi industri. Migrasi

penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar-bandar industri untuk mencari pekerjaan meningkat dan menyebabkan pertambahan jumlah penduduk dengan pesatnya di dalam bandar (Hough, 1984).

Pada hujung abad ke-19 peranan pelabuhan mulai berkurangan disebabkan pembinaan laluan kereta api dan pengangkutan udara mulai menggantikan peranan pengangkutan air untuk pengangkutan barang (Tunbridge 1988). Setelah Perang Dunia Kedua sejumlah besar kawasan pelabuhan yang berhampiran dengan pusat bandar-bandar besar di seluruh dunia, seperti London, New York, Boston dan Sydney berubah menjadi aktiviti yang mati. Sebahagian besar dari kawasan ini dibiarkan dan terbengkalai secara bertahap. Ini disebabkan oleh tiga faktor yang saling berhubung-kait, iaitu teknologi baru kontena, kaedah penanganan *roll-on/roll-off* dan fasiliti kargo curah yang memerlukan ruang penyimpanan yang lebih besar (Hoyle & Pinder, 1992).

Teknologi kapal kontena merupakan penemuan teknologi pengangkutan barang yang menggunakan kapal kargo yang lebih besar untuk mengangkut pelbagai jenis barang. Penemuan ini memerlukan dermaga atau jeti dengan sungai atau laut yang lebih dalam dan dengan perhubungan darat yang lebih baik (Cullinane & Khanna 2000; Malone 1996; Mann 1973; McCalla 1999; Meyer 1999). Pemindahan lokasi pelabuhan dari pelabuhan lama ke pelabuhan baru dengan teknologi kontena mulai dilakukan pada beberapa bandar-bandar besar. Teknologi baru kontena ini mengurangkan jumlah pekerja di pelabuhan (Hoyle & Pinder 1992), sehingga

hubungan pelabuhan dan bandar mulai terpisah pada tahap fizikal dan sosio-ekonomi.

Relokasi pelabuhan ini dianggap sebagai punca utama berlakunya kemunduran tebing air dan muncul fenomena regenerasi dan pembangunan semula (*renewal*). Perkara ini bukan bererti bahawa hanya bandar-bandar pelabuhan sahaja yang mengalami fenomena regenerasi namun ia merupakan proses yang berterusan dan dibuktikan di beberapa tempat di mana petempatan dan air saling terbina (Hoyle & Pinder, 1992), oleh itu tebing air menjadi sumber harapan (Jones 1998). Ini adalah disebabkan pembinaan semula pelabuhan boleh mengembalikan aktiviti sosio-ekonomi, lingkungan dan guna tanah kepada bandar-bandar yang mengalami kemunduran. Konsep pembinaan semula ini muncul dari beberapa sumber, yang merujuk kepada contoh-contoh yang sudah wujud, seperti pelabuhan Baltimore, London Canary Wharf dan pelabuhan Sydney Darlington. Meskipun mereka meniru contoh-contoh pembangunan ini, namun mengabaikan konteks lokaliti yang dimiliki (Breen & Rigby 1996; Jones 1998; Marshall 2001b). Kedua, pantai telah menjadi arena konflik antara kepentingan awam dan swasta (Dovey 2005). Isu-isu seperti gentrifikasi dan akses awam kepada air adakala diabaikan (Breen & Rigby 1996). Dalam proses pembinaan kembali kawasan tebing air, mereka tidak menghiraukan keadaan ekonomi yang terhad dan dampak negatif yang terjadi pada daerah sekitarnya [Marc Levine, (1989) dalam Hannigan (1998)].

Sejak pembangunan semula kawasan dermaga di Baltimore, empat dekad yang lalu, fenomena pembinaan semula kawasan dermaga dan tebing air, atau kini dikenali

sebagai sindrom Baltimore, membuka wadah baru dan menyumbang kepada kualiti ruang bandar di tebing air (Breen & Rigby 1996; Hoyle 2001a; Shaw 2001). Kemunduran pelabuhan dan kawasan-kawasan industri di sekelilingnya kemudian dipenuhi oleh program-program pembangunan semula (Hall, 1993) yang mampu memperbaiki dan mempertingkatkan aktiviti di kawasan ini dengan fungsi dan aktiviti baru.

Di Malaysia, bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Melaka, Kuantan, Kota Bharu, dan Kuching wujud di sepanjang lembah sungai atau tebing sungai (Andaya & Andaya, 2001). Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang kaya air kerana memiliki jumlah sungai yang luas dan boleh dikenali serta berpotensi besar untuk pelancongan. Malaysia memiliki banyak sungai di bahagian utara sehingga ke selatan Semenanjung Malaysia, serta di Sabah dan di Sarawak. Sejarah menunjukkan bahawa beberapa bandar di Malaysia bermula pada tebing sungai seperti Kuala Lumpur, Melaka, Perak dan Kuching.

Malaysia berusaha dalam mencapai pembandaran dengan fokus pada pembangunan infrastruktur sejak merdeka pada tahun 1957 dan juga menjadi titik permulaan transformasi tebing air di Malaysia. Seperti beberapa negara-negara lain, peningkatan saiz penduduk di kawasan bandar lebih cepat daripada di kawasan luar bandar. Jumlah pertumbuhan penduduk bandar di kawasan-kawasan bandar selama tempoh ketiga (1970-2000) meningkat dengan cepat, terutama selepas batas penstrukturkan kawasan bandar dari 26.8 peratus menjadi 61.8 peratus (Jaafar, 2004).

Peningkatan pertumbuhan kawasan bandar di Malaysia adalah menunjukkan peningkatan ekonomi.

Sejak beberapa tahun, Malaysia telah mula membina semula daerah-daerah tebing air di sepanjang tebing sungai. Bandar Kuching yang terletak di Sarawak telah dipilih untuk memulakan projek ini. Projek ini dicadangkan oleh Ketua Menteri Sarawak terutama untuk tujuan rekreasi pada tahun 1989 dan menunjukkan hasil pembangunan yang diberikan pada bulan September tahun 1993. Projek ini sepenuhnya dibiayai oleh kerajaan negara bahagian Sarawak dan dikendalikan oleh Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) (SEDC, 1990). Setelah selesai pada tahun 2003, Tebing Sungai Sarawak di Kuching telah menjadi contoh bagi projek-projek pembangunan pantai di Malaysia (Yassin, 2010). Pola pembangunan tebing air di Malaysia masa ini menumpukan lebih kepada penggunaan pelancongan awam dan beberapa negeri lain mula mencuba dengan konsep pembangunan bercampur (*mixed-use*). Walaupun sebahagian besar projek pembangunan diilhamkan daripada luar negara (seperti: Sydney Harbour di Australia, atau Saint Ontario di Eropah) namun budaya Malaysia masih tetap dipelihara (Yassin, 2010).

Perubahan fizikal selalu dilakukan sebagai langkah awal dalam setiap proses pembangunan semula pada kawasan tebing air. Salah satu isu dalam reka bentuk bandar yang berhubung-kait dengan pembangunan kembali kawasan tebing air adalah perubahan dan penurunan kualiti identiti bandar akibat gangguan fizikal yang tidak bersesuaian (Danisworo & Martokusumo, 2000). Walaupun perbaikan

fizikal diyakini dapat meningkatkan keadaan fizikal bandar (termasuk ruang-ruang awam bandar), namun tidak untuk jangka panjang. Ia memerlukan perbaikan dan peningkatan aktiviti ekonomi (*economic revitalization*) yang bersistemik kepada aspek sosial budaya serta aspek persekitaran (Danisworo & Martokusumo, 2000). Perubahan fizikal pada persekitaran bandar menyebabkan pertembungan persepsi pengguna dan terbukti telah mengubah fabrik bandar dan mengganggu makna tempat (*sense of place*) (JBPD, 2006). Makna tempat dapat dikembangkan melalui perhubungan unsur-unsur fizikal, aktiviti dan makna dalam pengalaman manusia kepada tempat. Dalam beberapa penyelidikan rekabentuk bandar dirungkai tentang pentingnya unsur-unsur fizikal dan aktiviti dalam menciptakan makna tempat dan identiti, namun pentingnya makna belum dieksplorasi secara berpatutan.

### **1.1.2 Pengaruh globalisasi dan piawaian kepada makna tempat tempatan**

Kepesatan urbanisasi yang mendadak, persekitaran bandar di Malaysia terus-menerus diganti dengan struktur dan imej moden yang mempengaruhi kualiti identiti tempat. Identiti sebuah tempat dapat terhakis akibat tindakan globalisasi ekonomi, produk-produk standard dan persekitaran bandar yang generik dengan hanya sedikit hubung-kait dengan lanskap, ekosistem, sejarah, budaya dan masyarakat tempatan (Wheeler, 2004). Konsep perancangan dan pembangunan yang seragam bersama-sama dengan perubahan tempat akan menyebabkan kehilangan identiti tempatan dan mengganggu makna tempat. Hilangnya identiti dihasilkan dari bukan tempat (*placelessness*) disebabkan tempat tersebut tidak ada makna penting di dalamnya (Relph, 1976, Arefi, 1999). Senario ini telah

menyebabkan tempat menjadi tidak memiliki makna yang memisahkan pengguna dengan budaya dan cara hidup tempatan. Akibatnya, perkembangan bandar pada masa ini cenderung menjadi disintegrasi dan mengurangkan keterikatan pada tempat serta melemahkan maknanya.

Sebagai reaksi terhadap kesan globalisasi dan piawaian yang mengancam makna sebuah tempat, minat kepada ide-ide tempatan dan tempat kembali muncul (Yuen, 2003) sebagai penguat terhadap pentingnya bentuk-bentuk tradisional dan identiti (Williams, 2002). Untuk memahami pentingnya keterikatan tempat dalam mempengaruhi identiti tempat, kajian ini mencuba untuk menganalisis bentuk dan tahap keterikatan dalam lokaliti yang ada.

Penyelidikan ini cuba merungkai bahawa sebahagian besar pusat bandar di Malaysia masih lemah dalam menggambarkan identiti dan ciri yang berbeza dan kurangnya tempat-tempat yang dikenalpasti. Selain itu, pengaruh luar telah menyebabkan lebih banyak bandar-bandar muncul dengan ciri global, menggambarkan dalam homogeniti skala bangunan dan penampilan, hilangnya bangunan dan ruang dengan nilai-nilai tradisional dan budaya, hilangnya daya tarikan bandar dan berkurangnya peranan ruang terbuka awam sebagai tempat interaksi sosial dan budaya. Transformasi ini telah mempengaruhi cara pengguna dalam mengalami dan merasai tempat-tempat tempatan dan makna psikologi yang sedia ada. Lemahnya identiti tempat boleh mengakibatkan kehilangan makna dan mengganggu keterikatan emosi kepada tempat (Arefi, 1999).

Disebabkan pentingnya untuk menemukan kembali jiwa bandar dan mencari kembali tempat-tempat yang sesuai bagi orang awam dengan kesedaran sepenuhnya akan membatasi pengaruh global dalam pembangunan bandar. Ini bermakna bahawa untuk melindungi identiti adalah dengan memastikan makna dan tatacara keterikatan manusia kepada persekitaran supaya tetap terjaga. Oleh kerana itu adalah penting untuk memahami bagaimana masyarakat tempatan melakukan keterikatan kepada tempat dalam mempertahankan erti tempat. Kerana aspek psikologi dari tempat ini pada amnya tidak akan menjadi perhatian, dimana perhatian pada keperluan untuk melindungi makna dan keterikatan tempat belum sepenuhnya diambil berat.

Keterikatan tempat sangat berhubung-kait dengan kualiti pengalaman pengguna terhadap tempat tersebut. Penyelidikan itu bertujuan untuk mengetahui pentingnya fungsi dan emosi tempat (ruang terbuka awam) kepada pengguna yang menggunakan dan menduduki suatu wilayah. Adalah penting untuk mengenali dengan tepat kualiti khas yang tertanam pada suatu tempat tempatan yang dihasilkan dari pengguna dan tafsiran yang benar tentang pentingnya tempat bagi pengguna tersebut. Sehingga terbukti identiti tempat harus disemak melalui pemahaman makna keterikatan tempat, dan faktor-faktor yang mempengaruhi ikatan. Dalam konsep yang lebih luas, keterikatan tempat ialah komponen penting sesebuah tempat untuk menyokong daya hidup dan keberlanjutan bandar.

## **1.2 Lowongan penyelidikan**

Low dan Altman (1992) menerokai bagaimana konsep keterikatan tempat menyokong beberapa fungsi yang melibatkan individu, kumpulan dan budaya. Analisis dan hasil penyelidikan mereka mengungkap bahawa keterikatan tempat boleh memberi rasa selamat dalam aktiviti harian secara berterusan, rangsangan dengan tempat, objek yang menawarkan kemudahan dan harapan untuk mengawal aspek-aspek kehidupan seseorang. Kesedaran tentang pentingnya konsep ini serta pengaruhnya terhadap manusia perlu kita rujuk kepada kajian Relph (1976) mengenai *placeless* dan *placelessness* dan Brown & Perkins (1992) yang mengungkap gangguan kepada keterikatan tempat. Penyelidikan mereka menilai gangguan yang terjadi pada keterikatan tempat dan bagaimana pentingnya keterikatan tempat berpengaruh kepada pengalaman dan makna kehidupan seharian. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa selepas pembangunan fizikal baru, tempat cenderung kehilangan keasliannya dan terjadi gangguan kepada keterikatan tempat antara manusia dan fungsi. Proses pembangunan fizikal baru ini secara psikologi telah memutus proses keterikatan manusia kepada tempat.

Keterikatan tempat sering diterokai dalam bidang psikologi persekitaran dan beberapa subjek ini secara selari juga telah difahami sebagai satu bidang dalam disiplin kajian reka bentuk bandar. Sebagai contoh, kajian Lynch (1960) mengenai imej dan citra bandar tertumpu kepada kognisi persekitaran secara visual dan atribut ruang persekitaran, telah membuktikan pentingnya makna dan atribut yang saling berkaitan. Deria lain mengenai pengalaman dan makna tempat juga muncul dalam tulisan-tulisan dalam penerokaan dimensi sosial dan persepsi dalam reka bentuk

bandar (Banerjee & Southworth, 2002; Carmona, Heath, Oc, & Tiesdell, 2003; Tibbalds, 2003). Beberapa pendapat telah mengesahkan bahawa persekitaran fizikal mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap tingkah laku manusia. Ada pandangan utama lainnya pula memaklumkan bahawa tahap pengaruh persekitaran kepada tindakan manusia akan berubah bila persekitaran diubah dan tingkah laku juga akan berubah (Low, Taplin & Scheld, 2006). Dengan memahami integrasi ini ia boleh mencipta satu strategi untuk perancangan dan pembangunan bandar yang boleh memberi sumbangan dan bermakna kepada masyarakat.

Dalam konteks tempatan, kajian tentang keterikatan tempat dan makna tempat telah dilakukan oleh Shuhana & Ahmad Bashri (1998). Kajian mereka merungkai persepsi orang ramai terhadap identiti bandar Kuantan yang terletak di pantai timur Malaysia. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa persepsi penduduk mengenai identiti tempat adalah lebih kuat kepada wilayah bandar dengan latar bandar lama. Penyelidikan ini menunjukkan jumlah bilangan unsur-unsur yang dianggap unik oleh penduduk adalah berada di bandar lama berbanding dengan pusat bandar yang baru. Penyelidikan serupa ini juga dilakukan di bahagian selatan dan utara Semenanjung Malaysia dan hasil penyelidikan adalah sama. Siri kajian ini akhirnya menghasilkan beberapa garis panduan untuk memelihara warisan bandar melalui pembangunan perasaan sepunya (*sense of place*) dan bagaimana ia boleh membawa kepada kualiti hidup yang lebih baik. Namun hasil itu masih belum menjana rasa keterikatan dalam menguatkan makna disetiap tempat. Sebelumnya ada beberapa usaha yang dibuat ke arah mengisi ruang teori ini dalam penyelidikan kognisi persekitaran seperti yang dijalankan oleh Nursidah (2007) pada jalan-jalan

di hab komersial pusat bandar Kuala Lumpur. Dalam kajian itu telah dibangunkan satu rangka kerja teori pada keterikatan tempat yang berhubung-kait dengan jenis jalan dan jalan sebagai latar dalam pembentukan bandar.

Dari beberapa kajian yang telah dilakukan ia dapat menjelaskan bahawa pelbagai teori dan rangka kerja telah dimajukan untuk memperolehi cara bagaimana satu tempat boleh memberi makna (*meaning*). Kajian ini cuba mengetengahkan ide bahawa tempat adalah satu konsep yang kompleks dan menjadi hidup apabila manusia mula melakukan keterikatan makna kepada persekitaran fizikal dengan pelbagai cara. Kajian Brown & Perkins (1992) telah berjaya menyampaikan proses gangguan atas hilangnya keterikatan tempat walaupun terdapat ciri-ciri yang membuat orang kehilangan keterikatan kepada tempat yang masih belum ditemui. Kajian Low, Taplin, & Scheld, (2006) mendedahkan penemuan baru akibat modifikasi dan perubahan yang dibuat pada taman bandar di lima bandar utama di Amerika. Perhatian mereka adalah menjurus kepada kepelbagaian budaya dan bukan kepada kombinasi dimensi identiti atau elemen struktur tempat. Pada sisi lain, Manzo (2009) menghujahkan bahawa kuasa dan pentingnya konsep rasa memiliki (*sense of belonging*), perlindungan dan keselesaan cenderung memberi tumpuan kepada keterikatan afektif yang positif kepada tempat, khasnya yang berkaitan dengan latar kediaman mereka. Jelas sekali masih sedikit yang diketahui tentang bagaimana perasaan dan pengalaman negatif akan memberi kesan kepada makna tempat. Oleh itu adalah diperlukan kajian yang lebih lanjut untuk memahami kepelbagaian tempat dengan peranan manusia supaya dapat membangunkan hubungan di dalamnya serta melakukan hubungan tersebut.

Perbincangan tentang pentingnya unsur-unsur fizikal dan aktiviti dalam mewujudkan perasaan sepunya telah dilakukan dalam beberapa kajian reka bentuk bandar dan kualiti tempat. Namun peranan keterikatan tempat sebagai komponen yang memberikan makna kepada tempat belum cukup diterokai. Sebagai contoh, Lynch (1960) mengakui betapa pentingnya makna dalam mewakili citra sesuatu tempat meskipun demikian kajian beliau hanya memberi tumpuan kepada identiti dan struktur utama bandar sebagai angkubah untuk perbincangan dalam pembentukan ‘imej’ bandar. Perihal dari itu, apakah unsur-unsur faktor yang boleh memberi makna yang mendalam pada tempat dikawasan yang agak kecil dalam bandar seperti cubaan untuk membangunkan sumbangan ruang terbuka kepada pembentukan imej bandar yang masih belum diketahui. Kajian seperti ciri-ciri persekitaran tempatan bandar (Green, 1999), dataran (*squares*) sebagai tempat untuk menikmati rasa memiliki yang kuat pada masyarakat dan skap-bandar (Childs, 2004; Cullen, 1986) dan ruang awam dan swasta bandar (Madanipour, 2003) kebanyakannya menumpukan perhatian di luar konteks Malaysia.

Beberapa pendapat mengenai makna tempat hanya memberi tumpuan kepada keterikatan individu di tempat awam terutama sekali di koridor jalan. Oleh itu, perlu diterokai penyelidikan berhubung dengan makna yang dikongsi bersama pada tempat awam seperti promenad tebing air. Pada lazimnya sifat interdisiplin antara reka bentuk bandar dan psikologi persekitaran telah banyak memberi manfaat dalam menghasilkan pendekatan yang berbeza dengan tajuk ini, namun rujukan silang (*cross reference*) dan kerjasama dalam jangka keputusan perancangan dan

pembangunan dihambat oleh kekurangan sumber literatur tempatan. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan untuk melanjutkan pengetahuan mengenai hubungan manusia dengan tempat awam (promenad tebing air) dan merungkai sifat-sifat dan ciri-ciri yang boleh membangkitkan makna tempat dalam konteks tempatan di Malaysia. Kajian ini berusaha untuk membawa persoalan teori dan kaedah dalam penyelidikan sosial yang saling bersepadau. Adalah diharapkan kajian mengenai bagaimana ruang terbuka seperti promenad tebing air boleh memberi peranan dalam mencipta imej dan makna penting kepada masyarakat yang boleh dikemukakan sebagai satu kajian ilmiah yang berhasil.

### **1.3 Matlamat dan objektif kajian**

Penyelidikan ini bertujuan menyemak keterikatan tempat dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna dalam konteks daerah ruang terbuka pada tebing sungai di Malaysia. Kemudian untuk mengetahui hubungan sebab (*causal*) antara keterikatan tempat, makna tempat, atribut dan ciri-ciri tempat yang sangat mempengaruhi tingkat keterikatan.

Untuk mencapai matlamat penyelidikan, dirumuskan objektif sebagai berikut :

- a) Untuk menentukan bentuk dan tahap keterikatan ruang terbuka di tebing sungai
- b) Untuk mengenalpasti alasan dan faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat.

- c) Untuk menentukan pelbagai tahap keterikatan tempat bersesuaian dengan peranan pengguna ruang terbuka tebing sungai.
- d) Untuk menyemak atribut dan ciri-ciri pada ruang terbuka tebing sungai yang sangat mempengaruhi keterikatan pengguna.

#### **1.4 Kawasan kajian**

Untuk mencapai matlamat kajian, dua ruang terbuka tebing sungai yang menjadi perintis pembaharuan ruang bandar tebing sungai sebagai ruang awam dipilih sebagai kajian kes iaitu Promenad Tebing Sungai Sarawak di Kuching dan Promenad Tebing Sungai Melaka di Melaka. Kedua-dua kawasan ini dikaji bukan berdasar kepada perbandingan, akan tetapi konteks perbincangan akan dapat memperkayakan kajian ini. Kedua-dua kawasan ini memiliki banyak bangunan penting, tapak dan jalan-jalan dengan nilai sejarah yang tinggi secara berterusan mengalami perubahan pada ciri-cirinya. Nilai sejarah dikenalpasti sangat menarik bagi pengunjung. Kawasan itu juga menjadi lokasi yang diperkaya dengan rekabentuk fizikal moden yang menjadi destinasi dan tarikan pengunjung tempatan dan pelancong.

Tempat meliputi skala yang sangat luas, dari rumah hingga wilayah. Dalam penyelidikan ini, tempat diidentifikasi sebagai ruang terbuka awam iaitu promenad yang diwakili oleh promenad tebing sungai yang dipilih sebagai kawasan kajian. Kawasan promenad adalah salah suatu ruang bandar yang banyak digunakan dan dikenalpasti sebagai salah satu jenis ruang terbuka awam yang ditakrifkan oleh

pelbagai jenis aktiviti. Tempat-tempat tersebut di pilih berasas kepada ciri-ciri fizikal, sosial-budaya dan fungsi.

Kriteria dan kepentingan tempat-tempat tersebut dipilih untuk kajian ini akan dijelaskan dalam bab kaedah penyelidikan (Bab 4 : 4.5) dan bab pengenalan kepada kawasan kajian kes (Bab 3 : 3.2). Kawasan kajian akan dirujuk kepada pendekatan huruf iaitu P-TSS untuk Promenad Tebing Sungai Sarawak dan P-TSM untuk Promenad Tebing Sungai Melaka.

### **1.5 Pendekatan penyelidikan**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan dan konsep berdasarkan tempat (*place-based*) dalam merungkai persepsi tempat dalam bandar. Tempat ialah suatu ruang yang dijiwai dengan makna (Relph, 1976), oleh kerana itu ruang terbuka awam yang dipilih akan didalami dan difahami sebagai tempat yang diwakili oleh pengalaman manusia sepenuhnya, iaitu: elemen fizikal dan aktiviti yang ditambah dengan unsur-unsur sosio-budaya dan psikologi. Kawasan kajian dilihat berdasarkan kepada ciri-ciri tatacara fizikal dan budaya yang digabungkan dengan persepsi afektif (*affective*) individu dan keperluan fungsi (Bott, 2005). Oleh kerana itu, definisi dari ruang terbuka tidak terhad hanya kepada bentuk fizikal dan batas fizikal sahaja. Sebaliknya ia lebih meneliti kepada mereka yang tinggal di tempat dengan pengalaman manusia sebenar serta aspek persepsi bandar (Lynch, 2002).

Secara ringkas pendekatan umum kajian berkisar kepada:

- a) Keterikatan tempat ialah elemen positif yang dapat memberikan sumbangan untuk mempertahankan identiti tempat, ciri tempat dan perasaan sepunya (sense of place), sehingga meningkatkan kesejahteraan psikologi, tujuan dan kesenangan kepada pengguna bandar.
- b) Pengalaman tempat bukan hanya fizikal tetapi juga persepsi dan psikologi. Kedua-dua aspek tersebut saling berkaitan dan mempengaruhi perasaan sepunya.
- c) Pengguna (masyarakat) dan pengalaman serta persepsi mereka merupakan sumber utama dalam memahami keterikatan tempat serta dapat membezakan ciri tempat.

## **1.6 Kaedah penyelidikan**

Penyelidikan menyemak keterikatan tempat dengan memperolehi pendapat pengguna kepada tempat-tempat yang dipilih dan memerhati unsur-unsur fizikal dan aktiviti penting yang menyokong keterikatan. Memandangkan penyelidikan ini melibatkan aspek fizikal-ruang, deskriptif dan afektif tempat serta makna pengalaman persekitaran maka kajian perlu merungkai keterikatan tempat melalui menyemak tindak balas pengguna dan mengamati pentingnya unsur-unsur fizikal dan kegiatan dalam menyokong ikatan. Untuk mencapai tujuan tersebut kajian ini menggunakan kaedah pendekatan campuran (kuantitatif dan kualitatif) bersesuaian dengan sifat multi-dimensi kajian. Ruang terbuka awam di daerah tebing sungai memiliki keragaman latar yang dikenalpasti sebagai kawasan sampel yang mewakili

konteks lebih luas yang dihasilkan oleh ciri-ciri fizikal, sosial dan budaya yang berbeza.

Penyelidikan ini menggunakan empat teknik untuk mengumpul data kualitatif dan kuantitatif yang meliputi (i) meninjau literatur tentang teori yang terkini dan dikemaskini, konsep dan prinsip-prinsip pada tempat, keterikatan tempat, watak tempat dan konsep-konsep lain berkaitan termasuk (ii) kajian borang soal selidik dan temubual untuk mengumpulkan data tentang pola keterikatan oleh pengguna, makna dan pentingnya tempat, (iii) pengamatan kawasan untuk menguji bentuk ikatan, pola aktiviti dan ciri-ciri dominan tempat (iv) penilaian ciri bandar untuk menentukan kapasiti tempat dalam menyokong aktiviti pengguna. Kaedah dan tahap analisis data lebih lanjut dibahas dalam Bab 4 iaitu kaedah dan rekabentuk penyelidikan.

### **1.7 Skop dan andaian penyelidikan**

Ada lima aspek penting dari sebuah tempat yang dipertimbangkan dalam kajian ini, iaitu:

- a) Pengguna dan aktiviti
- b) Ciri-ciri fizikal dan ruang
- c) Ciri-ciri peribadi dan sosial-budaya para pengguna utama
- d) Kajian yang membentuk makna tempat (*place meaning*) dan pentingnya tempat (*place significance*).
- e) Keterikatan tempat dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Kajian ini tertumpu kepada aspek afektif (perasaan) dan tafsiran (makna dan asosiasi) dalam memahami keterikatan tempat secara bersama dengan aspek kognitif (pengenalan pada kualiti dan ciri-ciri) untuk mengenal pasti pengaruh keterikatan tempat.

Bahagian berikut ini menjelaskan skop dan batasan kajian:

**(i) Tempat**

Tempat boleh meliputi pelbagai skala dan tipologi ruang, kerana keterbatasan masa dan kaitan topik dengan konteks yang dipilih. Kajian ini memfokuskan kepada satu jenis tempat iaitu ruang terbuka awam di kawasan tebing sungai di Malaysia. Gehl (1989) berpendapat bahawa tempat-tempat yang berjaya dalam bandar selalu berasas kepada kehidupan ruang awam dan pelbagai cara aktiviti boleh terjadi di dalamnya. Oleh kerana itu, batas penyelidikan adalah ruang terbuka awam di tebing sungai dan menumpukan perhatian kepada aras dataran pejalan kaki kerana ia memiliki sumbangsan yang lebih penting terhadap ruang awam dan daya hidup (Bentley, 1992).

**(ii) Ciri-ciri dan atribut tempat**

Dalam konteks reka bentuk persekitaran, unsur-unsur dan atribut yang berkaitan dengan kriteria tempat yang baik dan berjaya ialah beragam dan berasas kepada prinsip dan pendekatan yang berbeza. Kajian ini akan berkisar kepada perbincangan berdasarkan unsur-unsur dan atribut tempat yang sangat bersesuaian dengan reka bentuk bandar dan isu-isu tempatan (dihuraikan dalam Bab 2). Kriteria utama adalah aksesibiliti, daya hidup, kepelbagaian (*diversity*) dan pilihan (*choice*),

transaksi (*transaction*), kefahaman (*legibility*), keunikan (*distinctiveness*), keselesaan (*comfort*), keselamatan dan keamanan.

### **(iii) Keterikatan tempat**

Aspek utama untuk keterikatan tempat ialah identiti tempat (*place identity*) (emosi), pergantungan tempat (*place dependence*) (fungsi) dan budaya masyarakat (sosio-budaya). Penyelidikan ini hanya akan memfokus kepada aspek emosi dan fungsi dari keterikatan manusia dengan tempat. Walaupun aspek emosi dan fungsi lebih berkaitan dengan pembangunan makna tempat dan perasaan sepunya, tetapi keterikatan sosio-budaya ini juga penting dalam membentuk tempat (Stedman, 2000). Namun, aspek ini hanya akan dibahas sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan.

Andaian dalam penyelidikan ini perlu ditetapkan untuk memperjelas batas penyelidikan. Andaian merupakan ide tanpa tumpuan yang diperlukan untuk menampung ide lain yang akan muncul kemudian. Dalam menentukan andaian penyelidikan berasas kepada beberapa literatur dan rangka kerja yang berhubung kait dengan konteks penyelidikan untuk meneraju perbincangan.

Ada empat andaian yang ditetapkan untuk memperjelas batas penyelidikan, iaitu:

- a) Bentuk dan tahap keterikatan kepada tempat ditentukan oleh atribut yang berhubung kait dengan fungsi dominan tempat terbabit.
- b) Lamanya masa penggunaan dan kebiasaan pada tempat merupakan faktor penting yang mempengaruhi tahap keterikatan tempat.

- c) Tahap keterikatan yang dilakukan pengguna kepada ruang terbuka awam adalah berbeza mengikut peranan yang mereka berikan.
- d) Aktiviti mempunyai kesan lebih besar dibandingkan unsur-unsur fizikal dan imej pada tahap keterikatan kepada ruang terbuka awam.

### **1.9 Sumbangan kajian**

Kajian ini memberikan sumbangan kepada pembangunan teori yang berhubung kait dengan pembinaan tempat, keterikatan tempat dan watak perbezaan tempat yang memiliki kumpulan dan peranan pengguna yang berbeza dalam mengalami tempat-tempat dalam bandar. Kajian ini merupakan lanjutan pengetahuan tentang keterikatan tempat dari konteks fizikal dan sosial-budaya serta tafsiran ciri tempat. Penyelidikan ini penting untuk memaklumkan kelanjutan ciri dan identiti unik pada ruang terbuka awam tebing air sungai di Malaysia. Atribut dan ciri-ciri yang dikenal pasti oleh pengguna sangat kuat mempengaruhi keterikatan tempat yang akan menyediakan rangka kerja dalam keterikatan erti tempat dan maknanya dalam bandar.


Dalam rekabentuk bandar, aspek psikologi dan persepsi persekitaran belum dieksplorasi secara maksimum, sedangkan unsur-unsur makna yang terdapat didalamnya kadang-kala diabaikan. Carmona, Heath, Oc, & Tiesdell (2003) berpendapat bahawa makna sosial dan emosi yang terikat pada atau yang ditimbulkan oleh unsur-unsur persekitaran bandar sekurang-kurangnya sama pentingnya dengan apa yang terjadi diantara imej manusia dan aspek struktur serta

fizikal. Pengetahuan ini akan memberi nilai penting bagi perancang dan pereka bentuk bandar dalam menguruskan perubahan dalam persekitaran fizikal yang berdaya huni (*livability*) untuk kepentingan masyarakat. Kajian ini akan memperkuuhkan pengetahuan tentang ciri bandar dan identiti tempat dalam konteks Malaysia, khusus kepada ruang terbuka awam tebing air sungai di Malaysia. Jika makna tempat yang dibentuk oleh masyarakat tidak dipertimbangkan dalam proses perancangan dan pembangunan, perasaan sepunya (*sense of place*) yang tertanam dalam persekitaran yang ada akan hilang. Perkara ini terjadi kerana perasaan sepunya terbentuk tidak hanya melalui kemampuan unsur-unsur fizikal untuk merangsang semua pemahaman manusia, tetapi juga untuk membangkitkan perasaan dan emosi kepada pengguna.

Penyelidikan ini dipercayai dapat menyingkap daya tarikan dan makna tempat, kerana ia bertujuan untuk mengelakkan kehilangan ciri-ciri yang menarik, bermakna dan penting bagi para pengguna yang mempengaruhi keterikatan mereka pada masa hadapan.

## **1.10 Struktur tesis**

Tesis di bahagi kepada empat bahagian yang terdiri dari lapan bab. Ringkasan struktur thesis dicantumkan pada Rajah 1.1.



**Rajah 1.0:** Ringkasan struktur penulisan thesis

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.0. Pendahuluan**

Setelah kita meninjau tentang objek dan skop kajian, maka kita beralih kepada tinjauan literatur. Struktur penjelasan ini diagihkan kepada tiga bahagian, pertama menjelaskan konsep dan teori mengenai tempat, makna tempat dan keterikatan tempat. Bahagian kedua membahas teori tentang ciri-ciri dan atribut tempat, ciri-ciri yang ada didalam unsur-unsur fizikal, aktiviti manusia dan imej tempat. Ianya diikuti dengan ulasan mengenai konsep-konsep yang berkait rapat termasuk identiti tempat, perasaan sepunya (*sense of place*) dan *genius loci*. Pada bahagian ketiga membahas kriteria pendekatan, angkubah dan pengukuran dimensi keterikatan tempat dan pengenalan mengenai atribut-atribut tempat yang pernah digunakan oleh para ilmuwan terdahulu. Ianya digunakan untuk menubuhkan rangka kaedah penyelidikan. Definisi dan istilah yang digunakan dalam kajian diambil dari pelbagai hasil penyelidikan dari para ilmuwan dan pengamal ilmu reka bentuk bandar, psikologi persekitaran dan *human geography*, meluas daripada literatur terkini.

#### **2.1. Konsep suatu tempat**

Istilah tempat (*place*) difahami sebagai keterikatan emosi yang kuat secara sementara atau tempoh masa yang lama, antara seseorang dan suatu lokasi fizikal. Norberg-Schulz (1980) mengungkapkan teori tentang ‘tempat’ yang menekankan


kualiti dari kehidupan eksistensial manusia atau ‘*being in the world*’, konsep dari ‘ruang eksistensial’ merupakan pemahaman yang sangat penting dalam seni bina. Lebih lanjut lagi, Norberg-Schulz menggunakan *the concept of place* untuk mendefinisikan ciri-ciri dari ‘ruang eksistensial’ (Norberg-Schulz, 1980). Menggunakan konsep Romawi tentang ‘*genius loci*’, suatu ‘tempat’ didefinsikan oleh Norberg-Schulz sebagai ‘ruang ditambah dengan ciri’ (‘*how things are*’). Fungsi ‘eksistensial’ dari seni bina (bangunan) ialah untuk mengubah tapak menjadi suatu ‘tempat’, kemudian mampu membuka makna yang memiliki potensi yang ada pada persekitaran tersebut (Norberg-Schluz, 1980).

Tiga unsur utama dari suatu tempat, iaitu: bentuk fizikal, aktiviti dan makna (Punter & Carmona, 1997; Montgomery, 1998). Dalam konteks reka bentuk persekitaran, tempat didefinisikan sebagai suatu keadaan fizikal. Pendapat lain dari para penyelidik yang memerhatikan aspek-aspek psikologi hubungan antara manusia dan persekitaran, mengenal pasti bahawa tempat berasas kepada tiga unsur yang saling berhubung-kait dan memberi makna, iaitu: keadaan fizikal; psikologi internal, proses sosial dan atribut perseorangan; aktiviti yang terjadi pada tempat tersebut (Relph, 1976; Canter, 1977; Stedman, 2003). Sementara, Gieryn (2000) berhujah bahawa tempat harus memiliki tiga keistimewaan, iaitu: lokasi geografi, bentuk-bentuk material dan makna atau nilai-nilai. Dia menegaskan bahawa manusia secara dinamik mampu membuat tempat dan melabur makna didalamnya. Penyelidikan ini berpendapat bahawa tanpa membabitkan pentingnya makna hubungan manusia dengan tempat, maka segala bentuk penilaian kepada kualiti tempat akan lemah.

Mengikut aspek budaya, suatu tempat juga bermaksud melalui pengalaman manusia. Pada titik ini terjadi penyatuan antara keadaan fizikal dan ciri-ciri budaya dengan persepsi perseorangan dan keperluan-keperluan fungsi (Bott, Cantrill, & Myrers 2003). Persepsi manusia akan muncul dari proses psikologi (makna dan keterikatan) yang berpunca dari suatu keadaan. Hal ini menunjukkan bahawa keterikatan tempat dengan unsur fizikal, sosial dan budaya mempengaruhi ciri dan identiti suatu tempat. Walaupun penyelidikan tentang hubung-kait antara keadaan fizikal dan aktiviti dengan kualiti persekitaran pernah dilakukan, namun selalunya tidak memperhatikan pengaruh dari makna tempat dan keterikatan manusia kepada tempat. Pertanyaan yang kemudian muncul ialah seberapa penting akibat tanggapan manusia mampu mempengaruhi bagaimana manusia merasai ciri-ciri dan identiti suatu tempat? Terdapat pengetahuan yang terpisah antara makna tempat dan unsur fizikal dari suatu tempat yang dirasai oleh manusia. Penyelidikan ini cuba mengenal pasti bagaimana unsur-unsur ini saling berhubung-kait dalam pengalaman bandar dari suatu konteks budaya yang khas dan pengaruhnya dalam meningkatkan perasaan sepunya.

Dalam menghasilkan tempat pada kawasan bandar (*urban place*), banyak perhatian telah dilakukan untuk mempertahankan elemen-elemen fizikal, namun makna tempat tersebut selalu tidak mendapat perhatian. Makna selalu dihubung-kait dengan persepsi dan aspek psikologi dari pengalaman persekitaran dan keterikatan tempat dilihat sebagai suatu bentuk penghubung antara manusia dan suatu keadaan fizikal dan sosial yang dialami oleh manusia (Punter & Carmona, 1997; Montgomery, 1998: lihat Rajah 2.0). Oleh itu, keterikatan tempat dibentuk oleh persepaduan

manusia dengan suatu tempat dan makna yang muncul didalamnya. Konsep suatu tempat merupakan bentuk-bentuk fizikal dan juga psikologi (Steele, 1981) dan unsur ini bercampur bersama untuk membentuk perasaan sepunya dan ciri-ciri tempat tersebut (Punter & Carmona, 1997; Montgomery, 1998). Secara psikologi suatu tempat yang baik seharusnya menyatu dalam rasa, emosi dan tingkah laku yang menunjukkan tindak balas manusia terhadap persekitaran.



**Rajah 2.0:** Unsur-unsur suatu tempat  
Sumber : Punter & Carmona, 1997; Montgomery, 1998

Menurut Stedman (2003), makna dari suatu tempat berasas kepada atribut-atribut persekitarannya. Stedman (2003) menyatakan bahawa keistimewaan fizikal tidak menghasilkan perasaan sepunya secara langsung, tetapi dipengaruhi oleh makna simbolik dari lanskap yang kemudian berhubung-kait dengan evaluasi terhadap kekuatan keterikatan tempat. Psikologi suatu tempat sangat penting untuk diintegrasikan dalam kerangka evaluasi kualitinya, kerana proses ‘konstruksi’ suatu tempat berasas pada unsur fizikal, sosial dan psikologi. Para penyelidik memberi

cadangan untuk memasukan tiga unsur iaitu: keadaan, aktiviti dan perasaan sepunya ke dalam penyelidikan untuk dapat menangkap makna dari suatu tempat secara lengkap (Agnew and Duncan, 1990 dalam Gustafson, 2001).

### **2.1.1. Jenis dan ukuran suatu tempat**

Menurut penyelidikan yang pernah dilakukan menunjukan bahawa ukuran suatu tempat ialah sangat beranika dari yang berukuran kecil (rumah, ruang, plaza, jalan) hingga sederhana (bandar dan komuniti) dan ukuran besar (wilayah dan negara) (Altman dan Low, 1992). Dalam reka bentuk bandar, ukuran ruang dijelaskan dengan batas-batas geografi (fizikal) dan jenisnya ditentukan berasas pada fungsi tempat tersebut (perumahan, komersial, pelancongan dan lainnya). Penyelidikan yang banyak dilakukan hingga saat ini lebih fokus kepada analisis pada persekitaran komuniti (Hidalgo dan Hernandez, 2001). Untuk mengembangkan pengetahuan tentang tempat, penyelidikan ini akan menganalisis jenis lebih jauh tempat (pada ruang terbuka awam) dengan keluasan ukuran dalam distrik pusat bandar untuk menyemak tahap keterikatan tempat.

### **2.1.2. Ruang, tempat dan bukan-tempat**

Ruang lebih difahami sebagai bentuk geometri abstrak (jarak, arah, ukuran, bentuk, volume) dipisahkan dari bentuk kebendaan dan terjemahan budaya (Gieryn, 2000). Dengan menambahkan makna didalamnya secara perseorangan, kumpulan atau komuniti, akan mengubah ruang menjadi tempat (Relph, 1976). Hujah lain diungkap

oleh Tuan (1977) bahawa tempat merupakan pusat yang memiliki makna dan terbentuk dari pengalaman hidup. Ketika ruang dirasai dan dianggap penting, maka ruang itu akan berubah menjadi tempat.

Relph (1976) berhujah bahawa bukan-tempat (*placelessness*) sebagai suatu persekitaran tanpa tempat-tempat yang penting. Masalah bukan-tempat bermula akibat globalisasi yang menghasilkan lanskap-lanskap piawai dan tidak asli lagi (Relph, 1976; Jacobs, 1984 dan Appleyard, 1987). Sementara Arefi (1999) menghubung kait bukan-tempat dengan kegagalan penyambungan antara konteks fizikal, budaya dan emosi. Sebagaimana fenomena yang mempengaruhi identiti tempat pada kawasan bandar tempatan suatu bandar, mengenal pasti makna dan atribut suatu tempat yang telah hilang akibat pengaruh perubahan dan transformasi global sangat diperlukan untuk menjaga rasa-tempat tempat tersebut.

Kehilangan makna dan keterikatan suatu tempat dihubung-kait dengan gagalnya melanjutkan ‘rasa’, mengalami dan menghidupkan kembali pengalaman-pengalaman yang pernah dirasai akibat hilangnya objek tertentu (misalnya setelah bencana alam) (Hull, et.al, 1994), hilangnya identiti (misalnya perubahan dan transformasi bangunan dan ruang, perubahan penggunaan dan fungsi) dan hilangnya penyambungan, kesatuan atau juga terjadi pemisahan (misalnya relokasi perumahan dan komuniti). Ketika semua ini terjadi, identiti perseorangan atau kumpulan akan terpisah akibat hilangnya ciri tempat dan elemen-elemen yang merupakan gambaran dari identiti masyarakat. Menjaga makna dan identiti, elemen dan imej bandar (objek, struktur dan imej) sangat penting kerana ianya memberikan sumbangan

kepada *self-identity*, *sense of community* dan *sense of place* (Hull et.al, 1994). Adalah penting untuk mengenal pasti corak umum dari keterikatan dan makna yang berhubung-kait dengan tempat pada kawasan bandar (seperti: ruang awam) dan pengenalan lebih mendalam tentang atribut dan ciri-ciri yang menjelaskan tentang ciri dan identiti suatu tempat.

## **2.2. Makna tempat dan pengalaman persekitaran**

Pemahaman tentang pengalaman persekitaran (*environmental experience*) dan persepsi merupakan perihal yang sangat penting dalam reka bentuk bandar (Carmona et.al, 2003). Penyelidikan dalam persepsi persekitaran semakin kuat dengan perhatian kepada perasaan sepunya dan pengalaman yang terjadi dalam hubungannya dengan persekitaran bandar (Carmona et.al, 2003). Ia berfokus kepada kepentingan keterikatan dalam menjaga dan memelihara perasaan sepunya melalui penyambungan fizikal dan visual dan para penggunanya. Relph (1976) dan Tuan (1977) telah memandang makna sebagai unsur yang penting dari pengalaman dan persepsi suatu tempat. Pengalaman ruang pada suatu tempat selalu berhubung-kait dengan aspek-aspek fizikal, visual dan simbolik. Relph (1976) dan Tuan (1977) berpendapat bahawa tempat merupakan pusat dari makna atau tempat yang terbentuk dari pengalaman hidup dan dipengaruhi oleh tindak balas intelektual dan emosi.

Persepsi dihubungkan dengan mental imej, kesedaran, sensasi fizikal dan ‘intuisi’ kognitif dari elemen suatu tempat. Persepsi juga dapat diganti dengan kognisi yang merupakan suatu bentuk pemahaman suatu persekitaran yang memiliki beragam

informasi, diatur, dipilih dan memiliki nilai-nilai (Carmona et.al, 2003). Nilai-nilai ini juga dipengaruhi oleh ungkapan emosi perseorangan kepada persekitaran (Nasar, 1992). Aspek makna dan keterikatan bersepada dalam penyelidikan keterikatan tempat dan dalam penjelasan konteks fizikal dan sosial. Relph (1976) berpendapat bahawa suatu pendekatan dapat membuka jalan untuk melakukan penilaian tentang tahap pengaruh yang mempengaruhi pengalaman pengguna dan perasaan sepunya dan menjadi punca suatu makna atau semangat suatu tempat dapat dihidupkan.

Tempat selalu dihubung-kait secara kuat dengan peranan manusia dan hasratnya ketika berada pada tempat tersebut. Makna dan pentingnya suatu keadaan bagi perseorangan atau kumpulan berasas kepada pengalaman seseorang dan kumpulan terhadap keadaan yang ada (Stedman, 2003; Davenport dan Anderson, 2005). Davenport dan Anderson (2005) menyatakan bahawa tempat memiliki ciri-ciri fizikal dari suatu keadaan, aktiviti dan pengalaman, fenomena dan proses sosial, serta tafsiran perseorangan dimana makna boleh terbentuk. Beberapa makna suatu tempat diterjemahkan kepada keterikatan emosi yang kuat dan mempengaruhi sikap dan tingkah laku. Sebagai contoh, suatu taman dalam bandar dapat dihubung-kait dengan lapisan makna yang berbeza seperti: makna fungsi (tempat untuk berjalan-jalan), makna emosi (tempat untuk melupakan masalah) atau makna sosial budaya (tempat untuk bertemu dengan teman dan berkongsi pengalaman) atau tempat yang memiliki memori masa lalu.

Makna dan keterikatan dipengaruhi oleh budaya dan pengalaman masa lalu dan akan mempengaruhi imej (Rapoport, 1977; Altman, 1984) serta menentukan nilai-

nilai sosial dan budaya suatu tempat khusus kepada penduduknya. Keduanya mempengaruhi identiti dan menyokong kelanjutan kehidupan dan nilai-nilai budaya. Berhubungan dengan kedinamisan dan makna suatu tempat, kita perlu untuk memahami aspek psikologi lebih jauh dalam konteks perubahan pusat bandar yang dipengaruhi oleh globalisasi budaya dan bentuk bangunan (Altman, 1992).

Pembahasan diatas menjelaskan bahawa manusia mempunyai cita rasa dan perasaan berhubung-kait dengan makna yang berbeza. Sering menjadi pertanyaan sejauh mana bahasan tersebut dapat dipakai untuk tempat dengan keadaan/situasi yang berbeza (misalnya: ruang awam) yang dibentukkan orang perseorangan (manusia) dan aktiviti yang multi-budaya?

### **2.3. Keterikatan tempat**

Keterikatan tempat ialah konsep utama dalam kajian ini. Definisi untuk keterikatan tempat meliputi keterikatan emosi yang positif diantara individu dan kumpulan dan persekitaran mereka (Altman & Low, 1992). Keadaan psikologi kesejahteraan yang dihasilkan dari akses kepada tempat atau keadaan yang memberi tekanan atas pemisahan dari tempat (Giuliani, 2003) juga akan mempengaruhi anggapan manusia kepada tempat. Sementara itu Hummon (1992) berpendapat bahawa tahap pelaburan emosi manusia dengan tempat menunjukkan tahap keberhasilan suatu persekitaran supaya dijadikan tempat. Keterikatan tempat dan konsep-konsep yang berhubung kait seperti perasaan sepunya telah merungkai teori selama tiga dekad terakhir (Tuan, 1977; Relph, 1976; Low & Altman, 1992). Dalam 15 tahun terakhir usaha

pelbagai usaha dilakukan untuk menjelajah konsep-konsep ini secara empirikal. Kajian empirikal ini menumpukan pada pengukuran intensiti keterikatan.

Hidalgo dan Hernandez (2001) menyatakan definisi keterikatan tempat sebagai pengembangan keterketerikatan atau hubungan antara perseorangan (manusia) dengan suatu tempat yang khusus, diekspresikan melalui persepaduan antara pengaruh dan emosi, pengetahuan dan kepercayaan, serta tingkah laku dan aksi (Altman dan Low, 1992; Prohansky et.al, 1983). Keterikatan tempat juga dijelaskan dengan keterikatan fungsi antara manusia dan tempat, ia juga digambarkan sebagai pergantungan pada tempat (*place dependence*) (Stokols dan Shumaker, 1981). Keterikatan tempat dikembangkan ketika suatu tempat secara baik dapat dikenal pasti dan dirasakan penting oleh penggunanya dan dapat menyediakan suasana untuk memenuhi keperluan fungsi dan menyokong tujuan-tujuan tingkah laku yang lebih baik dari alternatif yang telah ada (Williams, Anderson, McDonald, dan Patterson, 1995).

Penyelidikan tentang perasaan sepunya memfokus kepada tiga bentuk, iaitu: keterikatan tempat, pergantungan tempat dan identiti tempat (Jorgensen dan Steadman, 2001). Pada kes tertentu, keterikatan tempat digunakan secara bergantian dengan perasaan sepunya, sementara identiti tempat dan pergantungan tempat diletakkan sebagai sub-konsep dari keterikatan tempat. Steadman (2003) meletakkan keterikatan tempat sebagai salah satu dimensi pengukuran suatu perasaan sepunya, menurut pendapatnya perasaan sepunya merupakan dimensi yang sangat sukar untuk

diukur kerana kecaburan definisinya. Berdasarkan pendapat ini, konsep keterikatan tempat akan digunakan pada penyelidikan ini sebagai angkubah terukur.

Menurut Gieryn (2000) keterikatan tempat dihasilkan dari banyak faktor, seperti: himpunan pengalaman peribadi, aktiviti sosial dan budaya, geografi, dan seni bina suatu tempat. Dengan perkataan lain, keterikatan tempat dapat hilang atau musnah yang kemudian disebut dengan hilangnya suatu tempat. Gieryn (2000) menyatakan bahawa hilangnya suatu tempat dan maknanya akan memiliki dampak negatif bagi identiti perseorangan dan komuniti, memori dan sejarah, serta keseimbangan psikologi. Literatur ini mengenal pasti bahawa keterikatan tempat memiliki unsur psikologi (emosi dan rasa) juga fungsi merupakan sebahagian dari pengalaman persekitaran. Hidalgo dan Hernandez (2001) menghuraikan ciri-ciri utama dari suatu keterikatan tempat, iaitu: keinginan untuk menjaga secara dekat dengan objek keterikatan yang menggambarkan perasaan yang khusus pada suatu tempat yang khusus pula. Hubungannya dengan penyelidikan ini ialah dapat dihubung kait dengan elemen-elemen tarikan, kekerapan kunjungan dan keakraban (*familiarity*).

Oleh itu, keterikatan tempat dapat dipertimbangkan sebagai angkubah yang dapat digunakan untuk mengukur perasaan sepunya yang memberikan penunjuk emosi berasas kepada perasaan dan reaksi para pengguna kepada atribut-atribut dan ciri-ciri dari tempat dalam bandar yang merupakan bahagian penting dalam penilaian kualiti reka bentuk bandar.

### **2.3.1. Identiti tempat**

Identiti tempat menggambarkan hubungan yang mendalam antara tempat dan identiti peribadi seseorang (Proshansky 1978). Fokus di sini ialah pada psikologi membina identiti. Proshansky, et al (1983) menyatakan bahawa identiti tempat ditakrifkan sebagai suatu subkultur dari identiti diri seseorang yang terdiri daripada keadaan tentang dunia fizikal di mana kehidupan peribadinya berada. Dia berpendapat bahawa identiti tempat ialah hubungan yang sangat peribadi dengan tempat. Dengan perkataan lain, tempat yang ditawarkan individu dapat mengungkapkan dan menegaskan identiti mereka.

Tempat memberikan peranan penting dalam pengembangan dan menjaga identiti-perseorangan dan identiti kumpulan pada komuniti (Davenport and Anderson, 2005). Identiti tempat didefinisikan sebagai suatu tempat yang memberikan informasi tentang identiti dari perseorangan atau masyarakat (Prohansky et.al, 1995) dan merupakan gabungan dari keistimewaan ciri-ciri (Relph, 1996). Suatu tempat juga merupakan suatu proses pengalaman (*experiential*) yang membentuk identiti dan ciri tempat yang unik. Untuk memahami prosesnya, ialah penting untuk menyemak maknanya yang diambil oleh masyarakat sebagai nilai-nilai lokal dalam upaya mereka menciptakan suatu perasaan sepunya (Punter, 1991). Dalam usaha untuk mencari identiti tempat, penyelidikan dalam rekabentuk bandar biasanya fokus pada penampilan dan imej dari elemen fizikal, namun gagal dalam memahami makna tempat sebagai penunjuk perbezaan suatu tempat. Penyelidikan ini menyokong

penyepaduan penunjuk emosi dalam identiti tempat dan penyelidikan kualiti suatu tempat.

Identiti tempat merujuk kepada pentingnya nilai simbolik dari suatu tempat sebagai tempat penyimpanan untuk emosi dan hubungan yang memberikan makna dan kegunaan bagi kehidupan, gambaran dari rasa memiliki (*sense of belonging*) dan manfaat bagi kesejahteraan masyarakat (Prohansky, et.al, 1995, Shamai, 1991, Relph, 1976). Identiti tempat juga memberikan sumbangan positif bagi perseorangan, kumpulan dan integriti (Altman, 1992) dan variasi perseorangan dari persepsi masyarakat dan konsepsi tempat (Canter, 1977). Beberapa penyelidikan dalam psikologi persekitaran menghubungkan keterikatan tempat kepada identiti perseorangan dan komuniti serta perbezaannya (Prohansky et.al, 1983), namun mengenal pasti kepada atribut-atribut dan ciri-ciri suatu tempat yang berhubungan dengan keterikatan tempat kurang mendapat perhatian. Walau bagaimanapun, mengenal pasti ialah penting dalam memahami atribut dan ciri tempat yang secara kuat memberikan sumbangan pada keterikatan tempat dan identiti tempat.

Carmona et.al (2003), menyifatkan jenis-jenis identiti tempat berasas kepada ide tentang ‘*insiders*’ dan ‘*outsiders*’ yang dikembangkan oleh Relph (1976). ‘*Insideness*’ merupakan gambaran dari kekuatan atau kedalaman keterikatan tempat berupa: makna, nilai-nilai budaya, pengalaman dan kualiti hubungan di dalam tempat yang dikenal pasti oleh masyarakat. Carmona et.al (2003) menyatakan bahawa keterikatan pada suatu tempat tumbuh mengikut masa dan berasas secara kuat kepada hubungan manusia di dalam keadaan persekitaran mereka sendiri dan

bukan berasas pada elemen fizikal. Menurut Relph (1976), berada di dalam (*inside*) suatu tempat ialah untuk memilikinya dan untuk memahaminya. Jenis-jenis identiti disifatkan dalam Jadual 2.0.

**Jadual 2.0:** Jenis identiti tempat, diambil dari Relph (1976)

Jenis	Deskripsi
Eksistensial ( <i>insideness</i> )	Ketika tempat hidup dan dinamik, penuh dengan makna dan pengalaman tanpa ada gambaran
<i>Emphathetic (insideness)</i>	Ketika tempat merakam dan menyajikan nilai-nilai budaya dan pengalaman dari masyarakat yang menciptakannya dan duduk di dalamnya
<i>Behavioural (insideness)</i>	Ketika tempat adalah suatu ambien persekitaran yang memiliki kualiti lanskap, atau skap-bandar yang merupakan asas utama untuk publik atau sebagai konsensi pengetahuan umum untuk tempat itu.
<i>Incidental (outsideness)</i>	Ketika fungsi yang dipilih tempat adalah apa yang penting, dan identiti adalah lebih sedikit daripada latar belakang fungsi-fungsi.
<i>Objective (outsider)</i>	Ketika tempat yang berkesan berkurangan, sama ada kepada dimensi satu lokasi atau ruang dimana objek dan aktiviti berada.
<i>Mass identity of place</i>	Ketika suatu identiti disediakan dan sedia dibuat oleh media massa, dan jauh daripada pengalaman langsung. Ianya adalah identiti yang dangkal dan dimanipulasi, yang melemahkan pengalaman individu dan sifat-sifat simbolik identiti tempat.
Eksistensial ( <i>outsideness</i> )	Ketika identiti mewakili tempat hilang dan penglibatan tidak boleh dicapai.

Sumber : (Carmona, Heath, Oc, & Tiesdell, 2003)

Dalam konteks rekabentuk bandar, jenis-jenis identiti umumnya dihubungkan dengan imej fizikal dan persepsi manusia, tidak kepada tahap hubungan dan kedalaman maknanya (Relph, 1976). Penyelidikan ini bertujuan mengeksplorasi keterikatan tempat untuk mengenal pasti identiti tempat dalam konteks ruang terbuka awam di pusat bandar, sehingga suatu tempat dapat dilihat secara menyeluruh dan menghindari fokus hanya kepada persepsi dari imej luaran yang dibuat oleh *outsiders* yang secara emosi terpisah dari tempat tersebut.

### **2.3.2. Pergantungan kepada tempat**

Pergantungan kepada tempat (*place dependence*) dihubung-kait dengan keterikatan fungsi yang merupakan gambaran dari pentingnya suatu tempat dalam memberikan keistimewaan dan keadaan yang menyokong tujuan aktiviti atau keinginan khusus (Stokols dan Shumaker, 1981). Pencapaian tujuan dengan nilai yang tinggi akan membuat lebih banyak perasaan positif kepada suatu tempat. Sejauh mana tingkat keterikatan atau pergantungan perseorangan kepada suatu tempat perlu diambil kira. Suatu tempat akan berfungsi melayani keperluan dan tujuan perseorangan, atau untuk mencapai motivasi, atau seberapa positif perasaan pengalaman perseorangan berada pada tempat tersebut.

Menurut Smaldone (2005), pergantungan tempat muncul dari gambaran seseorang akan dua perkara, iaitu kualiti tempat terkini dan kualiti dari tempat pengganti sebagai bandingan kepada tempat terkini. Moore dan Graefe (1994) dan Smaldone (2005) menghubungkan pergantungan pada tempat dengan kuatnya perasaan saling berhubung antara manusia dan suatu tempat khusus atau sejauh mana tingkat kekuatan perasaan pengguna bersepada dan bergantung pada suatu tempat. Pemahaman ini dapat dihubungkan juga dengan kualiti fungsi dari elemen fizikal dan aktiviti yang berbeza dengan tempat lain, yang merupakan perhatian utama dalam menghasilkan kualiti pada produk rekabentuk bandar dan dalam penilaian suatu tempat yang sukses.

## **2.4. Pengukuran keterikatan tempat**

Keterikatan tempat muncul melalui pengaruh hubungan antara manusia dan tempat kerana kepuasan, nilai dan pengenalan manusia kepada suatu tempat khusus (Bonnes & Secchiaroli, 1995). Beberapa kualiti suatu tempat telah diukur berasas kepada cara tempat tersebut dirasai dan dinilai oleh penggunanya, ianya sangat penting bahawa perhatian harus diberikan kepada pengaruh dimensi tempat, kerana persekitaran bandar bertujuan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan bagaimana mereka merasainya (Carmona et.al, 2003). Tempat dalam bandar dapat dikatakan sukses jika berasas pada persepsi penggunanya, pertanyaan penting atau tidaknya suatu tempat bagi penggunanya dapat dijelaskan melalui mengenal pasti keterikatan tempat.

Konsep keterikatan tempat dapat menyediakan ukuran kualiti suatu tempat dengan lengkap dan menyifatkan atribut-atribut dan ciri-ciri yang dirasakan penting bagi pengalaman penggunanya. Altman dan Low (1992) mempertimbangkan perbezaan definisi keterikatan tempat dalam literatur dan mencatat bahawa satu aspek definisi yang konsisten dari konsep ini ialah kualiti emosi yang dimiliki. Bagaimanapun mereka tidak memberi penekanan kepada kualiti ini, namun menunjukkan kepada ilmuwan lain yang berpendapat bahawa kognisi dan tingkah laku termasuk dalam konsep keterikatan tempat. Penyelidikan ini menyemak keterikatan tempat yang meliputi aspek-aspek dari persepsi persekitaran berupa: afektif (perasaan), *interpretive* (makna dan hubung-kait) dan *evaluative* (nilai-nilai dan pilihan), dan *conative* (komitmen tingkah laku). Penyelidikan akan melakukan proses triangulasi terhadap aspek-aspek ini untuk membuka dimensi keterikatan tempat.

Difahamkan bahawa pendekatan ‘*experiential*’ bersetujuan dengan penyelidikan ini. Adalah penting untuk melebarkan penyelidikan kepada pencarian sebenar kepada rasa dan pengalaman seseorang kepada lokasi tempat yang diukur dan dinilai. Sehingga pengukuran tidak berasas hanya pada generalisasi persepsi yang terpisah dari keadaan/situasi tempat pengukuran. Ianya juga bermakna bahawa keterikatan tempat harus didukung oleh fakta-fakta sebenar daripada apa yang terjadi dan bagaimana sesuatu terjadi pada suatu tempat. Melalui pengamatan perseorangan, tafsiran suatu tempat yang berbeza dengan tempat lainnya dapat dijelaskan. Ianya juga memberikan tafsiran objek dan ciri-ciri yang lebih tepat untuk menjelaskan alasan-alasan mengapa sikap-sikap umum yang terjadi pada tempat berbeza menurut ciri-ciri perseorangan.

Ada dua jenis pendekatan dalam pengukuran keterikatan tempat, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Dimensi-dimensi asas dari keterikatan tempat dikenal pasti sebagai suatu perbezaan (persepsi terhadap tempat sebagai sesuatu yang unik atau berbeza), penilaian (makna negatif atau positif) (Gustafson, 2001). Dua cara pengukuran persepsi persekitaran ialah langsung (*direct*) dan tidak langsung (*indirect*) (Prohansky dan Ittleson, 1976; Gifford, 1982).

Pendekatan kaedah tidak langsung ialah *self-reports* (soal selidik, temubual, *checklist* dan deskripsi bebas), *time-sampling* (melaporkan pada beberapa interval masa tentang apa yang dilihat) seperti Lynch (1960) yang berjalan mengelilingi blok dan terakhir ialah rangkuman dari tingkah laku. Sementara kaedah langsung meliputi pendekatan fenomenologi, untuk menyemak dan penjelasan situasi manusia dan

acara-acara yang terjadi, seperti yang terjadi secara spontan dalam kehidupan sehari-hari (von Eckartsberg, 1998). Pendekatan ini dapat dihasilkan melalui deskripsi kritis tentang apa yang terjadi, setelah membuang semua dugaan awal tentang objek itu (Seamon, 1982). Tujuannya ialah untuk memahami secara kualitatif keunikan makna holistik suatu tempat. Kaedah ini telah digunakan oleh Jacob (1961) dalam mengkaji bandar-bandar utama di Amerika Syarikat dan oleh Tuan (1974) dalam menjelaskan pengalaman khusus seperti *topophilia* - keterikatan emosi kepada tempat.

Penyelidikan ini menggunakan kedua-dua kaedah tersebut, iaitu langsung dan tidak langsung, untuk menyemak keterikatan tempat dan perbezaan tempat (*place distinction*). Kaedah tidak langsung (soal selidik, temu bual, *checklist* dan perbincangan bebas) menjelaskan corak-corak umum dan khusus hubungan manusia dengan *tempat*, sementara kaedah langsung (pemerhatian lapangan) memberi peluang kepada penyelidik untuk menyemak realiti suatu tempat dan aktiviti yang berlaku dalam mempengaruhi keterikatan. Melalui cara ini corak dan makna holistik keterikatan pada tempat dapat dicungkil.

Penyelidikan terkini menjelaskan perasaan sepunya dan keterikatan tempat dengan menggunakan cara kuantitatif. Terdapat beberapa angkubah digunakan untuk mengukur keterikatan meliputi: keakraban (*familiarity*), tempoh bersosiasi, pergantungan tempat, identiti tempat, *sense of belonging* dan *sense of place* (Relph, 1976; Prohansky et.al, 1995, Shamai, 1991, Stedman, 2003).

**Jadual 2.1:** Pengukuran perasaan sepunya oleh Shamai (1991)

Peringkat	Ukuran Perasaan sepunya	Kata Kunci
0	<i>Tidak memiliki perasaan sepunya</i>	Tidak ada keterikatan
1	<i>Mengetahui berada di suatu tempat (place)</i> - apabila orang tahu bahawa mereka tinggal di tempat yang dibezakan dan sekurang-kurangnya dapat mengenali simbol tempat itu, tetapi tidak mempunyai sebarang rasa yang mengikat mereka ke tempat ini	Mengetahui, memahami simbol
2	<i>Perasaan memiliki kepada tempat</i> - di peringkat ini, terdapat perasaan memiliki tempat. Tidak hanya mengetahui nama tempat dan simbol sahaja (seperti dalam peringkat 1), tetapi juga perasaan 'kebersamaan' dan matlamat yang sama. Apa yang berlaku di tempat itu adalah penting. Simbol-simbol tempat adalah dihormati.	Rasa memiliki, kebersamaan, perasaan nasib yang sama, simbol- simbol dihormati
3	<i>Keterikatan kepada tempat</i> - peringkat ini melibatkan penempatan emosi ke tempat di peringkat yang lebih tinggi. Tempat mempunyai makna, ia adalah pusat pengalaman peribadi dan kolektif dan identiti yang bergabung dengan pengertian tempat dan simbol untuk mewujudkan 'personaliti' tempat. Tempat menonjol kerana keunikan dan melalui perbezaannya dari tempat-tempat lain	Emosi, makna, pengalaman, symbol, identiti, personaliti, keunikan, perbezaan
4	<i>Mengenal pasti dengan matlamat tempat</i> - apabila majoriti rakyat tempat itu mengiktiraf matlamat tempat itu dan selaras dengan mereka. Pada peringkat ini terjadi gabungan dan pengadunan dengan kepentingan dan keperluan tempat. Ia bermakna bahawa ada ketaatan dan kesetiaan kepada tempat	Berkongsi matlamat, kesetiaan, ketaatan
5	<i>Penglibatan dalam tempat</i> - pada peringkat ini bahawa penduduk itu mengambil peran dan peranan dalam masyarakat kerana komitmen kepada tempat. Canter (1977) menerangkan ini sebagai mengambil "peranan persekitaran", berbeza dengan semua peringkat sebelum ini yang berasas terutamanya kepada sikap, peringkat ini (dan selanjutnya) menyiasat terutamanya melalui kelakuan sebenar penduduk. Ianya melakukan pelaburan sumber daya manusia, seperti bakat, masa, atau wang, aktiviti atau organisasi yang berorientasi kepada tempat.	Komitmen, penglibatan, tingkah laku, pelaburan sumber daya manusia dalam aktiviti kumpulan, terlibat aktif.
6	<i>Berkorban untuk tempat</i> - ini adalah peringkat tertinggi tentang sense of place. Ia melibatkan komitmen yang tidak terhingga kepada suatu tempat, dan direalisasikan melalui pengorbanan ciri penting dan nilai-nilai seperti kemakmuran, kebebasan, atau, dalam situasi yang paling ekstrim mengorbankan hiduonya sendiri. Di peringkat ini adalah kesediaan untuk memberi kepentingan peribadi dan / atau kolektif demi kepentingan yang lebih besar kepada tempat.	Pengorbanan, komitmen yang besar

Sumber : Shamai (1991)

Shamai (1991) mengembangkan tujuh peringkat ukuran (rujuk Jadual 2.1) untuk mengukur perasaan sepunya atau perasaan kepada ukuran tempat yang berbeza (negara, wilayah dan wilayah metropolitan). Menurutnya tidak semua peringkat sesuai untuk digunakan sebagai semua jenis tempat. Berdasarkan kepada ukuran, tahap keterikatan tempat dapat bermula dari peringkat 1 hingga 6. Dalam penyelidikan ini, ukuran pengukuran perasaan sepunya dapat membantu penyelidik dalam mengenal pasti bentuk dan tahap keterikatan tempat dalam jenis dan ukuran yang berbeza


(seperti: ruang terbuka awam). Kategori berupa: rasa memiliki, keterikatan dan komitmen dapat digunakan dalam penyelidikan ini.

#### **2.4.1. Hubungan keterikatan tempat dengan jenis dan ukuran suatu latar**

Hidalgo dan Hernandez (2001) melakukan penyelidikan tentang tahap keterikatan menurut kategori perbezaan spasial (rumah, komuniti dan bandar) dengan hasil sebagai berikut: (i) keterikatan pada komuniti ialah yang paling lemah, (ii) keterikatan sosial lebih besar dibandingkan keterikatan fizikal, (iii) tahap keterikatan berbeza menurut usia dan jantina. Penyelidikan itu menyatakan bahawa bandar merupakan keterikatan fizikal yang paling kuat, sementara rumah lebih kuat membentuk keterikatan sosial. Dalam konteks penyelidikan ini, kajian akan diluaskan kepada jenis keadaan khusus dalam bandar (ruang terbuka awam dalam bandar) untuk menyemak bagaimana konsep keterikatan tempat difahamkan dengan ukuran dan jenis persekitaran bandar yang berbeza. Ini akan dapat menjawab pertanyaan tentang jenis keterikatan yang mana (emosi, fungsi atau sosial) yang lebih umum dalam pengalaman di suatu tempat dan juga ciri-ciri demografi dalam mempengaruhi kekuatan keterikatan. Menurut Steadman (2003), ciri-ciri lanskap mengendalikan makna tempat yang kemudian membentuk keterikatan tempat (identiti tempat) dan sikap-sikap kepuasan kepada tempat (Davenport dan Anderson, 2005).

Ulasan literatur menunjukkan bahawa istilah yang berhubung kait dengan keterikatan tempat adalah sangat rapat dengan persekitaran semulajadi dan latar

kejiraninan (*neighbourhood setting*) (Davenport and Anderson, 2005; Stedman, 2000; Lobo, 2004). Turutam daripada pendapat beliau, perlu ada penyelidikan mendalam mengenai cara-cara setiap tempat yang boleh mempertahankan makna untuk masyarakat di luar persekitaran semulajadi dan kawasan kejiraninan tempatan (Davenport and Anderson, 2005). Ianya perlu dibuat dugaan bahawa masyarakat dapat membangun keterikatan melalui tempat-tempat bermula dari skop kecil seperti rumah dan jalan sehingga skop yang lebih besar seperti bandar (Hidalgo and Hernandez, 2001) dan ukuran keterikatan yang terjadi adalah beranika, khas dan terwujud (Altman and Low, 1992). Dalam penyelidikan ini diandaikan bahawa jenis-jenis tempat akan menentukan bentuk keterikatan tempat tersebut seperti didalam Rajah 2.1.




**Rajah 2.1:** Hubungan keterikatan tempat dengan persekitaran bandar

## **2.5. Faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat**

Beberapa literatur tentang keterikatan tempat telah menjelaskan bahawa bentuk dan tahap suatu keterikatan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Penggubalan keterikatan tempat dipengaruhi oleh ciri-ciri sosio-demografi (Altman dan Low, 1992; Gustafson, 2001), hubungan aktiviti dan pengurusan (Kyle, et.al, 2004; Davenport dan Anderson, 2005) dan jenis lanskap (William et.al, 1995). Menurut Lobo (2004), perasaan sepunya pada komuniti (konteks di Amerika Utara) bermula tidak hanya dari tempoh lamanya menetap atau pemilikan tempat, tapi berhubung kait dengan semua bidang fizikal, emosi dan persepsi serta atribut-atribut yang ada pada tempat tersebut.

Menurut Steadman (2003), persekitaran fizikal dan ciri-cirinya memberi sumbangan dalam membentuk perasaan sepunya. Stedman (2003) menemukan bahawa ciri-ciri fizikal diikuti dengan keterikatan kuat dan kepuasan tempat. Walau bagaimanapun, Stedman (2003) berpendapat bahawa penyelidik gagal untuk menjelaskan tahap pengaruh dan penyebab terbentuknya hubungan (*linkage*). Mengikut pendapat beliau penyelidikan ini distrukturkan untuk menyemak tahap pengaruh dimana ciri-ciri dan atribut-atribut pada ruang terbuka awam di tepi air mempengaruhi keterikatan tempat (rujuk Rajah 2.2).



**Rajah 2.2:** Faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat

### 2.5.1. Pengaruh tempoh penggunaan dan keakraban (*familiarity*)

Tempat yang dianggap paling popular oleh perseorangan atau kumpulan ialah tempat yang memiliki pengalaman dengan peringkat tertinggi, selalunya dihasilkan dari proses habitasi dengan masa yang panjang dalam lokaliti yang khusus, acara-acara penting atau kekerapan kunjungan (Hay, 1998; Moore dan Graefe, 1994; Gustafson, 2001). Penyelidikan ini berpendapat bahawa dimensi masa dapat dihubungkan dengan keakraban. Bagaimanapun kesan efek keakraban pada keterikatan belum diperbincangkan secara luas. Pengaruh lain seperti memori dan sejarah suatu tempat dan peranan pengguna yang memakai tempat pada banyak kes tidak ditegaskan dalam penyelidikan keterikatan tempat dan perasaan sepunya. Dalam kajian ini dinyatakan andaian bahawa tempoh lamanya penggunaan dan keakraban pada ruang terbuka awam di tepi air mempengaruhi tahap keterikatan.

Keakraban (*familiarity*) dapat dibahagi kepada empat dimensi utama. Pertama ialah yang berhubung kait dengan pengetahuan tempatan, seperti: mengetahui dimana tempat itu berada. Kedua ialah pengenalan visual yang berhubung kait dengan kemampuan untuk mengenal pasti suatu tempat. Ketiga ialah pengenalan nama tempat dan keempat ialah bersepadu dengan tempat tersebut. Tempat yang paling dikenali ialah yang paling banyak dan paling sering digunakan atau dikunjungi. Menurut Mainardi Peron, et.al, (1990), ada dua peringkat perbezaan keakraban (*familiarity*) iaitu: keakraban yang dikenali (*acquaintance familiarity*) dan keakraban fungsi (*functional familiarity*). Peringkat pertama merujuk pada berulangnya kunjungan tanpa memiliki tujuan khusus. Peringkat kedua merujuk kepada ketetapan untuk terus berhubungan dengan tempat dan bersepadu dengan fasiliti melalui aktiviti yang berlaku didalamnya. Dalam kajian ini keakraban dan tempoh lamanya penggunaan berlaku sebagai penunjuk untuk keterikatan fungsi pada tempat yang berhubung-kait dengan aspek pengenalan dan fungsi. Konsep ini belum sepenuhnya diterjemahkan, melainkan hanya kesepakatan umum bahawa pelbagai tingkat keakraban dapat mempengaruhi persepsi dan sikap manusia (Mainardi Peron, et.al, 1990).

Adalah penting untuk memahami keakraban dengan konteks tempatan kerana perubahan bentuk-bentuk pada suatu tempat (seperti: promenade tebing sungai) jika tidak diimplementasi secara berhemah akan menjaskan keakraban seseorang, maka pengguna akan kehilangan keterikatan dengan tempat yang akrab dengan mereka.

### **2.5.2. Pengaruh ciri-ciri demografi**

Kekuatan rasa keterikatan (*sense of attachment*) pada suatu tempat khusus dipengaruhi oleh bangsa, suku atau identiti (Rose, 1995). Ide ini menghuraikan bahawa makna dapat dikategorikan berasas kepada kepelbagaiannya ciri-ciri manusia. Adalah penting untuk mengenal pasti keterikatan tempat dan perbezaan tempat berasas pada persetujuan dari peringkat kumpulan pengguna menurut peranan dan ciri-ciri sosio-budaya mereka. Menurut Rose (1995), jika tempat menjadi pusat untuk identiti manusia, emosi yang kuat kepada suatu keterikatan tempat dapat menyebabkan penguasaan ruang.

### **2.5.3. Pengaruh peranan pengguna**

Dalam penyelidikan ini, erti dari ‘peranan’ ialah sejauh mana sesuatu atau seseorang terbabit dalam situasi atau aktiviti dan impak yang mereka terima di dalamnya. Pengguna ialah mereka yang berada di ruang awam atau bangunan untuk penggunaan pasif atau aktif (Francis, 1989). Bersesuaian dengan pendapat belaiu bahawa keterikatan tempat dipengaruhi oleh tempoh lamanya hubungan dan kekerapan penggunaan, maka pengguna dalam penyelidikan ini merujuk kepada mereka yang secara berkala menggunakan tempat (indikasi dari peringkat keakraban) dan berada pada suatu tempat secara sosial dan ekonomi (indikasi dari peringkat kebebasan).

#### **2.5.4. Pengaruh budaya**

Reaksi yang terjadi pada persekitaran dipengaruhi oleh budaya, kepercayaan dan pengalaman masa lalu (Rapoport, 1977). Budaya selalu dihubungkan dengan kepercayaan dan persepsi, nilai-nilai dan norma-norma, adat dan bentuk tingkah laku membentuk kluster ciri-ciri (Altman, 1984). Aspek budaya dari suatu tempat meliputi makna-makna yang berhubung-kait dengan persekitaran (Gustafson, 2001). Ianya dapat dihubungkan dengan pendapat Low (1992) yang menghuraikan bahawa keterikatan tempat memiliki pengaruh budaya dan aktiviti yang berhasil dari tempat yang wujud dari sumber-sumber sosio-politik, sejarah dan budaya.

Kepelbagaian dari persekitaran boleh dijadikan cermin hasil dari keragaman budaya yang membezakan satu kumpulan dengan kumpulan yang lain (Rapoport, 1982). Ia merupakan cara hidup, simbol, makna dan kognisi, dan strategi bertahan diterima sebagai norma, kepentingan dan selalu tipikal di kumpulan masyarakat (Rapoport, 1977). Dalam kes kemajmukan sosial, difahamkan bahawa prinsip-prinsip budaya memberikan peranan penting dalam membentuk definsi identiti kumpulan sehingga mempengaruhi ciri dan identiti tempat yang mereka tempati.

Keterikatan perseorangan boleh terpisah dari prinsip budaya. Dalam menyemak isu perubahan budaya dan perbezaan dalam keterikatan sejajar dengan bentuk budaya yang berbeza, sebaliknya Riley (1992) cuba menjelaskan dengan memisahkan perseorangan melalui nilai-nilai umum dan makna yang diberikan oleh kumpulan. Dalam penyelidikan ini, keterikatan tempat akan dilihat melalui pengalaman

perseorangan tentang tempat yang dipengaruhi oleh ciri-ciri dan nilai-nilai budaya yang dibuat oleh komuniti.

## **2.6. Perbezaan ciri-ciri tempat**

Dalam konteks rekabentuk bandar, ciri bandar dihubungkan dengan ciri-ciri dari suatu tempat yang memiliki ciri-ciri khusus, perbezaan, unik, terkenal, dominan, mudah dikenali, memiliki memori dan mudah di kenal pasti oleh manusia (Lynch, 1960). Dalam penyelidikan persepsi, identiti diertikan sebagai pengenalan kepada suatu objek yang memiliki perbezaan dari benda lain, objek tersebut dikenal sebagai unit yang terpisah (Lynch, 1981). Hubungannya dengan keterikatan tempat ialah bagaimana perseorangan atau kumpulan menggunakan ruang, kemudian memberikannya makna sebagai tempat untuk membezakan tempat tersebut dari tempat yang lain (Relph, 1976).

Ciri dan identiti tempat merupakan unsur dinamik suatu persekitaran. Identiti tidak terbatas hanya dengan mempertahankan bentuk dan bangunan khusus. Bagaimanapun dengan cara mempertahankan nilai-nilai akan memperkuat identiti. Kajian ini dirancang untuk memahami hubungan antara ciri dan identiti dari suatu tempat khusus (seperti: ruang terbuka awam di tepi air) dan keterikatan tempat para penggunanya. Adalah penting untuk memahami bagaimana kualiti ini saling berhubungan dan menemukan strategi pengukuran yang paling sesuai sehingga kualiti perbezaan suatu tempat dapat dikenali.

### **2.6.1. Perasaan sepunya dan semangat tempat**

Konsep perasaan sepunya (*sense of place*) telah digunakan dalam penyelidikan hubungan manusia dengan tempat, keterikatan dan makna tempat (Stedman, 2003; Lobo, 2004). Konsep-konsep seperti *rootedness*, *topophilia* (kecintaan akan tempat), emosi komuniti, emosi tempat, keterikatan tempat juga digunakan untuk menjelaskan perasaan sepunya, sebelum ini konsep tersebut tidak jelas dan definisinya sangat susah untuk dijelaskan dan diukur (Shamai, 1991). Kajian dari literatur menjelaskan bahawa penyelidikan rekabentuk bandar menghubungkan perasaan sepunya dengan identiti dan ciri bandar yang berhubung-kait dengan bentuk, keistimewaan dan aktiviti bandar. Sementara penyelidikan psikologi persekitaran meletakkannya sebagai konsep keterikatan tempat yang lebih luas.

Tempat dapat dilihat ke dalam dua aspek: perasaan sepunya (*sense of place*) dan semangat tempat (*spirit of place*) (Steele, 1981). Perasaan sepunya dinyatakan sebagai pengalaman seseorang dalam suatu keadaan dan cara seseorang merasai dan persepsinya kepada suatu tempat (Williams et.al, 1992; Relph, 1976). Dalam perbincangan ini, Ian Nairn (1965) dalam Relph (1976) menghubungkan dengan keperluan pengenalan orang tersebut kepada persekitarannya dan keperluan untuk berada pada tempat yang dikenali. Oleh itu, perasaan sepunya merupakan penglibatan keperluan manusia untuk mengenal persekitaran secara peribadi.

Semangat tempat (*spirit of place*) dinyatakan sebagai kombinasi ciri-ciri yang memberikan rasa yang khusus pada suatu lokasi/tempat, yang juga disebut sebagai

ruh tempat. Relph (1976) berpendapat bahawa semangat suatu tempat memiliki topografi dan penampilan, fungsi ekonomi dan aktiviti sosial, dan makna khusus yang berpunca dari masa lalu, situasi masa kini dan semangat untuk mempertahankannya. Pada pengembangan bandar moden, perbezaan suatu tempat dimunculkan oleh rasa (*sense*) dan semangat (*spirit*) selalunya diturunkan kepada penampilan, imej dan fungsi ekonomi yang tidak berhubung-kait dengan sejarah masa lalu, sosial dan makna budaya. Sehingga kini identiti dan makna suatu tempat yang berkait dengan sejarah dan budaya menjadi hilang dan tidak dikenali.

Manusia dan aktiviti merupakan kunci dalam kehidupan suatu tempat yang menimbulkan rasa memiliki (*sense of belonging*) dan semangat masyarakat atau komunitinya (Steele, 1981). Bangunan dan ruang terbuka dibangunkan membentuk corak fizikal bandar, manusia dan aktivitinya sebagai unsur dinamik persekitaran bandar bersama memberi atmosfera khusus yang membentuk ciri tempat secara menyeluruh. Ruang terbuka awam tepi air merupakan tempat dimana unsur-unsur tempat secara dinamik saling menjalin dalam persekitaran yang berorientasikan kepada masyarakat awam. Ini merupakan punca dimana keterikatan fizikal dan emosi bersatu dalam pengalaman pada suatu tempat yang penuh makna.

### **2.6.2. Ciri dan atribut tempat**

Dalam memahami ciri sesuatu tempat, beberapa penulis mengungkap kepentingan atribut dan ciri-ciri tempat dalam membina perasaan sepunya dan keterikatan (Stedman, 2003; Williams et.al, 1992; Gieryn, 2000). Maksud pendekatan atribut

ialah bahawa bagaimana suatu keadaan tempat disusun oleh atribut dan ciri-ciri yang berbeza sehingga para pengguna merasai makna tempat tersebut (Gieryn, 2000). Adalah lebih penting untuk memahami ciri tempat melalui kualiti yang dominan dan mencatat bagaimana dan mengapa kualiti itu terjadi. Pendekatan ini menjelaskan bahawa manusia secara emosi hanya membabitkan diri pada beberapa atribut atau ciri-ciri suatu tempat, tidak secara menyeluruh. Penyelidikan ini menyemak atribut-atribut yang berhubungan dengan dimensi keterikatan tempat.

Informasi tentang atribut dan ciri-ciri dari persekitaran memberikan persepsi dan kognisi sehingga mempengaruhi perasaan dan emosi. Dalam proses membina tempat (*placemaking*), ciri yang berbeza berada dalam suatu tempat dimana skap-bandar dan lanskap memberi tindak balas pada keistimewaan atau ciri-ciri tempatan dan perasaan sepunya atau identiti tempatan diciptakan oleh mercu tanda, tempat, manusia dan budaya tempatan (Llwelyn, 2000). Ianya menjelaskan bahawa suatu tempat yang berjaya ditentukan oleh aspek fizikal dan sosio-budaya.

Beberapa atribut dan ciri-ciri yang berbeza pada suatu keadaan khusus diyakini sebagai suatu tempat dalam bandar yang maju dan baik. Bentley et.al, (1985) mengenal pasti beberapa atribut untuk membuat persekitaran yang responsif, iaitu: *permeability, variety, legibility, robustness, visual appropriateness, richness and personalization*. DETR dan CABE (2000) mencatat beberapa atribut, iaitu: ciri, *continuity* dan *enclosure*, *quality of public realm, ease of movement, legibility, adaptability* dan *diversity* untuk menciptakan suatu tempat yang baik. PPS (1999) menghuraikan atribut-atribut untuk suatu tempat yang sukses: *comfort, image,*

*access, linkage, uses, activity* dan *sociability*. Lynch (1981) mengungkapkan lima dimensi untuk bentuk bandar yang baik: *vitality, sense, fit, access* dan *control, efficiency* dan *justice*. Kualiti yang hampir sama juga dicatat oleh Montgomery (1998) berupa prinsip-prinsip untuk *placemaking*: *scale, intensity, permeability, landmark, adaptability, cognition, perception, information, diversity, vitality, transactions* dan *cultural events*. Tibbalds (2003) mencatat prinsip-prinsip dalam rekabentuk bandar untuk menghasilkan tempat yang baik: *hierarchy, identiti dan control, access to opportunities, imagination* dan *joy, authenticity* dan *meaning, community dan public life, bandar self-reliance, an environment for all*.

Dalam pemikiran rekabentuk bandar, Montgomery (1998) meringkaskan atribut-atribut yang memberikan sumbangan kepada bentuk bandar, aktiviti, daya hidup serta budaya bandar yang baik. Beliau mengungkapkan bahawa atribut-atribut suatu tempat berpunca dari bentuk (*townscape, scale, permeability, landmark, public realm*), akitiviti (*diversity, street life, behavior pattern, transaction*), makna (*legibility, cultural association, perceived functions, attraction*) dan imej (*cognition, perception, information, symbolism, memory*). Sebagai tambahan, Canter (1977) dan Relph (1976) berpendapat bahawa makna dan imej dipandang sebagai konsep yang menjelaskan proses sosial, psikologi dan emosi manusia. Jadual 2.2 dan Jadual 2.3 meringkaskan elemen-elemen yang berhubungan dengan bentuk fizikal, aktiviti, imej dan makna dan atribut yang sesuai, dikumpulkan dari pelbagai teori dan praktik rekabentuk bandar.

**Jadual 2.2:** Pendekatan untuk tempat yang berjaya berhubungan dengan atribut dan ciri-ciri

TEORI	Bentuk Fizikal	Imej	Aktiviti
<i>Good City Form</i> (Lynch, 1981)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Daya hidup</li> <li>▪ Perasaan</li> <li>▪ Kecergasan</li> <li>▪ Akses</li> <li>▪ Pengurusan</li> </ul>		
<i>Responsive Environment</i> (Bentley, I. et al., 1985)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ketelusan</li> <li>▪ Kepelbagaian</li> <li>▪ Keterbacaan</li> <li>▪ Robustness</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Visual yang wajar</li> <li>▪ Kekayaan</li> <li>▪ Persendirian</li> </ul>	
<i>Good Urban Environment</i> (Jacob & Appleyard, 1987)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Daya hidup</li> <li>▪ Identiti dan pengawasan</li> <li>▪ Akses</li> <li>▪ Imajinasi dan kesenangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keaslian dan makna</li> <li>▪ Komuniti dan kehidupan awam</li> <li>▪ Kemandirian</li> <li>▪ Persekutuan untuk semua</li> </ul>	
<i>Urban Design Principles</i> (Tibbalds, 1988)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Urutan</li> <li>▪ Ukuran</li> <li>▪ Susunan</li> <li>▪ Pelingkup</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bahan</li> <li>▪ Hiasan</li> <li>▪ Seni</li> <li>▪ Tanda dan cahaya</li> <li>▪ Komuniti</li> </ul>	
<i>Place-making Criteria</i> (Montgomery, 1998)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ukuran ketelusan</li> <li>▪ Kepadatan</li> <li>▪ Mercu tanda</li> <li>▪ Kesesuaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kognisi</li> <li>▪ Persepsi</li> <li>▪ Informasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kepelbagaian</li> <li>▪ Daya hidup</li> <li>▪ Transaksi</li> <li>▪ Acara budaya</li> </ul>
<i>Succesfull Place Criteria</i> (Project fo Public Space, 1999)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keselesaan</li> <li>▪ Imej</li> <li>▪ Akses dan hubungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengguna dan aktiviti</li> <li>▪ Hubungan sosial</li> </ul>	
<i>Tujuan Rekabentuk Bandar</i> (DETR and CABE, 2000)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ciri-ciri</li> <li>▪ Ketelusan</li> <li>▪ Pelingkup</li> <li>▪ Kualiti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aliran pergerakan</li> <li>▪ Keterbacaan</li> <li>▪ Kesesuaian</li> <li>▪ Persendirian</li> </ul>	

**Jadual 2.3:** Unsur-unsur dan atribut-atribut berasas daripada komponen tempat

Manusia dan Aktiviti		Corak/Bentuk Fizikal dan Ruang		Imej dan Makna	
Atribut	Unsur	Atribut	Unsur	Atribut	Unsur
Keselesaan Akses Hubungan	Pergerakan Penggunaan Aktiviti Hubungan, akses	Ketelusan Keterbacaan Kelanjutan	Tapak Bangunan Ruang terbuka Jalan	Perasaan Keaslian Persepsi	Hubungan budaya Mercutanda Perasaansepunya Masa
Kepelbagaian	Tradisi tempatan	Keindahan	Skap bandar	Hubungan-sosial	Globalisasi
Keterbacaan Daya hidup Pilihan Kepentingan Transaksi	Kehidupan ruang bandar Perilaku Penggunaan awam Penggunaan privat Penggunaan komuniti Penggunaan campuran Kemudahan awam Acara semasa	Persendirin Ukuran Imej	Hubungan visual Mercu tanda Bahan Pokok & tumbuhan Hiasan Seni Konservasi Informasi Keindahan Tanda & simbol	Keterbacaani Keselamatan Keamanan Kestabilan	Nilai budaya Nilai sosial Keramahan Nilai sejarah Suara & bau Rasa memiliki Rasa bangga Atraksi Keterikatan

Atribut-atribut tersebut secara universal dapat diterima apabila tempat dapat berfungsi secara bertindak balas dan memiliki kualiti yang baik. Namun makna sebenar atribut-atribut hanya dapat difahami melalui pemahaman makna dan keterikatan lokaliti tempat. Ini merupakan punca dimana kekuatan ciri muncul dan identiti terbentuk. Persoalannya ialah atribut yang mana memiliki kekuatan berhubung-kait dengan perasaan sepunya kawasan kes kajian? Pengenalan secara positif pada ciri-ciri suatu tempat dan perasaan positif kepada suatu tempat akan menunjukkan perbezaan tempat secara positif dan memberikan sumbangan kepada identiti dan keterikatan pengguna pada tempat itu.

Dalam penyelidikan ini, akan diperbincangkan lebih lanjut tentang: (i) atribut yang melekat kepada aktiviti, (ii) atribut yang melekat kepada imej, (iii) atribut yang melekat kepada bentuk fizikal. Ianya untuk menetapkan kerangka teori sebagai asas kajian.

### **2.6.3. Atribut yang melekat kepada aktiviti**


Bahagian ini membahas tentang definisi dan peranan daya hidup (*vitality*), kepelbagaiannya (*diversity*) dan transaksi (*transaction*) dalam menghasilkan ciri dan identiti tempat.

Daya hidup dibezakan menurut tahap penglibatan dan kapasiti tempat untuk menghasilkan pilihan aktiviti untuk semua pengguna. Suatu tempat yang bertindak-balas mampu menampung aktiviti manusia (Jacobs, 1961). Daya hidup bererti

keaktifan, kuasa dan semangat tempat akibat dari hasil intensiti dan kepelbagaian dalam aktiviti. Keterikatan dibangunkan melalui penglibatan yang wujud dengan tempat. Kajian yang dilakukan oleh para ilmuwan menjelaskan bagaimana aktiviti yang sedang berlangsung menyumbang terhadap perasaan keterikatan pada tempat (Pellow, 1992; Low, 1992). Pergerakan pejalan kaki ialah bentuk lain dari penglibatan pada suatu tempat khususnya di ruang awam. Pergerakan pada ruang awam merupakan jantung pengalaman dalam bandar, ia juga merupakan faktor penting dalam menghasilkan kehidupan dan aktiviti (Carmona et.al, 2003). Jumlah orang di dalam dan sekeliling ruang awam (arus pejalan kaki) di waktu yang berbeza diantara siang dan malam, jumlah acara budaya dan perayaan, kemudahan awam, kehidupan aktif ruang awam dan perasaan semangat pengguna akan mempengaruhi daya hidup tempat (Montgomery, 1998). Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana elemen-elemen ini mempengaruhi keterikatan tempat.

Beberapa ilmuwan menggambarkan kepelbagaian (*diversity*) sebagai keanikaan aktiviti dan pengguna. Ia juga termasuk pelbagai bangunan, bentuk jenis dan fungsi. Ruang awam terbaik ialah ruang yang secara fizikal, ekonomi dan sosial memiliki keragaman, serta aktiviti yang lebih lama akan menyumbangkan *public realm* yang baik dan selamat (Jacobs, 1999). Kepelbagaian ialah atribut penting dalam latar bandar melalui campuran perbezaan yang memberikan tingkat pilihan dan anika kegunaan untuk orang ramai (Bentley, 1992; Dolbani, 2000). Ianya mempengaruhi perasaan semangat dan keselamatan yang boleh menyokong fungsi dan keterikatan sosial kepada tempat tersebut. Kawasan bandar yang baik harus melayani lebih dari satu tujuan primer dan aktiviti sekunder lainnya yang menarik pengguna untuk

memastikan kehadiran orang-orang di jalanan, di tempat awam dan bangunan pada masa yang berbeza tiap harinya (Montgomery, 1998).



**Rajah 2.3:** Rantaian aktiviti dalam bandar

Sumber: Wahid, 2006

Kewujudan aktiviti yang membantu untuk menghasilkan transaksi bukan disebabkan oleh unsur fizikal, namun, ia digambarkan oleh kesepaduan dan pengalaman individu. Tambahan pula, dua aktiviti utama iaitu aktiviti primer dan sekunder (Jacobs, 1961) adalah komponen utama rantaian dalam aktiviti bandar (rujuk Rajah 2.3). Ia adalah pertukaran aktiviti utama berterusan yang membentuk penumpuan manusia di kawasan bandar manakala aktiviti sekunder membantu untuk menyokong penggunaan berterusan ruang dengan pelbagai aktiviti tambahan. Aktiviti sekunder menarik orang ke dalam kumpulan dengan kelebihan penggunaan utama. Integrasi penggunaan primer dan sekunder disokong oleh poket aktiviti yang menyediakan hubungan menjadikan kepelbagaian fungsi aktiviti di kawasan bandar. Kepelbagaian ini memberikan daya hidup kepada persekitaran bandar dan diperkayakan kualiti ruang bandar.

Jaringan aktiviti primer dan sekunder serta sokongan poket aktiviti memberi persepaduan yang membuat suasana ruangan bandar menjadi hidup. Ianya menyebabkan transaksi yang berasas pada aktiviti ekonomi yang mempunyai sumbangan penting terhadap ciri ruang awam. Sesuatu tempat yang baik di bandar memberikan ruang untuk melakukan transaksi sosial dan budaya melalui persahabatan, peristiwa dan peluang. Transaksi dianjurkan jika waktu bermula perniagaan diteruskan sehingga kekerapan pertemuan diantara pengguna, gerakan dan pertukaran benda terus terjadi sepanjang hari dan malam (Montgomery, 1998). Peranan transaksi sosial (*socialability*) yang digambarkan sebagai *sense of wellcoming* antara pengunjung dan penduduk didalam ruang awam dan persepaduan masyarakat di jalan-jalan persekitaran akan menciptakan perasaan sepunya (Shuhana et.al, 2004). Dari literatur, difahami bahawa aktiviti memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keterikatan tempat. Ia perlu untuk mengenalpasti lebih lanjut bagaimana unsur ini mempengaruhi bentuk dan tahap keterikatan

#### **2.6.4. Atribut yang melekat kepada imej**

Bahagian ini akan menjelaskan definisi dan peranan keunikan (*distinctiveness*), keselesaan (*comfort*) dan keselamatan (*security*) dalam mendefinisikan tempat yang baik dan berjaya.

Keunikan ialah ketika ciri-ciri tertentu dalam suatu latar diamalkan, dominan dan unik yang dapat membezakannya dari tempat lain. Kualiti dan objek muncul secara

nyata dalam pengalaman kita tentang tempat yang menetapkan kesan terhadap kekuatan, keunikan dan keaslian identiti tempat tersebut (Relph, 1976).

Keselesaan (*comfort*) ialah atribut dari ruang awam yang berjaya dan menjadi sukatan bagi tempat awam yang baik (Carr et.al, 1992; Jacobs, 1999; PPS, 2001; Carmona et.al, 2003). Ianya berhubung kait dengan dimensi persekitaran (seperti: bantuan dari matahari, angin,); kemudahan fizikal (tempat duduk yang selesa dan mencukupi) dan keselesaan sosial dan psikologi (bergantung pada ciri dan suasana ruang) (Carmona et.al, 2003). Pada pengalaman ruang awam, berlaku penglibatan aktif serta penglibatan pasif. Penglibatan aktif merupakan pengalaman yang lebih langsung dengan tempat dan orang-orang di dalamnya (Carr et.al, 1992). Namun rasa ketenangan dapat dicapai dengan berada di suatu taman bandar dengan pohon-pohon, ciri-ciri kehijauan dan air serta jauh dari kesibukan lalu lintas kenderaan. Keselesaan dapat menghasilkan imej yang baik dan positif dirasai oleh pengguna (PPS, 2001; et.al Carr, 1992; Lynch, 1960).

Secara psikologinya, keselamatan dan keamanan (*safety and security*) ialah atribut yang berkait erat dengan keselesaan. Ini berkaitan dengan aspek ancaman, ketakutan dan bahaya yang mempengaruhi citra bandar dan persepsi dari pengguna dalam cara negatif. Jenayah, keselamatan jalan, vandalisme ialah beberapa masalah yang mempengaruhi tempat-tempat dalam bandar. Namun, kehadiran orang di ruang terbuka awam dapat meningkatkan rasa selamat sehingga dapat mengurangkan rasa takut (Gehl, 1987; Whyte, 1980; Jacobs, 1961). Beberapa cara untuk mempromosikan keselamatan ialah dengan menunjukkan dengan jelas antara ruang

awam dan swasta (penentuan teritorial), alam (informal), pengawasan (*eyes upon the street*) dipertingkatkan dengan kepelbagaian aktiviti dan fungsi (Jacob, 1984) serta perencanaan fizikal. Jika ruang awam tidak selamat, aura negatif dapat menghalang kelanjutan keterikatan pada tempat itu, sehingga mengurangkan daya hidupnya.

#### **2.6.5. Atribut yang melekat kepada bentuk fizikal**

Dua atribut utama dari elemen fizikal yang menyumbang terhadap ciri tempat ialah aksesibiliti dan kefahaman (*legibility*). Pertama, aksesibiliti dikaitkan dengan kemampuan untuk mencapai dan menemui orang lain, aktiviti, sumber daya, perkhidmatan, maklumat, atau tempat yang meliputi kuantiti dan kepelbagaian unsur-unsur (Lynch, 1981). Perhubungan (*connectivity*) penting dalam menyokong daya hidup jalan-jalan dan gerakan pejalan kaki. Perhubungan sangat erat kaitannya dengan ketelusan (*permeability*) tempat iaitu kemampuan untuk lebih mudah mendapatkan dan bergerak melalui tempat, sehingga memberikan kemudahan gerakan. Kualiti ini menentukan nilai lokasi, terutamanya ia memiliki peranan penting kepada kelangsungan perniagaan di tempat-tempat komersial. Keselesaan, keselamatan dan keamanan dimana orang pergi dan melewati bangunan, tempat dan ruang memberi peranan besar dalam menentukan kewujudan suatu tempat (CABE, 2000). Ini akan menyokong keterikatan pengguna dan tempat daya tarikan bagi orang untuk membeli-belah, bersepadu dan rekreasi.

Aksesibiliti merupakan faktor penting dalam menentukan kualiti penggunaan. Keperluan ini berupa lokasi, isyarat visual, dan kefahaman (Carr, 1992). Faktor ini

penting untuk aktiviti ekonomi dan transaksi, tempat yang mudah diakses pasti dapat menarik lebih ramai pengguna untuk berjalan-jalan, membeli-belah atau ke kedai-kedai tertentu di dalam pusat bandar. Aksesibiliti terhadap kemudahan awam dan kemudahan untuk semua jenis pengguna yang juga penting dalam menentukan kualiti tempat.

Kefahaman (*legibility*) merujuk pada kemudahan yang boleh dikenalpasti, diatur dan dilakukan oleh masyarakat di persekitaran. Dengan kata lain kefahaman ialah sejauh mana lapangan boleh teratur dan membentuk perasaan sepunya (PPS, 2001). Kefahaman menyifatkan betapa mudahnya orang dapat memahami tata letak tempat (Bentley, 1992). Ianya merujuk pada kejelasan skap-bandar baik dari bentuk fizikal dan fungsi (corak dan jenis aktiviti). Ini mempengaruhi bagaimana orang boleh memahami peluang apa yang disediakan oleh tempat. Tingginya tahap kefahaman akan memudahkan orang untuk membentuk imej yang tepat dan jelas tentang tempat sementara visibiliti dan kemunculuan (*appereance*) membantu pengguna untuk bersepada dalam ruang-bandar (Dolbani, 2000). Lima elemen fizikal utama yang berpengaruh pada imej ialah: jalan, tepian, distrik, node dan mercu tanda (Lynch, 1960). Namun unsur-unsur ini tidak dapat terwujud secara terpisah tetapi harus digabungkan untuk mencipta citra keseluruhan bandar sehingga memberikan sumbangan untuk mewujudkan ciri-tempat. Unsur yang lain ialah tanda dan simbol, persekitaran dan ciri-ciri lanskap sebagai acuan bermaklumat bagi pengguna.

Ciri-ciri dan penampilan fizikal mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi erti tempat. Persekuturan fizikal 'memberikan imej' sehingga *topophilia* (cinta pada

tempat) memiliki keterikatan objek yang nyata (Tuan, 1974). Dalam hal ini, Lynch (1960) menghubungkan fungsi imej yang jelas tentang unsur-unsur bandar dengan fungsi emosi (keselesaan, rasa orientasi, dan rasa selamat) dan fungsi simbolik (simbol dan hubungan yang kuat) dengan tempat. Makna juga dihasilkan oleh simbol-simbol yang berkait erat dengan pengalaman dan keterikatan seseorang (Gifford, 1987), pengetahuan tentang sumbangan fungsi-fungsi dan atribut tempat terhadap keterikatan lebih lanjut akan diteliti dalam kajian ini.

## **2.7. Pengenalan ciri-ciri tempat**

Lynch (1981) menyatakan bahawa makna dari objek merupakan aspek penting dalam mengenalpasti citra bandar. Dia mengenalpasti bahawa imej persekitaran yang baik memerlukan tiga atribut: identiti (dan perbezaan objek, sebagai objek yang berasingan), struktur (hubungan objek dengan pemerhati dan objek lain) dan makna (makna objek, praktikal atau emosi). Namun, dalam penelitiannya pada imej bandar, Lynch (1960) tidak menyepakukn aspek makna kerana kemungkinan akan kurang konsisten di peringkat bandar dan di kumpulan orang yang berbeza. Beliau menggunakan teknik pemetaan kognitif (mental) dan temu bual dengan penduduk bandar (Boston, New Jersey dan Los Angeles) untuk mempelajari kefahaman bandar kepada pengguna. Dalam pemilihan responden, Lynch (1960) tidak membezakan orang-orang kepada pengalaman, latar belakang dan ciri-ciri sosial budaya yang boleh menyebabkan keputusan yang berbeza. Oleh itu, penyelidikan ini mengambil kira responden yang berbeza latar belakang dan peranan mereka ketika berada di ruang awam.

Aspek evaluatif berkait dengan penilaian pencapaian, pendapat atau pertimbangan sedangkan aspek afektif berkaitan dengan reaksi emosi kepada suatu tempat. Oleh itu, penting untuk memahami sifat dan ciri-ciri tempat yang berhubungan dengan emosi, perasaan dan makna yang melekat dengan pengalaman tempat. Semuanya boleh diperolehi dari satu atau beberapa atribut tempat atau ciri-ciri dominan yang menyokong keterikatan tempat. Pengenalan pada perbezaan tempat tidak akan cukup jika makna sebagai aspek mendalam tempat tidak disepakukan dalam pengukuran.

### **2.7.1. Pendekatan dan cara pengenalan**

Gieryn (2000) mencadangkan strategi dalam memahami dan mengenalpasti perbezaan tempat iaitu: mengetahui ciri-ciri tempatan; merancang angkubah yang mampu mengukur aspek dominan pada tempat; memanfaatkan strategik *matched pair* (teknik perbandingan antara perbezaan tempatan) dan mengenalpasti kesan kekuatan dan tempat-tempat yang bersesuaian. Strategi ini menekankan pada kontekstual yang terperinci dan digambarkan dalam analisis dan penilaian tempat pada kawasan kajian memberikan cara yang tepat untuk menghasilkan corak, penemuan baru dan penjelasannya. Kombinasi strategi akan dilaksanakan dalam kajian ini dengan mempertimbangkan beberapa faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat dan atribut yang mempengaruhinya.

Perbezaan ciri dapat diterjemahkan berasas kepada strategi *variable-driven*. Kajian *variable-driven* akan mengimbangkan kaedah lain yang lebih subjektif yang


membawa agenda penyelidik untuk kedepan dan sebaliknya (Gieryn, 2000). Satu kumpulan kriteria harus dikembangkan untuk mempelajari perbezaan ciri tempat yang sesuai dengan konteks tempatan. Dalam kajian ini angkubah yang dihasilkan secara sejagat (*universal*), isu-isu tempatan dan keprihatinan. Secara universal, pelbagai prinsip dan pedoman daripada amalan perancangan rekabentuk bandar dan kumpulan kajian akan dikaji semula untuk mendapatkan pengetahuan tentang apa yang dikatakan kualiti yang baik dan tempat-tempat berjaya dalam bandar dan isi dari ciri dalam konteks rekabentuk bandar.

## **2.8 Kesimpulan**


Kajian tentang keterikatan tempat merangkum aspek-aspek fizikal, persepsi, psikologi dan dimensi sosio-budaya suatu tempat. Tempat merupakan elemen fizikal, aktiviti dan konsepsi yang dipegang oleh pengguna dan komponen ini saling berkait dalam suatu pengalaman tempat. Reka bentuk bandar telah menekankan hubungan diantara dimensi ini dalam penyelidikan kepada persepsi tempat dan kualiti tempat dalam bandar. Keterikatan tempat menerangkan keterikatan manusia dan tempat mereka dan saling bergantung diantara mereka yang dipengaruhi oleh atribut-atribut dan ciri-ciri latar dan pengguna. Pengukuran tingkat keterikatan dan pengenalan mengenai perbezaan ciri tempat boleh menjelaskan hubungan diantara makna dan persepsi tempat melalui atribut-atribut yang mempengaruhinya. Promenad tebing sungai adalah tempat yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap ciri-ciri pusat bandar dan berfungsi sebagai penyumbang kepada kehidupan pengguna bandar. Penyelidikan mengenai keterikatan tempat dalam konteks ini

adalah penting dalam menjaga perasaan sepunya bandar dan meningkatkan kesejahteraan pengguna yang memiliki keterikatan pada tempat itu.

Dengan merujuk kepada rangka kerja teori yang ditubuhkan di dalam bab ini, Rajah 2.4 dan Rajah 2.5 menunjukkan rangka kerja untuk kajian dan hubungan antara komponen tempat dan angkubah yang digunakan dalam siasatan penyelidikan.



**Rajah 2.4:** Rangka kerja konseptual kajian



**Rajah 2.5:** Hubungan antara komponen tempat dan angkubah

## **BAB 3**

### **PROMENAD TEBING SUNGAI DI MALAYSIA**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bahagian ini akan menjelaskan kawasan kajian kes iaitu promenad tebing sungai yang dibina berasas kepada projek pembangunan semula kawasan tebing sungai di Malaysia. Dua promenad tebing sungai dipilih menjadi kajian kes, iaitu: Promenad Tebing Sungai Sarawak (P-TSS) di Bandaraya Kuching dan Promenad Tebing Sungai Melaka (P-TSM) di Bandaraya Melaka Bersejarah.

Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama menjelaskan perkembangan pembangunan semula tebing sungai di Malaysia, mencakupi evolusi pembangunan dan ciri tebing sungai kepada bandar-bandar di Malaysia. Bahagian kedua membincangkan set kriteria yang dibangunkan sebagai asas pemilihan kajian kes. Terakhir sekali adalah menjelaskan kawasan kajian kes, memfokus kepada sejarah, morfologi dan proses pembangunan semula. Kemudian diikuti dengan penjelasan mengenai keadaan fizikal, pengguna, corak penggunaan ruang dan aktiviti yang sedia ada.

### **3.1 Perkembangan tebing sungai di Malaysia**

Mengikut penjelasan sejarah di Tanah Melayu, sungai telah memainkan peranan penting sebagai pusat kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, keperluan untuk sungai telah menarik penubuhan tamadun Melayu terawal dengan penempatan tradisional, perdagangan dan aktiviti sosial luar bandar sejajar di sepanjang koridor sungai utama di Semenanjung Malaysia dan Borneo. Kepentingan koridor sungai terus berkembang secara fizikal, sosial dan ekonomi menggalakkan perkembangan dalam beberapa bandar purba Kepulauan Melayu semasa kedatangan Islam pada lewat abad ke-13 (Weng, 2005).

Sungai dan koridor sungai juga telah menjadi satu ciri yang berpengaruh untuk beberapa kerajaan kesultanan Melayu awal dan lanskap bandar, disebabkan keadaan fizikal, ekologi, nilai-nilai budaya dan ekonomi. Permulaan daripada penguasaan Barat dan Timur bermula dari Portugis, Belanda, British, Jepun dan Komunis di Semenanjung Malaysia selama hampir 445 tahun (Weng, 2005) secara perlahan-lahan mengubah corak penggunaan dan pembangunan koridor sungai apabila pengangkutan moden seperti jalan raya dan keretapi telah diperkenalkan. Pada masa ini, Malaysia membangun dengan pesat daripada ekonomi luar bandar berdasarkan pertanian dan perlombongan timah. Transformasi pembandaran dan perindustrian telah berlaku dengan sangat pesat sejak tiga dekad yang lalu. Syarat-syarat ini telah mengakibatkan peningkatan infrastruktur jalan raya, kereta api dan lebuh raya yang terus memutus beberapa bandar utama di Malaysia kepada sungai-sungai mereka. Proses transformasi pesat daripada struktur sungai kerana pembandaran juga telah

menyebabkan kemerosotan dalam hubungan antara masyarakat tempatan dengan sungai bandar (Weng, 2005).

Pihak agensi-agensi awam tempatan, alam sekitar serta arkitek dan pereka bentuk bandar telah diiktiraf dalam keperluan dan kemungkinan akan mengambil tindakan positif dalam mengawal menggabungkan keperluan yang direka dalam pembangunan koridor sungai Malaysia (Weng, 2005). Ini adalah untuk memelihara kehidupan yang lebih selamat dan lebih selesa. Bandar koridor sungai telah dibersihkan dan dikembalikan kepada kualiti air yang baik dan dinaik taraf kepada gerbang rekreasi dan destinasi pelancongan. Keadaan ini adalah lebih menonjol terutama di beberapa bandar Malaysia di mana sungai menjadi bahagian ciri utama bandar seperti Sungai Melaka di Bandaraya Bersejarah Melaka dan Sungai Sarawak yang merentasi Bandaraya Kuching. Perubahan ini diinspirasi dari projek-projek pembangunan semula tebing sungai yang terkenal dan berjaya sebelumnya di Amerika Utara seperti Pelabuhan Baltimore, Charles River dalam lembangan Boston-Cambridge, pembaharuan Toronto Harbour dan pembaharuan St Riverfront Antonia di Texas.

Koridor sungai di Malaysia menjadi penting sebagai kawasan strategik ‘linear’ di sepanjang sungai yang mengalir dan menghubungkan komuniti tempatan dengan sumber-sumber sungai (Weng, 2005). Pada masa kini, tidak ada tafsiran yang tertentu atau undang-undang untuk menentukan koridor sungai seperti yang ditubuhkan dalam konteks Malaysia. Namun penerangan ringkas terdapat dalam Garis Panduan Pembangunan Tebing Sungai yang dikuatkuasakan oleh Jabatan

Pengairan dan Saliran menjelaskan bahawa koridor sungai sepanjang tebing sungai, termasuk kawasan 50 meter di luar rizab sungai di kedua-dua tebing sungai (JPS, 1996.). Rizab sungai ini merupakan jalur tanah yang terletak diantara di kedua tebing saluran sungai dan diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Secara rasmi, perancangan dan pembangunan untuk keperluan reruang koridor sungai perlu dilakukan berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Tebing Sungai yang digubal oleh JPS. Panduan ini diikuti dalam kesemua pembangunan semula sungai.

### **3.1.1 Evolusi pembangunan tebing sungai di Malaysia**

Pertumbuhan penduduk, ekonomi, pembandaran dan peningkatan dalam teknologi telah mengubah ekonomi Malaysia daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian. Ia turut disumbangkan oleh pergerakan industri perkapalan untuk kemudahan pelabuhan baru di tempat lain. Transformasi ini melambangkan usaha bandar yang bebas bagi membentuk dirinya untuk abad ke-21. Selepas mengalami perbandaran dan pemodenan, corak semasa pembangunan kawasan dermaga di Malaysia telah berubah dan memberi tumpuan lebih kepada pembangunan fungsi campuran (*mixed-use*) dan rekreasi dengan menggabungkan nilai budaya dan sejarah Malaysia. Ianya perlu untuk memahami perkembangan tebing sungai dalam bandar. Peristiwa penting sejarah pembangunan tebing sungai di Malaysia diagihkan kepada empat (4) fasa (Yassin, Eves, & McDonagh, 2010):

(i) Fasa pertama, semasa pemerintahan penjajah (1887-1956)

Pada masa ini, transportasi sungai menjadi mod yang paling penting dalam perdagangan dan pengangkutan. Pertumbuhan masyarakat sepanjang pinggir sungai memulakan kemunculan bandar-bandar pelabuhan seperti Bandar Kuching dan Melaka yang merupakan bandar pelabuhan yang terawal di Malaysia. Perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti sungai semakin berkembang dengan menjadikan sungai sebagai titik tumpuan. Dalam masa ini telah berlaku pemindahan semula masyarakat, terutamanya Cina, ke dalam "kampung baru" dalam masa darurat (1948-1960).

(ii) Fasa kedua, selepas kemerdekaan & pembangunan awal (1957-1969)

Pada masa ini, pembangunan berterusan di tebing sungai dan penubuhan persepsi sungai sebagai koridor ruang awam terbuka. Walau bagaimanapun, kerajaan awal Inggeris mula untuk memisahkan rakyat Malaysia dari kumpulan yang berbeza (Melayu dikumpulkan di kawasan luar bandar, Cina di kawasan bandar dan India di kawasan estet) (Yassin, et al., 2010). Penempatan tanah adalah salah satu pendekatan utama dalam pembangunan pertanian dan sosioekonomi (Manshard, 1985). Satu lagi strategi untuk menyokong transformasi sektor luar bandar di Malaysia adalah "reformasi pertanian" (Arshad & Shamsudin, 1997). Strategi pembaharuan pertanian menjelaskan pelbagai input dan institusi dan matlamat pada transformasi kehidupan luar bandar dan aktiviti dalam segala aspek ekonomi, sosial, budaya, institusi, alam sekitar dan manusia. Pembaharuan utama pertanian yang dilaksanakan di Malaysia adalah pembangunan tanah dan petempatan yang dilakukan dengan kaedah pembangunan *in-situ*. Sebagai

contoh, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Allahyarham Tun Razak membubahkan ide FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) untuk mengagihkan semula masyarakat luar bandar. FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956, selepas penguatkuasaan Ordinan Kemajuan Tanah 1956 terutamanya untuk menyokong masyarakat miskin dan tidak bertanah terutamanya kumpulan orang Melayu. FELDA memberi tumpuan terutamanya di Semenanjung Malaysia. Sehingga kini, FELDA telah membangunkan kira-kira 317 kawasan baru sepenuhnya 853.313 hektar yang menjadi perladangan dan kawasan penempatan dan memberi manfaat kepada lebih daripada 530,000 peneroka (FELDA, 2009). Selepas 50 tahun dibangunkan, skim FELDA adalah skim yang paling berjaya dan menjadi pemimpin dunia dalam industri kelapa sawit dan peneroka dan menjadi sebahagian daripada kumpulan berpendapatan sederhana menjelang tahun 2010. Hasilnya, lebih banyak populasi tebing sungai berpindah ke kawasan bandar di bawah program skim penempatan semula. Pada masa ini, penduduk Malaysia mula menyesuaikan diri dengan pembandaran dan mula berhijrah ke kawasan bandar.

(iii) Fasa ketiga, semarak bandar masa perindustrian (1970-1997).

Bandar-bandar dibentuk semula dan pembinaan semula kawasan luar bandar, perbandaran dan menaik taraf sistem pengangkutan untuk menampung perdagangan dan angkutan menyebabkan kemerosotan daripada tebing sungai. Pengenalan Dasar Ekonomi Baru oleh kerajaan telah menggalakkan pergerakan pengeluaran perindustrian di Malaysia. Kurangnya kepercayaan pada fungsi

sungai atas banyak sebab menyebabkan bangunan dan petempatan tradisional kekal di sepanjang tebing sungai bersama-sama dengan sungai yang tercemar.

(iv) Fasa keempat, teknologi, pemodenan dan wawasan 2020 (2000 - kini)

Bermula dari akhir tahun 1990-an, Malaysia mula mengarah kepada pembangunan teknologi pembuatan dan industri di kawasan bandar. Peningkatan peluang pekerjaan dan kemudahan yang disediakan di kawasan bandar meningkatkan lagi penduduk di kawasan bandar sehingga 62 peratus. Rebakan bandar (*urban sprawl*) yang terjadi menyebabkan kerajaan memulakan pembangunan kawasan bandar terutama sekali pembangunan tebing sungai bandar dengan dua sebab utama iaitu: pembangunan semula kawasan bandar dan revitalisasi bandar. Selepas beberapa tahun, kawasan pantai menjadi popular sebagai pusat rekreasi. Walau bagaimanapun, kesesakan di kawasan bandar menyebabkan penduduk bandar mula berpindah ke kawasan bandar kecil (bandar sempadan) termasuk kawasan sungai untuk privasi. Ia memulakan corak baru pembangunan tepian air di Malaysia. Sehingga kini, pembangunan tepi air menjadi satu trend baru dalam pembangunan di seluruh negara dan popular di kalangan pemaju dengan memberi penekanan kepada projek-projek yang berkaitan dengan pembangunan perumahan dan pembangunan campuran.

Setelah mengalami perkembangan yang pesat dan pembandaran selama bertahun-tahun, beberapa negeri di Malaysia mula memperluaskan kawasan tebing sungai untuk pembangunan masa depan. Negeri Sarawak memulakan jenis pembangunan seperti ini. Tebing Sungai Sarawak menjadi satu pembangunan tebing sungai di

Malaysia dan merupakan *benchmarking* bagi seluruh Malaysia. Amalan ini menunjukkan titik permulaan yang baik tentang bagaimana kerajaan menjaga dan memelihara sumber alam yang berharga. Corak pembangunan tebing sungai di Malaysia masa kini menumpukan lebih kepada penggunaan rekreasi atau penggunaan awam dan kegunaan campuran (*mixed used*). Sebahagian besar projek pembangunan tebing sungai ini diilhamkan dari luar negara (seperti; Australia: Sydney Harbour, Eropah: Saint Ontario). Jadual 3.0 menunjukkan contoh dua projek rintis pembangunan tebing sungai untuk masyarakat awam dan telah berjaya dibangunkan di Malaysia.

### **Jadual 3.0 Projek rintis pembangunan tebing sungai di Malaysia**

PROJEK	DESKRIPSI PROJEK
Tebing Sungai Sarawak, Kuching	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kos pembangunan secara penuh dibiayai oleh kerajaan negeri Sarawak. Pelan projek disiapkan oleh SEDC dan LCDA (Land Corporation Development Authority) dan dipersetujui oleh kerajaan negeri. Konstruksi dimulakan tahun 1991 dan siap pada bulan Ogos 1993, dirasmikan oleh Menteri Besar pada September 1993.</li> <li>Luas wilayah kira-kira sepanjang 1 mil di sebelah selatan Sungai Sarawak menghadap kepada pusat perniagaan bersejarah di pusat bandar Kuching.</li> <li>Developer: Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), Sarawak, Malaysia</li> <li>Contractors : PPES Bina Sdn Bhd + Uraco (M) Sdn Bhd</li> <li>Consultants: ConyBeare Morrison &amp; Partner (Australia) + United Consultants (Sarawak, Malaysia).</li> <li>Kos projek : 89.90 Million (Malaysian Ringgit)</li> <li>Konsep : taman tebing sungai yang menyatu dengan latar sejarah dan budaya dengan fasiliti dan aktiviti untuk pelancong, komuniti dan masyarakat. Tampilan utama: jalur pedestrilan, tempat bermain anak-anak, atraksi pelancongan, dan <i>river cruise</i>.</li> </ul>
Tebing Sungai Melaka, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan disyorkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2000 dan projek memperindah Sungai Melaka bermula pada bulan Julai tahun 2002 Projek diagihkan kepada 4 fasa dan dijadualkan siap pada awal tahun 2010. Deskripsi rinci mengenai pembangunan adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Fasa 1 dimulakan pada 1 Julai 2002 sehingga 21 Ogos 2005 (31 bulan). Kos projek sekira 91,200,000 RM dan dibiayai oleh Kementerian Pelancongan. Pembangunan dilakukan oleh Pembinaan Kaleigh Sdn Bhd dan Pesona Metro Sdn Bhd.</li> <li>Fasa 2 dimulakan pada 1 November 2005 sehingga 30 June 2007 (20 bulan). Projek merupakan kelanjutan fasa 1 yang dikerjakan oleh kontraktor yang sama. Kos projek kira-kira 49,950,000 RM dan dibiayai oleh Kementerian Sumber Alam dan Persekutaran Malaysia.</li> <li>Fasa 2 dimulakan pada 1 November 2005 sehingga 30 June 2007 (20 bulan). Projek merupakan kelanjutan fasa 1 yang dikerjakan oleh kontraktor yang sama. Kos projek kira-kira 49,950,000 RM dan dibiayai oleh Kementerian Sumber Alam dan Persekutaran Malaysia.</li> <li>Fasa 3, fasa ini siap dalam masa 23 bulan (1 Ogos 2006 sehingga 21 Julai 2008). Dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Sumber Alam dan Persekutaran, kos kira-kira 93,000,000 RM dengan kontraktor yang sama.</li> <li>Fasa 4 dimulakan 31 Januari 2008 dan siap pada 30 Januari 2010 (24 bulan). Dibiayai oleh Kementerian Sumber Alam dan Persekutaran dan dikerjakan oleh Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd sebagai kontraktor.</li> </ul> </li> </ul>

### **3.1.2 Ciri tebing sungai/laut pada bandar-bandar di Malaysia**

Hubungan manusia dengan persekitarannya dipengaruhi oleh banyak faktor dan hanya dapat dibuktikan daripada fakta tunggal dan aspek-aspek yang terkait yang diselidiki secara bersama. Oleh itu, penyelidikan berpedoman pada pelbagai sumber fakta dan data akan dikumpulkan melalui kaedah triangulasi (*triangulation method*). Kaedah ini digunakan berasas pada andaian bahawa ‘*bias*’ yang terjadi akan diseimbangkan ketika sumber-sumber dan kaedah-kaedah ini di triangulasi (Creswell, 1994). Kaedah triangulasi sesuai untuk penyiasatan setiap lapis fenomena, mencari titik temu dari hasil yang membantu memberikan informasi pada kaedah lain yang digunakan dan membuka perspektif baru atau pertentangan yang menambah skop dan keluasan kajian (Creswell, 1994). Strategi ini sesuai dengan isu yang diselidiki kerana beberapa penyebab yang memiliki potensi dan faktor-faktor hubungan antara manusia dan tempat sangat beranika dan saling berhubungan.

Hasil dari triangulasi ialah untuk meyakinkan bahawa kesimpulan yang didapati tidak berdasar hanya pada satu fakta atau prosidur kaedah, namun melalui penyatuan dan pertemuan dari beberapa sumber lain yang mengurangi angka tindak balas rendah dan ‘*bias*’ dari sampel yang ada (Creswell, 1994). Pelbagai keadaan dan persekitaran dipilih untuk menjadi sampel bagi mempelajari isu utama sebagai strategi dalam menyelidiki corak dari fenomena kehidupan nyata dimana lebih banyak lagi angkubah yang saling terhubung (Yin, 1994). Dalam penyelidikan ini, promenad tebing sungai dipilih sebagai kajian kes penyelidikan untuk memberi gambaran pusat bandar yang berbeza secara fizik, ciri-ciri sosio-kultural dan peranan fungsi kepada pengguna semasa berada di ruang terbuka.

#### **4.2 Skop penyelidikan**

Kajian ini menyelidiki keterikatan tempat dan hubungan penyebab dengan atribut-atribut dan ciri-ciri dari kawasan kajian kes. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan deskriptif dan teori (Ziesel, 1980) untuk menjelaskan hubungan antara pengguna dan persekitarannya. Pendekatan deskriptif menjelaskan dan mengukur setepat mungkin satu atau lebih ciri-ciri dan hubungannya dalam kumpulan yang ditetapkan.

Dalam penyelidikan ini, faktor penyebab yang mempengaruhi keterikatan seperti: tempoh penggunaan, keakraban, peranan pengguna, budaya dan perubahan tempat akan digunakan sebagai angkubah bebas (*independent variable*). Sementara


angkubah tetap (*dependent variable*), seperti: elemen fizikal, aktiviti dan imej akan digunakan untuk mencari atribut-atribut dan ciri-ciri kukuh yang mempengaruhi keterikatan para pengguna kepada tempat. Lima aspek penting dari suatu tempat akan dipertimbangkan dalam kajian ini iaitu: ciri-ciri fizikal dan reruang, ciri-ciri pengguna secara personal dan sosio-budaya, penggunaan dan aktiviti, makna tempat yang terbentuk, keterikatan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

#### **4.3 Proses penyelidikan**

Proses penyelidikan dimulai dengan menetapkan latar belakang kajian melalui pengenalan tentang isu-isu dan merumuskan matlamat dan objektif kajian berdasarkan pada kaji semula literatur dan isu-isu yang bersesuaian dengan kajian. Skop dan penyelidikan ditentukan setelah informasi tentang latar belakang diperolehi sesuai dengan konteks yang dipilih. Inventori dan pengamatan awal kepada lokasi kajian dilakukan untuk memperoleh gambaran keadaan tempat secara umum. Berasas pada teori-teori yang bersesuaian, perhatian dan isu-isu lokal, kriteria dan angkubah yang dikenal pasti kemudian disusun sebagai kerangka teori dan kaedah untuk penyelidikan. Peringkat proses yang dilakukan pada penyelidikan ini dapat dilihat pada Rajah 4.0.

Kaedah, strategi, teknik dan alat yang sesuai untuk mengumpulkan data lebih dahulu dikembangkan sebelum dilakukan pengamatan kawasan. Data-data dari pelbagai sumber dikumpulkan dan dianalisis menggunakan kaedah dan teknik analisis yang paling sesuai sebelum ‘*interpretasi*’ dan cadangan diperbuat sebagai temuan

penyelidikan. Setiap penemuan dalam penyelidikan akan diperbincangkan mengikut teori-teori yang telah di bahas dan isu-isu utama tentang kajian.



**Rajah 4.0:** Rekabentuk penyelidikan kajian

#### 4.4 Pemilihan kaedah penyelidikan

Bahagian ini diagihkan kepada dua bahagian, pertama menjelaskan kaedah-kaedah penyelidikan yang pernah diguna oleh para ilmuwan berhubung kait dengan

keterikatan tempat. Bahagian kedua menjelaskan kaedah penyelidikan yang dipilih dan diguna dalam kajian ini.

#### **4.4.1 Kaedah penyelidikan yang berhubungan dengan keterikatan tempat**

Dalam penyelidikan ini ada dua aspek penting yang dititikberatkan. Aspek pertama ialah untuk menguji bentuk dan tahap keterikatan dan aspek kedua ialah untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan, atribut dan ciri-ciri yang berhubung kait dengan pengalaman dan persepsi pengguna pada tempat yang dipilih. Penyelidikan-penyelidikan yang diguna para ilmuwan dalam menyemak aspek-aspek terbabit adalah kaedah kuantitatif, kualitatif dan kaedah campuran.

Bentuk dan tahap keterikatan diperolehi dari pelbagai penyelidikan yang berhubungan dengan aspek afektif dan fungsi dari pengalaman pada persekitaran yang banyak diperbincangkan dalam penyelidikan *environmental psychology*, *social psychology* dan *human geography*. Pada penyelidikan tentang keterikatan tempat dan perasaan sepunya, beberapa teknik kaji selidik (seperti: melalui surat atau telefon, soal-selidik) digunakan oleh para ilmuwan untuk mewakili populasi yang banyak, seperti keterikatan kepada persekitaran rekreasi (Williams, et. al 1995), keterikatan pelancong kepada destinasi tebing air, kajian perasaan sepunya pada pemilik di tebing tasik (Stedman, 2003) dan pengukuran perasaan sepunya (Shamai, 1991). Penyelidikan yang pernah dilakukan hanya terhad kepada kekuatan keterikatan dan tidak memperbincangkan mengenai makna dan ciri-ciri persekitaran yang mempengaruhi keterikatan. Pada penyelidikan kawasan kajian yang lebih kecil

seperti rumah, taman perumahan (Pellow, 1992) dan plaza kecil dalam bandar (Low, 1992) digunakan teknik kualitatif (temubual khusus dan pengamatan kawasan).

Pada penyelidikan perasaan sepunya lainnya, Lobo (2004) menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, membabitkan teknik temubual dan pengamatan untuk membuat soal-selidik dalam mengukur perasaan sepunya dan faktor-faktor asas dalam konteks komuniti. Gustafson (2001) menggunakan pendekatan kualitatif murni, melalui temubual khusus dalam kajian makna tempat dengan konteks persekitaran perumahan dan lebih menonjolkan penerokaan dalam pendekatannya.

Beberapa penyelidikan yang pernah dilakukan menjelaskan bahawa penggunaan kaedah campuran menjadikan kajian memiliki pemahaman fenomena dan hubungannya kepada aspek lain yang berkaitan secara lebih lengkap. Tiada satupun kajian diatas mencampurkan aspek fizikal dengan aspek emosi pengalaman manusia dalam mengenal pasti ciri-ciri dan makna tempat. Kajian ini berusaha melakukannya dengan kaedah terintegrasi, dilakukan dengan melintasi bidang rekabentuk bandar dan psikologi persekitaran. Atribut-atribut dan ciri-ciri tempat dilihat melalui kriteria kualiti tempat dalam reka bentuk bandar yang berasal dari pelbagai pengetahuan teori dalam reka bentuk bandar.

#### **4.4.2 Kaedah penyelidikan**

Pendekatan campuran dipilih untuk diguna dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif sebagai strategi perolehan data. Pentingnya menggunakan reka bentuk kaedah campuran dalam penyelidikan ini kerana adanya kelemahan dan kekuatan. Kelemahan penyelidikan kualitatif adalah tidak boleh digeneralisasi sedangkan kelemahan penyelidikan kuantitatif ianya tidak boleh menghasilkan makna (Wells, 2010). Dalam kes ini tiap kaedah dan tiap jenis data yang digunakan (kualitatif dan kuantitatif) memiliki kepentingan masing-masing dalam memberikan sumbangan kepada corak temuan kajian. Kajian menggunakan empat cara untuk memperoleh data kualitatif dan kuantitatif, iaitu: temubual, soal-selidik, pengamatan kawasan dan penilaian ciri-ciri bandar.

Kajian ini bermula induktif dalam mana kategori dari maklumat yang telah dibangunkan. Deskripsi kes dan persekitarannya telah diperinci sebelum tema-tema lainnya muncul dan berkembang. Penyelidikan menggunakan teknik ‘*layering*’ analisis untuk menghasilkan pelbagai tema yang diikuti pengumpulan tema ini ke dalam kategori yang lebih luas (Cresswell, 1998). Sebagai contoh, untuk memahami makna promenad menurut masyarakat pengguna, langkah pertama penyelidik memeriksa pernyataan individu pemberi maklumat tentang pengalaman mereka kepada fenomena sebelum berpindah kepada makna dan pelbagai dimensi yang mempengaruhinya. Penyelidik juga bermula dengan soalan-soalan umum dan kemudian menapis jawapan mereka bersamaan dengan proses kajian berjalan. Oleh itu, kajian ini bermula dengan membentangkan promenad tebing sungai pada

bandar, ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri sosial, makna yang ada, pembangunan dan perubahan yang terjadi dan akhirnya kesan daripada perubahan yang berlaku.

Cara perolehan data yang utama ialah soal-selidik dan temubual, keduanya direncanakan untuk memperoleh pendapat atau cerita dari pengguna. Pengamatan dan penilaian ciri-ciri bandar pada kawasan kajian kes digunakan sebagai kaedah pelengkap untuk menghasilkan gambaran yang lebih lengkap hingga seberapa luas ciri-ciri fizikal kawasan mampu menyokong jenis aktiviti yang berbeza. Penjelasan lebih terperinci tentang setiap kaedah dituliskan pada bahagian lain (rujuk kepada bahagian 4.7.1 sehingga 4.7.3 dan bahagian 4.8).

#### **4.5 Daerah kajian kes dan kriteria pemilihan**

Kawasan promenad tebing sungai yang berada di pusat Bandar Kuching dan pusat Bandar Melaka dipilih sebagai daerah kajian kes. Tempat-tempat ini dipilih berasas kepada ciri-ciri fizikal, fungsi dan sosio-budaya yang menunjukkan ciri-ciri kedua pusat Bandar. Kawasan ini juga memiliki promenad tebing sungai sebagai ruang terbuka awam dengan pelbagai aktiviti dan secara amnya memiliki ciri-ciri berikut:

- (i) merupakan pelopor projek pembangunan tebing air yang awal di Malaysia.
- (ii) berada pada pusat bandar berdekatan dengan kawasan komersial dan membeli belah.
- (iii) mengalami 3 fasa fenomena transformasi kawasan tebing air, iaitu: kejayaan sebelum masa perindustrian, kemunduran dan kemerosotan masa perindustrian dan masa pembangunan semula / revitalisasi.

(iv) dikenali sebagai ruang terbuka awam utama bandar yang berada di tebing air.

Rasional pemilihan kawasan ruang terbuka tebing sungai sebagai kawasan kajian penyelidikan diuraikan pada Jadual 4.0. Penjelasan lebih terperinci tentang kriteria pemilihan kawasan sebagai kes kajian dituliskan pada bahagian 3.2.

**Jadual 4.0:** Rasional pemilihan daerah kajian kes

RASIONAL	KRITERIA
Untuk menganalisis bentuk dan tahap keterikatan pada ruang terbuka tebing air dan pengaruh persepsi pengguna.	Lokasinya berada dipusat Bandar Kuching dan Melaka
Untuk menganalisis atribut dan ciri-ciri ruang terbuka tebing air mempengaruhi keterikatan tempat dan sebaliknya.	Atribut dan karakteristik ruang terbuka tebing air
Untuk menyelidiki variasi pengguna mempengaruhi keterikatan dan persepsi mereka kepada atribut-atribut dan ciri-ciri tempat.	Peranan pengguna (bergerak/statik)
Untuk menyelidiki apakah ciri-ciri demografi pengguna mempengaruhi tempat keterikatan.	Ciri-ciri demografi

#### 4.5 Perencanaan kaji selidik

Kegunaan kaji selidik ialah untuk mengimbangkan (*generalize*) daripada sampel kepada populasi, sehingga dapat disimpulkan tentang ciri-ciri, sikap atau perilaku daripada populasi (Creswell, 1994). Dalam penyelidikan ini, kaedah kaji selidik bermanfaat kerana alasan-alasan berikut:

- (i) Penyelidikan memfokus kepada bentuk dan tahap keterikatan pengguna kepada promenad tebing sungai. Populasi yang beranika menyebabkan perlunya untuk menyelidiki pengguna ‘utama’ kemudian dikumpulkan dan dipilih sebagai sampel sebagai wakil daripada populasi yang lebih besar. Dalam kes ini prosidur *probability sampling* amat sesuai untuk diguna kerana dapat

meyakinkan bahawa pilihan kumpulan pengguna ialah gambaran daripada ciri-ciri dominan pengguna di kawasan ini.

- (ii) Beberapa tempat lebih ‘*atraktif*’, disenangi dan sering dikunjungi dibandingkan tempat lain yang hampir sama. Penyelidikan tentang atribut dan ciri-ciri kepada setiap tempat dapat membantu menjelaskan komponen-komponen yang kuat mempengaruhi keterikatan tempat. Pelbagai keterikatan yang terjadi dari pelbagai kumpulan yang terbabit dalam pengguna ‘utama’ suatu tempat boleh di uji melalui analisis temuan-temuan .

#### **4.6 Kriteria pengukuran**

Kriteria pengukuran berasas kepada:

- (i) Kriteria utama untuk persekitaran yang bertindak balas, berjaya dan kualiti tempat yang baik ditakrifkan dari teori reka bentuk bandar (tempatan dan luar negara).
- (ii) Isu-isu utama diperolehi dari pengamatan kawasan dan kajian rintis (temubual tak-terstruktur) yang memberikan informasi kajian tentang persepsi pengguna pada tempat yang dipilih. Teknik yang hampir sama dilakukan oleh Dolbani (2000) dalam kajian rintis tentang persepsi pengguna kepada ruang terbuka awam yang bertindak balas dipusat Bandar Kuala Lumpur bagi merumuskan kerangka konsep penyelidikannya.
- (iii) Isu-isu utama dan objektif yang bersesuaian kepada ciri-ciri dan identiti bandar pada struktur Bandar Kuching dan Melaka.

Berasas kepada temuan kajian rintis, diperolehi bahawa aksesibiliti, kefahaman, daya hidup, transaksi, kepelbagaiannya, keunikan, kenyamanan, keselamatan dan keamanan diidentifikasi sebagai aspek utama (Jadual 4.1). Kemudian seluruh aspek ini dibentuk sebagai angkubah bebas dari kajian. Jadual 4.2 menjelaskan unsur-unsur yang berhubung kait dengan atribut-atribut terpilih. Difinisi seluruh angkubah yang digunakan dalam penyelidikan dapat dilihat pada Jadual 4.3.

**Jadual 4.1:** Ringkasan persepsi awal tentang P-TSS dan P-TSM  
berdasarkan temubual bebas daripada kajian rintis

RINGKASAN PERSEPSI AWAL DI P-TSS dan P-TSM (N=14)	
Skop perhatian	Skop perhatian yang muncul
<b>Ciri-ciri</b> Semarak (8), aksesibiliti yang baik (10), lokasi menarik (12), air sebagai daya tarik (9), terhubung dengan baik (12), musim perayaan (7), ramai orang (6), berbeza dengan tempat lain (8), pelancong (6), penjaja kaki lima (9), pengguna dari pelbagai kumpulan (6), produk tradisional (5), bangunan tua (7), makanan/tempat makan (8), shelter berbumbung (6), imej tradisional (4), pasar malam (4), harga barang murah (6), <i>nightlife</i> (4), sejarah (4), hiburan (3), acara budaya (5).	Kepelbagaiaan Pilihan ( <i>Choice</i> ) Transaksi Semarak ( <i>Liveliness</i> ) Acara Keselamatan Daya hidup Ciri-ciri <i>Socialability</i>
<b>Isu yang muncul</b> Kurang teduhan pohon (4), letak kereta tak cukup (7), tidak selamat (5), panas di ruang terbuka (6), aktiviti illegal (4), menyusahkan saat hujan (3), kejahatan (5), perniagaan illegal (6), kurang tempat duduk dan tempat rehat (5), tidak ada tempat teduh (6).	Transaksi Kenyamanan Keselamatan Kemudahan awam Imej Kontinuiti

**Jadual 4.2:** Pelbagai atribut dan unsur daripada tempat yang sesuai dengan penyelidikan


UNSUR-UNSUR	ATRIBUT	KOMPONEN
Lokasi Akses	Aksesibiliti	
Susun atur <i>Signage</i> Pohon Pemandangan Elemen landskap Bangunan dan fasad Mercutanda	Kefahaman	UNSUR FIZIKAL
Semarak ( <i>liveliness</i> ) Aktiviti jalanan Orang memerhati Hiburan	Daya hidup	
Produk/perkhidmatan Tempat makan dan minum Aktiviti siang dan malam Pelbagai pengguna Harga	Kepelbagai dan pilihan	AKTIVITI
Penjaja kaki lima	Transaksi	
Imej Terkenal	Kefahaman	
Ruang terbuka awam Keunikan Tradisional	Keunikan	
Ruang rehat Fasiliti Kualiti persekitaran Pemeliharaan	Kenyamanan dan keselesaan	IMEJ
Pengawasan Pedestrian	Keselamatan	

**Jadual 4.3:** Angkubah yang menjelaskan komponen-komponen keterikatan tempat

KENYATAAN		ANGKUBAH (Atribut-atribut)	KOMPONEN TEMPAT
Imej yang menarik Lebih popular dari tempat lain Terkenal dengan imej internasional dan moden	01 02 03	Kefahaman ( <i>Legibility</i> ) Persepsi imej	IMEJ Pengaruh pengalaman yang membentuk gambaran mental kepada pengguna
Banyak ruang awam yang menarik Mempunyai keistimewaan berbanding tempat lain Suasana yang menarik dan unik	04 05 06	Keunikan ( <i>Distinctiveness</i> ) Kualiti perbezaan, terkenal, unik	
Lokasi yang amat amat selesa untuk berehat Kemudahan awam yang amat berkualiti tinggi Udara dan persekitaran yang bersih Lokasi yang selesa untuk makan dan bersantai	07 08 09 10	Keselesaan ( <i>Comfort</i> ) Darjah keselesaan, santai, benda-benda yang memberi kemudahan hidup.	
Diselenggarakan dan dijaga dengan amat baik Selamat dan dijaga dengan baik Sentiasa penuh dengan orang ramai	11 12 13	Keamanan dan Keselamatan ( <i>Safety / Security</i> )	
Lokasi yang amat strategik Mudah sampai dari pelbagai lokasi	01 02	Aksesibiliti ( <i>Accessibility</i> )	CORAK FIZIKAL Keterikatan Fungsi
Susunatur yang lebih baik – mudah untuk bergerak Tanda jalan dan arah amat jelas Lebih banyak ruang hijau / pokok yang indah Pelbagai pemandangan yang amat menarik Lansekap yang indah dan menarik Rekabentuk bangunan yang menarik Banyak mercutanda yang popular Banyak gerai makan dan minum yang khas	03 04 05 06 07 08 09 10	Kefahaman ( <i>Legibility</i> ) Imej fizikal yang jelas dan mudah dikenali. Tempat yang mudah dikenali.	
Lokasi yang amat hidup Lokasi yang amat menarik bagi mengamati orang ramai Aktiviti ruang awam yang menarik dan menghiburkan	01 02 03	Daya hidup ( <i>Vitality</i> ) Seberapa tinggi darjah bentuk tempat menyokong fungsi, syarat-syarat biologi bagi manusia	
Penuh dengan aktiviti, siang dan malam Banyak pilihan jenis makanan dan tempat makan Dilawati orangramai dari pelbagai lapisan masyarakat	04 05 06	Kepelbagai dan pilihan ( <i>Diversity / choice</i> ) Darjah suatu tempat dalam memberi keanekaan dan pilihan	AKTIVITI
Lokasi terbaik untuk memperoleh pendapatan / wang Lebih banyak para penjaja	07 08	Transaksi ( <i>Transaction</i> ) Intensiti perniagaan, informasi, komunikasi & interaksi	
Lokasi yang baik untuk menetap Sesuai dengan gaya hidup saya	01 02	Persatuan individu ( <i>Personal Association</i> )	
Mengembalikan kenangan masa kecil/silam Sesuai dengan latar belakang budaya saya	03 04	Persatuan budaya ( <i>Cultural Association</i> )	MAKNA
Individu disini mengambil berat diantara mereka Orang yang ramah dan mesra Lokasi bagi pertemuan pelbagai bangsa	05 06 07	Persatuan sosial ( <i>Social Association</i> )	

#### 4.7 Teknik kaji selidik dan prosidur pengumpulan data

Bahagian ini menjelaskan tentang beberapa teknik dan prosidur penyelidikan yang diguna pakai. Ada tiga tahap dalam prosidur pengumpulan data, iaitu: (1) penyusunan kerangka teori, (2) kajian rintis (menggunakan teknik pengamatan kawasan dan temubual bebas) dan membangun angkubah (3) tahap akhir iaitu kaji selidik: soal selidik, temubual khusus, pengamatan kawasan dan penilaian ciri-ciri bandar (lihat Rajah 4.1). Bahagian selanjutnya menjelaskan proses dan isu-isu kaedah yang berhubung-kait dan syarat-syarat yang termasuk dalam kriteria pengukuran, perancangan soal-selidik dan strategi *sampling*.



Rajah 4.1: Prosidur pengumpulan data penyelidikan

#### **4.7.1 Fasa awal : Penyusunan rangka teori**

Peringkat pertama meliputi kajian secara kritikal dan luas tentang literatur untuk memberi fokus penyelidikan dan mendefinisikan batasan teori penyelidikan. Ianya akan menyusun kefahaman tentang teori-teori, konsep-konsep dan prinsip-prinsip tentang tempat, keterikatan tempat, watak tempat dan identiti tempat dari para ahli bidang reka bentuk bandar, psikologi persekitaran (*environmental psychology*) dan geografi kemanusiaan (*human geography*). Pelbagai prinsip dan garis panduan daripada kumpulan praktikal dan penyelidikan rekabentuk bandar dibincangkan untuk mencari penyebab terbentuknya kualiti yang baik dan tempat dalam bandar yang berjaya serta mencari fakta-fakta berhubung ciri-ciri dan identiti dalam konteks rekabentuk bandar. Sumber kaji semula berpunca dari buku-buku dan internet, tulisan-tulisan dari jurnal dan tesis-tesis yang berkaitan dengan kajian. Sumber lainnya adalah dari bahan cetak dari kerajaan, surat kabar tempatan, peta-peta, foto, carta dan bahan arkib.

#### **4.7.2 Fasa pertengahan: Penyiasatan awal**

Tahap kedua dalam proses pengumpulan data penyelidik melakukan pengamatan awal pada kawasan kajian kes, temu-bual bebas dan soal selidik kajian rintis.

Penyiasatan awal ini meliputi pengamatan perseorangan kepada tempat (P-TSS dan P-TSM) untuk mencari corak-corak aktiviti dan fizikal, aspek utama ruang terbuka dan untuk merasai suasana yang ada. Temu-bual bebas dilakukan dengan responden

P-TSS (7 responden) dan P-TSM (7 responden) untuk memahami perasaan spontan, motivasi berada di tempat itu serta tanggapan, makna dan pentingnya tempat tersebut bagi pengguna. Responden dipilih secara rawak berasas kepada keyakinan penyelidik dan keinginan responden untuk ikut serta. Semua percakapan direkod untuk kegunaan bagi mengetahui pemikiran para pengguna dan bagaimana reaksi mereka kepada isu yang ada, sehingga format soal-selidik dan temu-bual akhir dapat disusun mengikut kepada keadaan responden. Ringkasan persepsi awal tentang P-TSS dan P-TSM berasas pada temubual bebas daripada kajian rintis dijelaskan pada Jadual 4.1.

Kajian rintis adalah penting untuk meyakinkan secara statistik bahawa diperoleh sampel yang sesuai. Kajian rintis juga digunakan untuk menyemak pemahaman responden mengenai pertanyaan kaji selidik, keterikatan angkubah dan mengambil kira masa yang diguna responden menjawab soal selidik. Kajian rintis di lakukan di kawasan kajian kes iaitu P-TSS dan P-TSM, 22 orang pengguna bergerak dan statik secara rawak telah menyertai kaji selidik ini. Masa lebih kurang 15 sehingga 20 minit digunakan responden untuk menjawab soal selidik. Diperolehi bahawa sangat sedikit responden boleh menyelesaikan atau tidak menjawab pertanyaan '*open-ended*'. Beberapa kelemahan soal selidik dikenal pasti, iaitu mengenai format dan susun atur penyelidik mendapati terlalu banyak kenyataan yang memiliki makna dan soalan yang sama.

Pengukuran '*5-Likert scale*' diguna dalam soal selidik kajian rintis. Ditemui bahawa responden lebih cenderung untuk menjawab 'setuju' (nilai ukuran: 3). Dalam kajian

mengenai tempat dan keterikatan tempat, mengenal pasti kualiti dengan jelas adalah menjadi keutamaan dan harus secara kuat sebenar mencerminkan persepsi pengguna kepada tempat. Tindak balas kepada isu terbabit, pengukuran ‘5-Likert scale’ diguna pada soal selidik akhir kerana ianya boleh memberi peluang kepada tahap keterikatan dan makna tempat untuk muncul dan secara jelas dikenal pasti.

Masa, lokasi dan keselesaan adalah aspek penting untuk diperhatikan dalam melakukan kaji selidik. Diamati bahawa beberapa responden lebih suka untuk berbual daripada menulis. Oleh itu, ada beberapa kes dimana kaji selidik secara penuh ditadbir oleh penyelidik. Bagi menjamin ketelusan data, perlu untuk menjamin bahawa jawapan responden tidak dipengaruhi oleh pertanyaan dari penyelidik. Soal selidik pada kaji selidik akhir diubah mengikut isu-isu yang dikenal pasti pada kajian rintis.

#### **4.7.3 Fasa akhir: Penyelidikan akhir**

Fasa akhir meliputi soal-selidik, temu-bual khusus, pengamatan lapangan, dan penilaian ciri-ciri bandar. Reka bentuk kaji selidik tahap akhir mengenai aspek-aspek terbabit di jelaskan secara terperinci pada bahagian 4.8.

## **4.8 Reka bentuk kaji selidik akhir**

### **4.8.1 Soal selidik**

Bahagian berikut ini menjelaskan aspek-aspek yang menjadi syarat didalam kaedah soal-selidik.

- (i) Menentukan kumpulan calon responden

Berasas kepada peranannya, Dolbani (2000) menemukan tujuh jenis pengguna dalam ruang terbuka di pusat Bandar Kuala Lumpur, iaitu: pembeli, pengunjung, pejalan kaki, penjaja kaki lima, pemusik jalanan, pelajar dan pengguna campuran (Dolbani, 2000) kemudian menentukan pengguna/pemakai ruang terbuka awam yang secara langsung terbabit pada saat dilakukan kaji selidik sebagai pengguna ‘statik’. Kategori ini diguna dalam penyelidikan ini untuk menentukan sasaran pengguna pada kawasan kes kajian

Bagi meminimalkan ‘kompleksiti’ dalam memperoleh tindak balas dari pelbagai populasi yang ada, strategi sampling yang digunakan untuk membuat kluster pengguna ruang terbuka mengikut kepada ciri-ciri yang ditemukan. Berdasarkan pengamatan dan rujukan kepada penyelidikan yang telah ada (Dolbani, 2000), pengguna ruang terbuka secara umum dapat diklusterkan kepada dua kumpulan yang jelas:

- (a) Pengguna ‘statik’ : mereka yang secara tetap (setiap hari) terbabit/bergantung dengan/kepada tempat itu untuk tujuan mencari penghasilan/pekerjaan/pendidikan/tempat tinggal dan menetap pada daerah yang jelas/premis/ruang bekerja yang berhubung-kait dengan peranan mereka (pemilik kedai, penjaga kedai, penjual, pekerja pejabat, penduduk, pelajar)
- (b) Pengguna ‘bergerak’ : mereka yang tidak terlibat/bergantung kepada tempat untuk kepentingan penghasilan/pekerjaan/pendidikan/tempat tinggal dan berada di tempat itu untuk keperluan pergerakan (pembeli, berkunjung).

Pada analisis juga akan disemak pelbagai bentuk dan tahap keterikatan antara kumpulan pengguna (pengguna statik dan bergerak). Kerana kepelbagaian pengguna ruang terbuka dan merujuk kepada tujuan penyelidikan ini, responden akan difokuskan kepada pengguna lokal yang keterikatan pengalamannya menjadi sebahagian dari tempat lebih kuat dibandingkan pelancong (Gifford, 1987), sehingga mampu mewakili identiti sosio-budaya tempat tersebut.

(ii) Menentukan sampel yang sesuai

Secara amnya ada dua jenis sampel iaitu: sampel ‘probabiliti’ dan sampel ‘non-probabiliti’ (De Vaus, 1991). Sampel ‘probabiliti’ memberikan kesempatan yang sama kepada populasi untuk dipilih sebagai sampel, sedang sampel ‘non-probabliti’ tidak memberikan kesempatan yang sama untuk dipilih menjadi sampel. Sampel-sampel yang dipilih harus mewakili semua populasi yang ada (De Vaus, 1991),

sehingga sampel ‘probabiliti’ ialah lebih baik kerana akan menghasilkan sampel yang sesuai.

Ada empat rancangan sampling dalam kategori sampel ‘probabiliti’: (1) sampling random sederhana, (2) sampling sistematik, (3) sampling berstrata, dan (4) sampling kluster. Bagi menentukan sampel dengan kaedah sampling random sederhana, harus menuliskan semua unsur populasi dalam secarik kertas, kemudian mengundinya sampai kita memperoleh jumlah yang diinginkan. Kaedah ini harus memiliki kerangka sampling (*sampling frame*) iaitu senarai lengkap semua unsur populasi. Cara ini tidak sesuai manakala bilangan populasinya besar. Kaedah sampling sistematik juga menggunakan kerangka sampling. Hanya di sini, unsur yang pertamalah yang dipilih secara random. Unsur-unsur lainnya ditentukan dengan mengambil jarak tertentu. Misalnya, populasi berjumlah 1000 dan unsur yang diperlukan 40 buah, maka perbandingan ukuran populasi dengan ukuran sampel, yakni  $1000 : 40 = 25$  disebut *sampling rasio*. Jika unsur yang pertama kita pilih nombor 10. Nombor-nombor berikutnya yang menjadi sampel ialah 35, 60, 85, 110, ..., 960, 985. Kaedah sampling berstrata, membabitkan pembahagian populasi ke dalam kelas, kategori, atau kumpulan yang disebut *strata*. Ciri-ciri strata boleh wilayah, suku bangsa, jantina, status, usia, dan sebagainya. Kerangka sampling juga diperlukan dalam kaedah ini. Kaedah sampling kluster (*cluster sampling*) dilakukan bila kita tidak mempunyai kerangka sampling. Populasi diagihkan ke dalam acuan-acuan sampling yang besar, disebut *kluster*. Berbeza dengan pembentukan strata, acuan sampling yang ada dalam tiap kluster harus *heterogen*. Pemilihan dilakukan dalam beberapa peringkat: (1) memilih kluster dengan cara *simple random sampling*.

- (2) memilih satuan sampling dalam kluster. Jika pemilihan dilakukan lebih dari 2 kali disebut *multi-stage cluster sampling*.

Dalam penyelidikan ini, bilangan populasi yang terbabit di ruang terbuka awam adalah selalu berubah dan tidak boleh ditentukan bilangannya secara tetap. Populasi di ruang terbuka awam adalah heterogen dari pelbagai peringkat umur, sukubangsa dan pekerjaan. Oleh itu, tidak mungkin untuk menyusun kerangka sampling dengan menyusun senarai populasi secara lengkap. Pada keadaan kes yang beranika seperti ini, kaedah kluster sampling adalah yang paling sesuai untuk menentukan sampel. Oleh itu teknik kluster sampling diguna dalam penyelidikan ini agar setiap daerah sampel memiliki ukuran sampel yang sama. Setiap kluster mewakili populasi (pengguna) dan setiap tempat dipilih sampel yang sesuai untuk mewakili P-TSS dan P-TSM. Dalam kumpulan ini responden secara umum diagihkan kepada pengguna statik dan bergerak. Responden bergerak dipilih secara rawak dari pengguna yang berada di ruang terbuka pada masa kaji selidik dilakukan dan bersedia untuk menyertai dan mengenal tempat tersebut. Pengguna statik (seperti: pemilik kedai, penjaga kedai dan penjaja kaki lima) dipilih berasas pada interval unit ruang di aras bawah ruang terbuka (ruang membeli-belah/premis kedai dan kiosk).

Kajian ini menggunakan teknik ‘selang masa’ dalam mengumpulkan data dari kumpulan pengguna bergerak. Ianya untuk mengurangi terjadinya ‘bias’ dalam pemilihan responden. Dalam proses ini, selang masa 25 minit diberikan untuk menentukan pilihan sampel. Masa yang diberikan kepada responden untuk melengkapi kaji selidik adalah antara 15 sehingga 20 minit. Responden bergerak

secara rawak dipilih dari populasi yang berada di lokasi ketika kaji selidik dilakukan, bersedia menyertai dan biasa dengan tempat terbabit.

### (iii) Ukuran sampling

Ketika aliran pengguna berada pada peringkat intensiti yang berbeza, maka bilangan total populasi di ruang terbuka awam sangat sukar untuk dikira. Oleh itu, prinsip yang pernah digunakan sebelumnya oleh penyelidik lain diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Ukuran sampel berasas kepada ketepatan (*accuracy*) yang menjadi syarat sampel, juga peringkat kepelbagaian yang ada pada populasi terpilih (De Vaus, 1991). Berasas kepada prinsip bahawa ukuran sampel populasi berasal daripada sampel yang diambil ialah menyimpang dari ketepatannya (*accuracy*), maka ukuran sampel pada penyelidikan ini diambil berdasarkan pada hitungan yang dilakukan oleh De Vaus (1991). Berasas kepada 5.5% *sampling error* pada 95% peringkat *confidence* dan sub-kumpulan terkecil harus memiliki sekurang-kurangnya 50-100 kes (De Vaus, 1991). Jadual 4.4 menunjukkan sejumlah 330 responden harus terbabit pada ruang terbuka yang dipilih (P-TSS dan P-TSM).

Kajian tentang kriteria kejayaan untuk tiga *shopping street* tradisional di Kuala Lumpur dilakukan oleh Shuhana (2004) menggunakan 330 responden secara random. Sementara kajian lain pada bandar industri di Venezuela oleh Appleyard (1979) melibatkan 300 penduduk secara random dari 4 skim perumahan. Ryan (1997) yang membuat kajian keterikatan pada tiga daerah bandar semulajadi di Ann Arbor, Michigan, melibatkan 328 pengguna taman (penduduk, pengunjung, dan

kakitangan). Berdasarkan pada kes-kes diatas, penulis memilih untuk menggunakan rumusan yang sama dalam menentukan ukuran sampling.

**Jadual 4.4:** Syarat ukuran sampel untuk variasi sampling pada 95% peringkat *confidence*

Sampling error (5%)	Ukuran sampel	Sampling error (5%)	Ukuran sampel
1.0	10000	5.5	330
1.5	4500	6.0	277
2.0	2500	6.5	237
2.5	1600	7.0	204
3.0	1100	7.5	178
3.5	816	8.0	156
4.0	625	8.5	138
4.5	494	9.0	123
5.0	400	9.5	110
		10.0	100

Sumber : De Vaus (1991)

(iv) Jadual kaji selidik

Kaji selidik untuk P-TSS dan P-TSM dilakukan secara bergantian, pada waktu bekerja dan termasuk hujung minggu dilakukan kajian untuk mengetahui corak aktiviti dan ‘intensiti’ pengguna yang menguasai ruang terbuka pada masa yang berbeza. Jadual 4.5 menjelaskan jadual kaji selidik.

Jadual 4.5: Jadual sistematik untuk kaji selidik kawasan

HARI	MASA
Hari kerja Isnin, Rabu, Jumaat	8.00 am – 1.00 pm 1.00 pm – 2.00 pm 2.00 pm – 8.00 pm 8.00 pm – 12.00 pm
Hujung minggu Sabtu, Ahad	8.00 am – 12.00 pm

(v) Kumpulan umur

Peringkat kumpulan umur ialah 18-24, 25-49, 50-64 dan lebih dari 65 tahun disertakan untuk mengetahui tahap kedewasaan responden dalam menjawab soal selidik dan kumpulan umur yang dominan menggunakan tempat itu.

(vi) Rekabentuk soal-selidik

Soal selidik direncanakan sebagai alat untuk merekod dan mengenalpasti responden kepada tahap keterikatan dan persepsi kepada ciri-ciri tempat. Soal selidik berisi soalan *close and open-ended* berasas kepada angkubah yang ditentukan. Soalan *close-ended* direncanakan untuk menyelidiki dan mengukur beberapa angkubah, sedangkan soalan *open-ended* memberikan kesempatan kepada responden untuk berkongsi pendapat kepada subjek diluar skop yang diberikan oleh penyelidik. Soal selidik dirancang untuk memperoleh informasi yang diingini dalam 5 aspek:

- a) Penglibatan kepada tempat (*place engagement*) (tujuan, niat, kekerapan kunjungan, tempoh, unsur daya tarikan)
- b) Keakraban tempat (*place familiarity*) (ciri-ciri akrab, perubahan, contoh perubahan dan tanggapan pada perubahan).
- c) Keterikatan tempat (*place attachment*) (emosi dan fungsi)
- d) Persepsi pada atribut dan ciri-ciri tempat (unsur aktiviti, fizikal dan imej). Meliputi: aksesibiliti, kefahaman, daya hidup, kepelbagai dan pilihan, transaksi, keunikan, keselesaan, keselamatan dan ciri-ciri yang berkaitan.
- e) Profil responden (umur, jantina, pekerjaan, etnik, pendapatan)

Kaji selidik terdiri dari 34 soalan tertutup dan terbuka (rujuk kepada Lampiran B: Jadual B1). Pendekatan berganda daripada pengumpulan informasi digunakan sehingga dapat menambah kekayaan penyelidikan baik dari segi data kualitatif dan kuantitatif. Difahami bahawa data soal selidik kuantitatif jika tidak ditambah dengan kefahaman kualitatif penyelidik atau menggunakan data kualitatif dari cara yang lain dapat memberikan hasil yang hampa dan tidak saintifik (Ziesel, 1980). Ianya menyokong pilihan dan kefahaman untuk pendekatan kaedah campuran yang diguna dalam kajian ini.

(vi) Ukuran dan cara pengukuran

Tanggapan kepada soalan yang menggambarkan keterikatan tempat, atribut dan ciri-ciri tempat dikumpulkan berdasarkan 5 siri '*likert-scaled*' dari 'sangat setuju' menjadi 'sangat tidak setuju'. Soalan direka dengan cara perbandingan tidak langsung harus dibuat untuk tempat yang sama sebelum responden menunjukkan tindak balas (setuju atau tidak setuju) kepada soalan. Sebagai contoh, untuk mengeluarkan kualiti mewakili tahap perbezaan dibandingkan dengan tempat lain, istilah yang menunjukkan ukuran dan peringkat kualiti seperti: 'paling ...', 'sangat banyak ...', 'banyak ...', 'unik ...', dan 'yang terbaik ...' akan digunakan. Jika seorang responden sangat setuju dengan ciri-ciri tertentu dari tempat itu bererti dia akrab kepada tempat kerana yang menjadi 'yang terbaik' dari yang lebih baik, yang paling menarik, berbeza, atau unik dibandingkan dengan tempat lain kerana pengalaman terus berada di tempat itu. Ianya membantu responden untuk secara semulajadi membuat perbandingan pada masa bertindak balas dengan setiap soalan. Persetujuan

responden kepada soalan digunakan untuk mengukur peringkat keterikatan dan atribut serta ciri-ciri yang sangat berpengaruh kepada keterikatan. Pernyataan untuk soal selidik boleh dilihat Lampiran B: Jadual B2.

Rujukan dibuat untuk soal-selidik yang pernah dirancang oleh para penyelidik sebelum ini tentang subjek berkaitan. Dalam usaha untuk mendefinisikan keterikatan tempat, siri soalan ‘*likert-scaled*’ yang direka untuk mengukur dimensi teori keterikatan tempat, identiti tempat dan pergantungan tempat adalah dikembangkan (William, et.al, 1995; Jorgensen & Stedman, 2005; Hidalgo & Hernandez, 2001). Namun, pengukuran tidak memasukkan banyak soalan-soalan terbuka kerana penyelidikan tersebut menggunakan pendekatan dan kaedah kuantitatif murni.

Dalam kajian ini, soalan ‘*likert-scaled*’ dibuat berstruktur dengan soalan yang berakhir terbuka untuk mengumpul keterangan responden dan pendapat pada ciri-ciri tempat yang menurut mereka perlu diserahkan. Ini ialah bukti bahawa respon negatif juga dibahas dalam soalan terbuka meskipun soalan benar-benar dirancang sebagai kenyataan positif. Ianya melengkapi dan memberitahu bahawa corak diperoleh berdasarkan kepada hasil kaedah .

#### **4.8.2 Temubual khusus**

Temubual khusus diguna untuk melengkapi data kuantitatif. Teknik ini sesuai untuk menyiasat lapisan masalah yang diungkapkan oleh responden, membantu menginformasikan temuan , membuka perspektif atau percanggahan dan menambah

ruang skop dan luasnya suatu kajian (Creswell, 1994). Ianya dilakukan untuk membuka masalah yang berpotensi untuk muncul yang tidak dapat peroleh dalam kaji selidik.

Tipologi untuk strategi sampling oleh Creswell (1994) digunakan untuk memastikan kesahihan responden. Ianya penting untuk semua responden mengalami fenomena yang sedang dikaji. Proses pengenalan sampel yang terlibat melalui: pertama, mengenalpasti penduduk (pengguna ruang terbuka), maka pengguna dikumpulkan menjadi sub-kumpulan utama berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sampling bertujuan dimana orang dengan ciri-ciri, perilaku atau pengalaman khusus dipilih untuk membolehkan perbandingan luas dapat dibuat diantara kumpulan pengguna yang berbeza. Strategi ini sesuai untuk P-TSS dan P-TSM yang ditandai oleh penduduk multi-budaya yang berkumpul untuk fungsi dan tujuan yang berbeza. Pemilihan sampel untuk temubual dilakukan dengan lebih hati-hati, ia dapat digunakan untuk mewakili kumpulan pengguna yang dipilih (Yin, 1994). Dalam menentukan saiz sampel, ada kenyataan bahawa jika kajian kualitatif yang dilakukan bersama-sama dengan kajian kuantitaif, maka sampel temubual khusus sebaiknya memenuhi 20 hingga 40 (Shuhana & Ahmad Basri, 1998).

Pada temubual akhir, responden dipilih berdasarkan teknik komposit yang digunakan oleh Lynch (1998) dalam kajian tentang imej yang dibuatnya. Sampel dengan hati-hati disusun sehingga menggambarkan ciri-ciri pengguna utama yang terlibat dengan kegiatan ruang terbuka. Dalam kajian ini, bilangan keseluruhan 36 sampel terdiri daripada wakil-wakil dari kumpulan pengguna utama (statik dan

bergerak) yang ikut serta dalam temubual khusus. Temubual secara bersemuka menggunakan format semi-berstruktur akan dilakukan dengan cermat kepada 18 *informan* yang ditemubual. Dalam kajian ini, kriteria berikut ini dipertimbangkan dalam memilih responden:

- a) Lama penggunaan (1-5 tahun, 5-10 tahun, 10-20 tahun, 20 tahun ke atas).
- b) Etnik penduduk (Melayu, Cina dan India) sebagai kelompok dominan menduduki dan mengunjungi ruangan terbuka.
- c) Kekerapan kunjungan (minimal sebulan sekali)
- d) Keakraban (sangat akrab dengan daerah itu)
- e) Keselesaan (kesediaan untuk menyertai).

**Jadual 4.6:** Rasional komposisi responden

PENGGUNA	LATAR SUKUBANGSA		LAMA PENGGUNAAN	
Penjaja kaki lima	A	Melayu	1	Di bawah 1 tahun
Pemilik Kedai	B	Cina	2	1-5 tahun
Penjaga kedai	C	India	3	5-10 tahun
Penduduk	D	Iban	4	10-20 tahun
Pembeli belah	E	Orang asing	5	Lebih 20 tahun
Pengunjung/Pelancong				

Sepanjang temubual, soalan berstruktur disusun sebagai rangka kerja. Penyelidik mengambil kira pengalaman responden pada tempat dan masa tertentu bersama-sama dengan perasaan dan emosi yang melekat pada tempat itu. Ini dilakukan untuk mencari nilai dan makna yang mereka anggap berasal dari tempat itu yang menunjukkan keterikatan tempat. Soalan siasatan diperlukan untuk mendapatkan penjelasan tentang tanggapan khusus yang dapat mendedahkan faktor sebenarnya

yang mempengaruhi jenis dan darjah keterketerikatan kepada atribut dan ciri-ciri tempat tertentu.

Semasa temubual dijalankan, penyelidik meletakan diri sebagai orang luar (*outsider*) yang tertarik untuk mengumpul data tentang subjek. Dalam keadaan tertentu, penyelidik akan berlakon sebagai *participant (insider)* (Relph, 1976) yang menerokai tempat dan tertarik untuk berkongsi dengan responden. Dalam rangka untuk menangkap perkataan peribadi responden dan membiarkan analisisnya muncul, struktur temubual dirancang fleksibel bagi penyelidik untuk merakam dimensi tak terduga dari topik. Temubual dicatat dan direkodkan berasas kepada keselesaan responden.

Tema temubual semi-berstruktur ialah sebagai berikut:

- a) Penggunaan: alasan penggunaan tempat
- b) Keakraban: pengetahuan tentang tempat dan darjah kefahaman, memori.
- c) Keterikatan emosi: perasaan tentang tempat tersebut, rasa kesetiaan, keterangan tempat.
- d) Keterikatan Fungsi: kegiatan menarik, perasaan keselesaan dan kepuasan, pendapat atas perubahan, cadangan untuk pembaikan
- e) Keterikatan sosial-budaya: keterikatan kepada orang-orang, rasa bangga dan rasa memiliki.

Lampiran B: Jadual B3 menjelaskan secara terperinci soalan temu-bual terstruktur.

#### **4.8.3 Pengamatan kawasan**

Pengamatan kawasan bermanfaat untuk memperoleh pengalaman langsung dengan daerah kajian, merakam maklumat seperti apa berlaku dan membolehkan untuk mengenalpasti aspek-aspek yang jarang dapat dilihat selama pengamatan dan berguna dalam mengungkap topik yang mungkin tidak selesa untuk dibincangkan oleh responden (Creswell, 1994). Pengamatan langsung membantu penyelidik untuk membina tafsiran yang lebih tepat dari objek dan subjek kajian. Sasaran kumpulan responden dan promenad akan diamati. Dengan melakukan pengamatan ini penyelidik mengetahui mengenai bagaimana tempat ini benar-benar digunakan.

Proses ini juga membantu penyelidik untuk membandingkan kenyataan yang dibuat responden pada soal selidik dan temubual dengan realiti atau adegan yang sebenar dilihat dari ciri-ciri tempat dan corak penggunaan. Pendekatan pengamatan kawasan merupakan kuantitatif dan kualitatif yang bererti banyak pengamatan berulang untuk mendapatkan liputan dari setiap kawasan kajian dan pendekatan kualitatif yang bermaksud mencari saat-saat yang baik untuk mendedahkan ‘kompleksiti’ yang unik dari kes tersebut (Stake, 1995). Dalam proses ini, penyelidik bertindak sebagai pemerhati luar (*outsider*) semasa mendokumentasi corak kegiatan berdasar bukti foto dan tulisan (nota peribadi dan *checklist*).

Aspek yang dipertimbangkan sebelum melaksanakan pengamatan ialah lokasi, ‘target’ pengguna, jenis kegiatan yang akan diamati, jenis-jenis data yang harus dikumpulkan, jadual dan kerangka untuk pengamatan. Ianya untuk memastikan

bahawa teknik sistematik dan prosidur untuk pengumpulan data dapat dilakukan selama tempoh yang ditentukan oleh penyelidik. Dibantu dengan beberapa kali lawatan, penyelidik telah membangunkan rasa keakraban, *feeling* dan persepsi kepada tempat.

Lokasi pengamatan meliputi ruang terbuka sepanjang P-TSS dan P-TSM. Kawasan ini ditakrifkan oleh ruang terbuka mendefinisikan ruang yang digunakan untuk laluan pejalan kaki dan ruang terbuka awam. Pengamatan dilakukan semasa hari kerja biasa, intensiti pengguna menduduki ruangan terbuka saling berhubungan dengan pembukaan kedai-kedai di seluruh ruang terbuka serta waktu kerja formal. Ada peningkatan intensiti pengguna dan aktiviti ruangan terbuka selepas waktu pejabat (selepas pukul 4 petang) dan selama cuti hujung minggu dan cuti perayaan. Oleh itu, pengamatan aktiviti pengguna dijadualkan pada hari kerja dan juga pada hujung minggu dan beberapa kesempatan khusus (misalnya musim perayaan) di pagi hari, siang, petang dan malam untuk merekod kegiatan sebenar dan suasana tempat itu.

Pengamatan berkala, fotografi (visual) dan nota padang digunakan sebagai teknik untuk mendokumentasikan ciri-ciri fizikal, jenis dan corak aktiviti pengguna. Satu rakaman fotografi yang luas tentang apa yang berlaku dilakukan dengan kamera digital untuk merakam bukti tersebut. Berikut ini menghuraikan aspek tempat untuk diamati dan didokumentasikan:

- a) ciri-ciri fizikal dan reruang
- b) pengguna ruang terbuka

- c) penggunaan dan aktiviti:
  - penggunaan di aras bawah
  - jenis kegiatan dan lokasi (pasif / aktif / peribadi / sosial)
  - ruangan yang digunakan berkaitan dengan kegiatan utama (individu/kolektif)
  - corak kegiatan (intensiti, pengedaran / masa, jam buka)
- d) pergerakan dan intensiti pedestrian
- e) perubahan dan peningkatan ruangan terbuka

#### **4.8.4 Penilaian ciri-ciri bandar**

Penilaian persekitaran ialah kefahaman peribadi seseorang tentang suatu latar (Gifford, 1987). Evaluasi para penyelidik pada tempat penting untuk menentukan pencapaian tempat bagi memenuhi fungsinya. Ianya berhubung kait dengan kualiti suatu latar yang boleh mempengaruhi keterikatan fungsi pengguna. Penilaian ini memudahkan pemahaman dan pengenalan kepada pencapaian atribut dan ciri-ciri tempat, selain dari persepsi umum. Perkara ini akan mengungkap, melengkapi atau menguatkan kaedah lain yang digunakan dalam kajian ini.

Kriteria sama yang ditetapkan digunakan juga dalam penilaian ciri-ciri bandar iaitu: aksesibiliti, kefahaman, daya hidup, kepelbagaian dan pilihan, keselesaan, transaksi, keunikan, keselamatan dan keamanan. Indikator untuk setiap atribut yang dibina untuk penilaian ialah berasas kepada literatur (rujuk Lampiran B: Jadual B4). Format penilaian ini direka berdasarkan 5 mata skala berasal dari kewajaran pengukuran yang sesuai dengan kualiti (rujuk Lampiran B: Jadual B5).

#### **4.9 Kesahihan (*reliability*) dan pengesahan (*validity*) penyelidikan**

Penyelidikan ini mengumpulkan pelbagai jenis data tentang fenomena yang sama dengan beberapa teknik untuk mengurangi kemungkinan ‘bias’ dari teknik yang lain (Lobo, 2004). Semasa analisis, triangulasi data juga akan mengurangi dan menghilangkan potensi bias kepada bukti tunggal.

Bagi pemilihan sampel, teknik komposit yang pernah dipakai oleh Lynch (1981) digunakan untuk memastikan kesahihan responden mengikut objektif penyelidikan dan mewakili target pengguna. Proses pemilihan dua kumpulan yang berbeza daripada responden yang merupakan pengguna utama dari ruangan terbuka (bergerak dan statik) memastikan campuran yang baik dari responden. Strategi ini akan menghilangkan ‘bias’ yang mungkin timbul oleh kenyataan bahawa pengguna statik mungkin mempunyai kepentingan peribadi pada daerah tersebut yang boleh terjadi kemudian mereka mengarahkan respon mereka kepada objektif tertentu yang dapat menyesatkan pemahaman keterikatan tempat dan dimensi watak tempat.

Kajian menunjukkan bahawa pelbagai faktor yang menyebabkan responden tidak mengikut tindak balas semulajadi mereka. Beberapa faktor ini termasuk harapan penyelidik, keinginan responden untuk memberikan jawapan yang dikehendaki secara sosial dan keinginan responden untuk mengetahui kajian (Nasar, 1998). Oleh itu, penyelidik harus secara konsisten bekerja dalam soalan berstruktur berdasar kepada kriteria yang ditetapkan dan soalan-soalan untuk kaji selidik ini direka dalam bentuk yang paling sederhana, secara langsung dan dengan teknik mudah untuk

dijawab untuk mengurangi masalah. Ianya untuk memastikan bahawa penyelidik tidak akan campur tangan dalam proses tindak balas yang mungkin boleh menjelas responden dalam jawapan mereka.

Kaji selidik ini direka bentuk dalam tiga bahagian yang terdiri daripada campuran soalan tertutup dan terbuka terutama dalam format *likert-scaled*. Dalam menghadapi tuntutan kaji selidik yang sahih (*validity*), dan soalan temubual, soal selidik dan tema temubual direka berdasar kepada angkubah yang dibentuk melalui teori yang bersesuaian dalam bidang penyelidikan dan dimaklumkan oleh isu-isu tempatan dan kepedulian konteks (P-TSS dan P-TSM). Untuk memastikan kesahihan, hasil penyelidikan akan dikorelasikan dengan konsep teori berkaitan dan konsep pembuktian seperti keterikatan tempat, pergantungan tempat dan teori rekabentuk bandar yang bersesuaian.

#### **4.10 Pendekatan teknik analisis data**

Dalam rekabentuk kaedah-campuran, data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan untuk analisis. Triangulasi data membentuk asas kaedah analisis data. Data kuantitatif dan data kualitatif dianalisis secara bersama dan serentak untuk membolehkan corak umum dan berhasilnya faktor-faktor penyebab. Tema-tema yang ada disajikan secara deskriptif bagi menjawab soalan kajian. Kaedah triangulasi meliputi *within-method triangulation* dan *between-method triangulation* (Creswell, 1994). Kaedah pertama adalah untuk menganalisis angkubah-angkubah

dalam suatu jenis data tertentu sementara cara yang kedua menyatukan validasi penemuan antara angkubah dan jenis data yang berbeza.

Proses analisis data adalah eklektik, tidak ada ‘cara yang paling tepat’ dalam menentukan teknik terbaik dalam analisis (Creswell, 1994). Dalam penyelidikan ini data yang akan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif disusun dalam jadual untuk mencari potensi corak-corak dan hubungan. Data kuantitatif memerlukan agregasi (penyatuan) dan penyusunan dalam rangka untuk membuat makna menjadi jelas; data kualitatif atau tafsiran mempunyai erti yang terus dikenali oleh pemerhati (Stake, 1995; Groat & Wang, 2002). Dalam kes ini kata kunci (*keywords*) dikenalpasti sebagai indikator dari tema yang dibina. Analisis deskriptif akan dihasilkan dari SPSS versi 12 dan disediakan dalam bentuk jadual dan gambar menggunakan Microsoft Word dan Excel. Format matriks digunakan untuk menyemak susun data yang disenaraikan.

Analisis data kuantitatif menggunakan cara *central tendency* (nilai purata) yang merupakan nilai wakil dari suatu taburan data. Prosidur ini harus mengambil kira semua kumpulan data, tidak boleh terpengaruh oleh nilai-nilai ekstrem dan harus stabil (Grout & Wang, 2002). Sifat taburan kekerapan data juga harus diambil kira untuk menentukan kaedah nilai purata yang akan digunakan, sama ada min, median atau modus. Apabila taburan data tidak normal (tidak simetris) dan terdapat nilai-nilai ekstrem maka median dan modus merupakan nilai ukuran sesuai. Jika taburan data normal dan membentuk *a bell shaped curve*, maknanya semua nilai ukuran (min, median dan modus) berada pada nilai yang sama sehingga ketiganya dapat

digunakan. Namun pada kes taburan data normal, amnya nilai min lebih sering digunakan kerana lebih memenuhi persyaratan untuk nilai pusat yang baik dan mewakili seluruh kumpulan data (Groat & Wang, 2002).

Hasilnya kajian dibentangkan dalam bentuk kuantitatif seperti kaedah kekerapan peratusan dan nilai purata dengan menggunakan graf dan jadual. Manakala data kualitatif akan diberi kod (bertema) dan diasingkan mengikut kumpulan (Stake, 1995; Creswell, 1994; Groat & Wang, 2002) sesuai dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian (misalnya unsur fizikal, aktiviti dan makna). Ianya dilakukan untuk memudahkan kesimpulan dapat dibuat berdasas kepada data, mengenalpasti corak-corak yang berpadanan (melalui tema berulang atau kategori), *clustering* (pengelompokan tanggapan dengan ciri-ciri serupa dan makna), angkubah yang berhubungan (mengenalpasti hubungan antara dua atau lebih angkubah) dan hubungan hasil kajian dengan teori kajian (Groat & Wang, 2002). Teknik *crosstabulation* akan digunakan untuk menyemak hubungan antara angkubah.

Data dari pengamatan secara langsung dianalisis berpandukan foto dan keterangan visual utama bak kata pepatah – ‘sesuatu gambar menceritakan sesuatu cerita’. Data dari penilaian ciri-ciri bandar meliputi matriks dan nilai yang diberikan untuk mengukur arah pencapaian tempat dalam bentuk peratusan dan rata-rata nilai output. Melalui proses triangulasi, setiap data akan menyokong jenis data yang dikumpulkan dalam penyelidikan ini.

#### **4.11 Kesimpulan**

Bahagian ini telah menjelaskan reka bentuk penyelidikan fokus kepada pendekatan, kaedah, teknik pengumpulan data dan teknik analisis. Pemilihan pendekatan campuran (kualitatif dan kuantitatif) sesuai dengan tajuk dan kepelbagaiannya faktor tersebut. Teknik penyelidikan dan data yang banyak ditriangulasikan untuk mendapatkan hasil yang tepat. Corak yang didapat dari analisis data kuantitatif akan di lengkapi dengan temuan kualitatif dan sebaliknya. Keduanya secara bersama-sama/serentak akan melengkapi kekuatan dan kelemahan yang akan menjadikan kajian lebih jelas. Untuk memahami dimensi subyektif dari keterikatan tempat dan untuk menguji hubungan sebab-akibat, kaedah analisis deskriptif akan digunakan untuk menjelaskan hasil kajian.

## **BAB 5**

### **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KETERIKATAN TEMPAT**

#### **5.0 Pengantar**

Bahagian ini memfokuskan kepada analisis data yang dikaitkan dengan tiga objektif awal kajian, iaitu: (i) untuk menentukan bentuk dan tahap keterikatan pengguna kepada P-TSS dan P-TSM, (ii) untuk mengenal pasti sebab-sebab dan faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan dan (iii) untuk menentukan perubahan pada keterikatan tempat mengikut peranan pengguna utama pada promenad tebing sungai. Perbincangan diagihkan kepada lima bahagian: pertama mengenal pasti profil responden, kedua analisis bentuk keterikatan, bahagian ketiga menganalisis tahap keterikatan ke ruang terbuka tebing sungai. Bahagian keempat membentangkan sebab-sebab kewujudan keterikatan dan makna yang terkait. Bahagian kelima membincangkan faktor untuk keterikatan dan analisis kepelbagaian keterikatan antara pengguna utama mengikut peranan mereka dan ciri-ciri demografi. Triangulasi data dilakukan dikedua-dua kawasan kajian akan menjadi kumpulan untuk menjelaskan di mana perbezaan secara serentak dilakukan untuk mengenal pasti corak, persamaan dan perbezaan pada sampel yang ada.

#### **5.1. Profil responden**

Dalam kaji selidik ini, 330 responden telah memberi peranan dan bersedia menjawab soalan soal selidik dengan lengkap. Setiap tempat diwakili oleh 165

responden terdiri daripada pengguna bergerak (82) dan statik (83). Mereka mewakili pengguna utama tempat: pemilik kedai, penjaga kedai, penjaja kaki lima, pelawat, pelajar dan penduduk tempatan. Majoriti responden berumur antara 18-24 dan 25-49 tahun, di mana hampir 60% daripada mereka adalah perempuan (rujuk kepada Jadual 5.0 dan Jadual 5.1) hasilnya menunjukkan bahawa P-TSS mempunyai lebih banyak bilangan responden dengan kategori umur 18-24, sementara responden dengan kategori umur 50-64 adalah yang paling sedikit.

**Jadual 5.0:** Umur responden

UMUR	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
18-24	96	74
25-49	55	63
50-64	14	22
diatas 65	0	6

**Jadual 5.1:** Gender responden

GENDER	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
Lelaki	75	83
Perempuan	90	82

Jadual 5.2 adalah status pernikahan dan etnik, menunjukkan bahawa P-TSS mempunyai bilangan responden yang tertinggi belum berkahwin, manakala P-TSM menunjukkan bilangan yang lebih tinggi daripada responden yang sudah berkahwin. Dari aspek latar belakang etnik, responden untuk P-TSS majoritinya adalah Melayu, diikuti dengan Cina, Iban dan India (rujuk Jadual 5.3). Walaupun pada masa ini P-TSS dikenal pasti sebagai ruang awam moden, tetapi P-TSS merupakan lokasi petempatan awal penduduk Melayu dan Cina manakala P-TSM dan kawasan

sekitarnya menandakan kehadiran awal masyarakat Cina di bandar. Ini telah mempengaruhi ciri-ciri sosio-budaya tempat dan dominasi kumpulan tertentu untuk tinggal, bekerja dan menubuhkan komuniti mereka di kawasan itu.

**Jadual 5.2:** Status kahwin

STATUS	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
Belum kahwin	103	98
Berkahwin	62	67

**Jadual 5.3:** Sebaran etnik

ETNIK	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
Melayu	52	54
Cina	44	60
Iban	29	-
India	40	51

Jadual 5.4 menunjukkan bahawa kira-kira 75% daripada responden mempunyai pendidikan formal iaitu sijil/diploma dan SPM atau lebih rendah manakala selebihnya memegang ijazah sarjana muda dan sarjana atau tahap kelayakan pendidikan yang lebih tinggi. Pendapatan mereka adalah dari RM 1000-3000 dan RM 1000 atau lebih rendah (rujuk Jadual 5.5). Bilangan yang bekerja dalam bidang swasta dan bekerja sendiri (peniaga) adalah lebih ramai. Pada P-TSS menunjukkan bilangan yang lebih tinggi bekerja sebagai pegawai kerajaan (rujuk kepada Jadual 5.6). Jadual 5.7 menunjukkan bahawa 176 daripada 330 responden yang tinggal di bandar berbanding dengan 154 orang yang tinggal di luar bandar.

**Jadual 5.4:** Peringkat pendidikan

PENDIDIKAN	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
SPM dan lebih rendah	76	65
Sijil/Diploma	53	68
Sarjana	31	24
Master & lebih tinggi	5	9

**Jadual 5.5:** Pendapatan bulanan

PENDAPATAN	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
< RM1000	73	64
RM1000-3000	56	73
RM3000-6000	28	18
> RM6000	8	10

**Jadual 5.6:** Pekerjaan

BIDANG	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
Kerajaan	65	35
Swasta	32	47
Bekerja sendiri	63	76
Tidak bekerja	5	7

**Jadual 5.7:** Tempat tinggal

TEMPAT TINGGAL	BILANGAN RESPONDEN (N=330)	
	P-TSS	P-TSM
Dalam bandar	98	78
Luar bandar	67	87

Umur responden yang mengambil bahagian dalam temu bual khusus (N= 36) adalah 27-69 tahun dan majoriti berumur antara 40-55 yang diagihkan secara adil lelaki

dan perempuan. Selain daripada pelawat dan pembeli (pengguna bergerak), majoriti responden adalah dari golongan yang bekerja dan hidup setiap hari di dalam kawasan tersebut (pengguna statik). Mereka termasuk pemilik kedai, penjaga kedai, penjaja kaki lima dan pekerja di pejabat. Mereka mewakili pengguna utama dari kumpulan etnik yang dominan menghuni tempat ini. Adalah dimaklumkan bahawa perniagaan adalah jenis penglibatan utama yang dicirikan sebagai aktiviti utama pada ruang terbuka awam.

Tempoh penglibatan (*engagement*) responden yang mengambil bahagian dalam temu bual khusus adalah yang berumur diantara 5-50 tahun di mana majoriti responden mempunyai masa penglibatan antara 10-30 tahun. P-TSM menunjukkan bilangan yang lebih tinggi adalah responden yang terlibat dengan ruang terbuka. Mereka telah mewarisi perniagaan keluarga selama 20 tahun. Dalam kes pengguna bergerak, tempoh penglibatan dengan tempat adalah diantara 5-30 tahun dan majoriti daripada mereka adalah wanita. Ciri-ciri peribadi dan sosio-budaya responden adalah berbeza. Ruang terbuka bersejarah ini lebih ditakrifkan oleh latar belakang etnik (Melayu, India, Cina dan Iban) yang ditubuhkan di kawasan bermula dari petempatan awal yang dipengaruhi bentuk aktiviti ekonomi dan urus niaga sehingga masa kini. Perkara ini mempengaruhi latar belakang sosio-budaya pengguna yang melawat dan membeli-belah.

Secara ringkasnya, responden dalam kajian ini kebanyakannya dari golongan muda dan pertengahan dengan pendapatan bulanan sederhana. Mereka mewakili penduduk etnik utama yang menduduki ruang terbuka (Melayu, India, Cina dan

Iban). Mereka adalah orang-orang yang terlibat dengan komitmen kerja tertentu (misalnya perniagaan), urus niaga ekonomi dan interaksi sosio-budaya dan orang-orang yang berada di jalan-jalan untuk melawat, mencari ketenangan atau membeli-belah.

## **5.2 Bentuk keterikatan**

Objektif pertama kajian adalah untuk mengkaji bentuk keterikatan emosi dan fungsi pada promenad tebing sungai (P-TSS dan P-TSM). Bahagian yang berikut akan menganalisis data untuk menjawab objektif. Andaian pada awal penyelidikan telah dinyatakan bahawa bentuk keterikatan ditentukan oleh ciri-ciri dominan yang dikaitkan dengan fungsi tempat.

### **5.2.1 Keterikatan fungsi**

Hasil dari kaji selidik dan dalam temu bual khusus menunjukkan bahawa dalam konteks ruang terbuka, keterikatan fungsi adalah bentuk keterikatan terkuat. Tindak balas dari temu bual khusus yang ditunjukkan dalam Jadual 5.8 mencadangkan bahawa keterikatan telah dinyatakan dalam bentuk tempoh masa penglibatan, tahap keakraban, tahap pergantungan (*dependency*), tahap kepuasan dan rasa keselesaan. Ini menunjukkan pentingnya ruang terbuka dalam menyokong aktiviti ekonomi dan sosial. Terdapat persamaan dalam semua kes (P-TSS dan P-TSM) menandakan tempat bergantung untuk memperolehi pendapatan tetap, peluang perniagaan dan semasa acara atau majlis perayaan. Kepuasan dinyatakan melalui ketersediaan dan

kepelbagaian kemudahan awam, skap jalan dan peningkatan ruang terbuka, intensiti pengunjung dan pembeli. Keselesaan fizikal dan alam sekitar digambarkan dalam tahap kemudahan dalam aksesibiliti, kemudahan dan perlindungan daripada cuaca

Responden umumnya berpuas hati dengan peningkatan fizikal ruang terbuka dan jalan, pilihan dan kepelbagaian produk, dan menarik kepada pengunjung dan pembeli. Responden berikut menilai ruang terbuka P-TSS:

“ Saya datang sini kerana saya telah membeli-belah disini sejak 10-25 tahun yang lalu. Kemudahan di sini baik dan senang ‘parking’ dan berjalan kaki. Saya datang sini jika saya mencari bahan makanan tertentu (mie, roti dan buah). Menjadi keakraban, kerana telah ada sejak dahulu.” (Responden 06 : Pengunjung, penglibatan 20 tahun) P-TSS.

Responden lain menyebutkan pentingnya lokasi dan intensiti pejalan kaki dalam menyokong keterikatan mereka kepada P-TSS:

"Kalau boleh, saya tidak mahu berpindah ke tempat lain. Tempat lain tidak sesuai kerana kawasan ini mempunyai akses dan lokasi yang baik - sentiasa ada orang lalu, tempat ini adalah laluan pejalan kaki "(Responden 02: Penjaja kaki lima - 7 tahun penglibatan) P-TSM.

"Lokasi ini baik kerana dekat dengan jalan utama, ramai orang menunggu bas dan sampan." (Responden 08: Penjaja kaki lima - 10 tahun penglibatan P-TSS)

"Saya positif mengenai menaik tahap tempat ini. Peniaga kaki lima sentiasa penuh sepanjang Ramadhan, ramai orang dan penjaja kaki lima yang menjual semua jenis makanan.." (Responden 06: Pengunjung) P-TSS.

"Saya sangat suka tempat ini, walaupun saya berpindah ke tempat lain saya mesti melawat tempat ini untuk berjalan-jalan dan memerhatikan orang dan aktiviti." (Responden 03: Pengunjung, 12 tahun penglibatan P-TSM)

**Jadual 5.8:** Indikator keterikatan fungsi (hasil dari temu bual khusus)

INDIKATOR	TEMPAT	
	P-TSS	P-TSM
Penglibatan (Engagement)	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Penglibatan dari pagi ke petang.</li> <li>– Keterikatan kepada tempat disebabkan tempoh penglibatan yang lama.</li> <li>– Keterikatan kepada tempat kerana hubungan jangka panjang.</li> <li>– Lawatan berterusan terutamanya semasa hari raya dan tahun baru meningkatkan keakraban.</li> <li>– Perniagaan dan aktiviti penjaja kaki lima</li> <li>– Riadah dan hiburan</li> <li>– Tarikan untuk makanan dan restoran-restoran khusus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Penglibatan dari pagi hingga malam hubungan sosial dan keterikatan yang kuat disebabkan aktiviti dan kumpulan budaya.</li> <li>– Semangat rasa memiliki dan keterikatan disebabkan tempoh penglibatan yang lama.</li> <li>– Komited kepada aktiviti rutin harian.</li> <li>– Bersantai di ruang makan luar</li> <li>– Tarikan untuk makanan dan restoran-restoran khusus</li> </ul>
Kata kunci	<i>Keakraban, Peniaga, Sosial, Hubungan</i>	
Keakraban (Familiarity)	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Sangat biasa dengan tempat itu.</li> <li>– Dapat menggambarkan kawasan itu sangat baik, sangat <i>imageable</i></li> <li>– Dapat menggambarkan perubahan fizikal secara terperinci</li> <li>– Tahu kepada kebanyakan penjaja lain</li> <li>– Terlibat sentiasa dengan kedai-kedai yang kerap dikunjungi dan sangat biasa dengan mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Sangat biasa dengan tempat.</li> <li>– Dapat menggambarkan kawasan itu sangat baik, sangat <i>imageable</i>.</li> <li>– Dapat menggambarkan perubahan fizikal secara terperinci.</li> <li>– Tahu kebanyakan penjaja lain</li> <li>– Kerap melawat dan membeli-belah semasa acara-acara khas</li> </ul>
Kata kunci	<i>Imej, Perubahan, Penjaja, Acara persembahan</i>	
Ketergantungan (Dependency)	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Sumber pendapatan</li> <li>– Tempat dipilih kerana memiliki potensi ekonomi dan keterikatan dengan latar belakang.</li> <li>– Mempunyai kawalan kepada ruang disebabkan panjangnya tempoh penglibatan</li> <li>– Keterikatan kepada tempat kerana ia adalah mudah untuk mendapatkan wang, kehidupan yang lebih baik</li> <li>– Keterikatan disebabkan keuntungan perniagaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Mempunyai kawalan kepada ruang disebabkan panjangnya tempoh penglibatan</li> <li>– Keterikatan kepada tempat disebabkan oleh peluang perniagaan</li> <li>– Tempat dipilih kerana perniagaan dan masyarakat</li> </ul>
Kata kunci	<i>Pendapatan, Ekonomi, Kesesuaian, Pengendalian</i>	
Kepuasan (Satisfaction)	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Memuaskan dengan pelbagai fasiliti pengangkutan dan kemudahan</li> <li>– Tempat yang sesuai untuk mengekalkan kehidupan dan keperluan harian</li> <li>– Berpuas hati dengan pelbagai barang yang ditawarkan pada harga yang rendah</li> <li>– Berpuas hati dengan tempat itu kerana ia menarik ramai orang untuk melawat</li> <li>– Tarikan istimewa kepada makanan seperti mi dan buah-buahan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Memuaskan dengan pelbagai fasiliti pengangkutan dan kemudahan</li> <li>– Berpuas hati dengan pelbagai barang yang ditawarkan pada harga yang rendah</li> <li>– Berpuas hati dengan tempat itu kerana ia menarik ramai orang untuk melawat</li> <li>– Tarikan istimewa kepada makanan seperti mi dan buah-buahan</li> </ul>
Kata kunci	<i>Keanekaan, Kehidupan mampu, Keperluan, Harga murah</i>	
Keselesaan (Comfort)	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tempat yang selesa untuk bekerja dan melawat kerana kemudahan awam dan harga lebih murah</li> <li>– Gembira dan selesa dengan tempat</li> <li>– Mudah untuk mendapatkan tempat untuk makan, keselesaan akses dan berjalan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Selesa dan menyenangkan menetap di kawasan itu</li> <li>– Persekutuan yang lebih bersih</li> <li>– Gembira dan selesa dengan tempat</li> <li>– Akses keselesaan dan berjalan</li> </ul>
Kata kunci	<i>Fasiliti, Harga, Akses, Berjalan</i>	

Keterikatan kepada fungsi telah ditunjukkan dalam bentuk persatuan dengan tempat. Keterikatan jenis ini tercantum dalam ciri-ciri fizikal (fungsi) tempat. Sebagai contoh, salah satu ruang poket di P-TSS dikenali sebagai Jalan India (*pedestrian mall*) menjadi tempat membeli-belah bagi penduduk tempatan dan pelawat yang merasai bahawa kehadiran ruang teduh yang terbuka dimanfaatkan untuk tempat duduk dan berteduh (walaupun bilangan tempat duduk adalah sangat sedikit). Seorang responden kemudian menjelaskan sebab-sebab mengapa ia memilih untuk berada di lokasi itu:

“Pak cik pilih tempat ini sebab letaknya di pusat bandar Kuching, sesuai dan agak selesa untuk membeli-belah, ada tempat duduk dan redup. Banyak teman Pak cik datang sini juga, kita selalu bertemu duduk rehat bercerita, makan sambil tengok orang ramai lalu lalang...”  
(Respondent 11: Pengunjung, 15 tahun penglibatan) P-TSS.

Dari segi naik tahap, responden amat bersetuju bahawa ruang terbuka awam dan jalan adalah tempat terbaik untuk aktiviti-aktiviti mereka dan gembira dengan kerja-kerja naik tahap kawasan, mereka agak bersetuju bahawa tempat adalah sangat penting untuk mereka. Berdasarkan temu bual khusus, ianya adalah jelas bahawa responden statik menggambarkan kekuatan kepentingan tempat melalui faktor pergantungan kepada ekonomi.

Secara ringkas, responden rasa sesuai kerana fungsi kepada ruang terbuka dan jalan dapat dilihat bahawa tempat ini adalah pilihan terbaik dalam menyokong aktiviti-aktiviti mereka berbanding dengan kawasan lain. Kawasan ini juga sangat penting dalam kehidupan mereka kerana menjadi tempat pergantungan mereka untuk keperluan peribadi dan punca utama tempat mencari rezeki. Disimpulkan bahawa

sifat-sifat yang dikaitkan dengan fungsi dominan ruang terbuka dan jalan dipengaruhi bentuk keterikatan. Penemuan ini menyokong andaian penyelidikan.

### **5.2.2 Keterikatan emosi**

Keterikatan emosi kuat disuarakan oleh pengguna statik yang secara ekonomi bergantung kepada ruang yang terbuka dan promenad. Diperolehi bahawa emosi diterjemahkan dalam bentuk perasaan tidak puas hati terhadap isu-isu yang muncul. Responden dari P-TSS dan P-TSM menyatakan tak puas hati kepada pembantahan kawasan penjual jalanan oleh penceroboh haram, bercanggah kepentingan dan rasa tidak puas hati mengenai perubahan fizikal. Boleh disimpulkan bahawa motif munculnya reaksi negatif terutamanya adalah untuk melindungi wilayah 'khas' peniaga daripada diancam oleh peniaga-peniaga lain yang menyalahi undang-undang di kawasan itu. Tindak balas ini dipengaruhi oleh pengguna laluan pejalan kaki yang telah menyebabkan reaksi yang bercanggah pengguna ruang terbuka kerana impak pembangunan kepada pengguna yang sedia ada terutamanya penjaja kaki lima, pemilik kedai dan masyarakat.

Tindak balas yang diperolehi dari temu bual menunjukkan bahawa emosi positif selalu dikaitkan dengan suasana ruang terbuka, jalan, aktiviti, ciri, peningkatan imej dan struktur fizikal tempat. Kenyataan berikut menunjukkan keterikatan kepada ruang terbuka:

"Saya tinggal di luar kawasan ini, tetapi saya sangat suka tempat ini dan kalau boleh sentiasa ingin meneruskan perniagaan saya di sini."

(Responden 02: Penjaja kaki lima, P-TSS).

Perasaan yang dinyatakan oleh pengunjung menggambarkan keakraban responden dengan ruang yang terbuka dan jalan dan keupayaan ruang terbuka dan jalan-jalan untuk menyediakan pilihan rekreasi dan barang-barang:

"Saya menikmati suasana di sini kerana saya sudah terbiasa di tempat ini, banyak pilihan rekreasi dan barang-barang dengan harga yang baik." (Responden 13: Pengunjung) P-TSM.

Untuk menganalisis dimensi keterikatan tempat lebih khusus, rujukan telah dibuat oleh Shamai (1991) yang telah membangunkan tujuh tahap rasa ukuran tempat (rujuk kepada Bab 2: Jadual 2.2) yang boleh digunakan dan diterjemahkan dalam memahami tahap keterikatan kepada tempat. Keterikatan kepada tempat digolongkan pada tahap ketiga yang dikaitkan dengan keterikatan emosi dengan makna yang ada. Berkaitan untuk konteks kajian, kawasan ruang terbuka dan jalan dianggap sebagai pusat untuk pengalaman peribadi dan kolektif juga identiti yang menyatu dengan makna dan simbolnya untuk mewujudkan 'personaliti' tempat. Rasa identiti masyarakat lebih kuat dirasai pada jalan yang memiliki nilai sejarah dan ruang terbuka moden yang ada di P-TSS dan P-TSM. Tempat diindahkan melalui keunikan dan ciri yang berbeza dari tempat-tempat lain. Jadual 5.9 menjelaskan petunjuk keterikatan emosi diperolehi dari temu bual khusus. Responden bukan sahaja berkongsi pengetahuan mereka mengenai tempat tetapi juga sentimen, kebanggaan, kesetiaan dan '*topophilia*' (Tuan, 1977) kepada tempat. Kewujudan mereka berkait erat dengan peranan tempat dalam membangunkan rasa 'memiliki' dan 'territorialiti' yang menggambarkan diri dan identiti kumpulan. Dalam kaitan dengan teori tempat, kekuatan identiti tempat berasas kepada dua faktor iaitu: pelaburan emosi yang dibuat oleh setiap individu ke dalam tempat tertentu dan tempoh waktu mereka menyatu dengan lokasi (Moore dan Graefe, 1994).

**Jadual 5.9:** Indikator keterikatan emosi (diperolehi dari temubual khusus)

INDIKATOR	TEMPAT	
	P-TSS	P-TSM
Kebahagiaan <i>(Happiness)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Rasa gembira bekerja / berniaga di Kawasan</li> <li>– Gembira dengan perubahan dan peningkatan kualiti fizikal</li> <li>– Gembira dengan pilihan kemudahan dan barang dan harga berpatutan</li> <li>– Banyak tempat yang menghiburkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tempat yang meriah dan gembira berada di sana</li> <li>– Gembira dan berpuas hati dengan perubahan fizikal</li> <li>– Menikmati suasana yang sibuk</li> <li>– Gembira melihat penjaja kaki lima</li> <li>– Lebih banyak pelancong dan pengunjung</li> </ul>
Kata kunci	<i>Perniagaan, Penambahbaikan, Suasana, Pilihan, Hiburan</i>	<i>Daya hidup, Perubahan, Suasana, Perniagaan</i>
Kesan Positif <i>(Positive impression)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Positif tentang mewujudkan imej fizikal yang lebih baik</li> <li>– Positif tentang suasana tempat</li> <li>– Seperti persekitaran yang meriah, penuh dengan orang dan bersemangat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Positif dengan ciri tempat</li> <li>– Seperti suasana tertentu ruang terbuka yang tidak boleh didapati di tempat lain</li> <li>– Positif mengenai suasana berbeza</li> </ul>
Kata kunci	<i>Imej fizikal, Daya hidup</i>	<i>Ciri-ciri, Suasana, Popular</i>
Ambil tahu-Peduli <i>(Sentiment-Care)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tentangan untuk memindahkan penjaja</li> <li>– Rasa kecewa jika ia dipindahkan ke lokasi lain yang kurang biasa dan diasingkan daripada pergerakan pejalan kaki utama</li> <li>– Defensive tentang perubahan persekitaran fizikal</li> <li>– Kebimbangan mengenai tahap jenayah dan sosial</li> <li>– Kebimbangan mengenai aktiviti penagihan dadah dan vandalisme kemudahan</li> <li>– Kebimbangan mengenai kemampaman ekonomi kumpulan sendiri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tentangan untuk memindahkan vendor</li> <li>– Defensive tentang perubahan persekitaran fizikal</li> <li>– Sensitif tentang perubahan fizikal dan kesukaran yang disebabkan oleh</li> <li>– Mengambil berat tentang kebersihan</li> <li>– Hubungan sosial dan keterikatan yang kuat disebabkan penglibatan aktiviti dan kumpulan budaya yang serupa.</li> <li>– Merasai bahawa tempat adalah lebih sesuai untuk anak-anak muda dan pelancong</li> <li>– Ruang yang lebih bersih dan lebih teratur</li> </ul>
Kata kunci	<i>Pemindahan, Ancaman, Bertahan, Kejahatan, Penyakit sosial, Ekonomi, Dadah, Vandalism</i>	<i>Pemindahan, Bertahan, Sensitif, Bersih, Hubungan sosial, Pemuda, Pelancong</i>
Kesetiaan <i>(Loyalty)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tidak ingin untuk berpindah disebabkan lokasinya yang strategik dan laluan pejalan kaki</li> <li>– Ingin untuk tetap tinggal kerana telah biasa dengan orang dan penglibatan jangka panjang</li> <li>– Suasana tempat yang menarik</li> <li>– Keterikatan disebabkan kerap melawat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Tidak akan berpindah ke tempat lain kerana rasa hidup selesa dan memuaskan di kawasan itu</li> <li>– Memilih untuk menetap di kawasan itu selepas persaraan kerana keakraban</li> <li>– Tidak sanggup untuk berpindah ke tempat lain disebabkan mempunyai rakan-rakan banyak</li> <li>– Keterikatan disebabkan lawatan kerap</li> </ul>
Kata kunci	<i>Lokasi stratejik, Kebakraban, Lama penglibatan</i>	<i>Selesa, Memuaskan, Keakraban, Kekerapan berkunjung</i>
Kebangaan <i>(Pride)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Keterikatan kuat kepada ruang terbuka sebagai simbol tempat</li> <li>– Rasa bangga kerana populariti dan kedistinktifan</li> <li>– Semangat pemilikan dan keterikatan disebabkan untuk tempoh yang lebih lama pertunungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Bangga dengan tapak bersejarah Melaka dan notis perubahan fizikal di ruang terbuka</li> <li>– Bangga populariti ruang terbuka dan jalan kepada pelancong asing</li> <li>– Bangga kepada tempat kerana keunikannya</li> </ul>
Kata kunci	<i>Terkenal, kepelbagaiannya, komuniti, simbol</i>	<i>Tapak sejarah, terkenal, pelancong</i>
Cinta <i>(Love)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Cinta tempat dan ingin untuk tinggal dan bekerja di sana selagi mungkin</li> <li>– Cinta tempat untuk berjalan dan memerhatikan orang dan aktiviti</li> <li>– Suka berjalan dan membeli-belah kerana terdapat banyak penjaja kaki lima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Cinta tempat dan tahu sangat baik tentang tempat itu</li> <li>– Cinta tempat dan ingin merasakan suasana</li> </ul>
Kata kunci	<i>Bekerja, bermukim, penjaja</i>	<i>Akrab, Suasana</i>

### **5.3 Tahap Keterikatan**

Bahagian berikut ini menganalisis data yang membincangkan bahagian kedua daripada objektif pertama penyelidikan iaitu untuk mengetahui tahap keterikatan emosi dan fungsi kepada ruang terbuka dan jalan (P-TSS dan P-TSM). Andaian pada awal kajian dinyatakan bahawa tempoh penglibatan menjadi faktor utama yang mempengaruhi tahap keterikatan kepada ruang terbuka dan jalan.

#### **5.3.1 Tahap keterikatan fungsi**


Kaji selidik pada keterikatan fungsi kepada tempat umumnya menunjukkan jawapan lebih positif. Nilai pengukuran 2.72 (P-TSS) dan 2.70 (P-TSM) daripada nilai 4.0 (seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5.10) menunjukkan lebih daripada nilai purata. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai keterikatan fungsi yang kuat kepada ruang terbuka dan jalan. Responden amat bersetuju bahawa ruang terbuka adalah tempat terbaik untuk tujuan mereka, merasa selesa berada di sana daripada tempat lain dan berpuas hati dengan peningkatan yang dilakukan ke kawasan itu. Tindak balas positif digambarkan daripada perolehan peratusan yang lebih tinggi jika persetujuan responden diperbandingkan dengan kualiti yang dinyatakan. Dalam kes P-TSS dan selari dengan nilai keterikatan emosi, nilai 2.72 menunjukkan bahawa keterikatan kepada tempat yang lebih kuat daripada P-TSM (2,70). Tindak balas kepada kenyataan 01 (Tiada lokasi lain sebaik lokasi ini) selanjutnya memaklumkan kajian bahawa tahap keterikatan fungsi adalah sangat

kuat (P-TSS: 2.88; P-TSM: 2.69). Responden ditanya untuk bertindak balas terhadap kenyataan yang menunjukkan keterikatan fungsi mereka kepada tempat. Keputusan menunjukkan bahawa (ditunjukkan dalam Rajah 5.0) tindak balas yang lebih positif telah dikumpulkan daripada responden di P-TSS dan P-TSM. Mereka merasai bahawa ruang terbuka dan ruang jalan memenuhi peranan dan fungsi dan mereka juga merasa sangat selesa berada di sana berbanding dengan tempat lain di bandar.

**Jadual 5.10:** Tahap keterikatan fungsi kepada P-TSS dan P-TSM berasas kepada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN	P-TSS		P-TSM	
		Mean	Std. Dev	Mean	Std. Dev
KETERIKATAN FUNGSI N=330	01 Tiada lokasi lain sebaik lokasi ini (Terbaik)	2.88	.665	2.69	.675
	02 Saya merasa lebih selesa berada di lokasi ini (Selesa)	2.77	.682	2.75	.681
	03 Tempat ini lokasi terbaik bagi memenuhi tujuan saya (Tujuan)	2.68	.680	2.92	.534
	04 Lokasi ini amat penting bagi saya (Penting)	2.53	.691	2.45	.702
<i>Format tindak balas : 1= sangat tidak setuju , 4= sangat setuju</i>		Nilai purata	2.72	2.70	

Difahami bahawa ruang terbuka dan jalan telah berjaya sebagai ruang awam dan oleh itu disediakan tempat yang sesuai dan strategik untuk bekerja dan berniaga. Walaupun P-TSM mempunyai peratusan yang lebih rendah daripada persetujuan responden mengenai kualiti, tetapi P-TSM telah dianggap sebagai tempat destinasi yang paling popular (pernyataan 03: Tempat ini lokasi terbaik bagi memenuhi tujuan saya) yang setanding dengan P-TSS. Diamati bahawa keunikan P-TSM boleh dikaitkan dengan adanya penjaja kaki lima sebagai tarikan yang menduduki ruang yang terbuka dan jalan, suasana pasar malam dan aktiviti tawar-menawar.



**Rajah 5.0:** Tahap keterikatan fungsi kepada P-TSS dan P-TSM berdasarkan peratusan persetujuan responden (N=330).


### 5.3.2 Tahap keterikatan emosi

Hasil kaji selidik keterikatan emosi kepada tempat menunjukkan tindak balas positif yang lebih tinggi. Nilai 2.75 (P-TSS) dan 2.63 (P-TSM) daripada nilai 4.0 (seperti yang diringkaskan di dalam Jadual 5.11 menunjukkan bahawa responden keterikatan emosi kepada P-TSS dan P-TSM adalah kuat. Nilai 2.84 (P-TSS) dan 2.84 (P-TSM) kepada pernyataan 04 (Saya amat terikat dengan tempat/lokasi ini) memaklumkan kajian bahawa responden sangat terikat kepada tempat. Perasaan keterketerikatan, kesan positif dan kepuasan sangat dikenal pasti oleh responden. P-TSS dan P-TSM juga dianggap sebagai tempat yang bermakna dan menyeronokkan. Responden dari P-TSM merasakan bahawa datang ke ruang terbuka adalah perkara yang paling memuaskan. Ianya terjadi kerana pengaruh aktiviti rekreasi dan membeli-belah sebagai tarikan utama kepada tempat di mana P-TSM menjaringkan peratusan tertinggi daripada persetujuan responden.

**Jadual 5.11:** Tahap keterikatan emosi kepada P-TSS and P-TSM berasas kepada nilai purata

UNSUR		KENYATAAN	P-TSS		P-TSM	
			Mean	STD. DEV	Mean	STD. DEV
KETERIKATAN EMOSI N=330	01	Saya merasa amat gembira berada disini daripada tempat lain ( <i>Menggembirakan</i> )	2.87	.632	2.59	.680
	02	Saya merasa paling selamat berada di tempat ini (Keselamatan)	2.15	.868	2.44	.705
	03	Berada disini membantu melupakan masalah saya (Melupakan Masalah)	2.51	.670	2.17	.881
	04	Saya amat terikat dengan tempat/lokasi ini ( <i>Attached</i> )	2.94	.482	2.84	.511
	05	Tempat ini memberi makna kepada diri saya (Bermakna)	2.78	.614	2.61	.681
	06	Saya bertanggapan positif dengan tempat ini (Positif)	3.00	.438	2.63	.676
	07	Tempat ini memberi kepuasan kepada saya (Kepuasan)	2.94	.478	2.54	.700
	08	Jika berpeluang, saya ingin berada disini lebih lama ( <i>Menghabiskan masa</i> )	2.60	.603	2.32	.759
<i>Format tindak balas: 1= sangat tidak setuju , 4= sangat setuju</i>			Nilai purata	2.75	2.48	

Rajah 5.1 menunjukkan corak persetujuan yang sama, bagaimanapun secara keseluruhan, peratusan persetujuan untuk P-TSM adalah lebih rendah daripada P-TSS walaupun usaha naik tahap dan pengindahan untuk meningkatkan kualiti fizikal dan aktiviti dalam kawasan telah selesai. Walaupun tindak balas kepada kenyataan 04 (Saya amatlah terikat dengan tempat/lokasi ini) adalah amat positif, tetapi jawapan atas kenyataan lain yang menerangkan keterikatan emosi kepada P-TSM kurang daripada P-TSS. Kurangnya rasa keselamatan berada di ruang terbuka dan jalan boleh dikaitkan dengan rasa tidak puas hati terhadap tahap keselamatan, ekonomi dan kestabilan walaupun responden sudah sangat terbiasa dan mempunyai Tempoh penglibatan yang lama dengan tempat itu sehingga mempengaruhi rendahnya tahap keterikatan .



**Rajah 5.1:** Tahap keterikatan emosi kepada P-TSS dan P-TSM berasas kepada peratusan persetujuan responden (N=330).

Secara ringkas, keterikatan emosi kepada ruang terbuka dan jalan menunjukkan keupayaan sesuatu tempat untuk memenuhi keperluan psikologi pengguna tempat yang membangkitkan emosi mereka. Ciri-ciri simbolik atau *intangible* ruang terbuka mengekalkan semangat tempat digambarkan daripada perasaan positif dan emosi yang dinyatakan oleh pengguna. Dapat disimpulkan bahawa melalui masa, identiti tempat dibangunkan selari dengan panjangnya Tempoh penglibatan, interaksi sosio-budaya, rasa bangga dan rasa memiliki melalui simbol dan makna. Hasil kajian ini juga menyokong andaian kajian bahawa panjangnya tempoh penglibatan adalah faktor utama yang mempengaruhi tahap keterikatan .

#### 5.4 Alasan untuk melakukan keterikatan

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti alasan-alasan yang mempengaruhi keterikatan tempat yang tertanam kepada responden mengenai

makna dan pentingnya tempat. Bahagian berikut menganalisis data untuk mengkaji aspek berkenaan kepada responden. Aspek itu termasuk makna dan pentingnya tempat, maksud penglibatan dan unsur-unsur tarikan yang menentukan alasan terjadinya keterikatan .


#### **5.4.1. Makna dan pentingnya tempat**

Enam kenyataan menunjukkan pelbagai makna kepada ruang terbuka dan jalan telah dibina untuk memahami makna yang melekat kepada keterikatan yang mempengaruhi keterikatan . Hasil daripada kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 5.12 menunjukkan bahawa kenyataan 06 (Lokasi terbaik untuk memperoleh pendapatan/wang) mempunyai nilai tertinggi. Ini menunjukkan bahawa keterikatan dan penglibatan responden berkait rapat dengan tempat sebagai sumber pendapatan yang sesuai dengan fungsi utamanya, keterikatan tempat untuk gaya hidup mereka dan latar belakang budaya dan sebagai tempat di mana orang-orang dari budaya yang berbeza saling bertemu.

**Jadual 5.12:** Makna terkait dengan P-TSS and P-TSM berasas pada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN	NILAI PURATA			
		P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
MAKNA N=330	01 Orang disini ramah dan mesra (Mesra)	2.37	.836	2.25	.865
	02 Mengembalikan kenangan masa kecil/silam (Memori)	2.35	.855	2.22	.881
	03 Sesuai dengan gaya hidup saya (Gaya hidup)	2.75	.581	2.69	.621
	04 Individu disini mengambil berat antara mereka (Ambil berat)	2.37	.842	2.25	.862
	05 Lokasi bagi pertemuan pelbagai bangsa (Masyarakat)	3.18	.422	3.33	.385
	06 Lokasi terbaik untuk memperoleh pendapatan / wang (Wang)	3.10	.436	3.07	.480
<i>Format tindak balast: 1= sangat tidak setuju , 4= sangat setuju</i>		Nilai purata	2.69	2.64	

Keputusan pada kenyataan 05 (Lokasi bagi pertemuan pelbagai bangsa; P-TSS = 3.18; P-TSM = 3.33) menunjukkan kekuatan ciri-ciri budaya tempat di mana responden melekatkan makna kepada pengalaman mereka mengenai ruang terbuka dan promenad tebing sungai. Ruang terbuka tidak memiliki nilai yang kuat sebagai tempat memperolehi memori masa lampau, walaupun responden bersetuju bahawa tempat sangat bersesuaian kepada gaya hidup dan latar belakang budaya mereka.



**Rajah 5.2:** Makna terkait dengan P-TSS and P-TSM berasas pada peratusan persetujuan responden (N=330).

Rajah 5.2 menunjukkan bahawa faktor-faktor peribadi dan sosial amat mempengaruhi makna yang dibina oleh responden, di mana kehadiran kumpulan pengguna dari pelbagai budaya menjaringkan peratusan tertinggi diikuti oleh kepentingan tempat sebagai sumber pendapatan.

Pada pandangan responden dalam temubual khusus, tempat lebih memiliki makna kerana pentingnya tempat itu kepada kehidupan mereka. Makna-makna terbina dengan latar yang menentukan alasan untuk melakukan keterikatan kepada ruang

terbuka dan promenad dan berkaitan dengan fungsi peranannya sebagai persekitaran untuk memperolehi pengalaman ruang terbuka dan promenad. Perkara ini digambarkan daripada bersepadunya peribadi, sosial dan budaya dengan tempat tersebut. Data menunjukkan bahawa ruang terbuka dan promenad saling memberi kualiti sebagai tempat untuk memperolehi wang/pendapatan, kesinambungan kepelbagaian budaya tertentu (yang berbeza) dan titik temu untuk interaksi sosial dan budaya. Pergantungan responden di ruang terbuka dan promenad digambarkan dalam respon berikut:

"Tempat ini penting kerana tempat makcik cari makan" (Responden 01 : Penjaja kaki lima, 15 tahun penglibatan) P-TSS

"Saya terikat kepada tempat ini kerana mudah untuk mendapatkan wang dan kehidupan yang lebih baik" (Responden 07: Penjaja kaki lima, 5 tahun penglibatan) P-TSM

"Tempat ini istimewa kerana ia menarik banyak orang yang berlainan dari mana-mana tempat .." (Responden 13: Pengunjung, 3 tahun penglibatan) P-TSM

Secara ringkas, ruang terbuka dan jalan di P-TSS dan P-TSM adalah penting bagi pengalaman responden disebabkan fungsinya sebagai pusat aktiviti ekonomi dan sosio-budaya. Dalam kes P-TSS, makna ruang terbuka dan jalan-jalan telah dibangunkan untuk keperluan asas dan ekonomi. Walau bagaimanapun identiti jalan bernilai sejarah di P-TSM telah dijiwai dalam identiti masyarakat budaya dominan (etnik) dalam cara hidup dan kepercayaan mereka. Semangat tempat yang berakar umbi dari masa lalu itu menjadikan intipati tempat walaupun perubahan berterusan terjadi pada corak fizikal dan aktiviti.

### **5.4.2 Tujuan penglibatan**

Responden melakukan keterikatan melalui pelbagai aktiviti. Walau bagaimanapun, majoriti responden yang terbabit di ruang terbuka adalah untuk berurus niaga, bekerja, aktiviti rekreasi dan membeli-belah. Ini menunjukkan peranan dominan tempat sebagai ruang rekreasi serta kawasan membeli-belah. Hasil kajian dalam Jadual 5.13 menunjukkan bahawa P-TSS adalah lebih penting dari segi aktiviti bekerja manakala P-TSM adalah tempat untuk aktiviti hiburan serta lokasi perniagaan.

**Jadual 5.13:** Tujuan penglibatan kepada tempat (N=330)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
KEPERLUAN	%	
Bekerja/berniaga	40	30
Membeli belah	12.7	12.7
Belajar	4.5	15.9
Jumpa teman	13.6	9.5
Visiting	22.7	20.5
Menghiburkan	5.5	7.7
Lain-lain	0.9	0.9


Ruang terbuka dan jalan adalah penting dalam tujuan responden berada di tempat. Hasil kajian dalam Jadual 5.14 menunjukkan bahawa kira-kira 80% daripada responden bersetuju bahawa mereka datang ke tempat tersebut adalah tujuan utama mereka. Namun tidak semua responden akan melawat ruang terbuka di tebing sungai setiap kali mereka berada di Kuching atau Melaka. Ini boleh dikaitkan dengan adanya tarikan lain yang serupa di pusat bandar.

**Jadual 5.14:** Tujuan utama penglibatan kepada tempat (N=330)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
TUJUAN	%	
Ya	80.35	79.54
Tidak	19.65	20.46

#### **5.4.2 Unsur-unsur tarikan**

Pentingnya tempat kepada pengguna boleh digambarkan dalam pilihan UNSUR ruang terbuka dan promenad yang menjadi tarikan kepada responden. Berdasarkan kepada kaji selidik bagi semua kes, aktiviti rekreasi dan membeli-belah telah dianggap sebagai tarikan utama promenad dan ruang terbuka tebing sungai. Rajah 5.3 menunjukkan pilihan responden kepada daya tarikan mengikut setiap tempat yang dipilih. UNSUR fizikal berupa fasiliti awam adalah tarikan kurang diminati oleh responden. Orang-orang dari pelbagai latar belakang juga menyumbang kepada terciptanya suasana yang berbeza, namun perkara ini tidak dilihat sebagai tarikan utama tempat. Oleh itu, penglibatan dan pilihan unsur-unsur yang menarik kepada tempat adalah mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tujuan dan keinginan mereka untuk berada di ruang terbuka dan kemampuan ruang terbuka untuk menyokong tujuan itu.



**Rajah 5.3:** Unsur-unsur utama tarikan di P-TSS and P-TSM

Kawasan penjaja kaki lima memberi sumbangan yang penting dalam membentuk ciri yang berbeza daripada P-TSS dan P-TSM. Kawasan mereka disahkan mengikut undang-undang di ruang terbuka dan jalan yang berada di sempadan yang ditakrifkan, manakala masih ada penjaja secara haram beraktiviti di kaki lima. Hasil kajian menunjukkan peranan penjaja kaki lima adalah sebagai elemen tarikan yang kuat kepada pengunjung di promenad tebing sungai (P-TSS dan P-TSM).

### 5.5 Faktor utama yang mempengaruhi keterikatan tempat

Bahagian berikut membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi keterikatan tempat. Ini adalah untuk memenuhi bahagian kedua objektif ketiga kajian. Faktor utama termasuk tempoh penglibatan, keakraban, budaya dan etnik, perubahan dan penambahbaikan fizikal, memori dan pengetahuan dan rasa memiliki kepada persiaran tebing sungai. Pada awal penyelidikan telah diandaikan bahawa tempoh

penglibatan dan tahap keakraban adalah faktor utama yang mempengaruhi tahap keterikatan tempat.

### **5.5.1 Pengaruh tempoh penglibatan (*length of engagement*)**

Penglibatan tempat adalah perbuatan membabitkan diri dalam aktiviti tertentu di tempat tertentu. Penglibatan tempat boleh dihubungkan sebagai tujuan datang ke tempat tersebut, kekerapan, dan tempoh waktu berada di tempat. Hasil kajian dalam Jadual 5.15 menunjukkan bahawa 75 orang daripada 165 responden statik melakukan penglibatan dengan ruang terbuka dalam Tempoh antara 1 hingga 5 tahun, yang terlibat antara 6-9 tahun (N = 21), 10-15 tahun (N = 29) dan 16-30 tahun (N = 22). 18 responden mempunyai 30 atau lebih tahun penglibatan dengan tempat. Bukti yang dikumpulkan daripada kaji selidik dan temu bual telah menyatakan bahawa penglibatan yang berterusan dan kerap menyumbang keakraban kepada tempat-tempat dan penglibatan jangka panjang mewujudkan rasa memiliki.

Jadual 5.15: Tempoh penglibatan pengguna statik (N=165)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
MASA (Tahun)	%	
1-5 tahun	20	25
6-9 tahun	9	4
10-15 tahun	12	6
16-30 tahun	3	10
Lebih 30 tahun	6	5

Tahap keterikatan kepada ruang terbuka berbeza mengikut panjangnya Tempoh penglibatan. Selari dengan penyelidikan yang telah ada bahawa keterikatan tempat dipengaruhi oleh panjangnya tempoh menyatu dan kerapnya lawatan (Gustafson, 2001) dan sering dihasilkan dari lamanya bermastautin di kawasan tertentu (Hay, 1998).

Responden menghubungkan pengetahuan dan keakraban mereka dengan tempat kepada kekerapan lawatan dan tempoh penglibatan yang ditunjukan dalam tindak balas berikut:

"Saya tahu tempat ini sangat baik. Saya meneruskan perniagaan kedai cenderamata keluarga saya sejak 20 tahun yang lalu. Tempat yang istimewa kerana bangunan lama "(Responden 05: Pemilik Kedai, 20 tahun penglibatan). P-TSM

"Saya datang sini kerana saya telah membeli-belah disini sejak 10-25 tahun yang lalu. Fasiliti di sini baik dan senang untuk parking dan berjalan kaki. Saya datang sini jika saya mencari bahan makanan tertentu (mie, roti dan buah). Sangat khas kerana telah ada sejak dahulu." (Respondent 6 : pembeli, 20 tahun penglibatan) P-TSS.

Hasil dalam Jadual 5.16 menunjukkan responden yang terlibat secara harian, mingguan dan bulanan. Aktiviti harian terutamanya membabitkan pengguna statik manakala pelawat dan pembeli mempunyai penglibatan lebih kepada mingguan dan bulanan. P-TSS menunjukkan peratusan tertinggi penglibatan harian manakala P-TSM menunjukkan kekerapan yang lebih tinggi untuk penglibatan bulanan.

**Jadual 5.16:** Kekerapan penglibatan (N=330)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
KEKERAPAN	%	
Setiap hari	58.2	47.3
Satu kali seminggu	9.1	10.0
2 – 3 kali sebulan	9.1	14.5
Satu kali sebulan	23.6	26.4

Kehadiran bilangan besar pekerja pejabat serta orang-orang yang berniaga dan bekerja di dalam bangunan yang banyak di P-TSS dan P-TSM telah menyumbang kepada nilai. Ini dapat dilihat dalam tempoh penglibatan yang ditunjukkan dalam hasil kajian (rujuk kepada jadual 5.17) di mana 50% daripada responden di P-TSS menghabiskan masa 9-12 jam berada di P-TSS berbanding dengan 29% responden di P-TSM. Lebih banyak responden menghabiskan 1-4 jam di ruang terbuka (P-TSS dan P-TSM) yang boleh dihubungkan kepada aktiviti rekreasi dan membeli-belah. Kekerapan lawatan akan meningkatkan tahap keakraban orang dengan persekitaran.

Corak penglibatan juga disokong oleh hasil penyelidikan yang menunjukkan Kekerapan lawatan yang ditandakan oleh lawatan terakhir responden. Jadual 5.18 menunjukkan bahawa majoriti lawatan terakhir responden adalah minggu lalu dan bulan lalu dan majoriti daripada mereka juga melawat tempat setiap masa atau kebanyakannya masa apabila mereka melawat sama ada Kuching atau Melaka (merujuk kepada Jadual 5.19)

**Jadual 5.17:** Tempoh lawatan/penglibatan (N=330)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
TEMPOH	%	
1-4 jam	35.45	42.7
5-8 jam	10.91	15.5
9-12 jam	50.00	29.1
Lebih dari 12 jam	3.64	10.9


**Jadual 5.18:** Terakhir melawat (N=165)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
TERAKHIR MELAWAT	%	
Minggu lalu	25.5	21.82
Bulan lalu	15.5	22.73
Beberapa bulan lalu	6.3	5.45
Tahun lalu	2.7	0.0

**Jadual 5.19:** Adakah anda melawat tempat ini setiap kali anda berada di Kuching atau Melaka? (N=165)

TEMPAT	P-TSS	P-TSM
KEKERAPAN	%	
Ya	25.5	21.82
Selalu	15.5	22.73
Kadang-kadang	6.3	5.45

Korelasi antara rasa keterikatan fungsi (kenyataan: Tempat ini lokasi terbaik bagi memenuhi tujuan saya) dan Kekerapan berada di ruang terbuka menunjukkan bahawa majoriti pengguna yang kerap (yang mempunyai penglibatan harian dengan ruang terbuka) bersetuju bahawa mereka telah memiliki keterikatan fungsi kepada tempat (P-TSS: 78%; P-TSM: 70%). Ini menunjukkan pengaruh kekerapan lawatan dan penglibatan dalam menyokong keterikatan fungsi kepada ruang yang terbuka dan jalan di tebing sungai.



Nota: Hasil berdasarkan jawapan daripada kenyataan yang menunjukkan tahap keterikatan emosi (rujuk kepada jadual 5.11)

**Rajah 5.4** Tahap keterikatan emosi mengikut lamanya Tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM.

Hasil penyelidikan dalam Rajah 5.4 menunjukkan bahawa responden statik (yang menggunakan ruang terbuka pada setiap hari) dan telah terbabit dengan ruang terbuka selama lebih lima tahun mempunyai tahap keterikatan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang berada di sana kurang daripada lima tahun. Pada kes P-TSS dan P-TSM kedua kumpulan (bergerak dan statik) dikenal pasti memiliki perasaan yang kuat mengenai keterikatan, makna, kesan positif, kepuasan dan keseronokan. Namun kajian juga menunjukkan perasaan kurang positif mengenai keselamatan, keamanan dan sebagai tempat untuk melupakan masalah.

Perbezaan tindak balas antara kumpulan adalah penting di P-TSS dan P-TSM. Berdasarkan temubual khusus, corak yang terjadi boleh dikaitkan dengan kekuatan identiti tempat digambarkan dengan ruang terbuka bersejarah, rasa memiliki disebabkan tempoh penglibatan dan perasaan ke arah perubahan dan peningkatan fizikal di kawasan.


Walaupun ada perbezaan dalam jenis penglibatan (transaksi), bagi mereka yang telah terbabit kurang daripada lima tahun di P-TSS dan P-TSM, nilai 2.75 dan 2.34 dalam Jadual 5.20 menunjukkan bahawa tahap keterikatan kepada tempat adalah berbeza. Ini boleh dikaitkan dengan perasaan tidak selamat dan kestabilan dalam pemilikan yang diperolehi ketika temubual khusus. Hubung kait dengan konteks kajian dan selari dengan jenis keterikatan pada lain tempat (contohnya rumah), hasil kajian mencadangkan bahawa ruang terbuka tebing sungai sebagai tempat yang memiliki tarikan juga menunjukkan kepelbagaian dalam keterikatan .

**Jadual 5.20:** Tahap keterikatan emosi mengikut tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM

PENGLIBATAN	TAHAP KETERIKATAN			
	P-TSS		P-TSM	
Lama Menempati	Kurang dari 5 tahun (N=28)	Lebih dari 5 tahun (N=27)	Kurang dari 5 tahun (N=25)	Lebih dari 5 tahun (N=30)
Purata	2.75	3.05	2.34	2.57

Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa keterikatan fungsi berbeza mengikut tempoh penglibatan. Hasil dalam Rajah 5.5 menunjukkan bahawa responden statik yang telah terbabit dengan ruang terbuka selama lebih lima tahun mempunyai tahap keterikatan fungsi yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang telah berada di sana kurang daripada lima tahun. Responden statik dari P-TSS yang sudah mempunyai pengalaman lebih lima tahun mengenal tempat ini mempunyai keterikatan kuat dengan ruang terbuka sebagai tempat yang terbaik untuk melakukan apa saja mereka ingin lakukan, merasakan keselesaan dan tempat itu

dianggap penting. Walau bagaimanapun, tindak balas positif telah menunjukkan kepada proses peningkatan kualiti fizikal kepada ruang terbuka.



**Rajah 5.5:** Tahap keterikatan fungsi mengikut lamanya Tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM

Hasil kaji selidik juga menunjukkan tahap keterikatan fungsi untuk kumpulan pengguna utama. Nilai sebanyak 2.72 (P-TSS) menunjukkan tahap keterikatan fungsi yang agak tinggi bagi responden yang terbabit dalam P-TSS selama lebih lima tahun. Perkara ini boleh dikaitkan dengan hasil kajian pada keterikatan emosi mengikut peranan responden, di mana P-TSS menunjukkan tahap tertinggi keterikatan emosi (rujuk Jadual 5.11), rasa memiliki dan sosio-budaya (rujuk kepada Jadual 5.25).

Jadual 5.21 menunjukkan tahap keterikatan fungsi berkait dengan tempoh penglibatan responden statik. Responden yang terbabit dengan ruang terbuka kurang daripada lima tahun iaitu nilai 2.69 (P-TSS) dan 2.54 (P-TSM) sewajarnya

menunjukkan bahawa tahap keterikatan kepada ruang terbuka adalah berada diatas nilai purata. Scenario ini kerana pengaruh lamanya tempoh penglibatan kepada ruang terbuka dalam erti kata menyokong rasa bangga, rasa memiliki dan keterikatan tempat. Majoriti responden statik adalah mereka yang terbabit aktiviti ekonomi maka penglibatan berterusan kepada ruang terbuka mewujudkan rasa kestabilan dan rasa keselamatan dalam aktiviti dan kebergantungan ekonomi.

**Jadual 5.21:** Tahap keterikatan fungsi mengikut lamanya tempoh penglibatan untuk responden statik di P-TSS and P-TSM

PENGLIBATAN	TAHAP KETERIKATAN			
	P-TSS		P-TSM	
Lama Menempati	Kurang dari 5 tahun (N=28)	Lebih dari 5 tahun (N=27)	Kurang dari 5 tahun (N=25)	Lebih dari 5 tahun (N=30)
Purata	2.69	2.86	2.54	2.66

Secara ringkas, tahap keterikatan kepada ruang terbuka tebing sungai dipengaruhi oleh tempoh penglibatan, peranan dan keinginan pengguna. Ini dapat disimpulkan bahawa lebih lama dan lebih kerap penglibatan kepada ruang terbuka, maka akan lebih kuat keterikatan yang dirasakan. Masa dan keakraban menjadi faktor yang menghubungkan keterikatan dengan tahap keterikatan . Kajian bersetuju dengan pendapat bahawa pada suatu tempat, individu menjadi semakin melekat kerana mereka mempunyai tahap pengalaman yang tinggi, yang biasanya berpunca dari proses menetap dalam waktu lama di lokasi tertentu, peristiwa-peristiwa penting dan peringkat kehidupan atau lawatan yang kerap (Hay, 1998; Moore; Graefe, 1994; Riley, 1992; Gustafson, 2001). Dalam konteks ruang terbuka, pengalaman yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa ekonomi dan sosio-budaya, penglibatan jangka

panjang dengan aktiviti-aktiviti perniagaan dan lawatan yang kerap serta aktiviti membeli-belah dapat dikaitkan dengan tahap keterikatan kepada aktiviti dan orang ramai.

### **5.5.2 Pengaruh keakraban**

Pertanyaan yang diberi kepada responden adalah mengenai tahap keakraban mereka dengan ruang terbuka tebing sungai berdasarkan penglibatan mereka yang berterusan, pengetahuan dan pengiktirafan. Hasil daripada kaji selidik yang ditunjukkan dalam Jadual 5.22 menunjukkan bahawa hampir semua responden adalah biasa atau sangat akrab dengan ruang terbuka. Ini disokong oleh pengguna statik yang terbabit dengan ruang terbuka secara harian dan mempunyai interaksi yang rapat dengan pengguna lain yang bekerja atau sering melawat ruang terbuka.

**Jadual 5.22:** Tahap keakraban kepada tempat (N=330)

KEAKRABAN	P-TSS	P-TSM
	%	
Sangat akrab	45.5	35.5
Akrab	54.5	64.5

Hasil kaji selidik dalam Jadual 5.23 menunjukkan hubungan antara keakraban dan keterikatan emosi. Tindak balas pada kenyataan 'Saya amatlah terikat dengan tempat ini' dengan tahap keakraban menunjukkan bahawa majoriti responden yang biasa dengan tempat juga merasa melekat kepada ruang terbuka (P-TSS: 90.0%; P-TSM: 82.1%).

**Jadual 5.23:** Hubungan antara keakraban dan keterikatan emosi

KEAKRABAN (N=330)			
Keterikatan	Sangat akrab	Akrab	
Tempat	P-TSS	90.0 %	56.7 %
	P-TSM	82.1 %	60.0 %

Berdasarkan dari temubual khusus, keakraban adalah aspek yang paling sering disebut oleh responden apabila ditanya mengenai sebab-sebab mengapa mereka melekat pada tempat. Satu sambutan itu adalah dari penjaja kaki lima di P-TSS:

“Saya pilih untuk cari rezeki di sini sebab di sinilah saya mula bermula dah bertahun dan dah biasa dengan tempat ini, dah kenal ramai orang di sini dan kenal baik dengan mereka...” (Responden 03: penjaja kaki lima, 12 tahun penglibatan) P-TSS.

Majoriti responden menyebut bahawa mereka tahu sangat baik tentang tempat kerana tempoh penglibatan dan lawatan yang sering dilakukan. Keakraban juga digambarkan dalam pengetahuan responden terhadap unsur-unsur fizikal dan perubahan di kawasan itu.

“Pakcik memang sangat biasa dengan kawasan ini. Nama jalan banyak berubah. Dulu ada pasar lama di sebelah dockyard, pasar itu dah diroboh dan menjadi padang dan medan letak kereta...” (Responden 04: penjaja kaki lima, 20 tahun penglibatan) P-TSS.

Berikut menggambarkan keakraban responden berhubungan dengan orang lain:

"Tidak, saya tidak akan meninggalkan tempat ini. Kerana saya mempunyai ramai pelanggan tetap dan telah mengenal peniaga lain di sini..."(Responden 05: Penjaja kaki lima, 15 tahun penglibatan) P-TSM

Diketahui bahawa tahap keakraban responden dikaitkan dengan tempat-tempat, kedai-kedai dan ruang terbuka yang sering mereka dikunjungi. Jadual 5.24 menunjukkan tempat yang paling biasa ialah tempat yang mengambarkan fungsi utama tempat. Ia dapat diperhatikan bahawa responden juga menyatakan ruang terbuka secara keseluruhan sebagai tempat yang akrab bagi mereka manakala yang lain menyatakan adanya bangunan khusus yang terkenal dan popular menjadi tarikan kepada pengunjung.

**Jadual 5.24:** Tempat yang dikenali akrab di P-TSS and P-TSM

P-TSS	P-TSM
Square Tower	Muzium Kapal & Dataran sungai melaka
Pavilion	Jembatan Tan Kim Seng & Tugu Jam
Gerai Makan dan minum	Jalan Jonker
Tempat duduk dengan teduhan pokok	Kampung Jawa
Tempat duduk dengan rotunda	Taman rempah
Pangkalan sampan	Kampung Morten
Rumah kedai Jalan Main Bazaar	Jembatan Hang Tuah & Jembatan Chan Koo Chen

Merujuk kepada pengaruh keakraban, hasil yang diperolehi adalah selaras dengan Manzo (2009) yang menekankan bahawa tempat yang paling biasa adalah tempat yang sering digunakan atau dikunjungi oleh pengguna. Satu hubungan yang kuat ke

tempat yang akrab (*familiar*) memberikan sumbangan kepada pembangunan rasa memiliki kepada tempat tertentu.

Secara ringkas, selaras dengan masa pengguna membangunkan suasana tempat yang dimanifestasikan dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan sosio-budaya. Interaksi dan transaksi menggalakkan keakraban kepada pengguna dan menggalakkan penglibatan dengan ruang terbuka. Keterikatan tempat dibangunkan sebagai hasil tindakan manakala interaksi berterusan atau transaksi menyumbang untuk meletakkan kepentingan disebabkan oleh keupayaan memenuhi pengguna untuk tujuan tertentu dan fungsi ruang terbuka. Dalam kajian ini, keakraban dan penglibatan berkhidmat sebagai penunjuk untuk keterikatan fungsi yang boleh dikaitkan dengan aspek fungsi dari keakraban.

### **5.5.3 Pengaruh budaya dan etnik**

Hasil penyelidikan menunjukkan cara responden mengalami suatu tempat dipengaruhi oleh ciri-ciri sosio-budaya dan dibatasi oleh dimensi sosial, psikologi dan kebudayaan suatu tempat. Keterikatan kepada tempat ditunjukkan secara emosi dan fungsi dengan pengaruh fizikal, ciri-ciri budaya dan persekitaran orang terbabit. Identiti budaya mentakrifkan satu kumpulan secara kolektif untuk membentuk suatu persekitaran sendiri.

Ungkapan budaya dapat dilihat pada setiap kumpulan etnik melalui barang yang dijual dan suasana umum ruang terbuka terutama pada musim perayaan. Pengguna

statik dan bergerak menganggap suasana sebagai penyebab untuk suatu pengalaman keterikatan dan memori. Pada bulan Ramadhan dan menyambut Hari Raya Idul Fitri adalah ibadah dan perayaan bagi umat Islam, dua aktiviti ini mengubah imej ruang terbuka. Pada masa ini pengguna statik di P-TSS menduduki hampir setiap bahagian ruang terbuka termasuk jalan utama untuk bermiaga makanan dan kuih-muih khas untuk berbuka puasa ataupun pakaian untuk perayaan. Di sini orang Melayu, orang India Muslim dan sebahagian orang Iban Islam merayakan perayaan setiap tahun sebagai simbol dan amalan budaya dan agama. Kehadiran pengguna bergerak adalah tinggi dalam waktu ini. Walau bagaimanapun, P-TSM dimana majoriti adalah etnik Cina, Tahun Baru Cina disambut oleh penduduk Cina dan semangat perayaan boleh dirasai di P-TSM melalui suasana jalan (Jalan Jonker). Aktiviti-aktiviti yang menunjukkan dominasi penduduk etnik berakar umbi daripada penempatan awal etnik dan generasi masa lalu.

Pengguna yang heterogeni melekat pada tempat-tempat yang berlainan dengan makna yang berbeza berdasarkan kepada pengalaman. Ia juga dipengaruhi oleh latar belakang budaya pengguna. Makna itu beragam antara pengguna statik dan pengguna bergerak boleh dilihat dari nilai-nilai yang berbeza dan penting mengenai ruang yang terbuka. Berdasarkan temu bual khusus, responden statik yang merupakan pengguna utama etnik di ruang terbuka berpendapat bahawa tempat-tempat yang ada adalah penting dalam aktiviti harian mereka sebagai individu dan sebagai ahli masyarakat etnik yang lebih luas. Ruang terbuka dilihat sebagai tempat yang berakar umbi mampan diri dan identiti masyarakat.

Secara ringkas, pengaruh budaya dalam membentuk ciri ruang terbuka tebing sungai adalah amat jelas yang berlatar belakang sejarah dan digambarkan dalam perasaan sepunya kepada tempat. Peranan pengguna statik, khususnya penduduk dan pemilik kedai dalam memastikan kesinambungan identiti tempat adalah penting kerana tingginya tahap keakraban, Tempoh penglibatan yang lama dan pergantungan pada tempat.

Hasil kaji selidik dalam Jadual 5.25 menunjukkan bahawa terdapat perubahan sedikit dalam keterikatan emosi, fungsi dan sosio-budaya di antara etnik responden.

**Jadual 5.25** Tahap keterikatan kepada P-TSS and P-TSM mengikut etnik

TEMPAT	ETNIK	RESPONDEN (N)	KETERIKATAN EMOSI	KETERIKATAN FUNGSI	KETERIKATAN SOSIO-BUDAYA
P-TSS	Melayu	52	2.88	2.96	2.98
	India Muslim	24	3.04	2.93	3.01
	India	16	2.47	2.57	2.73
	Iban	29	2.64	2.61	2.76
	Cina	44	2.50	2.59	2.75
P-TSM	Melayu	54	2.67	2.78	2.80
	India	51	2.58	2.56	2.56
	Cina	60	2.65	2.72	2.82

Satu variasi keterikatan yang jelas wujud antara etnik di P-TSS. Responden Melayu dan India Muslim menunjukkan keterikatan emosi, fungsi dan sosio-budaya terhadap tempat di peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan responden India, Iban dan Cina. Bagi menggambarkan perbezaan, didapati bahawa Melayu dan India Muslim adalah pengguna utama (statik) yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perdagangan, bekerja dan menduduki ruang di sepanjang promenad. Rasa memiliki dan sosio-budaya melekat dengan jelas dalam interaksi sosial dan komitmen agama.

P-TSM mencatatkan tahap keterikatan yang hampir sama. Hasil kaji selidik kepada seluruh etnik menunjukkan bahawa responden Melayu mempunyai tahap keterikatan tertinggi diikuti oleh Cina dan India, tahap yang sama juga terjadi dengan P-TSS.

Temubual dengan responden statik dari P-TSS menunjukkan bahawa Tempoh penglibatan, mewarisi perniagaan keluarga dan keterikatan sosio-budaya meningkatkan tahap keterikatan tempat. Berdasarkan kepada temubual khusus, responden Cina (statik) dari P-TSM mempunyai pengaruh yang sama dan mengalami peningkatan keterikatan yang sama.

Secara ringkas, identiti etnik mempengaruhi keterikatan pengguna kepada ruang terbuka tebing sungai dan memberikan sumbangan kepada peningkatan kualiti rasa tempat. Ini sejajar dengan teori bahawa rasa keterikatan yang kuat kepada tempat tertentu dipengaruhi oleh identiti kaum dan etnik (Rose, 1995) dan budaya rakyat mempengaruhi persekitaran kepada suatu keadaan tertentu (Rapoport, 1977).

#### **5.5.4 Pengaruh memori dan pengetahuan**

Memori suatu tempat menunjukkan pentingnya tempat itu kepada pengalaman hidup seseorang. Faktor-faktor yang dikaitkan dengan memori mengambarkan ciri-ciri tersendiri dan elemen tempat yang sukar dilupakan. Di dapati bahawa terdapat perbezaan yang berkaitan dengan makna yang dikumpulkan daripada kaji selidik

dan temubual khusus. Penyelidikan pada makna tempat menunjukkan bahawa majoriti responden tidak berkait rapat dengan masa lalu dan tidak memiliki kenangan dengan tempat. Sebaliknya, dalam satu temu bual khusus menunjukkan pengalaman tertentu mampu membawa responden mengaitkan dengan emosi mereka. Mereka termasuk perubahan fizikal dan sosial utama bersama-sama dengan interaksi tertentu mengikut jenis pelawat, memori masa kecil apabila berada di ruang terbuka bersama dengan keluarga, semasa perayaan yang menarik dan menghiburkan dan acara kebudayaan khas. Kenangan pahit seperti penempatan semula disebabkan peningkatan fizikal, pencerobohan yang berlaku kepada penjaja dan pengalaman barang-barang yang dicuri juga memberi ingat yang kuat kepada tempat itu. Kenyataan berikut mengambarkan memori yang berkaitan dengan P-TSS:

“Sejak dulu saya selalu datang ke sini. Dulu masih belum ada promenad, masih tebing sungai semulajadi tapi sering terjadi tanah runtuh. Dulu selalu ramai orang datang waktu petang hari..” (Respondent 09 : Resident, 25 tahun penglibatan) P-TSS

“Dulu Saya selalu membeli-belah di sini dengan emak saya, selalunya mencari alat-alat sekolah. Saya ingat kedai itu masih ada di sekitar Jalan Jawa dan Jalan Gambier...” (Respondent 10 : Resident, 10 tahun penglibatan) P-TSS.

Memori yang disebut oleh responden di P-TSM dikaitkan dengan aktiviti bersama dan perubahan fizikal yang terjadi. Kenangan termasuk berjalan dengan ibu bapa semasa kecil, perubahan tempat berbanding sekarang, membeli gula-gula tradisional Cina, minum 'teh dan kopi'. Ini telah dinyatakan dalam respon berikut:

"Saya pernah datang ke Jonker Road (P-TSM) dengan rakan-rakan untuk mencari seorang lelaki tua yang menjual gula-gula tradisional Cina. Tetapi seni ini telah hilang dan kini adalah susah nak cari gula-gula jenis ini "(Responden 12: Pelawat, 10 tahun penglibatan) P-TSM

"Saya boleh ingat kehidupan seharian saya bangun awal dan mengatur barang saya; dan minum teh dan cofee setiap hari dengan kawan-kawan lain .." (Responden 03: penjaga kedai, 27 tahun penglibatan) P-TSM

Pengetahuan mengenai ruang terbuka digambarkan dalam pernyataan yang menerangkan ruang terbuka berulang kali disebut oleh responden temubual (rujuk kepada Jadual 5.26). Jelas bahawa majoriti responden berkongsi unsur-unsur yang sama untuk dikenalpasti yang dilihat sebagai ciri-ciri dan kualiti yang menggambarkan ciri ruang terbuka. Unsur-unsur itu kebanyakannya dikaitkan dengan aktiviti, penanda tempat, dan tarikan utama untuk membeli-belah, barang dan produk yang ditawarkan, struktur fizikal dan ciri-ciri, peristiwa dan suasana umum ruang terbuka.

**Jadual 5.26:** Deskripsi kata kunci daripada P-TSS and P-TSM

P-TSS	P-TSM
Sangat dikenal, tempat khas, atmosfir unik, pasar malam, pemuas jalanan, penjaja kaki lima, naik sampan, makanan Melayu Serawak, aksesibel, Masjid India, gerai makan, murah, masalah letak kereta, ramai orang pelbagai bangsa.	Sangat dikenal, tempat khas, Orang Cina, atraksi pelancongan, harga murah, makanan murah, gedung berasaskan, fasad bangunan tua, ramai orang, atmosfir yang riuh, bising, penjaja kaki lima, kurangnya vegetasi, pelancong dari luar negara.

Secara ringkas, ruang terbuka telah dianggap sebagai tempat khas di mana memori masa lalu tertanam dalam pengalaman pengguna. Memori umumnya akan amat kuat

apabila ia berkaitan dengan transformasi ruang terbuka sejak awal. Acara dan aktiviti dengan rakan-rakan dan saudara-mara yang rapat dikenal pasti sebagai memori dan bermakna. Ruang terbuka bersejarah menguatkan penyatuan ini kerana memiliki Tempoh penglibatan yang lebih lama dengan tempat itu. Pengetahuan ruang terbuka adalah jelas digambarkan dalam semua kes yang sepadan kepada tahap keakraban dengan tempat.


### **5.5.5 Pengaruh rasa bangga dan rasa memiliki**

Hasil kaji selidik dalam Jadual 5.27 menunjukkan tahap kebanggaan dan rasa memiliki kepada tempat. Nilai 2.84 (P-TSS) dan 2.68 (P-TSM) dari nilai 4.0 menunjukkan kebanggaan dan rasa memiliki yang agak kuat kepada tempat. Hasil yang diperoleh selari dengan hasil pada lamanya Tempoh penglibatan dan tahap keakraban serta makna yang melekat padanya. P-TSS menunjukkan pengenalan yang lebih positif pada kenyataan yang dikaitkan dengan makna yang mempengaruhi keterikatan dan kebergantungan tempat kepada responden.

**Jadual 5.27:** Tahap rasa bangga dan rasa memiliki kepada P-TSS and P-TSM berdasar pada nilai putara

UNSUR	KENYATAAN			Nilai purata			
				P-TSS	Std. Dev	P-TSM	Std. Dev
KEBANGGAAN & RASA MEMILIKI N=330	01	Saya merasa sehati dengan tempat ini (Rasa memiliki)		2.88	.575	2.57	.673
	02	Saya merasa bangga dengan ditempat ini (Rasa bangga)		2.95	.502	2.87	.565
	03	Saya merasa sebahagian dari mereka yang berada ditempat ini (Part)		2.75	.589	2.65	.608
	04	Saya akan menyumbang bagi perbaikan tempat ini (Menyumbang)		2.65	.604	2.53	.672
	05	Saya merasa amat sedih jika ciri-ciri tempat ini musnah (Ciri-ciri)		2.95	.506	3.07	.482
Format tindak balas: 1= sangat tidak setuju , 4= sangat setuju				Nilai purata		2.84	2.74

Rajah 5.6 menunjukkan bahawa majoriti responden amat bersetuju bahawa ciri tempat adalah penting kepada mereka dan mereka bangga dengan tempat (kenyataan 02: "Saya merasa bangga dengan ditempat ini") manakala lebih daripada 50% daripada responden merasakan bahawa mereka merasa memiliki tempat (kenyataan 01: "Saya merasa sehati dengan tempat ini") dan merasakan sebahagian daripada orang-orang di sana (kenyataan 03: "Saya merasa sebahagian dari mereka yang berada ditempat ini"). Walaupun nilai yang lebih rendah pada kenyataan 04: "Saya akan menyumbang bagi perbaikan tempat ini", jawapan pernyataan pada 05 (Saya merasa amat sedih jika ciri-ciri tempat ini musnah) menjaringkan nilai lebih daripada 75%. Ini menunjukkan bahawa rasa memiliki tempat dipengaruhi oleh keterikatan pengguna melalui ciri pada ruang terbuka. Terdapat hubungan yang kuat antara ciri fizikal dan tahap keterikatan tempat. Kepentingan sejarah pada ruang terbuka seperti ruang terbuka tebing sungai yang terawal di Kuching dan Melaka menimbulkan banyak makna kepada pengguna sekaligus mempengaruhi tahap keterikatan mereka kepada tempat.



**Rajah 5.6:** Tahap rasa bangga dan memiliki di P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada peratusan persetujuan responden (N = 330)

Disimpulkan bahawa responden P-TSS (nilai 2.84) memilihnya sebagai tempat yang memiliki nilai lebih tinggi berkait dengan rasa memiliki berbanding P-TSM (nilai 2.74). Berdasarkan temubual khusus, rasa bangga dan rasa memiliki muncul disebabkan pelbagai makna. Memandangkan Tempoh penyatuan dan penglibatan dengan ruang terbuka, majoriti responden menghubungkan rasa bangga mereka dengan menyatakan cara mereka mengalami tempat melalui masa dan keunikan tempat dalam berbanding dengan kawasan lain. Dalam kes P-TSS dan P-TSM, beberapa responden yang menggunakan perkataan 'kami' dan 'kita' yang menunjukkan rasa memiliki, territorialiti dan lainnya dikaitkan dengan keinginan yang mereka rasai selepas Tempoh yang lama tidak melawat ruang terbuka terutamanya disebabkan 'suasana' tempat umum yang melekat kepada mereka. Sambutan berikut menjelaskan hubungannya:

"Tempat ni ada tarikan tersendiri, sentiasa suasana meriah dan menghiburkan. Saya sayang tempat ni, kalau boleh biarlah tetap bermiaga di sini selama yang boleh..." (Responden 01 : penjaja kaki lima) P-TSS

"Teringat suasana tempat ini, dan kawan-kawan yang rapat yang selalu berkumpul sama-sama kat sini. Rasa rindu bila lama tak datang sini..." (Responden 07 : Pelawat) P-TSM

Satu rasa bangga yang sangat kuat digambarkan semasa temu bual dengan salah satu penjaja kaki lima yang memiliki sebuah gerai yang diwarisi daripada perniagaan keluarga:

"Saya merasa bangga kerana kat sini tak semua orang boleh dapat gerai. Gerai ini adalah kebenaran warisan dari ayah saya .. "(Responden 01: Penjaja kaki lima) P-TSS

Pengenalan responden kepada P-TSS menunjukkan terbentuknya keterikatan antara responden yang dengan lainnya yang berinteraksi dengan mereka kerana peranan yang sama dan pengalaman yang saling berbagi. 'Kami' dan 'kita' digunakan dalam mengenal pasti diri mereka semasa perbualan menunjukkan rasa memiliki kepada kumpulan sosio-budaya serta komuniti perniagaan mengikut peranan mereka di ruang terbuka (contohnya penjaja kaki lima, pemilik gerai, pemilik kedai). Bersesuaian dengan hujah Steele (1981), masyarakat dan aktiviti adalah UNSUR utama tempat tinggal yang menjana semangat rasa memiliki dan semangat individu atau masyarakat.

Secara ringkas, keakraban dan kekerapan penglibatan membangunkan rasa memiliki yang ditunjukan melalui perasaan emosi yang kuat. Ianya diterjemahkan dalam bentuk kebanggaan kerana ciri-ciri tempat yang berbeza dan rasa memiliki kepada ruang perniagaan serta keterikatan kepada amalan ekonomi dan agama. Ini sejajar dengan pendapat Proshansky et al (1995); Williams et al (1995); Shamai (1991) dan Relph (1976) yang menyatakan bahawa semangat memiliki dijana oleh kekuatan identiti tempat: kepentingan simbolik tempat sebagai suatu sentuhan emosi dan hubungan yang memberi makna dan tujuan untuk hidup. Sesuai dengan pendapat Smaldone (2002) rasa memiliki juga dijana oleh tahap pergantungan kepada tempat: hingga sampai tahap apa penghuni melihat diri mereka akan berkait rapat dengan dan bergantung kepada tempat tertentu.

## **5.6 Perubahan tahap keterikatan mengikut peranan responden**

Objektif ketiga kajian adalah untuk memeriksa perubahan dalam tahap keterikatan mengikut peranan responden. Aspek-aspek yang berkenaan termasuk pelbagai keterikatan emosi dan keterikatan fungsi. Pada andaian penyelidikan dinyatakan bahawa tahap keterikatan berbeza mengikut peranan pengguna. Bahagian berikut ini membahas aspek berkenaan.

### **5.6.1 Keterikatan emosi mengikut peranan responden**

Hasil daripada kaji selidik menunjukkan pentingnya pengguna statik dalam mempengaruhi rasa keterikatan. Nilai 2.90 (P-TSS) dan 2.70 (P-TSM) menunjukkan bahawa keterikatan responden statik di P-TSS dan P-TSM adalah kuat. Corak ini dapat dikaitkan dengan isu-isu semasa dan konflik kepentingan antara pengguna di P-TSS dengan merujuk kepada projek menaik tahap yang mungkin telah menyebabkan respon emosi yang kuat dari pengguna statik.

Corak yang terdapat daripada kajian ini menjelaskan reaksi responden di dalam temubual khusus. Responden statik amat kuat menyatakan rasa memilikinya kepada lokasi mereka bekerja dan bermiaga yang bergantungan kepada ekonomi sebagai sumber pendapatan dan juga dipengaruhi oleh tempoh penglibatan mereka dalam hal ini. Tempoh penglibatan yang lebih panjang meningkatkan pengetahuan yang lebih luas kepada sejarah dan transformasi ruang terbuka. Responden statik menunjukkan bahawa mereka menghabiskan masa lebih panjang di kawasan itu

untuk bekerja dan berniaga, namun rasa tidak puas hati kerana faktor keselesaan juga telah dinyatakan oleh mereka.

Hasil dari responden bergerak menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam keterikatan emosi di kalangan P-TSS dan P-TSM walaupun ada perbezaan ciri-ciri fizikal dan latar belakang sosio-budaya pengguna. Nilai purata dalam Jadual 5.28 menunjukkan bahawa keterikatan kepada ruang terbuka tebing sungai adalah 2.60 (P-TSS) dan 2.56 (P-TSM). Ianya boleh difahami dari kaji selidik bahawa responden bergerak yang melekat kepada ruang terbuka kerana peranan fungsi ruang terbuka sebagai tarikan untuk rekreasi dan membeli-belah.


**Jadual 5.28:** Tahap keterikatan emosi mengikut peranan responden di P-TSS dan P-TSM

UNSUR TEMPAT	RESPONDEN	TAHAP KETERIKATAN	
		P-TSS	P-TSM
KETERIKATAN EMOSI	Bergerak (N=82)	2.60	2.56
	Statik (N=83)	2.90	2.71

Nota: Hasil berasas kepada respons daripada kenyataan yang menunjukkan tahap keterikatan emosi (rujuk Jadual 5.11)

P-TSS telah menunjukkan perubahan yang lebih nyata dalam keterikatan emosi antara responden bergerak dan statik. Ianya dijelaskan dalam perasaan positif terhadap kenyataan berkenaan keterikatan , makna kuat, kesan positif, kepuasan dan keseronokan kerana kuatnya rasa identiti dan memiliki terutamanya daripada masyarakat terbabit.

Hasil dalam Rajah 5.7 menunjukkan bahawa perbezaan antara kumpulan pengguna lebih fokus mengenai aspek keselamatan dan keamanan dan malah dapat ‘melupakan masalah’ semasa penglibatan. Seperti yang diterangkan dalam temubual itu, kes-kes jenayah, kegiatan samseng dan aktiviti perdagangan haram memberi sumbangan kepada keimbangan dan rasa ketidakselesaan. Ia juga akan mempengaruhi keselesaan psikologi pengguna statik.



Nota: Hasil berdasarkan respons dari kenyataan yang menunjukkan tahap keterikatan emosi (rujuk Jadual 5.11)

**Rajah 5.7:** Tahap keterikatan emosi menurut peranan responden dalam P-TSS dan P-TSM

Dalam kes P-TSM, jawapan yang kurang positif boleh dikaitkan dengan perasaan mengenai keselamatan dan keamanan semasa berada di ruang terbuka. Walaupun mempunyai Tempoh penglibatan yang lebih lama, P-TSM menunjukkan tahap keterikatan yang hampir sama antara pengguna bergerak dan statik. Ini dapat dijelaskan oleh pengaruh populariti ruang terbuka untuk pengunjung dari semua latar belakang etnik. Temubual dengan responden statik tidak menunjukkan respon yang sama. Ini menunjukkan bahawa tahap keterikatan tempat dari kumpulan statik

adalah kuat dan jelas dalam rasa memiliki kepada ruang terbuka dan masyarakat yang sentiasa terbabit.

Secara ringkas, diperolehi bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam keterikatan emosi di antara responden yang statik dan bergerak disebabkan oleh senerio yang berbeza dan sensitiviti. Responden statik melahirkan rasa identiti dan pergantungan kepada ruang terbuka, manakala pengguna bergerak yang memiliki keterikatan kepada peranan fungsi dari ruang terbuka tebing sungai.

### **5.6.2 Keterikatan fungsi mengikut peranan responden**

Hasil daripada kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 5.29 menunjukkan kepentingan pengguna statik dalam mempengaruhi keterikatan fungsi kepada ruang terbuka. Nilai 2.77 (P-TSS) dan 2.71 (P-TSM) menunjukkan bahawa responden statik mempunyai keterikatan yang agak kuat di ruang terbuka manakala pengguna bergerak adalah sedikit lebih rendah (P-TSS: 2.67; P-TSM: 2.64). Walaupun tahap penyatuan dan pergantungan ekonomi responden statik digambarkan dari Tempoh penglibatan, sedikit perbezaan bahawa keterikatan pengguna bergerak (pelawat dan pembeli) adalah juga penting sebagai penyumbang kepada vitaliti ruang terbuka tebing sungai.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan keterikatan antara kumpulan pengguna, oleh itu dapat disimpulkan bahawa tempat mempunyai potensi untuk memenuhi matlamat atau keperluan individu dari pelbagai jenis pengguna

apabila dibandingkan dengan beberapa kawasan lain yang berpotensi. Ini bersetujuan dengan kajian yang dilakukan oleh Stokols; Shumaker (1981) bahawa tempat boleh dianggap penting oleh individu kerana nilai fungsinya.

**Jadual 5.29:** Tahap keterikatan fungsi mengikut peranan responden di P-TSS dan P-TSM

UNSUR TEMPAT	RESPONDEN	TAHAP KETERIKATAN	
		P-TSS	P-TSM
KETERIKATAN FUNGSI	Bergerak (N=82)	2.67	2.64
	Statik (N=83)	2.77	2.71

Nota: Hasil berasaskan respons dari kenyataan yang menunjukkan tahap keterikatan emosi (rujuk Jadual 5.10)

Secara ringkas, ada sedikit perbezaan dalam keterikatan fungsi antara pengguna statik dan bergerak. Ini menunjukkan bahawa tempat adalah penting bagi kedua-dua kumpulan dalam menyediakan keperluan dan keperluan komersial serta aktiviti rekreasi. Walau bagaimanapun, pengguna statik menyuarakan keterikatan yang kuat terhadap kebergantungan kepada tempat

**Jadual 5.30:** Tahap keterikatan mengikut peranan responden dan jenis keterikatan untuk P-TSS dan P-TSM

TEMPAT	KUMPULAN PENGGUNA	RESPONDEN (N)	KETERIKATAN EMOSI	KETERIKATAN FUNGSI	KETERIKATAN SOSIO-BUDAYA
P-TSS	Bergerak	82	2.60	2.67	2.75
	Statik	83	2.90	2.77	2.93
P-TSM	Bergerak	82	2.49	2.52	2.65
	Statik	83	2.47	2.61	2.82

Hasil keseluruhan dalam Jadual 5.30 menunjukkan pentingnya keterikatan sosio-budaya untuk pengguna statik. P-TSS telah mencatatkan nilai tertinggi untuk

keterikatan emosi, fungsi dan sosio-budaya. Nilai 2.93 (P-TSS) dan 2.82 (P-TSM) untuk keterikatan sosio-budaya mencadangkan kepentingan penetapan nilai sejarah ruang terbuka dalam memelihara identiti dalam kumpulan yang ditubuhkan budaya dan komuniti etnik dari semasa ke semasa.

Corak yang sama ini menunjukkan tahap keterikatan fungsi yang lebih tinggi untuk pengguna statik di semua kawasan kajian. Perkara ini dapat dikaitkan dengan penglibatan yang berterusan dan jangka panjang antara pengguna statik dan ruang terbuka. Walau bagaimanapun, perbezaan dalam tahap keterikatan antara pengguna statik dan bergerak adalah jelas, maka ia boleh disimpulkan bahawa ruang terbuka adalah penting dan bermakna kepada kedua kumpulan pengguna kerana keupayaan untuk menyediakan keperluan pengguna dan aspirasi mereka serta mengambarkan saling bergantungan antara pelawat dan peniaga.

## **5.7 Kesimpulan**

Tujuan bab ini adalah untuk mengenal pasti bentuk dan tahap keterikatan kepada tempat dan untuk mengenal pasti sebab-sebab terjadinya keterikatan serta variasi dalam tahap keterikatan mengikut peranan responden. Ia mendapati bahawa keterikatan fungsi adalah bentuk terkuat keterikatan dan tahap keterikatan ditemui untuk menjadi kuat.

Berdasar kepada pengukuran perasaan sepunya (*sense of place*) yang dibangunkan oleh Shamai (1991), dapat dirumuskan bahawa tahap keterikatan kepada ruang

terbuka berada pada peringkat antara tahap 1 ke tahap 4, dari pengetahuan mengenai rasa memiliki, keterikatan emosi dan identiti (keunikan) bagi pengiktirafan matlamat tempat. Selain pengaruh aktiviti dalam menyokong keterikatan , makna yang dikaitkan dengan tempat mampu melampaui nilai-nilai fungsi. Rasa memiliki kepada komuniti, etnik yang sedia ada dan rasa memiliki perniagaan menunjukkan nilai emosi dan keunikan identiti tempat. Pengukuran di peringkat 4 membabitkan komitmen yang lebih tinggi untuk suatu persekitaran. Ini menunjukkan terdapat kesetiaan kepada aktiviti ekonomi yang terjadi pada setiap hari, kesetiaan kepada perniagaan dan masyarakat, dan kesetiaan kepada tempat sebagai sumber utama pendapatan dan keperluan harian.

Pengalaman tempat adalah bersifat peribadi dan berorientasikan budaya. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa Tempoh penglibatan menyumbang kepada keakraban terhadap tempat, sekaligus mempengaruhi tahap keterikatan. Ini mengesahkan andaian kajian bahawa tahap keterikatan dipengaruhi oleh tempoh penglibatan. Ciri-ciri budaya tempat dan latar belakang etnik pengguna mempengaruhi tahap keterikatan yang digambarkan dalam kekuatan rasa memiliki kepada tempat. Memori dan pengetahuan tempat disebabkan oleh tahap keakraban yang tinggi dan penyatuan secara jangka panjang mengambarkan tahap keterikatan tempat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan pada keterikatan emosi dan fungsi antara responden yang statik dan bergerak disebabkan oleh pengalaman kebimbangan yang berbeza dan sensitif. Responden statik melahirkan

rasa identiti dan pergantungan tempat, manakala responden bergerak yang melekat kepada peranan fungsi ruang terbuka tebing sungai. Hasil kajian ini menyokong andaian kajian bahawa tahap keterikatan tempat akan berbeza mengikut peranan pengguna pada tempat tersebut.

## **BAB 6**

### **ATRIBUT DAN CIRI-CIRI**

### **YANG MEMPENGARUHI KETERIKATAN TEMPAT**

#### **6.0 Pengenalan**

Bahagian ini membahas atribut-atribut dan ciri-ciri yang kuat mempengaruhi keterikatan pengguna P-TSS dan P-TSM. Ianya akan menjawab objektif keempat penyelidikan. Bab ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama membahas atribut-atribut yang mentakrifkan unsur-unsur fizikal, aktiviti dan imej yang mempengaruhi keterikatan. Manakala bahagian kedua menghuraikan pelbagai identifikasi pengguna kepada atribut dan ciri-ciri yang akan menjawab tujuan ketiga penyelidikan. Hasil kaji selidik berdasar kepada 5.0 nilai *Likert-scale* dan hasil dari penilaian ciri (*character appraisal*) berdasar kepada 5.0 nilai *Likert-scale*.

Berdasar kepada penyiasatan awal, atribut-atribut dikenal pasti secara kuat menjelaskan tempat adalah: aksesibiliti, kefahaman, daya hidup, kepelbagaian, pilihan, transaksi, keunikan, keselesaan dan keselamatan. Analisis hubungan ciri-ciri dengan atribut dilakukan untuk pemahaman bagaimana keduanya mempengaruhi keterikatan tempat. Pada tahap analisis, hasil penilaian ciri bandar diperolehi melalui proses triangulasi daripada data-data kaji selidik, temubual dan pengamatan kawasan. Diandaikan bahawa bentuk keterikatan ditentukan oleh atribut-atribut dengan fungsi tempat secara dominan sebagai promenad tebing sungai. Aksesibiliti,

ketelusan dan kefahaman dalam unsur fizikal memberi peranan penting kepada kemampuan tempat untuk secara efektif berfungsi sebagai ‘*locus*’ dan menjadi ketergantungan pengguna kepada promenad tebing sungai. Ciri-ciri utama yang penting dan dikenalpasti adalah: lokasi yang strategik, mudah didatangi (*accessible*), pelbagai jenis aksesibiliti, berdekatan dengan nod transportasi, perhubungan yang baik, susun atur yang baik, ketelusan, citra, kesan arah, dikenal dengan mudah, nod-nod yang dikenal pasti dan tempat-tempat menarik.

## **6.1 Atribut dan ciri-ciri tempat yang mempengaruhi keterikatan tempat**

Bahagian ini menjelaskan secara selari yang berkaitan dengan analisis terhadap tribut-atribut dan ciri-ciri yang kuat dengan P-TSS dan P-TSM. Hasil-hasil kajian tentang persepsi pengguna dijelaskan mengikut unsur-unsur fizikal, aktiviti dan imej.

### **6.1.1 Unsur-unsur fizikal : Aksesibiliti**

Hasil kajian menunjukkan bahawa aksesibiliti dikenalpasti sebagai atribut yang berpengaruh kuat kepada keterikatan dan ketergantungan pengguna pada tempat (P-TSS dan P-TSM).

### **6.1.1.1 Lokasi yang aksesibel dan strategik**

Hasil dari kaji selidik mengenai ciri-ciri fizikal promenad tebing sungai menunjukkan bahawa ianya memiliki ciri-ciri yang mempengaruhi keterikatan responden. Ukuran 3.33 (P-TSS) dan 3.24 (P-TSM) menunjukkan tindak balas yang positif kepada tempat dan aksesibiliti. Berdasar kepada temubual khusus, lokasi promenad berdekatan dengan jalur aksesibiliti daripada pelbagai mod pergerakan, berdekatan dengan nod transportasi awam dan perhubungan ke bahagian lain dalam bandar. Pentingnya lokasi diungkapkan secara kuat oleh pengguna statik, amnya adalah pedagang dan penjaja kaki lima. Promenad dipilih sebagai tempat penjaja kerana sesuai dengan aktiviti ekonomi mereka kerana lokasi yang strategik. Ciri-ciri pengaruh keterikatan kepada lokasi seperti diungkapkan oleh beberapa penjaja kaki lima:

“Banyak orang dan pelancong datang disini, itu saya memilih meletak gerai disini kerana lokasinya baik,” (Responden 1 : Pemilik gerai) P-TSS

“Mudah sampai sini dan lokasi baik, sentiasa ada orang lalu, laluan orang ramai. Orang putih selalu ada, kalau boleh tak mahu pindah tempat lain.”  
(Responden 2 : Penjaja kaki lima) P-TSS

“Lokasi ini bagus kerana di tebing sungai, ramai orang lalu dan duduk-duduk dalam taman daripada petang sampai tengah malam.” (Responden 3 : Penjaja kaki lima) P-TSS

Hasil penilaian ciri bandar dijelaskan pada Jadual 6.0 berada di atas purata (66.6%). Ianya menunjukkan bahawa P-TSS berjaya dalam menyediakan akses ke dalam lokasi. Jalur pejalan kaki yang disediakan dengan baik sehingga mudah diakses dari setiap

arah dan blok bandar yang pendek untuk kemudahan ketelusan. Namun mod transportasi awam masih terhad sehingga ramai pengguna datang menggunakan kenderaan pribadi atau secara berkumpulan menaiki kenderaan.

**Jadual 6.0:** Penilaian ciri bandar: Aksesibiliti

AKSESIBILITI			P-TSS		P-TSM	
Kriteria		Indikator prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
Mudah didatangi dan jalur pedestriant yang terhubung dengan baik	01	Letak lokasi strategik	5	21/30 (70%) 3.33	5	20/30 (66.6%) 3.04
	02	Mudah didatangi dari setiap arah	5		4	
	03	Jalan yang terhubung dengan baik	4		4	
	04	Blok urban pendek	2		3	
	05	Jalur pedestriant terhubung baik	3		2	
	06	Mudah didatangi menggunakan pelbagai mod transportasi	2		2	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil						

Hasil daripada penilaian ciri kepada aksesibiliti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.0 adalah diatas purata (P-TSS: 3.33, P-TSM: 3.04). Ia adalah selaras dengan hasil kaji selidik (P-TSS: 3.33, P-TSM: 3.24) menunjukkan bahawa P-TSS adalah lebih berjaya dalam menyediakan akses ke ruang terbuka dengan laluan pejalan kaki dan blok bandar yang pendek untuk ketelusan yang lebih baik. Walaupun tempat mempunyai ciri-ciri yang serupa namun dari aspek aksesibiliti kenderaan dan susunatur, P-TSS berfungsi dengan baik dan juga mesra bagi pengguna yang berjalan kaki.

#### **6.1.1.2 Perhubungan terhadap kawasan sekitar**

Perhubungan adalah satu faktor utama untuk menyokong aliran pergerakan dan tarikan kepada P-TSS and P-TSM. Kepentingan aksesibiliti dapat dijelaskan dari

hasil *crosstabulation* yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1. Ianya menunjukkan bahawa responden yang secara kuat mengenal pasti atribut aksesibiliti, ia juga amat merasakan bahawa ruang terbuka adalah tempat terbaik untuk memenuhi tujuan dan niat mereka berada di sana. Ini menjelaskan tahap keterikatan fungsi untuk promenad tebing sungai (tempat adalah tempat terbaik untuk apa yang saya ingin lakukan). Sekurang-kurangnya 90% responden yang mengenal pasti P-TSS dan P-TSM memiliki kedudukan yang strategik juga bersetuju bahawa ruang terbuka adalah tempat terbaik untuk apa yang mereka ingin lakukan. Disudut lain, hanya 81.5% responden P-TSM yang mengenal pasti P-TSM sebagai tempat yang sangat mudah diakses dari pelbagai lokasi bersetuju dengan pernyataan yang serupa. Perbezaan ini boleh dihubungkan dengan fakta bahawa P-TSM tidak boleh diakses secara langsung dengan kenderaan. Kemudahan aksesibiliti dan perhubungan terhadap tempat mempengaruhi pilihan pengguna untuk menentukan lamanya tempoh penglibatan berada di ruang terbuka.

**Jadual 6.1:** Hubungan diantara aksesibiliti dan keterikatan fungsi  
(P-TSS and P-TSM)

TEMPAT	KETERIKATAN	AKSESIBILITI (N=330)	
		Strategik	Akses
P-TSS	Tempat terbaik	95.2%	92.8%
P-TSM	Tempat terbaik	95.4%	81.5%

Note: Peratusan hanya menunjukkan tahap persetujuan

### **6.1.1.3 Tahap ketelusan yang tinggi**

Jaringan jalan di kedua kawasan kajian kes (P-TSS dan P-TSM) adalah berterusan serta mewujudkan tingginya peringkat tahap ketelusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketelusan adalah penting dalam menyokong pergerakan didalam ruang terbuka. Susun atur fizikal kawasan sangat bersepadu berasaskan laluan yang lebih kecil selari terhadap P-TSS dan P-TSM. Ianya juga membenarkan terjadinya sambungan laluan pejalan kaki dengan jarak yang singkat dan terus menggalakkan pergerakan berterusan di ruangan terbuka.

Ketelusan berkait rapat dengan keupayaan untuk memahami ciri tempat dan kesampaian berdasar kepada tujuan, yang memberikan kemudahan kepada pergerakan. Tempat yang memiliki tahap ketelusan tinggi menawarkan pilihan titik akses untuk orang ramai pergi ke destinasi tertentu. Kualiti ini menetapkan nilai letak tempat, terutama sekali kepentingan untuk mengukuhkan keterikatan yang menyokong kemampunan perniagaan dan aktiviti lain didalam tempat.

Hasil pengamatan pada P-TSS dan P-TSM, menunjukkan bahawa laluan pejalan kaki di ruang terbuka yang menghubungkan pejalan kaki ke jalan raya telah terhubung dengan baik tetapi secara fizikal tidak dalam keadaan yang baik. Sebaliknya, konsep 'budaya' di P-TSS menyumbang kepada kepekatan aktiviti yang berkaitan seperti ketika sedang duduk dan makan. Laluan pejalan kaki di kawasan ini juga dilaksanakan dengan baik serta menggalakkan pergerakan pejalan kaki.

Ketelusan adalah penting kepada aktiviti ekonomi dan transaksi, tempat yang lebih mudah diakses akan mampu untuk menarik lebih ramai pengguna (terutamanya pelawat dan pelancong) ke ruang terbuka di dalam pusat bandar. Akses kepada kemudahan dan fasiliti awam untuk semua jenis pengguna juga penting dalam menentukan kualiti tempat. Secara ringkasnya, promenad tebing sungai telah dilihat berada di letak yang strategik, mudah diakses oleh semua mod pengangkutan dan memiliki tahap ketelusan tinggi. Ringkasan ciri-ciri yang berkaitan dengan aksesibiliti promenad tebing sungai dibentangkan dalam Lampiran C: Jadual C3.

### **6.1.2 Unsur-unsur fizikal: Kefahaman**


Bahagian ini membincangkan pengaruh kefahaman unsur-unsur fizikal dan spasial dalam menggalakkan keterikatan kepada tempat. Ia terdiri daripada empat aspek utama kefahaman yang mempengaruhi keterikatan daripada responden. Aspek itu termasuk susun atur tempat, bangunan dan ruang terbuka, unsur-unsur ruang bandar: nod, penanda tempat dan skap jalan.

Hasil dari kefahaman yang ditunjukkan dalam Jadual 6.2 secara purata ia menunjukkan P-TSS: 2.75 dan P-TSM: 2.67. Ianya mencadangkan bahawa tempat dapat difahami oleh responden. Walaupun responden sangat mengenal pasti susun atur dan papan tanda ruang terbuka, hasil dari kaji selidik pada P-TSS dan P-TSM tidak menunjukkan pentingnya ciri-ciri fizikal dalam penyediaan unsur-unsur fizikal yang khas untuk menyokong kefahaman tempat. Hasil dari analisis ini menunjukkan skor yang rendah bagi kehijauan, pandangan dan penampilan lanskap. Responden

dari P-TSS merasakan bahawa tempat menjadi lebih menarik disebabkan pemandangan dan lanskap, kewujudan mercu tanda yang lebih popular dan susunatur yang sangat jelas. Oleh demikian ianya mudah untuk bergerak dan mempertingkatkan tahap kefahaman. Rajah 6.0 menunjukkan bahawa 85% daripada responden dalam P-TSS mengenal pasti secara positif kepada kefahaman tempat.

**Jadual 6.2:** Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN	NILAI PURATA			
		P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
KEFAHAMAN N=330	01 Susunatur yang lebih baik – mudah untuk bergerak ( <i>Susun atur</i> )	2.92	.508	2.74	.542
	02 Tanda jalan dan arah amat jelas ( <i>Penanda</i> )	2.90	.501	2.38	.820
	03 Lebih banyak ruang hijau / pokok yang indah ( <i>Kehijauan</i> )	2.34	.825	1.98	.965
	04 Pelbagai pemandangan yang amat menarik ( <i>Pandangan</i> )	2.64	.610	2.17	.867
	05 Lansekap yang indah dan menarik ( <i>Landskap</i> )	2.59	.678	2.29	.853
	06 Rekabentuk bangunan yang menarik ( <i>Bangunan</i> )	2.55	.640	2.70	.591
	07 Banyak mercutanda yang popular ( <i>Mercu tanda</i> )	2.85	.565	2.60	.602
	08 Banyak gerai makan dan minum yang khas ( <i>Kompleks</i> )	3.20	.407	2.58	.630
Format tindak balas: 1=sangat tidak setuju      4=sangat setuju		Nilai Purata	2.75	2.67	



**Rajah 6.0:** Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman pada P-TSS and P-TSM

Temubual dengan responden menunjukkan unsur-unsur yang boleh disambungkan kepada kefahaman fizikal ruang terbuka. Ruang tersebut termasuk bangunan sebagai penanda tempat, struktur bersejarah, penjaja kaki lima, nod pengangkutan, pejalan kaki, kemudahan awam dan restoran. Unsur-unsur ini akan menyerlahkan tarikan ruang terbuka kepada pengunjung yang akan menggalakkan kunjungan berulang. Bahagian yang berikut membincangkan ciri-ciri yang dikaitkan dengan unsur-unsur kefahaman iaitu: susun atur, kehijauan, pokok, pemandangan, tampilan landskap, bangunan, ruang terbuka, nod, mercu tanda dan penanda tempat.

#### **6.1.2.1 Kesederhanaan susun atur**

Responden sangat mengenal pasti P-TSS mempunyai susun atur yang sangat jelas yang dibuat mudah untuk bergerak dari satu titik ke titik yang lain melalui papan tanda dan arahan yang sangat jelas. Walaupun kawasan mempunyai ruang terbuka yang jelas serta susun atur yang mudah. Pada sudut lain, P-TSM menunjukkan tindak balas yang kurang memuaskan untuk difahami. Ia boleh dikaitkan dengan ketidakberkesanan papan tanda dalam menyediakan penunjuk arah. Hasil dari pengamatan ini, ia boleh mempengaruhi bagaimana pengguna dapat memahami peluang tempat yang menawarkan dan membentuk imej yang jelas dan tepat (Dolbani, 2000).

Tanda dan simbol, skap jalan dan penampilan lanskap berfungsi sebagai rujukan maklumat kepada pengguna. Sebagai contoh, corak lantai promenad di P-TSS dengan ragam hias suku bangsa Dayak menjadi unsur yang mudah dikenali. Ianya

melambangkan permulaan dan akhir skap jalan promenad. Walaupun responden mengenal pasti unsur-unsur ini sebagai sokongan kepada pengetahuan mereka untuk mengenal ruang terbuka dan sebagai penunjuk arah, namun keterikatan yang berterusan dapat dipengaruhi oleh tahap aksesibiliti yang tinggi kepada aktiviti dan kedudukannya yang strategik dapat disertai oleh pengguna dan memenuhi tujuan mereka untuk menikmatinya. Ianya akan mewujudkan keselesaan dan keakraban kepada pengguna. Jelas bahawa ciri-ciri visual tempat tidak berjaya menyokong kefahaman promenad (P-TSS dan P-TSM) walaupun perasaan responden selesa dan terbiasa dengan cara mengenal pasti fizikal persekitaran. Dalam kata lain, kefahaman ruang terbuka adalah sejauh mana latar boleh difahami, diatur dan membuat rasa tempat (PPS, 2001) dapat dipertingkatkan lagi.

#### **6.1.2.2 Kekurangan pokok-pokok, kehijauan, pemandangan yang menarik, lanskap dan papan tanda yang jelas**

Hasil daripada kajian ini, ia menunjukkan peratusan yang rendah (30% - 38%) dan menunjukkan bahawa P-TSM mempunyai kekurangan dalam menyediakan persekitaran yang menarik untuk menyokong aktiviti teras di kawasan itu. Tindak balas negatif dicatatkan dari segi kehijauan. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan kesepakatan dalam rangkaian pejalan kaki yang berterusan di sepanjang laluan pejalan kaki (P-TSM) serta kekurangan pokok sebagai penunjuk untuk menentukan laluan pejalan kaki (P-TSM).

Hasil daripada pengamatan ia juga menunjukkan bahawa pokok-pokok dan kehijauan sangat berkurangan sepanjang P-TSM, terutama sekali di sepanjang laluan pejalan kaki. Namun, pokok-pokok teduhan boleh didapati di kawasan nod air pancut dan menara jam. Hasil daripada pengamatan di P-TSS ia menunjukkan identiti skap jalan yang kuat, imej dan pemandangan yang bersepadu. Ianya dipengaruhi oleh laluan pejalan kaki di P-TSS yang telah berjaya dalam menyediakan promenad dengan ciri lebih baik terutamanya dalam menyediakan perabut jalan yang teratur. Kehadiran beberapa tempat yang menyediakan aktiviti seperti ruang makan dengan kanopi untuk berteduh serta pemandangan yang menarik terutamanya pada waktu malam.

Pada kesemua kes, hasil penilaian dijelaskan dalam Jadual 6.3 dan pada umumnya adalah melebihi purata (P-TSS: 3.83, P-TSM: 3.00).

**Jadual 6.3:** Penilaian ciri-ciri bandar: Kefahaman (P-TSS dan P-TSM)

KEFAHAMAN			P-TSS		P-TSM	
Kriteria	Penunjuk prestasi		Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
Imej fizikal yang jelas dan mudah untuk dipahami / dikenalpasti. Sebuah tempat yang mudah dilayari.	01	Susunatur bangunan	5	23/30 (77%) 3.83	5	18/30 (60%) 3.00
	02	Skala dan tinggi bangunan	4		4	
	03	Warna dan tekstur dari jalur pedestriant	4		1	
	04	Warna dan tekstur dari bangunan	2		2	
	05	Signage dan arah yang jelas	4		3	
	06	Fungsi ruang/bangunan	4		3	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil						

Penilaian diatas menghuraikan kaji selidik tentang persepsi, P-TSS menjadi tempat yang paling mudah difahami kerana kepelbagaiannya bangunan, kualiti jalan, papan

tanda yang jelas dan fungsi ruang. Ini jelas menunjukkan bahawa ruang terbuka bersejarah (P-TSM) mempunyai kekurangan dalam orientasi untuk kemudahan pengguna. Ini adalah disebabkan oleh papan tanda yang tidak jelas dan hala tuju serta rupa bangunan dan kawasan. Unsur-unsur fizikal seperti rawatan laluan pejalan kaki akan menyumbang untuk meningkatkan kefahaman dan citra (*imageability*) dalam usaha untuk menggalakkan rasa keakraban dengan tempat.

#### **6.1.2.3 Bangunan dan ruang terbuka awam: Kombinasi lama dan baru**

P-TSS dan P-TSM dikategorikan sebagai ruang terbuka bersejarah ditentukan oleh bangunan-bangunan, rumah kedai dan peninggalan fizikal bandar yang bernilai sejarah. Berdasar kepada pengamatan, fasad P-TSS adalah berlainan antara fasad lama dan fasad baru, fasad tradisional dan fasad moden. Ia bermula dari rumah kedai tradisional kepada bangunan fasiliti hotel, pejabat dengan gaya kontemporari. Selain itu, hasil daripada kaji selidik di P-TSM menunjukkan bahawa responden telah mengenal pasti P-TSM kerana kawasan yang berhampiran dengan P-TSM mempunyai fasad bangunan-bangunan lama yang sangat menarik.

Berdasarkan kepada pengamatan, peranan ruang terbuka awam dalam menarik pengguna untuk melibatkan diri di kawasan itu sangat terhad kerana ketiadaan ruang yang sesuai untuk aktiviti-aktiviti tertentu (P-TSM). Sebaliknya, ruang poket sepanjang P-TSS telah digunakan sepenuhnya sebagai ruang untuk tempat bersantai dan pelancong kulinari yang menarik banyak pengguna. Menurut analisis mengenai tarikan ruang terbuka, unsur fizikal (bangunan, ruang terbuka dan kemudahan

awam) telah dikenal pasti sebagai unsur yang tidak menarik perhatian pengunjung seperti yang telah dinyatakan oleh responden (rujuk kepada 5 bab: jadual 5.4). Ianya boleh dikaitkan dengan kurang kesedaran tentang keperluan untuk memiliki kualiti fizikal persekitaran yang lebih baik atau unsur-unsur fizikal yang sedia ada tidak cukup menarik untuk menjadi tarikan aktiviti dan interaksi sosial, oleh itu dirasakan menyusahkan.

Dalam kaji selidik P-TSS, walaupun tindak balas secara positif pada bangunan dan tampilan landskap telah dinyatakan, namun riadah dan aktiviti membeli-belah di kawasan Jalan Main Bazaar telah dianggap sebagai unsur utama tarikan berbanding dengan aktiviti dan produk yang ditawarkan di ruang terbuka. Ini dikaitkan dengan riadah dan membeli-belah sebagai tujuan utama pengunjung berada di P-TSS dan kawasan berhampiran tanpa mengira ciri bangunan dan ruang terbuka.

Perananan perabut jalan juga sangat penting, responden di P-TSS menyatakan pokok-pokok besar, pasu bunga, sungai, tempat duduk, rotunda, lampu hiasan, tonggak dan corak lantai laluan pejalan kaki dikenalpasti sebagai unsur-unsur skap jalan. Manakala P-TSM dicirikan dengan unsur air, dan pencahayaan yang menarik pada waktu malam. Ini menunjukkan pentingnya unsur-unsur ini dikenal pasti dan menjadi keakraban (akrab) untuk pengguna kepada ruang terbuka. Pembaikan laluan pejalan kaki pada tebing sungai dan hadapan bangunan serta kemudahan awam dan lalu lintas di P-TSM telah menyumbang kepada kualiti ruang terbuka yang lebih baik dan bersih.

Ruang terbuka sangat mudah untuk disesuaikan dengan pelbagai fungsi dan kegunaan yang skala kecil, seperti spot tempat duduk pasif, persempahan kebudayaan, persempahan musik jalanan, gerai makanan dan tapak pasar malam. Pemerhatian menunjukkan bahawa bilangan spot ruang terbuka jenis ini masih terhad di P-TSM. Berdasarkan pengamatan, kemudahan tempat duduk tidak mencukupi, maka mengurangkan peratusan orang ramai untuk melakukan interaksi dan aktiviti pasif. Di P-TSS, pencahayaan pada malam hari tidak mencukupi terutamanya di kawasan penjaja kaki lima yang menghadkan tumpuan tempoh penglibatan di kawasan tersebut.

Hasil daripada penilaian ciri skap jalan ditunjukkan dalam Jadual 6.4 menunjukkan perbezaan yang penting antara P-TSS dan P-TSM. Perbezaan ini adalah konsisten dengan hasil kajian kefahaman unsur fizikal (P-TSS: 2.75, P-TSM: 2.67).

**Jadual 6.4** Penilaian ciri-ciri bandar: Kefahaman (P-TSS dan P-TSM)

KEFAHAMAN			P-TSS		P-TSM	
Kriteria		Petunjuk prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
SKAP JALAN	01	Skap jalan	2	14/35 (40%) 2.00	2	12/35 (34%) 1.71
	02	Taman bandar & Kehijauan	3		1	
	03	Kualiti pandangan	2		1	
	04	Tampilan/unsur landskap	2		1	
	05	Muka bangunan	3		2	
	06	Material bangunan	1		2	
	07	Bangunan awam	1		3	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil						

#### **6.1.2.4 Nod dan penanda tempat ditakrifkan oleh bangunan terkenal**

Hasil kajian menunjukkan bahawa responden menghubungkaitkan penanda tempat dan tempat-tempat popular (nod) dengan tarikan terkenal (bangunan-bangunan lama, gerai/kedai makanan, dan nod pengangkutan) dan aktiviti perniagaan seperti pasar malam dan penjaja kaki lima. Penanda tempat (sering difahami sebagai mercu tanda oleh responden) adalah bangunan-bangunan yang mempunyai fungsi penting seperti bangunan terkenal dan bangunan lama.

“Mercu tanda kawasan ini adalah rumah api dan bangunan ‘*steamship*’...”

(Respondent 7: Penjaja kaki lima) P-TSS

“Bangunan lama milik Belanda dahulu berwarna merah, ini menjadi khas dan mercu tanda disini.”

(Responden 10: Pemilik *homestay*) P-TSM

Pengamatan (P-TSS dan P-TSM) menemui bahawa persimpangan ruang terbuka dengan jalan-jalan menjadi nod yang paling dikenal pasti di kawasan tersebut dengan pergerakan dan lintasan pejalan kaki yang tinggi dan berterusan terutamanya di waktu puncak. Ruang terbuka yang lebih kecil di sekitar sudut persimpangan menjadikan tempat tersebut sebagai titik perjumpaan dan kawasan menunggu. Aliran berterusan di seluruh persimpangan akan meningkat daya hidup di kawasan ini.

Di P-TSM ruang terbuka khusus untuk tempat duduk dan tempat-tempat perjumpaan adalah sangat kecil bilangannya, oleh itu kepentingan ruang terbuka sebagai tempat

popular tidak dapat dirasai oleh responden. Pengetahuan dan pengenalan unsur-unsur ini menunjukkan tahap keakraban dengan ruang terbuka. Ringkasan penanda tempat dan tempat-tempat popular di ruang terbuka dibentangkan dalam Lampiran C: jadual C4.

Jadual 6.5 menunjukkan *crosstabulation* antara kefahaman tempat dengan keterikatan fungsi. Pentingnya susun atur sebagai unsur yang menyumbang kepada persepsi responden dapat dilihat apabila lebih daripada 70% daripada mereka yang amat bersetuju bahawa ruang terbuka mempunyai susun atur yang sangat jelas dan mudah untuk bergerak juga mempunyai keterikatan fungsi (tempat terbaik: Ini adalah tempat terbaik untuk apa yang ingin saya lakukan).

**Jadual 6.5:** Hubungan antara kefahaman daripada P-TSS dan P-TSM dan keterikatan fungsi

TEMPAT	KETERIKATAN	KEFAHAMAN (N=330)							
		susun atur	penanda	kehijauan	pandangan	landskap	bangunan	mercu tanda	pelbagai
P-TSS	Tempat Terbaik	73.2	68.1	38.0	58.3	60.2	54.4	83.8	79.4
P-TSM	Tempat Terbaik	71.4	61.0	30.0	31.0	35.4	59.7	58.2	51.9

Dalam kes P-TSS, responden berpendapat bahawa kehadiran beberapa penjaja kaki lima menunjukkan keupayaan tempat untuk mewujudkan suasana sebagai tarikan riadah, menarik pengguna dan pelawat datang ke tempat itu. Ciri-ciri tempat akan meningkatkan penglibatan dalam pelbagai jenis aktiviti dan boleh dikaitkan dengan tahap keterikatan fungsi responden.

Hasil daripada penilaian ciri pada nod, mercu tanda dan penanda tempat (P-TSS: 3.00, P-TSM: 2,57) dibentangkan dalam Jadual 6.6 menunjukkan ketidakselarasan dengan hasil kaji selidik mengenai kefahaman unsur fizikal (P-TSS: 2.75, P-TSM: 2.67). Kecuali P-TSM, hasil kajian mencadangkan bahawa nod, penanda tempat seperti bangunan-bangunan bersejarah tidak menggambarkan sebagai unsur yang paling penting dalam P-TSS.

**Jadual 6.6:** Penilaian ciri-ciri bandar: Nod, mercutanda dan penanda tempat (P-TSS dan P-TSM)

KEFAHAMAN			P-TSS		P-TSM	
Kriteria		Petunjuk prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
<i>Nod-mercutanda-penanda tempat</i>	01	Bangunan sebagai mercutanda/penanda tempat	3	21/35 (60%) 3.00	3	18/35 (51%) 2.57
	02	Struktur khas	3		1	
	03	Tarikan penjaja kaki lima	5		2	
	04	Bangunan lama bersejarah	1		5	
	05	Nod pengangkutan	3		3	
	06	Ruang untuk acara khas	3		2	
	07	Penanda dan papan tanda sebagai mercutanda	3		2	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil						

Berdasarkan indeks prestasi yang dibangunkan oleh penyelidik, P-TSS adalah lebih berjaya kerana ia mempunyai akses secara langsung kepada aspek fizikal, visual serta kesambungan dan lebih dikenal pasti imej fizikal dan rasa arah. Ini menyokong keterikatan yang berterusan, pilihan riadah dan tempat membeli-belah.

Secara ringkas, aksesibiliti dan kefahaman unsur fizikal adalah penting untuk menyokong pengenalan responden kepada ciri ruang terbuka, penglibatan dalam

aktiviti-aktiviti dan keakraban dengan tempat. P-TSS secara kuat dihubung kait dengan penanda tempat dan penaja kaki lima manakala P-TSM dihubung kait dengan bangunan-bangunan lama dan bersejarah. Ringkasan ciri-ciri yang menentukan kefahaman ruang terbuka dibentangkan dalam Lampiran C: Jadual C5.

### **6.1.3 Aktiviti: Daya hidup (*vitality*)**


Hasil daripada kaji selidik dan temu bual menunjukkan bahawa aktiviti dianggap sebagai unsur yang paling berpengaruh bagi keterikatan pengguna. Kepelbagaiannya penampilan fizikal, pilihan aktiviti, kegunaan ruang dan orang yang terbabit telah menjadi faktor utama untuk tarikan dan penglibatan. Keupayaan tempat untuk mengekalkan daya hidup adalah dengan kewujudan orang ramai dan aktiviti menunjukkan tahap keterikatan fungsi. Bahagian berikut ini akan membincangkan atribut dan ciri-ciri yang berhubung kait dengan aktiviti. Atribut-atribut itu adalah: daya hidup (suasana, intensiti pejalan kaki dan pergerakan), kepelbagaian dan pilihan (penggunaan, produk yang dijual dan pengguna) dan transaksi (aktiviti ekonomi, harga yang baik, perkhidmatan dan interaksi sosio-budaya).

Bahagian pertama akan membincangkan pentingnya daya hidup dalam mempengaruhi keterikatan tempat. Nilai purata hasil dari kajian, ditunjukkan dalam Jadual 6.7 (P-TSS: 3.13, P-TSM: 3.03). Semua ruang terbuka di P-TSS dan P-TSM dianggap sebagai tempat yang meriah dan mempunyai kekuatan tempat yang tersendiri

**Jadual 6.7:** Ciri-ciri dihubungkan dengan daya hidup pada P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR		KENYATAAN	NILAI PURATA			
			P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
DAYA HIDUP N=330	01	Spot yang paling hidup dalam bandar ( <i>Hidup</i> )	3.28	.385	3.15	.405
	02	Aktiviti ruang terbuka yang menyerlahkan ( <i>Menarik</i> )	3.10	.417	3.04	.475
	03	Tempat untuk mengamati orang lain dan aktivitinya ( <i>Manusia</i> )	3.15	.402	3.28	.390
	04	Spot untuk hiburan ( <i>Hiburan</i> )	2.99	.497	2.64	.621
Format tindak balas: 1= sangat tidak setuju, 4=sangat setuju			Nilai Purata	3.13	3.03	

Hasil dalam Rajah 6.1 menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa aktiviti, ruang terbuka dan orang ramai membantu dalam menghidupkan suasana sesebuah tempat secara berterusan. Berlainan dengan P-TSS, P-TSM kekurangan tempat untuk berhiburan. Ini menunjukkan bahawa hiburan bukanlah ciri-ciri penting yang menentukan daya hidup P-TSM. Di P-TSS, hiburan secara formal mahupun informal dengan kehadiran pemusik jalanan di beberapa lokasi kawasan dianggap sebagai ciri-ciri penting kawasan tempat tersebut.



**Rajah 6.1:** Ciri-ciri dihubungkan dengan daya hidup pada P-TSS and P-TSM

Bahagian berikut membincangkan penemuan berdasar kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan atribut ‘daya hidup’ yang merangkumi suasana dan kewujudan serta intensiti pejalan kaki di kawasan P-TSS dan P-TSM.

#### **6.1.3.1 Suasana dan kemeriahan (*liveliness*) mempengaruhi keterikatan yang berterusan**

Keramaian pengguna meningkat di sekitar pintu masuk adalah tarikan utama ruang terbuka. Responden berpendapat P-TSS lebih meriah dan mempunyai aktiviti ruang terbuka yang lebih menarik. Manakala P-TSM walaupun daya hidup dan semangat dirasai di P-TSM terutamanya pada waktu siang, namun menurut pendapat responden ianya tidak meriah dan kekurangan aktiviti ruang terbuka sebagai tarikan.

Dalam P-TSS, ia adalah jelas bahawa penjaja kaki lima dan aktiviti perniagaannya telah menyumbang kepada suasana yang meriah di ruang terbuka, terutamanya pada waktu malam. Ia juga disokong oleh suasana yang dijana oleh baris tambahan penjaja kaki lima (meja mudah alih dan gerai-gerai) yang terletak di tengah-tengah ruang terbuka yang bermula pada awal petang sehingga lewat malam. Ianya jelas menunjukkan suasana malam lebih meriah berbanding siang hari di P-TSS dan sebaliknya berkurangan di P-TSM kerana terhadnya aktiviti penjaja kaki lima di malam hari. Kewujudan papan iklan elektronik dan digital memberi kesan yang luar biasa serta mempengaruhi kemewahan ruang terbuka pada waktu malam.

Hasil daripada pengamatan bahawa intensiti pelawat di ruang terbuka (P-TSS dan P-TSM) cepat meningkat dari pagi hingga ke petang dan malam. Walau bagaimanapun dalam kes P-TSS, kemerahan ruang terbuka terus meningkat oleh aliran berterusan pejalan kaki. Ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa P-TSS berfungsi bukan sahaja sebagai ruang terbuka, tetapi juga sebagai penghubung pejalan kaki.

Ruang terbuka mengekalkan daya hidup melalui aktiviti ekonomi yang berkaitan dalam satu bentuk transaksi perniagaan. Lebih banyak aktiviti pasif seperti berehat dan riadah juga menyumbang kepada daya hidup ruang terbuka. Walaupun kurangnya kehijauan di P-TSM tetapi ruang terbuka yang cukup selesa turut menggalakkan perhimpunan dan perjumpaan orang. Dapat dilihat bahawa di P-TSS memiliki ruang yang cukup bagi orang-orang yang ingin berehat dan riadah. Pasar malam (P-TSS) sentiasa menarik pengguna ke kawasan itu serta menggalakkan transaksi disepanjang ruang terbuka. Ianya difahami bahawa lokasi ruangterbuka, kehadiran orang ramai dan kegunaan beranika adalah unsur-unsur yang menyumbang kepada daya hidup ruang terbuka.

Hasil dalam Jadual 6.8 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat diantara keterikatan fungsi (tempat terbaik: 'tempat ini adalah tempat terbaik untuk apa yang saya ingin lakukan') dan ciri-ciri yang berbeza kepada aktiviti ruang terbuka yang merupakan kemerahan (P-TSS), aktiviti ruang terbuka yang menarik (P-TSM) dan lebih banyak tempat untuk riadah (P-TSS dan P-TSM). Dalam semua kes, majoriti responden (80-96%) yang mengenal pasti dengan kehadiran orang ramai, aktiviti

dalam ruang terbuka dan orang yang mengamati juga bersetuju bahawa tempat ini adalah tempat terbaik untuk mereka kunjungi.

**Jadual 6.8:** Hubungan antara daya hidup daripada P-TSS dan P-TSM dan keterikatan fungsi

TEMPAT	KETERIKATAN	DAYA HIDUP (N=330)			
		<i>meriah</i>	<i>aktiviti ruang terbuka</i>	<i>orang mengamati</i>	<i>riadah</i>
P-TSS	Tempat terbaik	96.3%	81.9%	86.7%	84.5%
P-TSM	Tempat terbaik	92.3%	87.7%	93.8%	70.8%

Note: Peratusan hanya petunjuk tahap persetujuan

Pada pemerhatian, ianya jelas bahawa daya hidup ruang terbuka disumbangkan oleh intensiti pelawat dan pejalan kaki, bilangan aktiviti yang berlaku di ruang yang berlaku setiap hari atau mengikut jadual tertentu (P-TSS dan P-TSM). Ianya bersesuaian dengan pendapat Montgomery (1998) juga mendakwa bahawa beberapa orang di dalam dan di sekitar jalan (aliran pejalan kaki) pada setiap masa yang berlainan pada waktu siang dan malam, acara kebudayaan dan perayaan, pengambilan kemudahan, aktiviti kehidupan jalan dan perasaan semangat akan mempengaruhi daya hidup tempat itu.

#### **6.1.3.2 Intensiti dan pergerakan pejalan kaki akan mempertingkatkan daya hidup dan penglibatan kepada tempat**

Pergerakan melalui ruang awam adalah pusat pengalaman bandar, satu faktor penting dalam menjana kehidupan dan aktiviti. Ruang terbuka aktif dan pergerakan pejalan kaki yang berterusan sepanjang koridor ruang terbuka yang disokong oleh kepelbagaiannya penggunaannya akan menyokong daya hidup ruang terbuka.

Hasil daripada pengamatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang penting dalam daya hidup yang dijana oleh kehadiran orang dalam intensiti yang besar dan aktiviti-aktiviti mereka pada hujung minggu dan cuti umum. Acara bulanan dan perayaan khas meningkatkan daya hidup ruang terbuka. Ini terbukti semasa pasar malam (P-TSS), dalam Bulan Ramadhan (P-TSS) dan Tahun Baru Cina (P-TSM) serta acara bulanan. Penjaja kaki lima (P-TSS) menyatakan keadaan dalam tempoh ini:

“Kawasan ini akan dipenuhi dengan penjaja dan sesak dengan orang ramai pada petang Ramadhan, beli makanan untuk berbuka”  
(Responden 1: penjaja kaki lima) P-TSS.

Hasil daripada pengamatan menunjukkan bahawa P-TSS telah direka untuk menampung aktiviti ruang terbuka dengan rekaan yang baik untuk duduk, makan dan berkomunikasi. Kewujudan ruang makan yang terlindung oleh kanopi dan dihubungkan kepada laluan pejalan kaki yang agak luas dengan lanskap yang cantik membuat suasana lebih menarik. Ianya boleh disimpulkan bahawa pengguna secara amnya tertarik untuk tawar-menawar dengan aktiviti penjaja kaki lima (P-TSS dan P-TSM), manakala kumpulan pengguna lain secara amnya lebih berminat untuk makan di ruang luar dan riadah. Berdasarkan temu bual, dapat dirumuskan bahawa daya hidup ruang terbuka adalah berkait rapat dengan kemeriahan, pejalan kaki dan riadah. Ringkasan ciri-ciri yang berkaitan dengan daya hidup dibentangkan dalam Lampiran C: Jadual C6.

Jadual 6.9 membentangkan hasil penilaian ciri daya hidup tempat (P-TSS: 3.44 - 69%, P-TSM: 2.89 - 58%). Hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian (P-TSS: 3.13, P-TSM: 3.03). Ianya jelas bahawa P-TSS telah mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada P-TSM

**Jadual 6.9:** Penilaian ciri bandar: Daya hidup (P-TSS and P-TSM)

AKTIVITI		P-TSS		P-TSM	
Kriteria	Petunjuk prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
<i>DAYA HIDUP Sehingga ke tahap mana bentuk tempat menyokong fungsi dan keperluan manusia</i>	01 Aktifnya ruang terbuka	5	31/45 (69%) 3.44	5	26/45 (58%) 2.89
	02 Aktifnya laluan pejalan kaki	5		4	
	03 Penggunaan campuran	1		2	
	04 Intensiti pergerakan pejalan kaki	5		4	
	05 Ketersediaan ruang terbuka awam	4		3	
	06 Spot perjumpaan dan perhimpunan	4		3	
	07 Nod dan persimpangan	3		2	
	08 Spot riadah	2		2	
	09 Tempoh buka	2		1	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil					

Ini menunjukkan keupayaan P-TSS untuk menyumbang kepopularitiannya melalui laluan pejalan kaki yang aktif, tempat perhimpunan dan perjumpaan, ketersediaan ruang terbuka awam dan tempoh buka yang lebih panjang. Secara ringkas, daya hidup ruang terbuka boleh dikaitkan dengan keupayaan ruang terbuka untuk berjaya berfungsi sebagai fokus untuk beraktiviti berdasarkan penemuan bahawa hasil kaji selidik adalah selaras dengan hasil yang diperolehi daripada penilaian ciri bandar.

#### **6.1.4 Aktiviti: Kepelbagaian dan pilihan**

Bahagian yang berikut membincangkan ciri-ciri yang berkaitan dengan kepelbagaian dan pilihan ruang terbuka. Aspek yang dibincangkan adalah tentang kepelbagaian

kegunaan ruang terbuka dan aktiviti, pilihan produk yang dijual oleh penjaja kaki lima dan kepelbagaian pengguna ruang terbuka.


#### **6.1.4.1 Kepelbagaian kegunaan ruang terbuka dan aktiviti menyediakan pilihan dan tarikan pengunjung untuk melawat**

P-TSS dan P-TSM terletak dalam kawasan utama bersejarah di pusat bandar. Ianya menunjukkan percampuran aktiviti menyumbang kepada kepelbagaian pilihan. Hasil kepelbagaian dan pilihan yang ditunjukkan dalam Jadual 6.10 adalah di atas purata (P-TSS: 3.18, P-TSM: 3.05). Ini menunjukkan bahawa responden dapat mengenalpasti dengan kukuh kepada kepelbagaian tempat dan pilihan yang ditawarkan. Persepsi yang positif disokong oleh pilihan makanan dan ruang makan, aktiviti orang dan pelbagai latar belakang mereka.

**Jadual 6.10:** Ciri-ciri dihubungkan dengan kepelbagaian and pilihan pada P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN		Nilai Purata			
			P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
KEPELBAGAIAN DAN PILIHAN N=330	01	Menjual hampir semua jenis benda ( <i>Jualan</i> )	2.94	.501	2.83	.560
	02	Pelbagai pilihan makanan dan tempat makan ( <i>Makanan</i> )	3.13	.386	3.02	.485
	03	Aktiviti penuh, siang dan malam ( <i>Aktiviti penuh</i> )	3.34	.351	2.90	.513
	04	Penuh campuran orang dari pelbagai latar ( <i>Campuran</i> )	3.29	.369	3.45	.315
Format tindak balas : 1=sangat tidak setuju, 4=sangat setuju			Nilai Purata	3.18	3.05	

Berdasarkan Rajah 6.2, majoriti responden bersetuju bahawa tempat menyediakan tahap kepelbagaian pilihan yang tinggi di mana P-TSS telah dianggap sebagai tempat yang menawarkan lebih banyak pilihan diperlukan, dan P-TSM adalah menggambarkan campuran orang dari budaya yang berbeza.



**Rajah 6.2:** Ciri-ciri dihubungkan dengan kepelbagaian dan pilihan daripada P-TSS dan P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

Kepelbagaian aktiviti berkait rapat dengan keterikatan fungsi kepada tempat. Hasil di dalam Jadual 6.11 menunjukkan hubungan yang kuat antara responden yang merasakan ruang terbuka sebagai tempat yang terbaik untuk sesuatu yang mereka ingin lakukan (tempat terbaik) dengan kepelbagaian tempat. Tiada perbezaan yang penting dalam hasil di P-TSS dan P-TSM.

**Jadual 6.11:** Hubungan antara kepelbagaian daripada P-TSS dan P-TSM dan keterikatan fungsi

TEMPAT	KETERIKATAN	DAYA HIDUP (N=330)			
		menjual semua benda	makanan	penuh aktiviti	campuran manusia
P-TSS	Tempat terbaik	83.3%	90.0%	95.4%	80.1%
P-TSM	Tempat terbaik	75.0%	87.3%	80.2%	98.0%

Note: Peratusan hanya petunjuk tahap persetujuan

Jacobs (1999) mendedahkan bahawa ruang terbuka yang terbaik adalah memiliki kepelbagaian secara fizikal, ekonomi dan sosial, tempoh aktiviti yang lebih lama dan kemeriahannya, memberi sumbangan kepada ruang yang selesa dan selamat.

Berdasarkan pengamatan kawasan penjaja kaki lima berkait rapat dengan ruang terbuka bersejarah (P-TSS dan P-TSM) kerana kaedah transaksi yang berbeza, harga lebih murah dan ketersediaan produk yang berbeza.

#### **6.1.4.2 Kepelbagaian pengguna ruang terbuka mempengaruhi pilihan tempat untuk dilawati**

Pengguna adalah unsur penting dalam menjana keaktifan dan tarikan untuk sesebuah tempat riadah dan hiburan yang dicapai dari adanya kepelbagaian komersial. Kepadatan dan kepelbagaian pengguna menyokong urusniaga dan daya hidup tempat yang menyumbang kepada tarikan dan keterikatan . Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa percampuran orang dari semua lapisan masyarakat dan pelbagai latar belakang menjadi salah satu ciri-ciri yang kuat pada ruang terbuka (P-TSS dan P-TSM). Oleh itu keupayaan ruang terbuka untuk menampung keperluan dan keinginan pengguna serta pilihan yang ditawarkan untuk pelbagai latar belakang ekonomi dan sosio-budaya adalah penting untuk keterikatan yang berterusan.

Kepelbagaian peranan fungsi dan pengguna mempengaruhi kepelbagaian aktiviti di ruang terbuka. Ini bersesuaian dengan pendapat Dolbani (2000) dari Bentley et.al. (1985) bahawa pelbagai guna tanah, orang, aktiviti dan pengalaman menyediakan campuran persepsi di mana pengguna yang berbeza mentafsir tempat dalam cara yang berbeza, sekaligus mengambil makna yang berbeza-beza. Ianya dijelaskan bahawa jenis aktiviti dalam ruang terbuka dipengaruhi oleh ciri-ciri pengguna yang menduduki ruang terbuka. P-TSS lebih kuat dikaitkan dengan pengguna Melayu dan India Muslim, manakala P-TSM memberi gambaran lebih kepada campuran semua

latar belakang etnik serta pelancong luar negara. Kehadiran pelancong luar negara dari semua bahagian dunia, khususnya Eropah boleh didapati di P-TSM.

**Jadual 6.12** Penilaian ciri bandar: Kepelbagaian (P-TSS and P-TSM)

AKTIVITI		P-TSS		P-TSM	
Kriteria	Petunjuk prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
KEPELBAGAIAN <i>Tahap dimana tempat menawarkan kepelbagaian dan pilihan</i>	01 Pelbagai orang dan latar belakang	4	22/35 (62%) 3.14	5	19/35 (54%) 2.71
	02 Pelbagai ekspresi budaya	3		3	
	03 Pelbagai pilihan produk yang dijual	1		1	
	04 Campuran lama dan baru	3		2	
	05 Campuran, lanskap buatan dan semula jadi	4		3	
	06 Pelbagai rasa, suara dan bau	3		2	
	07 Pelbagai makanan dan tempat makan	4		3	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil					

Jadual 6.12 menunjukkan hasil penilaian ciri pada kepelbagaian tempat P-TSS: 3.14 dan P-TSM: 2,71 adalah konsisten dengan hasil kajian (P-TSS: 3.18, P-TSM: 3.05). Walau bagaimanapun, P-TSM dianggap sangat positif dari segi kepelbagaian dan latar belakang orang walaupun dinilai sebagai kurang berjaya dalam menyediakan kepelbagaian pilihan kepada pengguna. Skor yang lebih tinggi dalam hasil kaji selidik itu boleh dijelaskan bahawa P-TSM adalah lebih banyak dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari luar negara.

Sebagai ringkasan, hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa kepelbagaian, pilihan dan campuran aktiviti adalah faktor penting dalam memastikan daya hidup di ruang terbuka. Bahagian yang berikut akan membincangkan peranan kepelbagaian dan pilihan dalam menyokong daya tarikan yang berterusan dan daya hidup tempat. Ringkasan ciri-ciri yang berkaitan dengan kepelbagaian dan pilihan dimasukkan dalam Lampiran C: Jadual C8.

### **6.1.5 Aktiviti: Transaksi**


Transaksi adalah fungsi utama ruang terbuka, ia mempunyai pengaruh yang sangat penting dalam bagaiman cara tempat itu bertindakbalas oleh responden. Bahagian yang berikut membincangkan peranan aktiviti ekonomi, dan interaksi sosio-budaya dalam menggalakkan keterikatan dan faktor-faktor yang saling berhubung kait.

#### **6.1.5.1 Aktiviti ekonomi adalah bentuk penting aktiviti**

Hasil daripada kaji selidik dan dalam temu bual khusus menunjukkan bahawa responden mengenal pasti dengan kukuh mengenai urus niaga ekonomi di ruangan terbuka. Dari Jadual 6.13, skala 3.18 (P-TSS) dan 2.91 (P-TSM) mencadangkan bahawa P-TSS mempunyai purata yang lebih tinggi dari aspek harga barang yang dijual ('harga terbaik untuk membeli-belah') yang disokong oleh kehadiran penjaja kaki lima yang meningkatkan aktiviti membeli dan menjual di kawasan itu. P-TSS dan P-TSM mempunyai ciri-ciri kepelbagaian dan pilihan yang dalam ruang terbuka, ianya jelas bahawa peranan kepelbagaian dalam kegunaan dan jenis perniagaan mempengaruhi tahap keterikatan pengguna. Dalam kes ini, P-TSS memiliki kepelbagaian yang lebih beranika dalam penggunaan di ruang terbuka.

**Jadual 6.13** Ciri-ciri dihubungkan dengan transaksi pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR		KENYATAAN	NILAI PURATA			
			P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
TRANSAKSI N=330	01	Harga yang baik untuk membeli belah ( <i>Harga</i> )	3.28	.371	2.80	.550
	02	Bank dan pusat komunikasi ( <i>Komunikasi</i> )	3.01	.480	2.96	.493
	03	Penjaja kaki lima ( <i>Vendor</i> )	3.29	.368	2.98	.497
Format tindak balas : 1=sangat tidak setuju 4=sangat setuju			Nilai Purata	3.18	2.91	



**Rajah 6.3** Ciri-ciri dihubungkan dengan *transaksi* pada P-TSS dan P-TSM

Hasil yang ditunjukkan dalam Rajah 6.3 menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa tempat-tempat kajian yang menawarkan harga yang terbaik, banyak pusat komunikasi dan penjaja kaki lima. Walau bagaimanapun P-TSS mempunyai skor tertinggi pada kehadiran penjaja kaki lima dan harga barang yang murah. Suasana ini memberi suasana yang meriah di P-TSS. Tambahan pula

ruang terbuka ini digunakan sepanjang waktu untuk orang berulang-alik dari daerah barat ke timur yang dibentukkan oleh kediaman dan tempat pekerjaan.

Berdasarkan pengamatan di P-TSM, ruang terbuka dominan diduduki oleh penggunaan komersial termasuk makanan dan restoran, barang kemas, cenderahati dan kedai perkhidmatan komunikasi. Dalam kes P-TSS, bukti daripada pengamatan menunjukkan bahawa penjaja kaki lima dan aktiviti perdagangan mereka lebih banyak menyumbang kepada suasana yang sibuk di ruang terbuka terutamanya pada waktu malam.

Satu lagi aspek yang mempengaruhi intensiti transaksi adalah tempoh waktu buka dan tempoh penglibatan untuk perniagaan dan perdagangan. Ianya diperolehi bahawa P-TSS dan P-TSM menawarkan tempoh transaksi sekurang-kurangnya 12 jam. Tawar-menawar dengan penjual jalanan (P-TSS) dilanjutkan sehingga sekitar 11:30 malam dan hiburan yang berterusan sehingga tengah malam menyokong transaksi di ruang terbuka. Selari dengan ini, Montgomery (1998) menyatakan transaksi digalakkan jika tempoh perniagaan dilanjutkan sehingga perjumpaan, pergerakan dan pertukaran berterusan sepanjang siang dan malam.

Temubual khusus menunjukkan pentingnya kepelbagaiannya aktiviti ekonomi, pilihan dan rasa pergantungan bagi kemampuan ekonomi (P-TSS dan P-TSM). Ringkasan ciri-ciri yang berkaitan dengan urusniaga dibentangkan dalam Lampiran C: jadual C9.

Jadual 6.14 menunjukkan bahawa di P-TSS ada hubungan yang kuat antara transaksi dan keterikatan fungsi ('ini adalah tempat terbaik untuk apa yang saya ingin lakukan') namun kurang dilakukan di P-TSM. Walau bagaimanapun, 95.4% daripada responden amat pasti bahawa kehadiran banyak penjaja kaki lima yang lebih menggalakkan keterikatan .

**Jadual 6.14:** Hubungan antara transaksi dengan keterikatan fungsi pada P-TSS dan P-TSM

TEMPAT	KETERIKATAN	TRANSAKSI (N=330)		
		Harga	Komunikasi	Penjaja
P-TSS	Tempat terbaik	83.3%	75.3%	95.4%
P-TSM	Tempat terbaik	75.0%	70.4%	73.6%

Note: Peratusan hanya petunjuk tahap persetujuan

#### **6.1.5.2 Interaksi Sosial dan budaya sebagai ciri-ciri suasana ruang terbuka**

Pengamatan kawasan menunjukkan hasil daripada interaksi sosial dan budaya secara asas ditubuhkan melalui interaksi peribadi, transaksi ekonomi dan acara sosio-budaya. Ini adalah bersesuaian dengan hujah Montgomery (1998) yang menyatakan bahawa transaksi yang berdasarkan aktiviti ekonomi tempat bandar yang baik juga menyediakan ruang untuk transaksi sosial dan budaya melalui persahabatan, acara dan majlis-majlis, itulah yang mempengaruhi bentuk keterikatan .

Penemuan dari temubual khusus menunjukkan bahawa terdapat penubuhan keterikatan fungsi antara peniaga dan penjaja kaki lima sesama mereka disebabkan interaksi dan tempoh penglibatan yang panjang dalam kawasan yang sama. Interaksi

kekerapan secara langsung dan tidak langsung sangat jelas apabila ditanya mengenai keakraban mereka di kawasan itu. Kebanyakan responden tahu dan berinteraksi dengan peniaga sesama mereka dan diiktiraf dengan baik.

Interaksi kumpulan etnik dan budaya yang sama dipertingkatkan dan disokong oleh aktiviti agama dan budaya (P-TSS) seperti solat Jumaat dan perayaan agama sekali-sekala atau perayaan budaya. Dalam keadaan ini, komuniti dan organisasi yang formal ataupun tidak formal ditubuhkan disebabkan penglibatan tetap dan persatuan dengan orang-orang yang menetap di kawasan itu. Keterikatan sosial dan budaya mampu meningkatkan tahap keharmonisan di dalam ruang terbuka. Shuhana (2004) menekankan peranan transaksi sosial dipanggil ‘keramahtamahan’ yang dicerminkan dalam menyambut pelawat dan pengguna ruang terbuka serta interaksi komuniti pada ruang terbuka jalan dalam komuniti yang akan menimbulkan rasa tempat dan menyokong keterikatan .

Disimpulkan bahawa ruang terbuka bukan sahaja membabitkan orang untuk memenuhi keperluan tetapi juga mempunyai peranan dalam menghubungkan mereka dengan pengguna lain yang menduduki kawasan itu.

Jadual 6.15 menunjukkan hasil dari penilaian ciri bandar mengenai transaksi (P-TSS: 3,40 - 68%, P-TSM: 2,80 - 56%). Hasil ini adalah selaras dengan hasil kaji selidik (P-TSS: 3.18, P-TSM: 2.91) di mana P-TSS telah dinilai sebagai lebih berjaya dalam transaksi berbanding P-TSM.

**Jadual 6.15:** Penilaian ciri bandar: Transaksi (P-TSS and P-TSM)

AKTIVITI			P-TSS		P-TSM	
Kriteria		Indikator prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
<b>TRANSAKSI</b> <i>Intensiti perniagaan, informasi, komunikasi dan interaksi sosial</i>	01	Pusat perkhidmatan dan aktiviti	4	17/25 (68%) 3.40	3	14/25 (56%) 2.80
	02	Penjaja kaki lima/night market	5		4	
	03	Penjualan di ruang terbuka dan pasar malam	3		2	
	04	Iklan di ruang terbuka	2		2	
	05	Acara-acara sosial dan budaya	3		3	
Ukuran rating: 5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil						

Pengamatan kawasan menunjukkan bahawa aktiviti membeli dan menjual wujud di ruang terbuka. Ringkasan corak aktiviti pada hari dan masa yang berlainan dan kawasan yang kerap digunakan oleh pengguna di P-TSS dan P-TSM dibentangkan dalam Lampiran C: Jadual C1 dan C2. Secara ringkas, urus niaga ekonomi menyumbangkan bangkitan aktiviti di ruang terbuka yang boleh dilihat dalam perbuatan membeli dan menjual pelbagai makanan dan produk. Responden melakukan keterikatan kepada tempat disebabkan peluang untuk perniagaan dan pekerjaan. Interaksi budaya dan sosial dicerminkan di dalam persatuan etnik dan agama.

#### **6.1.6 Imej: Kefahaman**

Hasil daripada kaji selidik dan temu bual menjelaskan pentingnya imej bagi P-TSS dan P-TSM dalam mempengaruhi keterikatan tempat walaupun tindak balas menunjukan kepelbagaian pada aspek keunikan, keselesaan dan keselamatan ruang terbuka. Bahagian berikut ini membincangkan ciri-ciri yang berkaitan dengan ciri-ciri tempat yang mempengaruhi keterikatan tempat.

### 6.1.6.1 Ruang terbuka yang popular

Populariti P-TSS dan P-TSM sangat jelas ditunjukkan daripada tindak balas kaji selidik. Skala 3.14 (P-TSS) dan 3.20 (P-TSM) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.16 menunjukkan bahawa responden lebih mengenal pasti ruang terbuka sebagai tempat-tempat yang lebih popular daripada tempat-tempat lain di kawasan itu. Walaupun dilihat sebagai tempat tarikan peringkat antarabangsa (P-TSS) dan dikunjungi oleh lebih ramai pelancong asing (P-TSM), responden dari P-TSS telah menunjukkan persepsi yang lebih positif berhubung kait dengan populariti.

**Jadual 6.16:** Ciri-ciri dihubungkan dengan kefahaman (imej) pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN			NILAI PURATA			
		P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV		
KEFAHAMAN (Imej) N=330	01 Imej yang baik ( <i>Baik</i> )	2.93	.521	2.84	.526		
	02 Lebih popular daripada tempat lain ( <i>Popular</i> )	3.14	.433	3.20	.385		
	03 Dikenal pasti kerana imej antarabangsa ( <i>Antarabangsa</i> )	2.94	.517	2.68	.640		
Format tindak balas: 1= sangat tidak setuju, 4=sangat setuju		Nilai Purata	3.00	2.91			

Hasil dari pengamatan kawasan, diperhatikan bahawa selain daripada ciri-ciri umum, setiap ruang terbuka tertentu mempunyai kualiti tersendiri. Hasil dari dalam temubual khusus telah menunjukkan bahawa populariti P-TSS amat disokong oleh kepelbagaiannya dan aktiviti manakala P-TSM adalah terkenal dengan nilai sejarah.

Ruang terbuka (P-TSS dan P-TSM) adalah yang berjaya dalam mengekalkan popularitinya kepada pengguna. Popularitinya dikenal pasti sebagai ruang terbuka

dalam persekitaran bersejarah dan secara amnya mengekalkan corak transaksi tradisional; P-TSS telah dikenali lebih mudah dibaca dari segi imej berbanding P-TSM.

### **6.1.7 Imej : Keunikan**

Skala 2.83 (P-TSS) and 2.67 (P-TSM) yang ditunjukkan dalam jadual 6.17 adalah melebihi purata yang mencadangkan bahawa tempat telah dianggap sebagai promenade tebing sungai yang unik di pusat bandar.

**Jadual 6.17:** Ciri-ciri dihubungkan dengan keunikan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR	KENYATAAN	NILAI PURATA			
		P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
KEUNIKAN N=330	01 Memiliki ruang terbuka yang menarik ( <i>Menarik</i> )	2.58	.682	2.63	.628
	02 Berbeza dengan tempat lain ( <i>Berbeza</i> )	2.82	.540	2.54	.690
	03 Atmosfer yang unik ( <i>Unik</i> )	2.96	.537	2.79	.605
	04 Dikenal baik sebagai promenad bersejarah di pusat bandar ( <i>Bersejarah</i> )	2.96	.540	2.73	.592
Format tindak balas: 1=sangat tidak setuju, 4=sangat setuju			Nilai Purata	2.83	2.67

Kualiti yang berbeza (Shuhana, 2004) dan unik (Relph, 1983) mempengaruhi pengenalan responden mengenai atribut tempat. Hasil daripada kaji selidik menunjukkan bahawa responden mengenal pasti suasana unik promenade kerana kualiti tarikan ruang terbuka yang berbeza berbanding pengenalan mereka daripada tempat-tempat lain.

Hasil kaji selidik dalam Rajah 6.4 menunjukan bahawa responden dari P-TSS mengenalpasti bahawa promenad mempunyai nilai sejarah dan unik berbanding kepada tindak balas daripada responden dari P-TSM (P-TSS: 000%, P-TSM: 000%). Jawapan daripada temubual menyatakan selain dari keunikan tempat-tempat yang dianggap penting untuk melakukan keterikatan akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian yang berikut.

Satu keunikan P-TSS dan P-TSM adalah identiti khas masyarakat yang bekerja dan bergantung kepada perniagaan di ruang terbuka. Walaupun perubahan yang berterusan dalam jenis produk gaya dan harga, perniagaan teras dan pembeli sasaran tidak berubah. Ini dapat dijelaskan oleh keupayaan tempat untuk menegakkan identiti promenad dibentuk oleh aktiviti niaga untuk berkhidmat kepada pengunjung yang berkait rapat dengan latar belakang sosio-budaya daripada pengguna dan peniaga.

Penemuan mencadangkan bahawa penglibatan responden dan keterikatan kepada promenad yang berkait rapat dengan manusia dan kepelbagaiannya budaya mereka. Kenyataan berikut diterangkan ciri-ciri budaya tempat:

“Tempat ni lain dari yang lain, orang datang dari luar Melaka cukup suka kerana banyak tarikan pelancong khasnya *river cruise*, boleh kata seperti Venesia kat *europe*.”  
(Respondent 4 : Pemilik kedai; 23 tahun penglibatan) P-TSM

“Yang istimewa bila ada di sini ialah bila tengok macam-macam perangai kaum manusia. Selalunya paling ramai pada hujung minggu dan hari ahad.”  
(Respondent 2: Penjaja kaki lima; 13 tahun penglibatan) P-TSS.

Dalam kes P-TSM perniagaan dikuasai oleh peniaga Cina, ‘*shopowners*’, kafe dan pemilik ‘*homestay*’. P-TSM adalah tempat yang dikunjungi oleh banyak pelancong luar negara dan tempatan.

Secara ringkas, responden mengenal pasti campuran orang dari pelbagai lapisan latar belakang kehidupan dan ciri-ciri pelbagai budaya tempat (P-TSS). Kehadiran penduduk tempatan dan pelawat dari luar negara (P-TSM) sebagai ciri-ciri yang tersendiri yang mengukuhkan identiti. Ianya telah diperhatikan bahawa jenis ciri yang sesuai untuk keperluan kumpulan budaya tertentu dan imej budaya penghuni 'yang berakar umbi kepada tempat dapat menyokong suasana yang berbeza (P-TSS dan P-TSM). Berdasarkan ungkapan budaya yang ditakrifkan penduduk tempatan, ianya menerangkan (Relph, 1983) teori bahawa kualiti dan objek dimanifestasikan dalam pengalaman tempat mengawal tanggapan masyarakat mengenai keunikan, kekuatan dan ketulenan identiti daripada tempat terbabit.

Berdasarkan hasil yang ditunjukkan dalam Jadual 6.18, hubungan antara keunikan tempat dan keterikatan emosi adalah kukuh. Majoriti responden yang melihat P-TSS dan P-TSM adalah berbeza (Penyata 02: "Berbeza dengan tempat lain") dan unik (Penyata 03: "Atmosfer unik") juga merasakan bahawa mereka telah terikat kepada tempat (terikat: 'saya terikat erat dengan tempat ini ') manakala orang-orang yang beranggap tempat adalah berbeza dari segi konteks sejarah (Penyata 04: Dikenali sebagai baik promenad bersejarah di Pusat Bandar) juga bersetuju bahawa mereka memiliki keterikatan kepada tempat (P-TSS dan P-TSM). Ianya menunjukkan kepentingan imej yang berbeza dalam mempengaruhi keterikatan

emosi. Ringkasan ciri-ciri yang dikaitkan dengan keunikan di dapat dari temubual khusus yang dibentangkan dalam Lampiran C: Jadual C11.

**Jadual 6.18:** Hubungan antara keunikan dan keterikatan emosi pada P-TSS dan P-TSM

TEMPAT	KETERIKATAN	KEUNIKAN (N=330)			
		Menarik	Berbeza	Unik	Bersejarah
P-TSS	Terikat	57.0%	79.7%	75.9%	75.7%
P-TSM	Terikat	60.8%	75.6%	73.0%	77.2%

Note: Peratusan hanya petunjuk tahap persetujuan

Hasil daripada penilaian ciri tempat yang ditunjukkan dalam Jadual 6.19: P-TSS: 3.50 (70%), P-TSM: 3.25 (65%) menunjukkan bahawa P-TSS adalah lebih berjaya dari aspek keunikan. Hasil ini adalah selaras dengan hasil kaji selidik (P-TSS: 2.83, P-TSM: 2.78).

**Jadual 6.19:** Penilaian ciri bandar: Keunikan (P-TSS and P-TSM)

IMEJ_Keunikan			P-TSS		P-TSM	
Kriteria		Indikator prestasi	Rating (1 – 5)	Total % purata	Rating (1 – 5)	Total % purata
<i>Keunikan Kualiti perbezaan, unik</i>	01	Ruang terbuka yang menarik	4	14/20 (68%) 3.50	2	13/20 (56%) 3.25
	02	Berbeza dengan tempat lain	3		4	
	03	Atmosfer unik	3		2	
	04	Dikenal baik sebagai promenad bersejarah di pusat bandar	4		4	

Ukuran rating:  
5: sangat berhasil - 4: berhasil - 3: agak berhasil - 2: sedikit berhasil - 1: tidak berhasil

Ia adalah jelas bahawa P-TSS dan P-TSM mempunyai skor yang hampir sama dari aspek keunikan walaupun dinilai dari segi imej, kefahaman, dan populariti (rujuk

kepada Jadual 6.21). Dalam kes ini, promenad tebing sungai bersejarah adalah lebih lazim dalam keunikan suasana.

Secara ringkas, ianya boleh dijelaskan bahawa imej khas tempat boleh mempengaruhi keterikatan pengguna. Ianya berkait rapat dengan aspek emosi daripada keterikatan tempat dan perasaan yang dikaitkan dengan keunikan unsur-unsur tempatan dan budaya, sejarah dan memori tempat, terutamanya promenade tebing sungai yang membuat ianya lebih berbeza dari tempat-tempat lain.

#### **6.1.8 Imej : Keselesaan**

Keselesaan adalah salah satu perkara penting yang mempengaruhi keterikatan yang dikenal pasti oleh responden. Keselesaan fizikal, psikologi dan persekitaran menyumbang kepada kepuasan pengguna, mudah dan selesa dengan suasana yang menggalakkan interaksi dan tempoh penglibatan yang lebih lama. Skala 2.50 (P-TSS), 2,34 (P-TSM) yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.20 mencadangkan bahawa pengenalan responden kepada ciri-ciri yang berkaitan dengan keselesaan adalah kira-kira sama. Bahagian yang berikut membincangkan ciri-ciri yang berkaitan dengan keselesaan P-TSS dan P-TSM.

**Jadual 6.20:** Ciri-ciri dihubungkan dengan keselesaan pada P-TSS and P-TSM berdasarkan kepada nilai purata

UNSUR		KENYATAAN	NILAI PURATA			
			P-TSS	STD. DEV	P-TSM	STD. DEV
KESELESAAN N=330	01	Ruang yang sangat selesa untuk duduk dan bersantai (Selesa)	3.04	.472	2.26	.809
	02	Kualiti fasiliti yang sangat baik (Fasiliti)	2.31	.820	2.73	.556
	03	Udara dan persekitaran yang bersih (Persekutaran)	2.96	.491	2.38	.784
	04	Dijaga dan diurus dengan sangat baik (Penjagaan)	2.14	.832	2.05	.911
Format tindak balas: 1=sangat tidak setuju, 4=sangat setuju			Nilai Purata	2.50	2.34	

#### **6.1.8.1 Keselesaan fizikal lebih jelas di P-TSS**

Hasil menunjukkan bahawa P-TSS telah dilihat menjadi ruang terbuka yang paling selesa secara fizikal. Majoriti responden merasakan bahawa promenad mempunyai kemudahan awam yang berkualiti tinggi dan baik. Dalam kes P-TSM, tempat yang mencukupi untuk duduk dan berehat mempengaruhi tindak balas negatif terhadap faktor keselesaan. Ini telah disokong oleh tindak balas berikut:

“Sekarang tempat ni dah bersih tapi tempat duduk masih kurang, susah nak berehat bila dah letih berjalan kaki”

(Respondent 8: Pengunjung; 4 tahun penglibatan) P-TSM

Kaji selidik menunjukkan bahawa P-TSS adalah lebih responsif kepada pengguna dan keperluan pejalan kaki untuk keselesaan dan kemudahan. Kemudahan ruang terbuka yang mudah difahami dan aksesibel untuk pejalan kaki mempertingkatkan rasa arah dan orientasi dalam kawasan. Unsur utama yang menyokong pengalaman pejalan kaki di sepanjang promenad adalah penyediaan tempat duduk dan kanopi ruang terbuka untuk aktiviti yang berbeza seperti berehat, makan, minum, menunggu dan


Aktiviti menghasilkan dan mengambarkan kualiti dalam persekitaran binaan (Jacobs, 1961) jadi, kejayaan kawasan bandar dipengaruhi oleh keupayaan daripada tempat untuk mampu menampung aktiviti manusia, selari dengan teori bahawa banyak pergerakan orang pada ruang terbuka ditangkap oleh 'mata' perhatian orang lain, oleh itu akan meningkatkan pengalaman (Jacob, 1999). Menurut Montgomery (1998), vitaliti merujuk kepada bilangan orang di dalam dan sekitar jalan (aliran pejalan kaki) merentasi masa yang berlainan pada siang dan malam, beberapa acara kebudayaan dan penggunaan kemudahan awam, koridor jalan yang hidup dan aktif dan perasaan serta semangat hidup daripada pengguna. Disokong oleh pelbagai jenis kegunaan pada skala transaksi yang berbeza maka ruang terbuka menjadi tempat untuk pelbagai jenis penglibatan. Hasil kajian menyokong teori bahawa kepelbagaian adalah satu sifat yang penting dalam persekitaran bandar melalui campuran pelbagai perkara yang berbeza, menyediakan pelbagai pilihan dan pelbagai kemudahan yang disediakan kepada masyarakat (Bentley et.al., 1985; Dolbani, 2000).

Intensiti pergerakan pejalan kaki yang tinggi menggalakkan potensi yang lebih besar untuk aktiviti membeli dan menjual. Ianya menjadikan ruang terbuka mampu untuk mengekalkan kecergasan walaupun kedai ditutup sebelum tengah malam. Pasar malam mingguan menarik orang ramai untuk datang kepada kawasan yang menunjukkan minat terhadap cara transaksi tradisional. Dalam hal ini, ia telah dinyatakan bahawa aktiviti berterusan menyumbang kepada perasaan keterikatan kepada tempat (Pellow dan Low, 1992).

#### **7.1.5.3 Pentingnya atribut dan ciri-ciri yang dikaitkan dengan imej**

Kualiti dan objek adalah pengalaman kepada tempat yang mengawal kesan keunikan, kekuatan dan kesihihan identiti tempat (Relph, 1976). Didapati bahawa ruang terbuka bersejarah adalah berjaya dalam mengekalkan popularitinya untuk pengguna walaupun wujudnya ketidak puas hati daripada beberapa peniaga berupa hilangnya 'pesona'(identiti) dan tarikan P-TSM kerana konsep yang tidak sesuai dan imej program peningkatan yang baru siap. Bagaimanapun keputusan telah menunjukkan jawapan positif dan negatif mengenai aspek kekhasan, keselesaan dan keselamatan di ruang terbuka. Perbezaannya ditemui dalam persepsi responden terhadap suasana ruang terbuka bersejarah (P-TSS dan P-TSM) sebagai lebih unik dan tersendiri berbanding dengan persekitaran moden walaupun sedikit perubahan telah direkodkan pada tahap keterikatan antara terbuka ruang.

Reaksi kepada perubahan fizikal dan penambahbaikan menunjukkan tahap keterikatan dan memiliki ruang terbuka. Jelas bahawa pelawat menilai positif

penambahbaikan fizikal ruang terbuka walaupun muncul reaksi berlawanan daripada peniaga dan pemilik kedai. Pengguna yang telah bekerja dan tinggal di kawasan itu selama bertahun-tahun lamanya adalah lebih protektif tentang kehidupan pada ruang terbuka dan lebih sensitif terhadap perubahan dan intervensi. Ianya boleh disimpulkan bahawa semangat memiliki berkait rapat dengan kekuatan identiti disemai dari dalam individu yang terikat kepada tempat. Ini dinyatakan oleh Relph (1976) bahawa individu perlu untuk meluahkan rasa memiliki kepada entiti kolektif atau tempat dan identiti individu, dalam kes ini menggambarkan keterikatan tempat yang kuat. Jelas bahawa terdapat hubungan yang agak kuat antara kekhasan dan keterikatan emosi. Sebagai contoh, majoriti daripada responden yang secara emosi terikat kepada ruang terbuka dikenal pasti kukuh dengan populariti ruang terbuka dan mereka yang merasakan bahawa P-TSS dan P-TSM adalah berbeza dan unik juga merasakan bahawa mereka telah terikat kepada tempat.

Keselesaan adalah salah satu ciri-ciri utama yang mempengaruhi keterikatan pengguna kepada ruang terbuka. Keselesaan fizikal, psikologi dan alam sekitar menyumbang kepada kepuasan pengguna, mudah dan selesa dengan persekitaran maka akan menggalakkan interaksi selanjutnya dan tempoh penglibatan yang lebih lama. Penyatuan dan keakraban dengan tempat boleh mempengaruhi tahap keselesaan, ia merupakan pusat untuk membangunkan keterikatan ke tempat itu. Keselesaan yang dilihat oleh pengguna boleh menjana imej yang baik dan positif (PPS, 2001; Lynch, 1960), kebersihan tempat dan perawatan akan menggalakkan tempoh penglibatan tempat yang lebih lama serta rasa keselamatan dan keamanan (Rennick, 2003).

Selari dengan penilaian ciri, hasil kajian menunjukan bahawa P-TSS telah menjadi sangat selesa kerana ia menawarkan keselesaan fizikal. Majoriti responden yang menganggap ruang terbuka sebagai tempat terbaik untuk apa yang mereka ingin lakukan juga telah mengenal pasti tempat tersebut sebagai yang paling selesa untuk rekerasi dan membeli-belah yang mungkin telah dikaitkan dengan keselesaan dan kemudahan fizikal. Walau bagaimanapun, dalam kes P-TSM, keselesaan fizikal telah ditanggap tidak mencapai tahap selesa. Selain kekurangan dalam keselesaan fizikal disebabkan tempat duduk dan berehat yang tidak mencukupi juga kekurangan teduhan hijau berupa pokok-pokok. Responden merasakan psikologi selesa berada dalam ruang terbuka kerana keakraban mereka dengan kawasan. Ianya boleh disimpulkan bahawa keakraban dengan tempat memberikan sumbangan kepada perasaan yang selesa (keselesaan psikologi) dan selesa yang juga boleh dipengaruhi oleh imej positif yang ditubuhkan tempat dalam minda pengguna, keselamatan dan keamanan serta hubungan positif dengan pengguna lain.

Rennick (2003) mengaitkan keselesaan dengan penglibatan tempat yang lebih lama dan rasa keselamatan dan keamanan. Perkara ini menyatakan bahawa tempat mestilah selesa secara fizikal. Kemudahan yang memenuhi keperluan ini akan menggalakkan kunjungan yang berulang dan juga akan menggalakkan orang ramai untuk tinggal di tempat tersebut lebih lama (Renick, 2003). Sebagaimana Gehl berpendapat, jika hubungan dengan tempat ingin dibangunkan, maka 'tinggal' (*stays*) adalah menjadi bernilai dalam menggalakkan interaksi sosial, dan dalam tujuan kajian ini keduanya adalah sama penting. Penginapan boleh diperjelaskan di

persimpangan atau di mana aktiviti harian mengambil tempat (Gehl, 1987). Kekurangan keselesaan fizikal tidak menyokong tempoh penglibatan yang lebih lama kepada aktiviti-aktiviti dan juga tidak menyokong interaksi berterusan dan ‘*socialbility*’.

Ianya juga penting untuk pengguna merasa lebih selesa dari segi psikologi. Sebuah tempat yang mengiktiraf hak-hak pengguna akan mengurangkan perasaan dipisahkan (Carr, 1992) dan meningkatkan potensi untuk keterikatan tempat (Hummon, 1992). Oleh itu, tempat-tempat yang memberikan rasa keamanan dan keselamatan adalah lebih cenderung untuk digunakan (Rennick, 2003). Keselesaan psikologi juga membayangkan perasaan selesa dengan persekitaran kerana tahap keakraban yang tinggi dengan tempat atau orang di dalamnya dan hasilnya menggalakkan tempoh penglibatan yang lebih lama. Ini berkaitan untuk membangunkan semangat rasa memiliki kepada ruang terbuka, ianya boleh disimpulkan bahawa rasa keselesaan boleh dikaitkan dengan tahap keterikatan emosi serta keterikatan fungsi kepada tempat tertentu.

Ketidakselesaan psikologi telah dibahas dalam konteks perubahan dan intervensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perasaan ketidakselesaan dinyatakan oleh penghuni yang telah bermastautin lama, iaitu reaksi emosi yang kuat kerana rasa tidak puas hati terhadap perubahan kepada pola fizikal dan kegunaan yang sedia ada. Rasa keselamatan yang tekah dibangun boleh terancam oleh keputusan yang dibuat dalam tempoh masa yang singkat. Ianya difahami bahawa intervensi tidak sensitif mengaktifkan reaksi emosi yang menunjukkan bahawa tingginya tahap

keterikatan emosi. Kualiti persekitaran secara fizikal menjejaskan fizikal serta kesejahteraan psikologi pengguna.

## 7.2 Kesimpulan

Substansi kajian ini menjelaskan keterikatan tempat mempunyai sumbangan yang penting kepada rasa tempat (*sense of place*). Pelbagai makna diterjemahkan dalam keterikatan fungsi, emosi dan sosial dan dipengaruhi oleh tempoh penglibatan, keakraban dan tahap pergantungan ekonomi. Atribut-atribut secara kuat dilihat amat penting kepada pengguna yang merangkumi fizikal serta aspek-aspek psikologi. Atribut tempat yang dikenal pasti oleh pengguna boleh dipengaruhi bukan sahaja oleh kualiti unsur-unsur fizikal dan intensiti aktiviti tetapi juga oleh keterikatan dan makna yang dikaitkan dengan pengalaman tempat.

Aktiviti adalah atribut yang paling penting yang mempengaruhi keterikatan tempat. Ruang terbuka tebing sungai P-TSS dan P-TSM telah menjadi penting kepada pengguna sebagai tempat untuk tarikan rekreasi, ekonomi dan kepelbagaian budaya. Ruang terbuka itu bermakna sebagai gambaran identiti diri dan kumpulan. Pentingnya sejarah ruang terbuka sebagai salah satu daripada ruang awam yang terawal dibuka di Kuching dan Melaka membangkitkan banyak makna kepada pengguna sekaligus mempengaruhi tahap keterikatan tempat mereka. Penyelidikan yang telah dibuat menjelaskan bahawa keterikatan tempat harus menjadi salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam reka bentuk tempat bandar terutamanya apabila re-development adalah salah satu daripada pilihan yang diusulkan.

Bab selanjutnya membentangkan kesimpulan umum kajian, implikasi hasil kajian teori reka bentuk bandar dan amalan, sumbangan kajian kepada bidang dalam konteks tempatan dan global dan cadangan untuk penyelidikan masa depan.

## **BAB 8**

### **KESIMPULAN**

#### **8.0 Pengantar**

Bab ini membentangkan kesimpulan kajian. Bahagian pertama menggariskan implikasi penemuan mengenai perancangan dan reka bentuk bandar pada konteks promenad tebing sungai di Bandaraya Kuching dan Bandaraya Melaka Bersejarah. Ianya diikuti dengan perbincangan mengenai sumbangan penyelidikan kepada teori dan amalan reka bentuk bandar. Bahagian terakhir adalah cadangan untuk kemungkinan pengembangan penyelidikan lanjutan sesuai dengan isu keterikatan tempat dalam reka bentuk bandar.

#### **8.1 Implikasi kepada perancangan dan reka bentuk bandar**

Penyelidikan menyediakan pendekatan bersepada antara teori dan pengalaman yang penting dalam membangun tempat-tempat yang baik dan bermakna dalam bidang reka bentuk bandar. Implikasi kajian kepada perancangan tempat dan reka bentuk bandar dalam konteks tempatan adalah penting melalui pendapat seperti berikut:

### **8.1.1 Pentingnya dimensi keterikatan tempat untuk mempertingkatkan perasaan sepunya**

Penemuan mencadangkan bahawa untuk benar-benar memahami konteks ciri dan identiti, maka dimensi keterikatan tempat harus disepadukan dalam integrasi perancangan bandar dan reka bentuk bandar. Dalam konteks kajian ini, usaha untuk membangunkan ruang terbuka khusus promenad merupakan suatu tempat, kualiti yang membentuk ciri tempat tersebut harus berbeza daripada tempat lain supaya boleh dikenal pasti dari aspek kualiti yang mengikat pengguna tentang tempat tersebut.

Bentuk dan tahap keterikatan dapat memberi petunjuk tentang pentingnya suatu tempat bagi pengguna. Dalam konteks ruang terbuka awam, bentuk keterikatan fungsi memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana yang berbeza kepada kawasan itu. Oleh itu, apa-apa keputusan untuk memperbaiki kawasan perlu mengambil kira fungsi dominan tempat yang diperlukan oleh pengguna dan dibuktikan melalui bagaimana cara mereka menyatukannya dengan aktiviti. Pentingnya kualiti daripada unsur-unsur fizikal dalam menyokong aktiviti ruang terbuka terbukti mampu untuk menggalakkan keterikatan yang berterusan. Bagi ruang terbuka yang mempunyai unsur-unsur bersejarah, walaupun memiliki kekurangan dalam kualiti fizikal namun kepentingan ruang terbuka sebagai tempat untuk riadah yang dituntut oleh jenis kumpulan pengguna tertentu (contohnya kumpulan etnik tertentu) dapat dipengaruhi oleh keterikatan. Ini dianggap sebagai ciri-ciri utama yang berbeza dari tempat-tempat sama di dalam bandar. Oleh itu, iaanya perlu diberi pertimbangan dalam merumuskan konsep program pembangunan

semula di dalam bandar. Hasil kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan pada kefahaman dan keselesaan ruang terbuka bersejarah mampu untuk menjaga perasaan sepunya.

Bentuk keterikatan emosi boleh memberi maklumat penting pada nilai sebenar daripada ruang terbuka, ia berasas kepada persepsi yang diikatkan pengguna kepada tempat. Tahap reaksi emosi kepada kualiti yang berhubung kait dengan sesuatu tempat boleh digunakan sebagai petunjuk bagi pelbagai atribut yang memberi sumbangan kepada pembentukan suatu identiti yang berbeza. Makna yang berhubung kait dengan sesuatu tempat boleh diterjemahkan dalam projek menaik taraf mengenai imej yang sesuai untuk meningkatkan daya tarikan tempat kepada pelawat dan pelancong. Hasil kajian yang dibincangkan dalam bab 7 menunjukkan bahawa pengguna statik melahirkan rasa keterikatan dan rasa memiliki yang kuat kepada pada tempat. Sebagai contoh: kewujudan penjaja kaki lima sebagai menghidupkan tempat tersebut, memberi sumbangan dalam mewujudkan suasana unik dalam ruang terbuka bersejarah yang juga meningkatkan perasaan sepunya. Oleh itu, pengguna statik (penjaja) harus dilihat sebagai sumber rujukan penting dalam meningkatkan kualiti persepsi dan kualiti pengalaman tempat. Penjaja itu juga menjadi poket aktiviti dalam kawasan bandar.

### **8.1.2 Pelbagai faktor yang perlu dipertimbangkan untuk mengekalkan identiti suatu tempat**

Hasil kajian yang dibincangkan dalam bab 7 telah membuktikan bahawa keterikatan tempat mempunyai sumbangan yang penting kepada perasaan sepunya. Pelbagai

makna diterjemahkan dalam keterikatan fungsi, emosi dan sosial dan secara kuat dipengaruhi oleh tempoh penglibatan, kebiasaan dan tahap pergantungan ekonomi. Pereka bentuk bandar (urban designer) berusaha untuk menghasilkan reka bentuk yang memenuhi keperluan asas pengguna dan estetika yang menyenangkan agar orang ramai menjadi terikat kepada tempat (Bentley, 1992). Hasil kajian juga mencadangkan bahawa terdapat pelbagai faktor lain yang mempunyai potensi untuk menjelaskan keterikatan tempat. Hasil kajian kajian menunjukkan bahawa tahap kebiasaan dan tempoh penglibatan sangat mempengaruhi tahap keterikatan tempat. Oleh itu, difahami bahawa jika tempat menjadi biasa/akrab kerana tempoh lamanya penglibatan, ianya akan lebih mudah untuk membangunkan persatuan antara orang dengan tempat. Jika suatu tempat menyatu dengan konteks, ianya lebih mudah untuk mencapai makna yang berkekalan secara lebih lama dan mendalam. Oleh itu dalam kesinambungan perancangan dan reka bentuk harus mempertimbangkan keterikatan pengguna sedia ada kepada tempat agar unsur-unsur yang sudah biasa/akrab dan bermakna kepada mereka tidak dimusnahkan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengalaman secara berulang dan terus kepada tempat adalah diperlukan oleh orang-orang atau kumpulan untuk membina keterikatan dan makna. Bagi pengguna statik, penggunaan berterusan menggalakkan rasa pemilikan dan identiti peribadi. Hasilnya, makna tempat dan identiti tempat akan terbentuk dan perasaan sepunya diperkuatkan. Pereka bentuk bandar harus dapat mengenal pasti nilai-nilai yang boleh dibangunkan melalui keterikatan tempat seperti semangat rasa memiliki dalam usaha untuk mewujudkan tempat-tempat yang lebih bermakna.

Kelemahan identiti tempat terjadi selalunya berhubungan dengan makna tempat yang tidak bersepada dengan budaya tempatan dan cara hidup yang boleh menyebabkan keterikatan yang telah ditubuhkan menjadi musnah. Ketidakmampuan untuk menjaga ciri fizikal sesuatu tempat akan menjelaskan imej fizikal dan keharmonian, juga akan menjelaskan perasaan sepunya yang telah tertanam dalam keterikatan masyarakat. Hasil kajian kajian menunjukkan kekuatan ruang terbuka bersejarah dimanifestasikan dalam ciri-ciri budaya kumpulan etnik yang dominan menduduki kawasan itu. Oleh itu, strategi reka bentuk bandar tempatan harus bertujuan untuk mengaplikasikan konsep reka bentuk yang sesuai bagi etnik komuniti dan mencerminkan identiti mereka yang berharga dan bermakna kepada pengguna. Mengenal pasti peranan pengguna ruang terbuka diyakini sebagai pendekatan yang sesuai dalam memahami kumpulan pengguna, perhatian, dan ambil berat kepada tempat. Ini akan membantu proses implementasi dalam intervensi projek mengenai pelbagai jenis pengguna yang menduduki ruang terbuka dan menganggapnya penting dalam mengekalkan aktiviti ekonomi dan identiti budaya. Ciri dan identiti perlu dijaga untuk memastikan kelanjutan makna dan keterikatan manusia kepada latar persekitaran mereka. Secara lebih luas, keterikatan tempat akan menyumbang kepada pembentukan dan pemeliharaan identiti tempat tempatan dan memupuk identiti peribadi dan budaya.

### **8.1.3 Pelbagai atribut dan ciri-ciri yang amat penting untuk mengekalkan perasaan sepunya**

Dalam penciptaan tempat-tempat yang baik dan berjaya, pereka bentuk bandar (urban designer) perlu mengenal pasti kualiti yang unik sesebuah kawasan untuk

memberikan ciri pada kawasan tersebut. Dalam reka bentuk bandar, kualiti tempat harus dikenal pasti secara sistemik dan bersepada. Ianya adalah penting untuk membuat rangka kerja untuk mengukur kualiti tempat berdasarkan kepada indeks keterikatan dalam menilai kualiti tempat dan menentukan perasaan sepunya.

Pelbagai atribut fizikal dikenal pasti penting bagi pengguna ruang terbuka. Ianya adalah aksesibiliti, kefahaman, dan kepelbagaian aktiviti, daya hidup ruang terbuka, transaksi, keunikan, keselesaan dan keselamatan. Hasil kajian menjelaskan atribut-atribut yang berhubung kait dengan aktiviti mempunyai pengaruh yang paling penting dalam keterikatan pengguna terhadap tempat. Kepelbagaian dan daya hidup tempat menyumbang teguh kepada ciri-ciri yang unik suatu tempat. Mereka digambarkan dalam keterikatan pengguna kepada ciri-ciri yang akrab, aktiviti dan suasana yang tertanam pada latar tempat. Proses pembangunan semula boleh menjadi salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam reka bentuk ruang bandar dan tempat bandar terutamanya apabila pembangunan semula menjadi salah satu pilihan yang akan dilakukan.

## **8.2 Sumbangan penyelidikan**

Ada empat sumbangan penting penyelidikan:

- (i) Penyelidikan disokong menggunakan konsep *place-based* dalam penyelidikan kualiti reka bentuk bandar yang tidak diterokai sepenuhnya oleh amalan reka bentuk bandar tempatan dan seluruh dunia. Penyelidikan pada keterikatan tempat telah membuat sumbangan penting kepada pemahaman kita mengenai

hubungan manusia kepada suatu tempat. Kajian ini telah mengesahkan aspek-aspek penting dalam pengalaman manusia dalam konteks bandar. Penyelidikan adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup pengguna bandar di ruang terbuka dan untuk memastikan bahawa sebarang bentuk campur tangan tidak akan menggalakkan penglibatan harian mereka dan mengancam rasa keterikatan dan kepunyaan tempat yang mereka miliki. Rangka kerja perlu digunakan dalam penyelidikan yang mengintegrasikan aspek psikologi berhubung kait dengan aspek fizikal dan sosio-budaya dalam menentukan kepentingan ruang terbuka dan kualiti yang khas. Ini akan menyediakan prinsip dan petunjuk untuk daya huni fizikal dan psikologi persekitaran bandar.

- (ii) Konsep keterikatan tempat telah dikaji di tempat lain dalam konteks berlatarkan hutan belantara, rekreasi luar dan destinasi pelancongan yang menyemak hubungan antara penduduk dan komuniti rumah mereka. Ianya bukan dikaji dalam konteks ruang terbuka bandar terutamanya di rantau dengan pelbagai latar budaya. Kajian ini menyumbang kepada literatur berkait dengan tempat, ciri, dan keterikatan tempat dalam konteks tempat dalam bandar (promenad tebing sungai di pusat bandar). Ianya dapat meningkatkan pengetahuan pada pengenalan ciri tempat dan tafsiran serta keterikatan tempat dari pengguna tertentu dalam konteks fizikal dan sosio-budaya tertentu. Kajian ini juga penting dalam memberi makluman ciri dan identiti unik kepada pusat Bandaraya Kuching dan Bandaraya Melaka bersejarah dan pengaruh ciri-ciri sosio-budaya dalam membentuk ciri pusat bandar. Ruang terbuka bersejarah dianggap sebagai tempat penting yang menyokong keterikatan dan makna,

oleh itu dituntut perlunya ada strategi reka bentuk bandar yang sesuai dalam mengekalkan identiti ruang tersebut.

- (iii) Penyelidikan menghasilkan hubungan antara dimensi fizikal dan dimensi psikologi suatu tempat dalam reka bentuk bandar. Ianya mengintegrasikan aspek makna dan keterikatan dalam melihat dan menilai tempat. Dengan menggunakan konsep *place-based*, pengukuran yang sistemik atau petunjuk keterikatan boleh dibangunkan dalam menilai kualiti tempat. Penyelidikan memberi penekanan kepada aspek psikologi pengalaman persekitaran di mana pengguna utama dengan persepsi dan perasaan mereka tentang -tempat yang dianggap sebagai punca rujukan utama dalam menentukan ciri tempat yang unik. Penyelidikan ini menggunakan satu pendekatan teori bersepadu untuk mengenal pasti aspek penting tempat dan ciri-ciri yang berbeza. Ia juga membuktikan persepsi pengguna yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan imej dan ciri. Keterikatan tempat boleh menyumbang kepada persepsi positif suatu tempat didalam pusat bandar. Penyiasatan ke atas pelbagai atribut dan ciri-ciri ruang terbuka yang kuat mempengaruhi keterikatan adalah penting dalam menyediakan prinsip dan garis panduan inisiatif pembangunan semula masa di masa hadapan dan memahami mengapa tempat di bandar penting secara fizikal dan emosi kepada pelbagai pengguna.
- (iv) Hasil penyelidikan menyediakan strategi untuk mengekalkan daya tarikan tempat ruang terbuka bandar tempatan dengan cara mengenal pasti keunikan tempat. Rangka kerja dibangunkan untuk mengenal pasti ciri-ciri yang menarik

yang mengikat pengguna dan makna yang menyebabkan keterikatan mereka kepada tempat boleh berterusan. Ianya akan meningkatkan nilai tempat (terutamanya pada ruang terbuka bersejarah) sebagai tarikan pelancongan, oleh itu ia dapat memberi manfaat kepada industri pelancongan dan ekonomi tempat.

### **8.3 Cadangan untuk kajian masa hadapan**

Penyelidikan ini memberikan penemuan mengenai pentingnya keterikatan tempat dan mempengaruhi atribut tempat yang relevan dengan konteks (misalnya aksesibiliti, kefahaman, kepelbagaian, daya hidup, dan lainnya). Penyelidikan boleh terus diterokai dengan mempelajari mengenai bagaimana atribut-atribut tempat tertentu mempengaruhi keterikatan tempat. Sebagai contoh, penyelidikan yang menyemak impak kefahaman tempat pada keterikatan tempat dan peranan aktiviti dalam mengukuhkan keterikatan tempat.

Penyelidikan ini lebih memfokus kepada keterikatan tempat berasaskan pengalaman dan persepsi perseorangan. Dalam konteks promenad tebing sungai di pusat Bandaraya Kuching dan Bandaraya Melaka Bersejarah, hasil penyelidikan menunjukan bahawa aspek sosio-budaya dapat memberikan sumbangan kepada keterikatan dan mempengaruhi persepsi. Oleh itu, aspek penting lainnya yang perlu menjadi perhatian adalah pengaruh keterikatan komuniti kepada persepsi suatu tempat dalam bandar dan pelbagai faktor yang mempengaruhinya. Ianya jelas menunjukkan bahawa tempat juga dapat dibangunkan secara sosial, oleh itu


pentingnya aspek sosio-budaya khususnya aspek yang berkaitan dengan etnik dan ekonomi untuk suatu komuniti perniagaan boleh dikembangkan. Kajian mengenai keterikatan komuniti sangat sesuai untuk jenis-jenis tempat lainnya di Malaysia seperti latar persekitaran komuniti dan bandar-bandar kecil di Malaysia.

Cadangan di atas akan memberikan penemuan yang sesuai yang boleh diguna sebagai garis panduan dalam memperbaiki kualiti tempat dan kualiti kehidupan pengguna, khususnya kumpulan yang terbabit kepada tempat dalam bandar dengan mengenal pasti bentuk dan tahap keterikatan berasas kepada realiti, persepsi dan memori. Keprihatinan disini adalah penting untuk memastikan kelangsungan makna tempat dan perasaan sepunya dari persekitaran bandar tempatan.

#### **8.4 Kesimpulan**

Penyelidikan telah memberikan prinsip reka bentuk bandar yang bersesuaian menggunakan pendekatan *place-based* dalam menciptakan kualiti tempat dalam bandar yang lebih baik untuk pengguna dalam konteks bandar di Malaysia. Keterikatan tempat dibangunkan berasas kepada kualiti *tangible* dan *intangible* yang akrab dan unik yang dikenal pasti oleh pengguna. Ianya penting untuk menterjemahkan ‘ruang’ sebagai suatu ‘tempat’ kerana ciri yang unik tidak berpunca hanya oleh penampilan fizikal luaran bandar dan kemudian persepsi digeneralisasikan (*generalized*) kepada tempat itu. Di fahami bahawa pengalaman tempat dibangkitkan oleh perasaan sepunya dan semangat tempat sebagai atmosfera dan di terjemahkan dalam keterikatan fungsi, emosi dan sosio-budaya serta makna

yang dikenal pasti pengguna. Hasil penyelidikan menunjukan bahawa promenad tebing sungai di P-TSS dan P-TSM adalah penting dalam menyokong kelangsungan aktiviti sebagai pusat tarikan dan bermakna dalam menyerlahkan kepelbagaiannya budaya dan identiti perseorangan ataupun kumpulan. Penyelidikan merumuskan bahawa keterikatan tempat boleh menjadi satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam reka bentuk tempat dalam bandar secara khusus, apabila pembangunan semula menjadi pilihan yang akan diguna. Rajah 8.0 menunjukan unsur-unsur keterikatan yang bersepadu didalam rangka kerja suatu tempat sebagai latar untuk pengalaman manusia yang dijana dari penyelidikan ini



**Rajah 8.0:** Rangka kerja menjelaskan suatu tempat sebagai dimensi experiential

Penyelidikan mengukuhkan lagi pengetahuan dan amalan reka bentuk bandar dalam mengisi celah antara makna yang berhubung kait dengan keterikatan tempat dan unsur fizikal terhadap perasaan sepunya dalam konteks promenad tebing sungai di Malaysia. Pelbagai dimensi, unsur-unsur dan hubungan yang menjelaskan makna terkait dengan unsur-unsur fizikal dibangunkan sebagai garis panduan untuk apajua pembangunan semula dan penyelidikan mengenai tempat yang bersesuaian dengan konteks. Penyelidikan juga menyimpulkan bahawa pengalaman kepada tempat tidak hanya fizikal sahaja tetapi juga persepsi dan psikologi. Kedua aspek adalah saling berhubung kait dan mempengaruhi perasaan sepunya dan keterikatan tempat. Keterikatan tempat adalah unsur positif yang boleh menyumbang kepada kemampanan perasaan sepunya dan identiti tempat yang memberikan kebajikan psikologi, kepuasan perseorangan dan kegembiraan kepada pengguna.

## **RUJUKAN**

- A. Ghafar, A. (1998). Urban tourism in Malaysia: Heritage cities of Georgetown, Mallaca and Kota Bharu. Paper presented at the 2nd International Seminar on European Architecture and Town Planning Outside Europe, Melaka.
- Ahmad Bashri, S., & Mouktar, M. M. (2008). *Urban design issues in the developing world: The case of Malaysia and Nigeria*. Skudai: UTM press.
- Alexander, C., Ishikawa, S., & Silverstein, M. (1977). *A Pattern language: towns, buildings, construction*. New York: Oxford University Press.
- Altman, I. (1975). *The environment & social behavior: privacy, personal space, territory, crowding*. Monterey Calif: Brooks/Cole Pub. Co.
- Altman, I., & Low, S. (Eds.). (1992). *Place attachment*. New York: Plenum Press.
- Altman, I., & Wohwill, J., F. (1976). *Human behaviour and environment*. New York: Plenum Press.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2001). *A history of Malaysia (2nd edition ed.)*. London: Palgrave Macmillan.
- Anderson, T. L. (2009). The alteration and decline of a music scene: Observations from rave culture. *Journal Sociological Forum* 24, 307–336.
- Appleyard, D. (1987). Why buildings are known. *Journal of Environment and Behaviour*, 1(3), 131-156.
- Aravot, I. (2002). Back to phenomenological placemaking. *Journal of Urban Design*, 7(2), 201-212.
- Arefi, M. (1999). Non-place and placelessness as a narratives of loss: Rethinking the notion of place. *Journal of Urban Design*, 4(2), 179-193.
- Arshad, F. M., & Shamsudin, M. N. (1997). Rural development model in Malaysia. Paper presented at the the Hon. President of Peru.
- .

- Banerjee, T., & Southworth, M. (2002). *City sense and city design: Writing and projects of Kevin Lynch*. Massachusetts: MIT Press.
- Benevolo, L. (1980). *The History of the City*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Bentley, I. (1992). *Responsive environments: A manual for designers*. Oxford: Butterworth Architecture.
- Bonnes, M., & Secchiaroli, G. (1995). *Environmental psychology: A psychosocial introduction*. London: Sage Publications.
- Bott, S., Cantrill, G. J., & Myrers, E. O. J. (2003). Place and the promise of conservation psychology. *Journal Human Ecology Review - Society for Human Ecology*, 10(2).
- Bradley, S., Jorgeensen, & Stedman, R. C. (2001). Sense of place as an attitude: Lakeshore owners attitudes towards their properties. *Journal of Environment Psychology*, 21, 233-248.
- Breen, A., & Rigby, D. (Eds.). (1994). *Waterfronts:cities reclaim their edge*. United State McGraw-Hill, Inc.
- Breen, A., & Rigby, D. (1996). *The new waterfront: A worldwide urban success story*. New York: McGraw-Hill.
- Brown, B., & Perkins, D. D. (1992). Disruption in place attachment. In I. Altman & S. Low (Eds.), *Place attachment* (pp. 279-301). New York: Plenum Press.
- Burgess, R. (1982). *Field research: A sourcebook and field manual for contemporary social research series*. London: George Allen and Unwin.
- CABE, & DETR. (2000). *By design: Urban design in planning system : Towards better practice*. London: Thomas Telford Publishing.
- CABE, UCL, & DETR. (2001). *Research report on the value of urban design*. London: CABE.
- Campo, D., & Ryan, B. D. (2008). The entertainment zone: Unplanned nightlife and the revitalization of the American downtown. *Journal of Urban Design*, 13(3), 291–315.

- Canter, D. (1977). *The psychology of place*. London: The Architectural Press Ltd.
- Carmona, M., Heath, T., Oc, T., & Tiesdell, S. (2003). *Public places - urban spaces, the dimensions of urban design*. Oxford: Architectural Press.
- Carr, S., Francis, M., Rivlin, G. L., & Stone, M. A. (1992). *Public space*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Childs, M. C. (2004). *Squares: A public place design guide for urbanists*. USA: University of New Mexico Press.
- Clark, I. (1972). *Population Geography*. New York: Pergamon.
- Cohen, J., Vitousek, P., & Mooney, H. (1997). Estimates of Coastal Populations. *Journal of Science*, 278.
- Connors, D. L. (1986). Plan for Success: The Challenge of Waterfront Development'. Paper presented at the Waterfront Planning & Development Symposium, Boston.
- Creswell, W. J. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approach*. California: Sage Publication Inc.
- Creswell, W. J. (1998). *Qualitative inquiry and research design*. California: Sage Publication Inc.
- Cullen, G. (1994). *The concise townscape*. London: Butterworth Architecture.
- Cullinane, K., & Khanna, M. (2000). Economies of Scale in Large Containerships: Optimal Size and Geographical Implications. *Journal of Transport Geography*, 8, 181-195.
- Cuthbert, A. R. (Ed.). (2003). *Designing cities: Critical readings in urban design*. Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Davenport, M. A., & Anderson, D. H. (2005). Getting from sense of place to place-based management: An interpretative investigation of place meanings and perceptions of landscape change. *Journal of Society and Natural Resources*, 18, 625-641.

- De Vaus, D. (2001). *Research Design in Social Research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Dear, M., & Wolch, J. (1989). How territory shapes social life In J. Wolch & M. Dear (Eds.), *The Power of Geography: How territory shapes social life*. Boston: Unwin Hyman.
- Dolbani, M. (2000). Responsive public open spaces in the city centre of Kuala Lumpur. Unpublished PHD Thesis, Oxford Brookes University.
- Dong, L. (2004). *Waterfront development : A case study of Dalian, China*. Canada: University of Waterloo.
- Dovey, K. (2005). *Fluid City: Transforming Melbourne's Urban Waterfront*. Abingdon: Routledge.
- FELDA. (2009). *FELDA establishment and goals*. Kuala Lumpur: Federal Land Development Authority
- Francis, M. (1989). Control as dimension of public space quality. In I. Altman & E. H. Zube (Eds.), *Public space and spaces*. New York: Plenum Press.
- Gallagher, W. (1994). *The power of place: How our surroundings shape our thoughts, emotions and action*. New York: Harper Perennial.
- Gehl, J. (1987). *Life between buildings*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Gieryn, T. F. (2000). A space for place in sociology. *Journal of Annu. Rev. Social*, 26, 463-496.
- Gifford, R. (1987). *Environmental psychology: Principles and practice*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Giuliani, M. V. (2003). Theory of attachment and place attachment. In M. Bonnes, T. Lee & M. Bonaiuto (Eds.), *Psychological Theories for Environmental Issues*. Adershort, UK: Ashgate Publishing Company.
- Gosling, D., & Maitland, B. (1984). *Concepts of urban design*. London: Academy Editions.

- Grazian, D. (2009). Urban nightlife, social capital, and the public life of cities. *Journal of Sociological Forum*, 24(4).
- Green, R. (1999). Meaning and form in community perception of town character. *Journal Of Environmental Psychology*, 19, 311-329.
- Groat, L., & Wang, D. (2002). *Architectural research method*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Gustafson, P. (2001). Meanings of place: Everyday experience and theoretical conceptualizations. *Journal Of Environmental Psychology*, 21, 5-16.
- Hague, C., & Jenkins, P. (2005). *Place identity, participation and planning*. New York: Routledge.
- Hall, P. (1993). Waterfront: A New Urban Frontier. In R. Bruttomesso (Ed.), *Waterfront: a New Frontier of Cities on Water* (pp. 12-20). Venice: International Centre Cities on Water.
- Hannigan, J. (1998). *Fantasy City: Pleasure and Profit in the Postmodern Metropolis*. London: Routledge.
- Hay, B. (1998). Sense of place in developmental context. *Journal Of Environmental Psychology*, 18, 5-29.
- Hidalgo, M. C., & Hernandez, B. (2001). Place attachment: Conceptual and empirical questions. *Journal Of Environmental Psychology*, 21, 273-281.
- Home, R. K. (1990). Town planning and garden cities in the British colonial empire 1910-1940. *Planning Perspectives*, 5, 23-37.
- Hough, M. (1984). *City Form and Natural Process: Towards a New Urban Vernacular*. London: Routledge.
- Hough, M. (1990). *Out of place: Restoring identity to the regional landscape*. New Haven: Yale University Press.
- Hoyle, B. S. (2002). Urban waterfront revitalization in developing countries: the example of Zanzibar's Stone Town. *The Geographical Journal*, 168(2), 141-162.

- Hoyle, B. S., & Pinder, D. A. (1981). Seaports, Cities & Transport Systems. In B. S. Hoyle & D. A. Pinder (Eds.), *Cityport Industrialization & Regional Development; Spatial Analysis & Planning Strategies* (pp. 1-10). Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Hoyle, B. S., & Pinder, D. A. (1992). Cities and the Sea: Change and Development in Contemporary Europe. In B. S. Hoyle & D. A. Pinder (Eds.), *Eroupean Port Cities in Transition* (pp. 1-19). London: Belhaven.
- Huang, S., & Chang, T. C. (2005). Recreating place, replacing memory: Creative destruction at Singapore River. *Journal of Asia Pasific Point*, 46(3), 267-280.
- Hull, B. R. I., Lam, M., & Vigo, G. (1994). Place identity: Symbols of self in the urban fabric. *Landscape and Urban Planning* 28(2-3), 109-120.
- Hummon, D. M. (1992). Community attachment: Local sentiment and sense of place. In I. Altman & S. Low (Eds.), *Place attachment*. New York: Plenum Press.
- Jaafar, J. (2004). Emerging trends of urbanisation in Malaysia. *Journal of the Department of Statistic Malaysia*, 1, 43-60.
- Jackson, J. B. (1994). *A sense of place, a sense of time*. New Haven: Yale University Press.
- Jacobs, A. (1999). *Great street*. Massachusetts: MIT Press.
- Jacobs, J. (1961). *The death and life of great American cities*. New York: Vintage.
- Jacobs, J. (1984). *The dead and life of great American cities: The failure of modern town planning*. London: Peregrine Books.
- Jellicoe, G., & Jellicoe, S. (1975). *The landscape of man*. London: Thames and Hudson.
- Jive'n, G., & Larkham, J. P. (2003). Sense of place, authenticity and character: A commentary. *Journal of Urban Design*, 8(1), 67-81.

- John, F. B., & Maggie, H. R. A. A. (2000). Urban lifestyles: Spaces and places, people. Paper presented at the International Conference on Cities in The New Millennium, New Castle Upon Tyne.
- Jones, A. (1998). Issues in Waterfront Regeneration: More Sobering Thoughts, A UK Perspective. *Journal of Planning Practice & Research*, 13(4), 433-442.
- Jorgensen, B. R., & Steadman, R. C. (2005). A Comparative analysis of predictors of sense of place dimensions : Attachment to, dependence on, and identification with lakeshore properties. *Journal Environmental Management*, 1-12.
- JPS. (1996.). *Garispanduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai (The Riverfront Development Guidelines)*. Malaysia: Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Karsono, B., & Wahid, J. (2010). The Issues of Urban Heat Island in The City The Case of Tanjong City Marina and Jetty Districts, Penang Island-Malaysia. Paper presented at the International Conference Sustainable Architecture and Urban Design 2010, School of Housing, Building and Planning (HBP) Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Knez, I. (2005). Attachment and identity as related to place and its perceived climate. *Journal Of Environmental Psychology*, 25, 207-218.
- Knopf, R. C. (1987). Human behaviour, cognition and affect in the natural environment. In D. Stokols & I. Altman (Eds.), *Handbook of Environmental Psychology*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Kostof, S. (1991). *The City Shaped: Urban Patterns and Meanings Through History*. London: Thames and Hudson.
- Kostof, S. (1992). *The City Assembled: The Elements of Urban Form Through History*. London: Thames & Hudson Ltd.
- Krampen, M. (1979). *Meaning in the urban environment*. London: Pion Publisher.
- Kyle, G., Graefe, A., Manning, R., & Bacon, J. (2004). Effects of place attachment on users perceptions of social and environmental condition in natural setting. *Journal Of Environmental Psychology* 24, 213-225.

- Lang, J. (1987). *Creating architectural theory: The role of behavioural sciences in environmental design*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Lang, J. (2005). *Urban design : A typology of procedures and products, illustrated with over 50 case studies*. Burlington: Architectural Press.
- Leakey, R., & Lewin, R. (1979). *People of the Lake: Man; his Origin, Nature & Future*. London: Collins.
- Llewelyn, D. (2000). *Urban design compendium*. London: English Partnership.
- Lobo, C. (2004). The role of environmental perceptions in sense of place: Case study of neighborhoods in Phoenix, Arizona. Unpublished PHD Thesis, Arizona State University, UMI Proquest Digital Dissertation.
- Low, S. (1992). Symbolic ties that bind: Place attachment in plaza. In I. Altman & S. Low (Eds.), *Place Attachment*. New York: Plenum Press.
- Low, S., Taplin, D., & Scheld, S. (2006). *Rethinking urban parks: Public space and cultural diversity*. Austin: University of Texas.
- Lynch, K. (1960 ). *The image of the city*. Massachusetts: MIT Press.
- Lynch, K. (1972). *What time is this place*. Massachusetts: MIT Press.
- Lynch, K. (1981). *Good city form*. Massachusetts: MIT Press.
- Madanipour, A. (1996). *Design of urban space: An inquiry into social spatial process*. New York: John Wiley and Sons, Inc.,
- Madanipour, A. (1998). Social Exclusion & Space. In A. Madanipour, G. Cars & J. Allen (Eds.), *Social Exclusion in European Cities: Processes, Experiences, & Responses*. London: Jessica Kingsley.
- Madanipour, A. (2003). *Public and private spaces of the city*. London: Routledge.
- Mainardi Peron, E., Baroni, M. R., Job, R. a., & Salmaso, P. (1990). Effects of familiarity in recalling interiors and external places. *Journal of Environmental Psychology*, 10(3), 255-271.

- Malone, P. (1996). City, Capital, and Water: Introduction. In P. Malone (Ed.), *City, capital, and water* (pp. 1-14). New York: Routledge.
- Mann, R. (1973). *Rivers in the City*. Newton Abbot: David & Charles Ltd.
- Manshard, W., Morgan, W. B. . (1985). Agricultural Expansion and Pioneer Settlements in the Humid Tropics. Paper presented at the Resource Use of Frontiers and Pioneer Settlements in the Humid Tropics, 17-21 September 1985.
- Manzo, L. C. (2009). A search for social connection in America's town square: Times square and urban public life. *Southern communication journal*, 69, 1-21.
- Marshall, R. (2001a). Connection to the Waterfront: Vancouver and Sydney. In R. Marshall (Ed.), *Waterfronts in Post-industrial Cities* (pp. 17-38). London: Spon Press.
- Marshall, R. (2001b). Contemporary Urban Space-Making at the Water's Edge. In R. Marshall (Ed.), *Waterfronts in Post-industrial Cities* (pp. 3-14). London: Spon Press.
- Matthew, B. M., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis* (2 ed.). California: Sage Publication.
- McCalla, R. J. (1999). Global Change, Local Pain: Intermodal Seaport Terminals & Their Service Areas. *Journal of Transport Geography*, 7, 247-254.
- Meyer, H. (1999). *City & Port: Urban Planning as a Cultural Venture in London, Barcelona, New York & Rotterdam: Changing Relationships between Public Urban Space and Large-scale Infrastructure*. Utrecht: International Books.
- Mohamad, e. a. (2005). *Sungai & Pembangunan Tebing Sungai Bandar Malaysia (Rivers & The Development of Malaysian Urban River Corridors)*. Bangi, Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Montgomery, J. (1998). Making a city: Urbanity, vitality and urban design. *Journal of Urban Design*, 3(1), 254-281.

Morris, A. E. J. (1972). *History of Urban Form* (1st ed.). London: George Godwin Ltd.

Moughtin, C. (2003). *Urban Design: Street & Square* (3rd ed.). Oxford: Architectural Press.

Moughtin, J. C. (1992). *Urban design, street and square*. Oxford: Butterworth Press.

Mumford, L. (1961). *The City In History; Its Origins, Its Transformations, & Its Prospects*. London: Secker & Warburg.

Nasar, J. L. (1998). *The evaluative image of the city*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Norcliffe, G., Bassett, K., & Hoare, T. (1996). The Emergence of Postmodernism on The Urban Waterfront; Geographical Perspectives on Changing Relationships. *Journal of Transport Geography*, 4(2), 123-134.

Norberg-Schulz, C. (1980). *Genius loci: Towards a phenomenology in architecture*. New York: Rizzoli.

Nordin, H. (2004). *Malaysian history from Dutch sources: Two colonial port-town in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English - Penang*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.

Nursidah, U. (2007). Place attachment and users' perception of Kuala Lumpur city centre. Doctor Philosophy, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Oldenburg, R. (1989). *The great good place*. New York: Paragon.

Oldenburg, R. (1999). *The great good place: Cafes, coffee, shops, bookstores, bars, hair salons and other hang outs at the heart of community* (2 ed.). New York: Marlowe & Company.

Pellow, D. (1992). Spaces that teach. In I. Altman & S. Low (Eds.), *Place attachment*. New York: Plenum Press.

- Pinder, D., & Witherick, M. (1993). Port Industrialization, Urbanization & Wetland Loss. In M. Williams (Ed.), *Wetland: A Threatened Landscape* (pp. 234-266). Oxford: Blackwell Publishers.
- Proshansky, H. M., Fabian, A. K., & Kaminoff, R. (1983). Place-identity: Physical world socialization of the self. *Journal of Environmental Psychology*, 3, 57-83.
- Proshansky, H. M., Fabian, A. K., & Kaminoff, R. (1995). Place identity : Physical world socialisation of the self, giving place meaning In L. Groat (Ed.), *Readings in Environmental Psychology* (pp. 87-113). San Diego: Academic Press.
- Proshansky, H. M., Ittelson, W. H., & Rivlin, L. G. (1976). *Environmental psychology: People and their settings*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Punter, J., & Carmona, M. (1997). *The Design Dimension of Planning*. London: E&FN SPON.
- Ramsay, B. (2000). Urban design for communities of the future. Paper presented at the Seminar on Sarawak Cities of the Future, Sarawak Development Institute.
- Rapoport, A. (1977). *Human aspects of urban form: Towards man-environment approach to urban form and design*. Oxford: Pergamon Press.
- Rapoport, A. (1982). *The meaning of built environment: A nonverbal communication approach*. California: Sage Publication.
- Relph, E. (1976). *Place and placelessness*. London: Pion Publication.
- Rennick, L. K. (2003). *Process: A strategy for developing community life and place attachment.*, Virginia Polytechnic Institute, Unpublished MA Thesis.
- Riley, B. R. (1992). Attachment to the ordinary landscape. In I. Altman & S. Low (Eds.), *Place attachment*. New York: Plenum Press.
- Rose, G. (1995). Place and identity: A sense of place. In D. Massey & P. Jess (Eds.), *A place in the world: Place cultures and globalization*. Oxford: Oxford University Press.

- Rowley, A. (1994). Definitions of urban design: The nature and concerns of urban design. *Journal of Planning and Practice Research*, 9(3), 78-98.
